



# واريتن كلنتن

WARISAN KELANTAN

V



MONOGRAF PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN

# واريتن كلانتن

WARISAN KELANTAN

V

Diselenggarakan oleh  
Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh



Diterbitkan oleh:  
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan  
Istana Jahar  
Kota Bharu, Kelantan.

Ahli Jawatankuasa Penerbitan dan Publisiti  
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan

- Pengerusi : Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh  
Setiausaha : Haji Wan Ali bin Wan Ahmad  
Ahli : Haji Wan Zakaria bin Wan Ismail  
Abdullah bin Mohamed  
Jazamuddin Baharuddin  
Wakil Persatuan Sejarah Malaysia  
Cawangan Negeri Kelantan  
Pengarah Penerangan  
Negeri Kelantan
- Rekabentuk : Hassan Majid/Shahnan Abdullah

Cetakan Pertama 1986

© Hakcipta: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan

M  
959.512-1  
WPK

471549  
APB

dicetak oleh  
United Selangor Press Sdn. Bhd.,  
Kuala Lumpur.

# **Kandungan**

<b>IX</b>	<b>PRAKATA</b>
<b>XI</b>	<b>PENDAHULUAN</b>
<b>1</b>	<b>KELANTAN DALAM PERSPEKTIF SOSIO-BUDAYA</b> <i>A. Aziz Deraman</i>
<b>12</b>	<b>SETIAWAN BELIA</b> <i>Abdul Rahman Al-Ahmadi</i>
<b>29</b>	<b>YAVADVIPA: SUATU EMPAYAR BESAR YANG TELAH DILUPAKAN</b> <i>Abdullah bin Mohamed (Nakula)</i>
<b>76</b>	<b>SEJARAH MASUKNYA AL-QURAN KE KELANTAN</b> <i>Ismail bin Awang</i>
<b>84</b>	<b>TENTANGAN ORANG-ORANG MELAYU KELANTAN TERHADAP 'MALAYAN UNION'</b> <i>Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh</i>
<b>127</b>	<b>GAMBAR-GAMBAR WARISAN LAMA</b>
<b>139</b>	<b>BIODATA PENULIS</b>



Pendahuluan

## Prakata

Bismillahi rRahmani rRahim

**S**AYA bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izinNya Perbadanan Muzium Negeri Kelantan sekali lagi dapat menerbitkan monografinya yang bersempena pula dengan Perayaan Ulan Tahun Hari Keputeraan Yang Ketiga Puluh Enam Kebawah Duli Yang Mah Mulia Al-Sultan Kelantan Darulnaim.

Adalah diharapkan dengan penerbitan monograf "WARISAN KELANTAN" yang kelima ini akan memperkayakan lagi khazanah pengetahuan kita mengenai sejarah dan budaya negeri Kelantan Darulnaim. Disamping itu saya berharap lebih ramai lagi penulis, khususnya ahli-ahli dan peminat-peminat sejarah dan budaya Kelantan, akan menyumbangkan karya mereka kepada "WARISAN KELANTAN" di masa akan datang.

Akhir kata, bagi pihak Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Jawatankuasa Penerbitan dan Publisiti di atas usaha dan peranan yang dimainkannya bag menjayakan penerbitan "WARISAN KELANTAN" yang kelima ini.



(AHMAD RASTOM B. HJ. AHMAD MAHER)

Timbalan Menteri Besar merangkap  
Pengerusi,  
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan

Kota Bharu, Kelantan

Bertarikh: 13 Ogos 1986





## **Pendahuluan**

**M**ONOGRAF "WARISAN KELANTAN" bilangan Ke-V ini sekali lagi muncul menghidangkan lima rencana yang berkaitan dengan sejarah dan sosio-budaya Kelantan.

Dengan ini WARISAN KELANTAN telah lima kali diterbitkan oleh Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Adalah diperhatikan bahawa penulis-penulis rencana yang telah disiarkan oleh WARISAN KELANTAN setakat ini pada keseluruhannya terdiri daripada anak-anak Kelantan yang berada di luar negeri Kelantan khususnya di Kuala Lumpur. Kecuali saudara Abdullah bin Mohamed (Nakula), yang terus menerus memberi sumbangannya, belum ada lagi yang lain-lain dari kalangan anak-anak Kelantan di negeri Kelantan sendiri yang telah tampil turut memberi sumbangan kepada WARISAN KELANTAN.

Pada hemat kami adalah suatu perkara yang mustahil di negeri Kelantan sudah tiada lagi peminat-peminat sejarah dan budaya Kelantan dan penulis-penulis dari kalangan anak-anak Kelantan tempatan sama ada cendekiawan, ahli-ahli politik, pegawai-pegawai, guru-guru dan lain-lain yang berkemampuan memberi sumbangan mereka masing-masing kepada WARISAN KELANTAN mengenai apa sahaja perkara yang berkaitan dengan negeri Kelantan dan masyarakat negeri Kelantan.

Kami sangat berharap semoga seruan ini mendapat sambutan dari kalangan tempatan di Kelantan.

Ada banyak lagi topik atau aspek sejarah dan budaya Kelantan yang perlu dikaji, ditulis dan dibukukan.



**NIK MOHAMED BIN NIK MOHD SALLEH**

Pengerusi

Jawatankuasa Penerbitan dan Publisiti

Perbadanan Muzium Negeri Kelantan

17 Ogos 1986

The first part of the document discusses the importance of maintaining accurate records of all transactions. It emphasizes that every entry should be supported by a valid receipt or invoice. This not only helps in tracking expenses but also ensures compliance with tax regulations.

In the second section, the author provides a detailed breakdown of the company's revenue streams. This includes sales from various product lines and services. The data shows a steady increase in revenue over the past year, which is attributed to strategic marketing efforts and product diversification.

The third section focuses on the company's operational costs. It details the expenses related to production, distribution, and administrative functions. The analysis highlights areas where costs can be optimized without compromising the quality of the products or services.

Finally, the document concludes with a summary of the overall financial performance. It notes that while there have been challenges, the company has managed to maintain a healthy profit margin and a strong position in the market. The author expresses confidence in the company's future growth and success.

## **Kelantan Dalam Perspektif Sosio-Budaya**

**A. AZIZ DERAMAN**

**A**PABILA 'ambo' dihubungi oleh Ketua Jabatan Pengajian Melayu (JPM) Universiti Malaya<sup>1</sup> untuk membuat ucapan pengantar sempena pelancaran buku 'Kelantan Dalam Perspektif Sosio-Budaya: Satu Kumpulan Esei', berat rasanya hati 'ambo' hendak menolaknya. Pertama, 'ambo' tidak 'tegamok', maklumlah 'samo kito'. Kedua, cara beliau meminta, tidak memungkinkan 'ambo' mengatakan 'tok sir', sebab caranya adalah cara 'kiro becaro' dan 'caro baso' Kelantan. 'Ambo' terfikir juga, undangan itu mungkin kerana dirasakan elok sekali sekala, teman-teman sarjana dan masyarakat kampus mendengar pandangan orang di luarnya atau barangkali kerana secara kebetulan 'ambo anak Kelate' yang boleh diminta bercakap; tambah lagi 'lo-ni' memegang jawatan yang ada kaitan dengan tugas yang diberikan. "Kalu nok akak gak, pasal berkecek ni, ambo pon boleh tahe jugok!". Laksana kata orang tua-tua Kelantan: "Kito oghe Kelate. Maso mengaji kito mengaji. Maso kebaroh kito buak padi. Maso mmene kito mmene. Ikut musen. Serbo mokniko, kito buak belako. Pah tu gak, bia mula koho dok gilo". Di atas hasrat itulah saya gagahi untuk menerima undangan ini. Pendeknya, sambutlah jabat tahniah kepada JPM kerana kejayaan menerbitkan kumpulan esei-esei terpilih sumbangan para sarjana kita yang gigih dan terima kasih kerana undangan dan penghargaan terhadap saya.

Sewaktu kita sama-sama kecil dahulu, kita bermain, berpantun dan menyanyi. Lagu-lagu dialek daerah nyanyian kanak-kanak dan kadangkala pantun-pantun dikir barat yang kita hafal, sering kita laungkan sambil berjalan di batas bendang atau dalam suasana keriuhan bermain di bawah sinaran bulan mengambang. Diantaranya yang masih ada dalam ingatan saya, ialah:

<sup>1</sup> Penulisan ini adalah berdasarkan teks ucapan penghantar di Majlis pelancaran buku *Kelantan Dalam Perspektif Sosio-Budaya: Satu Kumpulan Esei*, siri penerbitan Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Bil. 3 pada 5 Februari 1986 di Rumah Universiti, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- a) To to tumbok  
to tumbok Mak Yong dider  
pecoh serakak  
pecoh semuo.
- b) aye kottik kok tak  
telo dale bate  
sanggo mak cik lipak  
suroh kak we sise  
  
sise kipah cino  
anak cino jatoh  
mano rumoh demo  
ambo oghe jaoh
- c) Cak kelepek kelepek kelepek  
buah berange lokoh kulek  
akak cerano tak dok tebaka  
ambek same kito balek
- d) Cak gol cok  
ambek cok gali ubi  
temu kayu bokok  
tepak kero meniti  
  
niti kero meniti  
sapa rumoh rajo  
rajo beradu lagi  
ambo royat cerito.

Demikian beberapa kutipan pantun kanak-kanak Kelantan. Jika diusahakan mengutip tentu akan kita dapati lebih banyak lagi dan boleh berguna bagi tatapan anak-anak sekarang. Hal yang penting bukan sekadar melagukan pantun-pantun itu dalam nyanyian sewaktu anak-anak bersukaria bermain, tetapi terselatnya unsur-unsur pendidikan, penyatuan sosial dan pembinaan sikap mulia. Nilai-nilai sosio-budaya secara tidak langsung ditanam melalui perhubungan semenjak mereka masih kecil lagi, disamping mendorong daya kreatif dan dedikasi yang baik. Lagu-lagu itu mengajar mereka sikap kesatuan, duduk sama rendah berdiri sama tinggi atau kesediaan berkorban meskipun mungkin musnah bersama seperti pantun (a) nilai kerjasama dan bantu membantu, menyadari siapa di sekeliling kita, panggilan hormat dan keperluan dalam perantauan supaya jangan malu berkayuh perahu hanyut, seperti pantun (b), nilai budi bahasa tuan rumah bagaimana melayan tetamu, jangan sampai tetamu mohon diri pulang seperti (c) dan nilai-nilai kepatuhan atau kesetiaan dalam melaksanakan tugas setelah arahan tepat dinyatakan seperti pantun (d). Sambil berpantun, sambil menyanyi anak-anak juga dituntut mengenali kesenian sendiri seperti Mak Yong, memanggil hormat kepada yang dewasa seperti mak cik, kak we, mengenali peralatan hidup seperti cerana, saman,

cangkul, mengenali buah-buahan tempatan seperti berangan, haiwan seperti kera, bahasa diraja seperti beradu dan menyedari kedudukan institusi raja dalam budaya. Contoh ini merupakan sebahagian sahaja dari warisan rakyat Kelantan. Hampir-hampir keseluruhan tata kehidupan sosio-budayanya terjelma dalam warisan tradisi keilmuan, persuratan, kesenian seperti seni tampak atau seni halus, senibina, seni persembahan, permainan rakyat, seni mempertahankan diri (silat), adat resam dan dalam segala tradisi kehidupan yang lain di sekitar sejarahnya yang panjang, perkembangan politik, kemajuan ekonomi, bahasa, kesusasteraan, agama dan kesatuan sosio-budaya.

## II

Kelantan sejak lama mampu menghadapi ujian dengan struktur sosio-budayanya sukar bergoyang dalam perubahan. Keperibadiannya tersendiri, sehingga menarik Timur dan Barat untuk menyelidik. Keunikannya bukan semata-mata kerana loghat Kelantan, tetapi lebih jauh dari itu. Kita sebutkan saja apa bidangnya, Kelantan punyai segala. Dalam kesegalaan itulah Kelantan hidup dan berkembang dalam lingkungan masyarakat dan budaya Melayu yang lebih luas. Kelantan juga mampu mewakili sebahagian wajah kebudayaan dan tamadun Melayu di Alam Melayu atau Dunia Melayunya. Kita bersama boleh merenungi, mengkaji dan menyentuh apa saja dalam penyelidikan dan penulisan kita tentang Kelantan. Kita boleh, umpamanya menulis tentang Kelantan sebagai pusat perkembangan agama Islam dan sistem pendidikan pondoknya atau Kelantan sebagai gedung kesenian malahan sehingga kepada bidang-bidang bahasa, sejarah, ekonomi, masyarakat, politik, kesusasteraan sebagaimana yang disebut di atas tadi dan kepada bidang-bidang khusus yang lebih terperinci. Soalnya kemahuan kita sahaja untuk duduk, mengkaji, mengulas, menghurai dan memaparkan ilmu kepangkuan masyarakat, sesuai dengan taraf dan cita-cita kesarjanaan bangsa. Kerja-kerja sedemikian harus kita lakukan bersama, mungkin tidak hanya untuk Kelantan tetapi meluasi segala ceruk penjuru warisan kebudayaan rumpun kita. Cuma, kita mesti bermula, meskipun dari tapak mana yang kita pilihnya.

Kelantan, sebuah negeri yang terkenal sebagai lubuk budaya, pusat pengajian dan pemancaran Islam dan pusat tradisi intelektualisme yang kokoh zaman berzaman. Dari sebuah negara yang berkembang dalam sejarahnya, sebelum gelaran Tanah Serendah Sekebun Bunga sehingga mendapat jolokan negeri Cik Siti Wan Kembang bahkan sampai ke masa ini, apapun nama timangannya, kesimpulan yang selalu kita ambil bahawa Kelantan merupakan taman citra (imej) yang punya identiti dan tegak memperlihatkan wajahnya. Nama Cik Siti Wan Kembang mengingatkan dan membayangkan kita kepada lahirnya seorang tokoh ratu perempuan yang 'comel', yang serba boleh, tangkas dan bijak dalam pemerintahan dan pentadbiran negara. Kelantan dalam nama timangannya, itulah bersua dan melahirkan tokoh-tokoh besar ulama, budayawan, seniman, pentadbir, cendekiawan, pemikir, penulis dan tokoh-tokoh kecil yang bertaburan memainkan peranan di bidang masing-masing di segenap ceruk rantau desanya. Tokoh-tokoh ulama Kelantan

adalah juga tokoh-tokoh kebudayaan. Peranan mereka adalah peranan agama dan kebudayaan, tanpa memisahkan diantara keduanya. Keutuhan kegiatan kebudayaan dan tradisi keilmuan pada penghujung abad Ke-19 melahirkan penulis dari kalangan ulama, diantaranya Haji Abdul Samad bin Muhammad Salleh al-Kelantani (Tuan Tabal), Haji Wan Ali bin Abdul Rahman al-Kelantani, Haji Omar Ismail Nuruddin, Haji Mohd. Yusof Ahmad al-Kenali (Tok Kenali), Haji Wan Musa Haji Abdul Samad, Haji Muhammad bin Haji Muhd. Said dan ramai lagi.<sup>2</sup> Di dalam pemerintahan dan pentadbiran negeri, tokoh pentadbir terkenal Hj Nik Mahmood Hj. Ismail, Dato Perdana Menteri Paduka Raja, adalah seorang pentadbir yang bijaksana dan pandai. Beliau pernah mengendalikan kes perbicaraan Kelantan dengan Kerajaan Inggeris di Privy Council London tentang hak konsesi Kelantan terhadap Duff Company. Seorang lagi yang terkenal, Dato Laksamana Hj Muhammad Hj Muhd Said bukan sahaja seorang ulama dan pentadbir bahkan cendekiawan yang membuah hasil-hasil karya dan fikiran-fikiran yang kekal dapat kita baca hari ini. Sementara itu tokoh sasterawan dan budayawan seperti Abdul Kadir Adabi dan Asaad Syukri merupakan dwi tunggal yakni "dua dalam satu" di bidang penulisan dan penerbitan di Kelantan.<sup>3</sup> Kelantan telah melahirkan ramai lagi penulis-penulis kreatif seangkatan dengan mereka dan yang lahir pada dekad-dekad terkemudian.

Suatu masa dahulu, Kelantan dikunjungi pelajar-pelajar yang datang berguru dari segala ceruk Alam Melayu. Mereka datang dari beberapa wilayah Indonesia, Kemboja, Siam, Laos dan Tanah Melayu sendiri, menetap sambil menghirup ilmu dan kemudiannya pulang menyalurkannya di mana sahaja tempat yang dituju. Hal ini tidak aneh sama sekali, kerana Kelantan mengambil sikap selayaknya sebagai negeri pusat pengajian dan sistem pendidikan pondoknya yang berkembang dan dibangunkan.<sup>4</sup> Kita juga

- 2 Lihat Abdul Rahman Al-Ahmadi, *Pengantar Sastra*, Pustaka Aman, Kota Bharu, 1966 hlm. 158—169; *Tokoh dan Pokok Pemikiran Tok Kenali*, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Kuala Lumpur 1983, hlm. 3; "Beberapa Cendekiawan Islam Nusantara" ceramah beliau di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 27 Oktober 1976; dan lihat juga Nik Abdul Aziz b. Hj. Nik Hassan, 'Sejarah Perkembangan Ulama Kelantan', Pustaka Aman, Kota Bharu 1977.
- 3 Lihat Abdul Rahman Al-Ahmadi, 'Satu Kajian dan Perbandingan Riwayat Hidup Kadir Adabi Dengan Asaad Shukri' Tesis Sarjana, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1978.
- 4 Di Kelantan setelah institusi pondok muncul di pertengahan abad Ke-19 Masih dan berkembang luas kemudiannya, pondok menjadi institusi perubahan dan kemajuan masyarakat yang penting. Para ulama anak negeri dan tuan-tuan guru menggerakkan pengajaran bahkan memberikan kepimpinan, nasihat dan pakar rujuk. Lihat Mohamad Abu Bakar 'Ulama Pondok dan Politik Kepartian di Malaysia 1945—1985' hlm. 92—95; Shafie Abu Bakar 'Institusi Pondok dan Kesan Pendidikan Di zaman Islam', kertas kerja Muzakarah 'Institusi Pondok Sebagai Benteng Tradisi Islam', Kedah 4—5 Disember 1984, hlm. 5; Uthman El-Muhammady 'Pondok Education As Indigenous Education' Jurnal Pendidikan Islam, Januari 1984 hlm. 54—55; dan Robert L. Winzeler 'Traditional Islamic Schools in Kelantan' *Journal Malaysian Branch Royal Asiatic Society (JMBRAS)* vol. XLIII Pt. 1, 1975 hlm. 92—99; dan William R. Roff 'Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State', Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1974. Lihat Abdul Rahman Al-Ahmadi, 'Kelantan Pusat Pemancaran Islam Di Zaman Dahulu' *Mingguan Kota Bharu*, 19 Dis. 1968 dan (1983) op. cit. hlm. 43—44; Abdul Rashid Hj. Ahmad, 'Kedudukan Pondok Dalam Masyarakat Di Kelantan', latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur 1966; Nik Abdul Aziz b. Hj. Nik Hasan, 'Islam Di Kelantan' Kuala Lumpur 1983; Khoo Kay Kim (ed) 'Beberapa Aspek Warisan Kelantan', Monograf Perbadanan Muzium Negeri Kelantan II, Kota Bharu, 1982; Ihsan Hardiwijaya Ibgaga 'Ulama Dan Sistem Pondok Di Kelantan Abad Ke-19', *Majalah Dian*, Mei 1979; dan Ismail Awang 'Pengajian dan Pengajaran Al-Quran Di Kelantan Selepas Merdeka' Tesis Sarjana, Jabatan Quran dan Sunnah, Univesiti Kebangsaan Malaysia, 1983, Bangi, Selangor.

dapat membayangkan betapa ramainya tokoh-tokoh ulama dan perguruan di pelbagai pusat pengajian tadi. Tradisi ilmu terus dimajukan. Semangat dan tunjangan tradisi keilmuan sebagai warisan zaman itu mendapat perhatian DYMM Sultan Mohammad IV yang pernah menitahkan pada 24 Disember 1915 supaya rakyat Kelantan menyambut seruan Kerajaan untuk memajukan negeri dalam semua lapangan dan menjadikan Kelantan sebagai asas kemajuan yang membawa rakyatnya kepada "mengkhidmatkan diri untuk faedah bangsa, nusa dan agama".<sup>5</sup> Kesan titah ucapan itu, melahirkan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan pada tahun 1915 dan Madrasah Muhammadiyah pada tahun 1917 serta Masjid Al-Muhammadi. Lahirnya ketiga-tiga institusi ini menjadikan Kelantan bukan sahaja sebagai pusat pentadbiran dan politik bahkan juga pusat pengajian dan penyebaran ilmu agama. Titah ucapan Al-Sultan Kelantan itu juga merupakan satu restorasi kemajuan Kelantan sehingga membuka satu perspektif baru dalam mengejar kemajuan jasmaniah (fizikal) dan rohaniah (mental) putera-puteri Kelantan.

Kemajuan dan perkembangan baru Kelantan abad ke-20 telah menarik ramai orang melakukan penyelidikan mengenainya. Tidak juga aneh apabila Dr. Denys Lombard dari Universiti Sorbonne, Paris seorang sarjana asing mengatakan bahawa dari apa yang dilihatnya terhadap sumbangan putera-puteri Kelantan semenjak tahun 1917 sehingga Perang Dunia Ke-II terhadap pembangunan ekonomi, kesenian, kebudayaan, agama, bahasa, sastera dan sebagainya di Malaysia, Kelantan dapat disamakan dengan sumbangan putera-puteri Minangkabau terhadap kemajuan bangsa Indonesia.<sup>6</sup> Allahyarham Za'aba pernah suatu ketika mempunyai cadangan untuk menggambarkan negatifnya kemajuan Kelantan dari segi mental dan intelektualisme yakni perihal tertinggalnya Kelantan dalam semua lapangan, sewaktu lawatan beliau ke Kelantan dalam tahun 1928. Bagaimanapun secara diam-diam beliau menyatakan kekaguman dengan suasana pendidikan waktu itu, lalu beliau membatalkan rancangannya menulis hal Kelantan sekitar tahun 20-an itu dalam Majalah 'Pengasuh'.<sup>7</sup> Allahyarham Za'aba semasa di Kelantan dalam tahun yang sama telah menemui Abdul Kadir Adabi, Asaad Syukri, Ahmad Asasiah seorang Pengarang terkenal waktu itu dan tokoh-tokoh lain. Beliau juga berkenalan dengan Tuan Guru Hj. Mohd. Yusof Ahmad Al-Kenali (Tok Kenali). Dalam pertemuan-pertemuan itu, Za'aba seolah-olah agak terkejut dan mendapati betapa bezanya gambaran fikirannya sebelum ini mengenai maju mundurnya Kelantan. Apa yang dilihatnya dan apa yang terhasil dari pertemuan dengan tokoh-tokoh cendekiawan itu, ternyata Kelantan lebih baik dan lebih maju berbanding dengan beberapa negeri lain di sebelah barat Tanah Melayu khususnya di bidang pengajian agama Islam.

Permulaan abad Ke-20 juga, berbanding dengan negeri-negeri lain di

5 Abdul Rahman Al-Ahmadi (1983) op. cit., hlm. 6—9.

6 Abdul Rahman Al-Ahmadi "Catatan Sepintas lalu — Beberapa Perbandingan Antara Kelantan-Minangkabau", Kertas kerja Seminar Kebudayaan Minangkabau 1985, Bukit Tinggi, Sumatera Barat, 20 Ogos 1985. Juga diterbitkan dalam 'Warisan Kelantan IV', monograf Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 1985.

7 Abdul Rahman Al-Ahmadi (1983) op. cit., hlm. 91.



Semenanjung, peranan Kelantan agak menonjol di bidang penerbitan dan percetakan, suatu hal yang menunjukkan Kelantan tidak ketinggalan mengejar kemajuan. Percetakan muncul, tidak lain sebagai usaha menampung karya-karya tempatan yang banyak dihasilkan oleh rakyatnya sendiri. Tahun-tahun 1918 hingga 1937, ditandai oleh adanya sebanyak 11 majalah terbitan Kelantan dan menjadikan Kelantan menduduki tangga kelima di bidang ini.<sup>8</sup> Lanjutan tradisi ilmunya terus bersambung dengan adanya pusat pengajian dan pengembangan ilmu. Dalam satu catatan, terdapat sebuah naskah tentang peperangan saudara di Kelantan karangan Neng Rumek, yang menandakan sudah pula lahirnya seorang tokoh pengarang wanita sekitar 1880-an. Suatu hal yang amat menarik lagi ialah usaha pengumpulan hasil-hasil kesusasteraan Melayu Alam Melayu yang dilakukan di kalangan Istana Kelantan. Buku-buku itu dikumpul dari carian serata wilayah dan pulau, dari Sumatera, Jawa dan Sulawesi bahkan sampai ke kepulauan Nusa Tenggara. Salah seorang dari keluarga istana yang terkenal dalam kerja-kerja koleksi ini ialah YM Tengku Khalid bin Tengku Chik Tuan Abdullah. Didapati usaha mengumpul dan menyimpan manuskrip Melayu dari serata kepulauan Melayu ini merupakan suatu tradisi kerja yang turun temurun dilakukan di kalangan keluarga diraja dan rakyat awam. Bukti 'Hikayat Hang Tuah' cetakan Dewan Bahasa dan Pustaka yang ditemui di Kelantan menunjukkan bahawa koleksi manuskrip Melayu sudah sememangnya wujud di Kelantan. Suatu masa pernah hasil koleksi serupa itu dihadiahkan kepada Abdullah Munsyi oleh seorang pembesar Kelantan dalam akhir abad Ke-19. Abdullah Munsyi pernah menerimanya dalam bungkusan yang besar dan barangkali koleksi itu yang diserahkan Abdullah kepada Raffles di Singapura.

### III

Kelantan boleh juga dilihat dalam kajian perbandingan. Cara melihat begini akan menggambarkan luas sempitnya hubungan dan miskin kayanya warisan sosio-budaya Kelantan dengan wilayah lain di Alam Melayu. Kelantan boleh diperhatikan sebagai pusat keilmuan dan kebudayaan serantau dalam lingkungan ilmu alam, sejarah, dan politiknya. Kebudayaan tradisi Kelantan kelihatan terpancar sebagaimana terserlahnya tradisi Jawa, Aceh dan Minangkabau. Kalau Jawa mewarisi kesenian, maka dapat dilihat kewujudan yang sama dalam senibudaya Kelantan. Warisan kesenian tradisi rakyat dan etnik Kelantan seperti Mak Yong, Wayang Kulit, kemahiran perusahaan songket, membatik, ukir mengukir, perusahaan tembaga dan perak, permainan rakyat dan sebagainya meletakkan kesamaan tarafnya (jika

8 Di antara tahun 1918—1941, sebanyak 12 buah akhbar dan majalah telah diterbitkan iaitu 11 buah di Kota Bharu dan sebuah di Pasir Puteh. Akhbar dan majalah yang diterbitkan di Kota Bharu sebelum Perang Dunia II ialah *Pengasuh* (Julai 1918 hingga sekarang), *Al-Kitab* (September ? — November 1920), *Al-Hedayah* (Jun 1923 — Februari 1926), *Putera* (Okt 1929 — ?), Majalah *Al-Kamariah* (Januari 1930 — ?), *Kencana* (April 1934 — ? 1931), *Suara* (Mac 1931 — ?), *Al-Hikmah* (April 1934 — ? 1941), *Sinaran Kelantan* (Jun 1938), *Al-Riwayat* (November 1938—1939), *Cetera Kelantan* (1941 ?) dan *Terok* (Mac 1927 — ?) sebuah lagi majalah yang diterbitkan di Pasir Puteh. Lihat Abdul Rahman Al-Ahmadi, *Kelantan Sebagai Pusat Kesusasteraan Melayu Yang Ulung*, *Dewan Bahasa*, Disember 1972; dan juga *Notes Towards a History of Malay Periodicals in Kelantan* dalam 'Kelantan; Religion, Society and Politics in a Malay State' oleh William R. Roff (ed.), Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1974, hlm. 170—189.

tidak lebih) dengan Jawa dan beberapa wilayah Indonesia dan bagian-bagian lain Alam Melayu. Kalau warisan alam di luarnya tidak dalam setiap bidang, sebaliknya kesemua kesenian itu diwarisi dan ditampung oleh Kelantan. Jangkauan hubungan Kelantan dalam sejarah dengan wilayah seperti Aceh, Minangkabau, Johor, Sulawesi, Kalimantan bahkan sehingga ke Pulau Sumbawa memautkan sifat-sifat perhubungan agama, dagang, politik, budaya dan sastera. Sekadar menyebut kalau Aceh dikenali sebagai 'Serambi Mekah', maka gelaran itu jua yang dirujuk kepada Kelantan. Kelantan, adalah negeri 'Serambi Mekah' adalah 'Tanah Serendah Sekebun Bunga', adalah negeri 'Cik Siti Wan Kembang' atau adalah Kelantan 'Darul Naim'. Kalau Jawa, dikatakan pusat kebudayaan yang berhasil mengaduni unsur-unsur budaya asal dan agama, dihayati oleh para pembesarnya dan melibatkan para ulama-ulama seperti Wali Sembilan (Wali Songo), maka hal yang demikian jua terjadi dan terdapat di Kelantan. Justru itu Kelantan mendokongi agama dan kebudayaan sekali gus yang mana sifat-sifat dan kesinambungan sedemikian menjadi lumrah di wilayah-wilayah yang mendorong kemajuan dan perkembangan agama dan budaya secara bersama seperti di Aceh, di Minangkabau, di Jawa dan di daerah-daerah utara Semenanjung dan Patani. Di mana agama bertunjang di situ kebudayaan berkembang, tidak terketepi tetapi dalam suatu kesatuan.

Watak Kelantan sering dikaitkan sebagai watak dinamis. Dinamismanya terjelma dalam segala lapangan, kehidupan sosio-budaya, politik dan ekonomi. Di dalam kesenian sekalipun, cita-cita senimannya adalah kearah tahap yang sebaik mungkin dan secemerlang yang mungkin. Tujuannya adalah bagi meletakkan makna dan mencapai kesempurnaan. Psikologi rakyatnya diserlah melalui manifestasi perlumbaan dalam segala segi dengan jiwa rohani budiman tanpa merosakkan. Unsur-unsur negatif dan di luar tradisi hanya muncul dari pengaruh-pengaruh luar yang tidak bertunjang kepada keislaman atau kebudayaan. Anak-anak kecil dari bermain, 'berlaga kemucut', setelah dewasa menunjukkan ketangkasan dan kebolehan 'bersilat' di gelanggang dan menghasilkan seindah-indah motif dalam 'ukiran'. Si puteri beradu bermain 'selampit' atau kepandaian bermain 'congkak' sehingga berlawan "sedap" membuat 'koleh ubi' jualan setelah dewasa. Semangat berlawan, berlumba dan bertanding ini jelas terdapat dalam kesenian tradisi rakyat dikir barat, rebana ubi, gasing, wau, kertok, lumba perahu dan bentuk-bentuk peraduan lain. Kesannya mereka juga berlumba dalam lapangan ekonomi dan mempunyai sikap yang sesuai dengan arah pembangunan baru negara. Jiwa perdagangan dan perusahaan sudah lama sebati di kalangan mereka. Demikian halnya penglibatan wanita Kelantan secara cergas dan bersaing dalam segala lapangan dengan lelaki. Dalam persaingan yang sihat nilai-nilai kerjasama, muafakat dan gotong-royong kekal berpanjangan dan dimanifestasikan melalui institusi-institusi tertentu dalam kegiatan sosio-ekonomi dan sosio-budaya rakyatnya. Mengenai dinamisme dan keberanian, A. Kadir Adabi<sup>9</sup> (Pengasuh, 21 November 1930) mengingatkan:

<sup>9</sup> Abdul Rahman Al-Ahmadi (1978) op. cit., hlm. 79.

"Sudah barang tentu menjadi jurnalis itu dikehendaki berdarah daging dan lagi rela meletakkan lehernya kepada pedang pemenggal dan berani mendedahkan dada pada senjata seteru, kalau tidak begitu bukalah baju jurnalisnya dan cabut daripada badannya itu dan jangan dipakai lagi, supaya jangan mengotorkan nama yang baik.

Orang yang tidak tunggal hatinya lagi tidak berani menghadapi nyawa dan badannya maka janganlah ia bermimpipun hendak masuk dalam gelanggang jurnalis, kerana rahsia orang yang ada di medan ini duduk di tengah-tengah api yang menyala, jikalau tidak diselar oleh pucuk apipun bahawa panas itu tentu sekali dirasainya, hal ini tak padan dengan kekuatan hati yang tidak sebenar laki-laki, tiada harga dirinya masuk ke dalam ini darjat lain daripada semata-mata masuk ke dalam gelanggang merbahaya dan bala ke atas dirinya.

Jurnalis itu opsir, apakala tentera bermegah-megah dengan senjata mengalahkan seterusnya, maka kemegahan jurnalis Qalamnya. Dalam adat perang opsir itulah mengetuai perang itu, kalau askar habis lari patut ia melawan terus hingga hilang nyawanya, begitu juga jurnalis hendaklah ia setunggal-tunggal hati dan setetap-tetap laki-laki, jangan terganjak serambutpun dan hendaklah ia mara kehadapan hingga jaya dalam setiap langkah dan jika kemalangan menjadi termudarat kepada jasad atau nyawanya, maka itulah kemalangan di medan kehormatan."

Nilai-nilai positif dan progresif ini tersemat mendalam di jiwa para seniman, pendidik, karyawan, peniaga, pedagang dan siapa jua rakyatnya yang mahu mencapai kemajuan. Kadangkala tidaklah menghairankan apabila melalui hasil karya mereka, terselit unsur-unsur falsafah dan pemikiran yang kuat.

Sekiranya dibandingkan, hubungan dinamisme Kelantan-Minangkabau, bukan sahaja dari segi wataknya, tetapi hubungan bahasa dan budaya. Istilah pitih, ambo, sawo nilo atau gaya sebutan dialek menyamai antara keduanya dalam pengertian yang sama apabila digunakan. Cerita Awang Selamat, Puteri Saadong, Cik Siti Wan Kembang mengingatkan kita Cerita Bujang Selamat dalam Bonda Kandong dan Puteri Saadong kepada cerita Sabai Nan Aluih di mana Saadon Saribai mengalami kematian suami seperti yang pernah dialami Puteri Saadong. Tokoh Cik Siti Wan Kembang sebagai seorang ratu yang memerintah dengan adil dan saksama itu, mengingatkan kita pula kepada Bonda Kandong di Minangkabau tadi. Kedua-duanya adalah gambaran ketangkasan watak dan kewibawaan raja perempuan. Manakala Kelantan-Sulawesi, selain dari mewarisi jiwa pelaut, keahlian dalam pelayaran dan perdagangan mempunyai persamaan istilah bahasa yang digunakan diantara keduanya. Istilah 'siri' bagi orang Bugis-Makassar membawa makna prestasi diri, mertabat diri dan dalam pengertian pelayaran bermaksud meninggalkan kampung halaman bagi mengukuhkan wibawa diri. Hal yang sama terdapat dalam istilah 'Siri' di Kelantan, juga bagi orang yang suka mengembara jauh di luar batas kampung halaman untuk melengkapkan diri.<sup>10</sup> Kesemua yang dinyatakan di atas, sekadar merupakan gambaran sekilas pandang Kelantan dalam budayanya, sebagai pusat pengajian dan ilmu, pemikiran, jiwa dan peranannya dalam penyebaran Islam. Kalau kita meneruskan usaha, lebih banyak lagi bahan akan diperolehi dan dibentangkan semula untuk tatapan faedah masyarakat dan bangsa Malaysia.

10 Lihat Abdul Rahman Al-Ahmedi '*Sejauh manakah Kebudayaan Tradisi Kelantan Mempunyai Pengaruh Spiritual dan Apakah kepentingannya terhadap konsep hidup berkomuniti*', kertas kerja Minggu Kesenian Kelantan anjuran Asrama Za'aba, Universiti Malaya 1-7 September 1985 dan lihat juga '*Sejarah Hubungan Kelantan — Patani dengan Sulawesi Selatan*' dlm. *Warisan Kelantan III*, Monograf Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 1984.

#### IV

Pemerhatian seluruhnya memberikan saya kesimpulan-kesimpulan bahawa Kelantan memiliki tradisi tersendiri dengan mewarisi keperibadian dan menunjangi bidang keilmuan dan pemikiran yang sukar ditandingi. Apa yang amat penting ialah kebudayaan dan agama tidak terpisah apabila dibina. Kesedaran dan keinsafan bersama sahaja memungkinkan kerja-kerja besar dapat dibuat dan bisa terlaksana. (Kumpulan esei-esei yang termuat dalam 'Kelantan Dalam Perspektif Sosio-Budaya', terbitan Jabatan Pengajian Melayu (UM) menandakan seorak langkah lagi usaha dokumentasi dan penyebaran ilmu. Di dalamnya termuat bahan dan fikiran yang memungkinkan kajian lanjut yang lebih mendalam sama ada berasaskan seseorang tokoh atau bidang sosio-budaya lain semestinya dilakukan tanpa terpisah daripada pengajian masyarakat dan budaya Melayu yang lebih luas).

Sekadar menyebut pula kebetulan saya anak yang dilahirkan di Pasir Puteh, agak merasa bangga bahawa sebelum Perang Dunia II, kira-kira tahun 1927, telah diterbitkan sebuah majalah di sana, yang dinamakan 'Terok'. Penerbitan dan kerja penulisan kreatif bersambung pula dengan sebuah organisasi penulis PUSPA (Persatuan Penulis-penulis dan Peminat Sastera Pasir Puteh) yang ditubuhkan pada tahun 1971. Di sini bukanlah niat saya 'nok menyohor', tetapi satu hal yang dapat kita rasakan bagaimana sebuah daerah kecil mampu menyatukan tenaga dan menghasilkan aneka jenis karya. Citranya menunjukkan betapa gigihnya sekelompok masyarakat Kelantan yang nantinya terjumlah dalam kelompok terbanyak yang lain membina persatuan dan kesatuan Kelantan. Masing-masing kelompok ada tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Sesungguhnya aneka jenis karya dan kehidupan sosio-budaya Kelantan sejak dari dahulu, dengan tumbuhnya percetakan di Kota Bharu sebelum Perang Dunia Ke-II, banyaknya majalah dan akhbar diterbitkan, berbagai jenis buku dan kitab yang dikarang serta dikeluarkan, ramainya tokoh penulis ulama, pentadbir, pemikir, seniman, budayawan dan pendokong kehidupan di Kelantan, menandakan sifat-sifat dinamisme Kelantan itu terus kekal dijunjagi. Sifat-sifat jiwarohani dalam persaingan sihat, jiwa berlumba atau 'berbadi' atau 'bertewah', inisiatif yang selektif menjadikan Kelantan negeri ilmu dan wadah fikiran mewariskan kesenian dan kebudayaan tanpa meninggalkan cita-cita kemanusiaan dan pegangan ketuhanan yang kukuh. Maka dalam mencapai kelebihan dengan kemenangan, tentulah melalui amalan dan kebajikan, sehingga hasil perjuangan itu adalah kesan-kesan dari perubahan yang baik. Allahyarham Tok Kenali<sup>11</sup> bermadah:

"Tiada hari bagi kita  
jika kita tidak bergerak pada hari ini  
cubalah anak ku tilik cerah matahari  
kelebihan orang yang telah dapat kemenangan  
kerana amalan yang kebajikan  
dan pandangan kelam orang yang jatuh  
kerana amalan kejahatan

11 Abdul Rahman Al-Ahmadi, (1983) hlm. 96 dan 106.

disitulah Pengasuh bertimpus membedak  
dengan bedak harapan  
mudah-mudahan subur sekalian  
dengan darah dan daging  
yang boleh mengkhidmatkan tanahair  
dan menunjukkan kepada raja.

(Kemanusiaan)

Aku ini kuda medan ini  
menjadi kikit sasaran penembak  
Beranilah aku menceburkan diri  
dalam lautan api yang bernyala-nyala  
Tiada puas hati ku mati sebelum melihat  
perubahan baru yang cluk.

(Seruan)

Akhirnya, saya cuma mengharapkan warisan tradisi ilmu dan pemikiran berkembang menjadi tradisi utama kebudayaan bangsa kita, disamping kita tidak melupai keperluan pembangunan pelbagai bidang kehidupan sosio-budaya. Sesuai pula dengan sifat dan watak Melayu yang sentiasa terbuka, maka sikap kita di zaman ini mestilah juga terbuka, meneruskan usaha, meskipun menyesuaikan diri tetapi tanpa mengorbankan hak budaya kita, semoga apa jua perubahan-perubahan yang akan kita lakukan dan berlaku, merupakan sebenar-benarnya unsur yang kita sedia menerimanya dengan kemahuan kita sendiri demi pembinaan kembali tamadun Melayu.

Maaf, kalau saya terlalu memuji Kelantan.

## Bibliografi

1. Abdul Rahman Al-Ahmadi, "*Pengantar Sastera*", Pustaka Aman Press, Kota Bharu, 1966.
2. "*Tokoh dan Pokok Pemikiran Tok Kenali*", Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kuala Lumpur, 1983.
3. A. Aziz Deraman, "*Beberapa Cendekiawan Islam Nusantara*" (ceramah di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya pada 27 Oktober 1976).
4. Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan, "*Sejarah Perkembangan Ulama Kelantan*" Pustaka Aman Press, Kuala Lumpur, 1977.
5. Abdul Rahman Al-Ahmadi, "*Satu Kajian dan Perbandingan Riwayat Hidup Kadir Adabi Dengan Asaad Shukri*" Tesis Sarjana, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1978.
6. Mohamad Abu Bakar, "*Ulama Pondok dan Politik Kepartian di Malaysia 1945-1985*", Kertas kerja muzakarah "Institusi Pondok Sebagai Benteng Tradisi Islam", Alor Star, Kedah pada 4—5 Disember 1984.
7. Shafie Abu Bakar, "*Institusi Pondok dan Kesan Pendidikan Di Zaman Silam*", Kertas kerja muzakarah "Institusi Pondok Sebagai Benteng Tradisi Islam", Alor Star, Kedah pada 4—5 Disember 1984.
8. Uthman El-Muhammady, "*Pondok Education As Indigenous Education*" dalam Journal "Pendidikan Islam", Januari 1984.

9. Robert L. Winzeler, "*Traditional Islamic Schools in Kelantan*", dalam *Journal Malaysian Branch Royal Asiatic Society (JMBRAS)* Vol. XVIII, Part 1, 1975.
10. William R. Roff dan lain-lain, "*Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State*", Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1974.
11. Abdul Rahman Al-Ahmadi, "*Kelantan Pusat Pemancaran Islam di Zaman Dahulu*" dalam *Mingguan Kota Bharu*, 19 Disember 1968.
12. Abdul Rashid Haji Ahmad, "*Kedudukan Pondok dalam Masyarakat Di Kelantan*", latihan ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1966.
13. Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan, "*Islam Di Kelantan*" Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1983.
14. Khoo Kay Kim, "*Beberapa Aspek Warisan Kelantan*", monograf bilangan 2 Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Kota Bharu, 1982. Monograf ini mengandungi rencana-rencana berikut: "*Pendidikan Islam Di Kelantan*", oleh Abdul Halim Ahmad; "*Aspek-aspek Budaya-Ekonomi Masyarakat Kelantan Sebelum 1909*" oleh Zaidi Saidi Ibrahim; "*Hiburan Tradisional Kelantan*", oleh Hamidah bt. Yaacob; "*Perkembangan Seni Ukir*", oleh Mustapha bin Mohamad; "*Main Peteri: Satu Cara Perubatan Tradisi*", oleh Zahari bin Daud; "*Puteri Sa'adong dan Sejarah Kota Jelasin*", oleh Mohamad Noordin bin Awang; dan "*Kadok: Satu Kajian Ringkas*", oleh Abdul Aziz Ismail.
15. Ihsan Hardiwijaya Ibagu, "*Ulama Dan Sistem Pondok Di Kelantan Abad Ke-19*", majallah "Dian", Mei 1979.
16. Ismail Awang, "*Pengajian dan Pengajaran Al-Quran Di Kelantan Selepas Merdeka*", Tesis Sarjana, Jabatan Quran dan Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1983.
17. Abdul Rahman Al-Ahmadi, "*Catatan Sepintas Lalu Beberapa Perbandingan Antara Kelantan-Minangkabau*". Kertas kerja Seminar Kebudayaan Minangkabau 1985, di Bukit Tinggi, Sumatera Barat, pada 20 Ogos 1985. Juga tersiar dalam "WARISAN KELANTAN" bilangan Ke-4, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Kota Bharu, 1985.
18. Abdul Rahman Al-Ahmadi, "*Kelantan Sebagai Pusat Kesusasteraan Melayu Yang Ulung*" dalam "Dewan Bahasa", Disember 1972.
19. Abdul Rahman Al-Ahmadi, "*Notes Toward A History of Malay Periodicals in Kelantan*" dalam "Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State" editan William R. Roff, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1974.
20. Abdul Rahman Al-Ahmadi, "*Sejauh Manakah Kebudayaan Tradisi Kelantan Mempunyai Pengaruh Spiritual dan Apakah Kepentingannya Terhadap Konsep Hidup Berkomuniti*", kertas kerja Minggu Kesenian Kelantan anjuran Asrama Za'aba, Universiti Malaya, pada 1-7 September 1985.
21. Abdul Rahman Al-Ahmadi, "*Sejarah Hubungan Kelantan-Patani dengan Sulawesi Selatan*" dalam "WARISAN KELANTAN" bilangan III, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Kota Bharu, 1984.

## Setiawan Belia

ABDUL RAHMAN AL-AHMADI

**S**ETIAWAN Belia adalah merupakan sebuah badan belia Kelantan yang sangat aktif sebelum Perang Dunia Kedua. Perkembangan "Setiawan Belia" tidak dapat dipisahkan daripada perkembangan kelab-kelab di Kelantan yang telah bermula sejak tahun 1915.<sup>1</sup> Kelab di Kelantan telah diperkenalkan oleh Encik Mohamad Ghazali bin Muhamad Arifin<sup>2</sup> seorang yang berasal dari Singapura. Di Kelantan Beliau bekerja sebagai guru dan kemudian bekerja di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Kelab yang didirikan atas inisiatif beliau itu dinamakan *Kota Bharu Club*.

Setelah tertubuhnya "*Kota Bharu Club*", maka timbullah pula di Kota Bharu kelab-kelab yang lain seperti *Timbalan Setia Club*<sup>3</sup> tahun 1920 dan *Ismail Club*<sup>4</sup> tahun 1922, sementara itu di daerah-daerah lain di Kelantan ditubuhkan pula kelab-kelab seperti "Persekutuan Sejahtera Club", di Bachok tahun 1921<sup>5</sup>, "Pasir Mas Club" tahun 1927<sup>6</sup>, "New Club Pasir Puteh"<sup>7</sup> tahun 1927, "Cosmopolitan Club"<sup>8</sup> di Kuala Krai, tahun 1929.

1 Lihat, "*Du Club A L'organisation Politique: Le Cas De Kelantan*", oleh Abdul Rahman Al-Ahmadi, Memoire, Pour D.E.A. (= Ph.D) di Ecole Des Hautes Etudes En Sciences Sociales, Paris 1981; dan lihat "*Dari Kelab ke Organisasi Politik di Kelantan*", manuskrip Abdul Rahman Al-Ahmadi yang akan disiarkan dalam "Warisan Kelantan" Ke-VI yang akan datang.

2 Encik Mohamad Ghazali bin Muhamad Arifin adalah seorang yang berasal dari Singapura keturunan Riau, Sumatera, mendapat pendidikan di Raffles College Singapura Bekerja dengan Inggeris di Siam sebelum datang ke Kelantan. Pernah menjadi staf Pengarang Majalah "*Pengasuh*" tahun 1918, bersama-sama dengan Mohamad Yusof Awang Kenali (Tok Kenali). Lihat "*Ensiklopedia Kelantanika*", oleh Abdul Rahman Al-Ahmadi (Manuskrip).

3 Lihat "*Du Club A L'organisation Politique ....*" dan "*Dari Kelab ke Organisasi Politik di Kelantan*". op. cit., Abdul Rahman Al-Ahmadi.

4 Ibid.

5 Ibid.

6 Ibid.

7 Ibid.

8 Ibid.

Pada 16 September 1931 telah diluluskan dan disahkan oleh kerajaan undang-undang tubuh "Setiawan Belia" yang dilembagakan oleh dua orang bekas pelajar Madrasah Muhammadiyah, Kota Bharu Kelantan. Dengan kelulusan oleh pihak kerajaan itu, maka pada 1 Oktober 1931 ditubuhkan secara rasmi "Setiawan Belia".

Tujuan Setiawan Belia ialah:-

- i. Berkenalan dan berkasih-kasih supaya menjadi saudara yang bersetia dan samarata.
- ii. Melatihkan ilmu pengetahuan dan bekerjasama yang memberi manfaat dunia dan akhirat.
- iii. Mengadakan kutubkhanah dan mengeluarkan buku-buku yang berfaedah serta melatihkan dia.
- iv. Menolong kesusahan ahli jemaah dan melatihkan tabiat kelakuannya.
- v. Menghiburkan hati mengikut peredaran masa.

Bagi latihan ilmu seperti yang disebut di (ii) di atas tiap-tiap malam diadakan latihan pengetahuan di rumah Persatuan seperti agama, maya kesempurnaan, pengaulan dan bersyarah (bagi ahli di luar negeri sedang dalam perkiraan hendak dibuat dengan jalan utus mengutus surat) dan sekeping surat akuan akan dikeluarkan kepada siapa-siapa yang telah lulus dalam peperiksaan.

Adapun ahli Jawatankuasa Setiawan Belia yang dapat diketahui pada tahun 1934<sup>10</sup> ialah:-

- |      |                    |   |                          |
|------|--------------------|---|--------------------------|
| i.   | Asaad Shukri       | — | Yang Dipertua            |
| ii.  | Mohamad Zain Hukmi | — | Naib Yang Dipertua       |
| iii. | Abdullah Silmi     | — | Setiausaha Kehormat      |
| iv.  | Sofiah Khuzaimah   | — | Pen. Setiausaha Kehormat |
| v.   | Hussein Hazmi      | — | Pemeriksa Kira-kira      |
| vi.  | Ishak Pathi        | — | Penguasa Permainan       |
| vii. | Ismail Redha       | — | Pen. Penguasa Permainan  |

sedangkan ahli mesyuarat yang tidak memegang jawatankuasa ialah:

- i. Mohamad Zain Sobhi
- ii. Mohamad Salleh Marsi
- iii. Husein Sabdi

Dalam tahun 1934 ini juga dapat diketahui adanya keputusan dari jawatankuasa Setiawan Belia untuk menyerahkan *Kamus Setiawan* yang telah diusahakan selama tiga tahun dengan persetujuan ramai telah diserahkan kepada "*Dewan Bahasa Melayu*"<sup>11</sup> untuk mendapat keputusan kelak.

Selain daripada itu Setiawan Belia dalam mesyuarat itu telah juga diputuskan beberapa perkara:-

- i. Mengadakan lawatan bagi Setiawan Belia pada Hari Raya Aidil Adha dan akan mengutip derma sekurang-kurangnya 10 atau 15 sen tiap-tiap orang.

9 Lihat "*Satu Kajian Dan Perbandingan Riwayat Hidup Kadir Adabi Dengan Asaad Shukri*", oleh Abdul Rahman Al-Ahmadi, tesis sarjana: Jabatan Sejarah, Universiti Malaya 1978. Lihat juga "*Al-Hikmah*" bil. 50, tahun 2, 10 Ogos 1935, hlm. 19.

10 Lihat "*Satu Kajian Dan Perbandingan Riwayat Hidup Kadir Adabi Dengan Asaad Shukri*", hlm. 50, op. cit., Abdul Rahman Al-Ahmadi.

11 Lihat "*Pengasuh*", 26 April 1934, Tahun 17 bil. 415 hlm. 15.





*Encik Asaad Shukri bin Haji Muda (Yang Dipertua Setiawan Belia tahun 1934 dan kemudian Setiausaha Setiawan Belia).*

- ii. Membatalkan yuran pendahuluan dan yuran biasa sepanjang masa meleset dan ditetapkan pungut bantuannya tidak lebih daripada dua kali sebulan. Bantuan yang mustahak tidak lebih daripada 10 sen. Maka bantuan masuk ditetapkan bagi belia-belia dalam negeri 20 sen dan 50 sen bagi belia-belia di luar negeri.
- iii. Permohonan daripada 25 belia Bachok untuk menjadi anggota tiada apa galangan dan diluluskan baginya untuk mengadakan cawangan dengan memakai nama "Setiawan Bacak" dengan syarat mengikut sebagaimana perjalanan dan peraturan yang disahkan oleh kerajaan kepada Setiawan Belia Kota Bharu, begitu juga pada jalan menyambung muhibbah dan bersatu hati dalam segala kewajipan.

Setiawan sangat aktif dalam menjemput para penceramah dari guru-guru dan ahli qalam (wartawan) misalnya pada 26 Mac, 1934, Tuan Ibrahim Ahmad William Huat<sup>12</sup> serta rombongannya telah dijemput ke rumah Setiawan di Jalan Langgar, Kota Bharu kerana sedikit jamuan teh selamat hari raya dan mengucapkan selamat belayar kepada mereka ke Singapura. Dalam acara jamuan teh itu diadakan pula ucapan yang disampaikan oleh Encik Hazmi, Tuan William Huat, Encik Mohamad Salleh Narsi, Encik Mohamad Zain Sobhi, Encik Ishak Fathi, Encik Husein Sabri, Encik Mohamad Adnan dan Encik Abdul Kadir Adabi.

Pada tahun 1934<sup>13</sup> ini ahli pucuk pimpinan Setiawan Belia masih tetap seperti tahun 1931, kecuali ditambah anggota penterjemah iaitu Encik Mohamad Radzi dan pihak Setiawan Belia telah pula menerima hadiah majalah Al-Hikmah.

Sesuai dengan dasar Setiawan Belia untuk saling mengadakan lawatan, maka pada tahun 1935<sup>14</sup> Setiawan Belia telah mengadakan lawatan ke Kuala Terengganu dan telah menjadi tetamu kepada Tengku Muhamad Terengganu. Rombongan ini dipimpin oleh Encik Asaad Shukri. Dalam tiap jamuan yang diadakan untuk menghormati kedatangan Setiawan Belia di Terengganu, Asaad Shukri mengatakan bahawa Setiawan Belia adalah persekutuan pegawai kecil kerajaan, pekerja saudagar dan setengah daripadanya murid sekolah majlis agama dan murid-murid sekolah kerajaan.

Dalam tahun 1936<sup>15</sup> Setiawan Belia telah pula mendapat kunjungan kehormatan tetamu dari dua orang wartawan Malaya iaitu Syed Husein Al-Sagaf dan Encik Abdul Rahim Kajai. Dalam upacara ucapan di majlis sambutan itu telah berucap kedua tokoh wartawan itu dengan memberi pandangan kewartawanan mengenai dunia dan masyarakat dan dari pihak pengarang Pengasuh pula telah memberi ucapan yang menerangkan tentang Warta Malaya adalah sebuah akhbar yang mengandungi berbagai-bagai perkhabaran seperti agama, nasihat pengajaran, berita dunia, perniagaan,

12 Beliau ialah seorang Cina Islam, peranakan Singapura berkelulusan Chicago University dalam bidang undang-undang (L.L.B.) dan mempunyai sijil C.P.A.M. dan N.A.C.A. lihat *Pengasuh*, 1 Januari 1934 Tahun 16 bil. 436 hlm. 10.

13 Lihat *Al-Hikmah* bil. 8 tahun 1, 10 Jun 1934, hlm. 135.

14 Lihat *Satu Kajian Dan Perbandingan Hidup Kadir Adabi Dengan Asaad Shukri* hlm. 55 op. cit., Abdul Rahman A. Ahmadi.

15 Lihat *Pengasuh*, 20 Februari 1936, Tahun 19, hlm. 15.

hiburan, pendek kata akhbar ini merupakan sebutir permata yang mahal harganya yang diikat menjadi sebetuk cincin yang padan serta sesuai pada segala jari.

Pada 8 Ogos tahun 1936 Setiawan Belia<sup>16</sup> telah pula dilawati oleh 50 guru-guru dari Pahang. Untuk menghormati lawatan itu Setiawan Belia telah mengadakan jamuan ringan dengan menjemput tetamu lain terdiri dari guru-guru dari Kelantan, wartawan dan penulis. Sebagai juruacara perkenalan pada hari itu ialah Tuan Haji Abdul Rahim seorang guru Kelantan, yang telah memperkenalkan kepada tetamu dari Pahang guru-guru, wartawan dan penulis-penulis dari Kelantan. Kemudian berdirilah pula Encik Asaad Shukri Yang Dipertua Setiawan Belia menjemput Encik Mohamad Adnan, Pengarang Pengasuh memberi ucapan bagi pihak orang tua. Encik Asaad Shukri pula selaku Pengerusi telah menjelaskan tentang perjalanan Setiawan Belia dengan asas tujuan bagi menyatukan orang-orang muda saling kenal mengenal dan saling berhubungungan persaudaraan melatih karang mengarang dan pengetahuan secara yang dikehendaki zaman sekarang.

Sebagai membalas ucapan, Encik Abdullah guru pelawat dari Temerloh dan Encik Mohamad Zain Kutup, Guru Besar dari Kuala Lipis telah pula berucap dimana mereka menyatakan gembira dapat berkenalan dengan Setiawan Belia, guru-guru, wartawan dan para penulis Kelantan. Akhir sekali Encik Mohamad Zain Hukmi bagi pihak Setiawan Belia telah berucap menyatakan terima kasih atas semua yang hadir.

Pada 12 Januari 1937 Setiawan Belia<sup>17</sup> telah dapat kunjungan dari Tuan Haji Abbas Taha dan Encik Burhanuddin (Dr. Burhanuddin). Dalam sambutan terhadap kedua tetamu dari Singapura itu Encik Ahmad Ismail seorang pengarang majalah "Al-Hikmah" telah berucap dalam majlis sambutan itu dimana beliau menerangkan tentang gerakan ulama di Tanah Jawa yang dipimpin oleh Tuan Haji Ahmad Dahlan dengan gerakan Muhamadiyah yang terkenal. Gerakan Muhamadiyah telah mendirikan bermacam-macam sekolah diseluruh Indonesia, membangunkan surau, masjid-masjid yang bebas tidak bergantung kepada kerajaan, sepatutnya kita mencontohi apa-apa yang berlaku di Indonesia, lebih-lebih ulama-ulama kita kerana manusia itu bergantung agama pemerintah mereka dan rakyat umum bergantung atas agama ulama-ulama mereka. Encik Ahmad Ismail menerangkan pula peranan surat khabar dan majalah yang sangat berfaedah bagi kita pertinggikan lagi kalangan pembacanya jangan hanya dibaca oleh orang-orang sedar sahaja.

Kegiatan Setiawan Belia<sup>18</sup> dalam tahun 1937 ini dapat dilihat dari adanya bermacam-macam usaha-usaha seperti telah menyelesaikan "*Kamus Setiawan Belia*" dan buku-buku terjemahan yang telah diusahakan selama tujuh tahun, dan mulai tahun ini Setiawan Belia berusaha pula mengumpulkan para ahli yang mahir dan mengadakan pertukangan dirumahnya di Jalan Zainal Abidin, Kota Bharu bagi membuat:

16 Lihat *Pengasuh*, 13 Ogos 1936, Tahun 19, hlm. 13, 14 dan 15.

17 Lihat *Al-Hikmah* bil. 123, Tahun 3, 14 Januari 1937, hlm. 19.

18 Lihat *Pengasuh*, 4 Mac 1937, Tahun 20, bil. 600, hlm. 12.

1. Segala rupa bunga ukiran batik jawa dan membuat sarung atau acuannya daripada besi atau tembaga mengikut kemahuan pelanggan-pelanggan dengan harga yang berpatutan dan diakui kebbaikannya sama ada borong atau upah dan bersedialah kita memberi fatwa dan jalan-jalan yang menyenangkan dan memudahkan pembatik.
2. Segala rupa gambar-gambar kartun, gambar jenaka dengan tulisan tangan sama ada hendak diframkan atau hendak disiarkan dalam majalah atau warta.
3. Menjilid kitab-kitab dan buku-buku dengan diaku kuat dan kemas dan elok dan sanggup bertanding baik dari segi kebagusan atau harganya.
4. Menekat atau menyulam dengan mesin atau tangan akan segala rupa atau bunga-bunga atau jahit menjahit dengan harga yang menawan.
5. Karang mengarang dan menjual buku-buku yang telah diterjemahkan dengan harga yang murah.

Inilah perusahaan dan perkhidmatan Setiawan Belia tahun 1937. Oleh yang demikian dijemput dan dipersilakan anak Melayu yang didalam dan diluar negeri menentukan apa-apa pekerjaan yang dikehendaknya dan Setiawan Belia bersedia mulai sekarang menerima dan sanggup menyempurnakan kehendak pelanggan-pelanggan terutama pembatik-pembatik Kelantan yang sibuk berkehendakkan sebarang atau acuan daripada besi, tembaga silalah berhubung dengan kita atau datang sendiri melihat segala contoh dan lain-lain yang disediakan untuk tuan-tuan.

Pada 24 April 1937 Setiawan Belia<sup>19</sup> telah mengadakan majlis keraian untuk menghormati kepulungan Tuan Haji Ishak Lotfi dari belajar di Mekah. Turut hadir dalam majlis itu ialah Tuan Mudir Madrasah Muhamadiyah, Setiausaha Majlis Agama Islam Wan Muhammad Hanafi dan pengarang Pengasuh Encik Muhammad Adnan. Majlis ditutup dengan pembacaan doa oleh Tuan Haji Nik Muhammad bin Haji Wan Musa Mudir Madrasah Muhamadiyah.

Dalam tahun 1938 Setiawan Belia telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Keputeraan Nabi dimana telah berbicara dalam majlis itu Yang Mulia Tengku Abdullah bin Tengku Muda Tuan Hassan atas tajuk "Perbandingan Al-Quran dengan Kitab Injil".<sup>20</sup> Majlis itu dipengerusikan oleh Encik Asaad Shukri. Isi ucapan Tengku Abdullah ini dapat diikuti dalam majalah "Al-Hikmah" bil. 243, Tahun 6, 11 Mei 1939.

Pada 29 Jun 1939, Setiawan Belia telah mengadakan ucap selamat kepada Encik Jaafar Mampak (Penolong Pegawai Pertanian) Kelantan, salah seorang ahli Setiawan Belia yang telah dapat medal dari Yang Maha Mulia Baginda King dan pada sebelah malamnya telah diadakan pula zapin, sebelumnya telah diadakan ucapan-ucapan yang diberikan oleh Encik Yahya Penggawa Daerah Sering, Kota Bharu.

Dalam masa surat khabar kita sekarang sedang hangat memperbin-

<sup>19</sup> Lihat *Pengasuh* 29 April 1937, Tahun 20, bil. 608, hlm. 10 dan 11.

<sup>20</sup> Lihat Lampiran 'A' — Ucapan Tengku Abdullah Hassan B.A. bertajuk "Bandingan Al-Quran Dan Injil".



*Tengku Abdullah bin Tengku Muda Tuan Hassan  
(Hakim Mahkamah Besar Kelantan)  
[Beliau merupakan anak Melayu Kelantan yang pertama berkelulusan B.A. (Hon)  
dari University of Cambridge dan Barrister dari London]  
(gambar diambil dalam tahun 1939)*

cangkan soal rakyat dan persatuan Melayu Se-Malaya, Setiawan Belia tidak ketinggalan ikut membicarakan masalah itu. Ini terbukti pada 23 Julai 1939 Setiawan Belia mengadakan majlis diskusi di atas tajuk "*Apakah Sekarang Patut Didirikan Persatuan Melayu Semenanjung*".<sup>21</sup> Sebagai pencadang ialah Cikgu Daud Jamal dan penyokong Encik Abdul Kadir Adabi Ahmad, sedangkan pembahasnya ialah Ustaz Abdul Rab Attamimi dan penyokongnya Encik Hadrami Nuh. Pengadil ialah Encik Ahmad Ismail. Hasil dari perbincangan itu ialah suara terbanyak didapati pada pihak pencadang.

Diskusi kedua diadakan pula pada 17 Ogos 1939 dengan tajuk "*Adakah Mustahak Anak Perempuan Melayu Berpelajaran Inggeris Tinggi Sekarang*".<sup>22</sup> Sebagai pencadang ialah Cikgu Daud Jamil dan penyokong Ustaz Hj. Wan Mahmud, dan pembahasnya ialah Encik Jaafar Mampak dan penyokongnya Ustaz Abdul Rab Attamimi. Majlis dipengerusi oleh Encik Mohamad Adnan dan ramai yang mengambil bahagian dalam perbincangan itu dan kesudahannya dengan kemenangan di pihak pembahas. Pihak Setiawan Belia sangat gembira dengan sambutan ramai dan perbincangan yang berjaya itu.

Pada 31 Ogos 1939 Setiawan Belia telah mengadakan pula majlis syarahan bertajuk "*Bagaimana Hendak Membaiki Pergaulan Agama*",<sup>23</sup> yang dipengerusikan oleh Encik Ahmad Ismail. Majlis terbuka untuk umum.

Kegiatan Setiawan Belia tidak hanya tertumpu pada masalah politik dan sosial tetapi juga masalah kekeluargaan. Ini terbukti pula bila Setiawan Belia telah mengutus Yang Dipertuanya dan Setiausahanya Encik Asaad Shukri mengucapkan selamat pengantin baru kepada Cikgu Nik Mariam bt. Haji Nik Yusof dengan Nik Abdullah.<sup>24</sup> Dalam upacara itu Encik Asaad Shukri telah memberi ucapan dengan memberi nasihat kepada kedua mempelai itu supaya hidup saling rukun dan saling bertolak ansur.

Dalam tahun 1939 ini bahaya perang telah mulai nampak maka Setiawan Belia dengan kerjasama Kelab Perniagaan Islam Kelantan telah menyeru orang-orang Melayu mengadakan mesyuarat bagi mengutip derma perang. Pada 15 September 1939 telah diadakan mesyuarat dengan menjemput semua kelab-kelab orang Melayu seperti Kota Bharu Kelab, Persatuan Melayu Malaya cawangan Kelantan dan orang-orang ternama, di mana mereka telah bersetuju melantik "*Lembaga Bantuan Melayu Kelantan*"<sup>25</sup> di bawah pimpinan Yang Mulia Tengku Ahmad Zainal Abidin bin Tengku Abdul Kadir Kamaruddin (Tengku Sri Akar Raja), Yang Mulia Tengku Ahmad bin Tengku Abdul Ghafar (Tengku Panglima Raja), Yang Mulia Tengku Bakti (?), Nik Mohamad Salleh bin Omar dan Nik Yahya bin Nik Daud serta beberapa kakitangan kerajaan. Dalam mesyuarat itu diputuskan memper-silakan tiap orang di negeri Kelantan menghadiri lagi mesyuarat untuk memungut derma perang<sup>26</sup>

21 Lihat *Al-Hikmah* bil. 254 Tahun 6, 27 Julai 1939, hlm. 20.

22 Lihat *Al-Hikmah* bil. 257 Tahun 6, 17 Ogos 1939, hlm. 19.

23 Lihat *Al-Hikmah* bil. 259 Tahun 6, 31 Ogos 1939, hlm. 19.

24 Lihat *Al-Hikmah* bil. 260, Tahun 6, 7 September 1939, hlm. 11.

25 Lihat *Al-Hikmah* bil. 262, Tahun 6, 21 September 1939, hlm. 19.

26 Lihat *Al-Hikmah* bil. 266, Tahun 6, 19 Oktober 1939, hlm. 19.

Pada 5 Oktober 1939 Setiawan Belia telah mengadakan "*Hari Ulang Tahun Ke-9*" dengan mengadakan jamuan teh. Majlis dibuka oleh Yang Dipertua Encik Asaad Shukri dan ucapan diberikan juga oleh ahli lain dan juga oleh Yang Mulia Tengku Abdullah bin Tengku Muda Tuan Hassan, Hakim Mahkamah Besar Kelantan. Upacara zapin diadakan juga dengan mendapat sambutan yang meriah.

Setiawan Belia dalam mengisi ibadat puasa telah mengadakan pula acara "*Sembahyang Teraweh*"<sup>27</sup> bersama di antara ahlinya di dalam bulan Ramadhan tahun 1939. Diminta mana-mana ahli yang suka mengerjakan badat teraweh yang hanya sebulan dalam setahun patutlah beramai di rumah Setiawan Belia.

Pada 16 November 1939 Setiawan Belia telah mengadakan jamuan ringan kerana menyambut "*Hari Raya Dan Pertukaran Ahlinya*".<sup>28</sup> Majlis ini dihadiri juga oleh Yang Mulia Tengku Abdullah Hassan, Hakim Mahkamah Besar Kelantan. Setelah jamuan minuman itu telah bangun berucap Encik Mohamad Adnan, Setiausaha Kehormat "*Putera Club Kota Bharu*" mengucapkan selamat hari raya kepada semua hadirin dan terima kasih atas kedatangan Yang Mulia Tengku Abdullah. Sesudah itu Yang Mulia Tengku Abdullah telah pula berucap atas tajuk "*Kemuliaan Hari Raya dan Perbandingan Orang Islam di Eropah Menyambut Hari Raya*",<sup>29</sup> sementara Encik Ahmad Ismail pula telah bersyarah darihal kelebihan hari raya. Encik Asaad Shukri pula sebagai Setiausaha Setiawan Belia juga berucap. Turut berucap ialah Cikgu Daud Jamil dan Ustaz Abdul Rab Attamimi, yang akan bertukar ke sekolah lain. Ucapan disambung oleh Encik Jaafar Mampak, Tuan Haji Ishak, Encik Ismail Ibrahim, Encik Ahmad Zaini, Encik Adam Kamil, Encik Samad Muhamad, Encik Ahmad Ismail dan Encik Zain Hukmi.

Pada 24 Disember 1939<sup>30</sup> Setiawan Belia telah menyampaikan hadiah kepada ahlinya Encik Mohamad Salleh Marsi yang telah melangsungkan perkahwinannya. Ucapan tahniah diberikan oleh Setiausahanya Encik Asaad Shukri bagi pihak Setiawan Belia sedangkan bagi pihak Persatuan Sahabat Pena diucapkan oleh Encik Jaafar Mampak. Encik Salleh Marsi adalah anggota Setiawan Belia dan juga sebagai Setiausaha Puspam (Persatuan Sahabat Pena Malaya) cawangan Kelantan.

Dalam tahun 1940, Setiawan Belia masih lagi aktif, setiausahanya Encik Asaad Shukri telah ikut pula dalam jamuan teh untuk meraikan "*Utusan Cina Islam*"<sup>31</sup> ke Kelantan yang diraikan oleh kumpulan Tengku Mahmud Amature Dramatic pada 9 Jun 1940. Ikut serta dalam jamuan itu ialah Yang Mulia Tengku Abdullah, Wan Mohamad Hanafi, Setiausaha Majlis Agama Islam Kelantan, Encik Ahmad Ismail dan Encik Abdul Kadir Adabi. Utusan Cina Islam itu ialah Tuan Yaakob Ma Tau, Haji Ibrahim Ti dan Tuan Othman Kian.

27 Lihat *Al-Hikmah* bil. 266, Tahun 6, 19 Oktober 1939, hlm. 19.


28 Lihat *Al-Hikmah* bil. 270, Tahun 6, 16 November 1939, hlm. 16.

29 Lihat *Al-Hikmah* bil. 271, Tahun 6, 23 November 1939, hlm. 20.

30 Lihat *Al-Hikmah* bil. 276, Tahun 6, 28 Disember 1939, hlm. 19.

31 Lihat *Al-Hikmah* bil. 302, Tahun 7, 27 Jun 1940, hlm. 9.

Pada 5 September 1940 Setiawan Belia telah mengadakan mesyuarat agungnya.<sup>32</sup> Hadir dalam mesyuarat ini ialah Wan Mohamad Hanafi, Setiausaha Majlis Agama, Tuan Haji Nik Mohamad bin Haji Wan Musa (Nazir Madrasah Muhamadiyah) dan Encik Ibrahim Haji Yaakob yang telah berucap tentang nasionalisma Melayu. Encik Ibrahim Haji Yaakob datang ke Kelantan waktu itu sebagai penyiasat Utusan Melayu.



*Tokoh-tokoh yang rapat dengan Setiawan Belia dari kanan ke kiri: Encik Abdul Jalil bin Abdul Hamid (Majistret); Ustaz Haji Ishak bin Haji Idris (guru); Encik Asaad Shukri bin Haji Muda (Setiausaha Setiawan Belia); Ustaz Haji Wan Mahmud bin Haji Wan Daud (guru); dan Ustaz Abdul Rab bin Sulaiman Attamimi (guru dan berasal dari Maluku, Indonesia) (gambar diambil dalam tahun 1939).*

Untuk memeriahkan upacara Perayaan Hari Perpisahan "Hafiah Al-Wida"<sup>33</sup> di Jame' Merbau Al-Ismaili yang diadakan pada 7 September 1940, Encik Asaad Shukri selaku Setiausaha Setiawan Belia ikut hadir dalam upacara itu. Hadir juga di majlis itu ialah Wan Mohamad Hanafi, Setiausaha Majlis Agama Islam, Encik Abdul Kadir Adabi, Tuan Guru Haji Ali Pulau Pisang, Nik Yahya Daud dan penuntut-penuntut Bunut Payung.

<sup>32</sup> Lihat *Al-Hikmah* bil. 313, Tahun 7, 12 September 1940, hlm. 19.

<sup>33</sup> Lihat *Al-Hikmah* bil. 313, Tahun 7, 12 September 1940, hlm. 19.



Pada bulan Oktober 1940 Setiawan Belia telah mengadakan jamuan bagi menyambut hari raya. Ikut hadir dalam jamuan itu ialah Yang Mulia Tengku Mahmud bin Sultan Muhamad IV, Yang Dipertua Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan merangkap penaung Setiawan Belia kemudian ikut berucap Cikgu Daud Jamil, Encik Jaafar Mampak, Encik Ahmad Ismail, Haji Wan Mahmud dan Encik Muhamad Zain Hukmi masing-masing memberi semangat kebangsaan berapi-api. Sementara itu Yang Mulia Tengku Mahmud selaku Yang Dipertua Persetiaan Melayu Kelantan dan Penaung Setiawan Belia menghuraikan pula sebab-sebab orang-orang dagang maju dalam bidang perdagangan dan sebab-sebab kejatuhan orang-orang Melayu pada serba serbinya.

Pada 8 Januari 1941 Setiawan Belia telah mengadakan jamuan dan ucapan telah diberikan oleh Encik Asaad Shukri dan Encik Mohamad Adnan dan lain-lain ahli.

Dari apa yang dipapar di atas sepintas lalu, dapat diketahui bahawa Setiawan Belia telah memainkan peranan penting dalam lapangan agama, pelajaran, ilmiah, seni kebudayaan, sosial dan politik. Ia merupakan salah satu Kelab yang bergerak ke arah mewujudkan kesedaran politik di kalangan orang-orang Melayu Kelantan.

---

34 Lihat *Al-Hikmah* bil. 321, Tahun 7, 7 November 1940, hlm. 15.

**Bandingan Al-Quran dan Injil Dalil-dalil Kesucian dan Kebenaran Al-Quran Syarahan Yang Mulia Al-Syabab Al-Qanuni Tengku Abdullah Hassan LL.D Hakim Mahkamah Besar Kelantan di Dalam Ikhtifal Maulud Al-Nabi Majlis Agama Islam**

Tengku-Tengku, Datuk-Datuk dan Tuan-Tuan sekalian.

**P**ADA malam ini kita semua sudah dengar syarahan-syarahan berkenaan dengan maulud Nabi dan kelebihan penghulu kita Muhammad S.A.W. bagaimana yang telah diucapkan oleh pensyarah-pensyarah yang dahulu daripada saya ini. Maka sekarang saya berucap, hendak mengucapkan pula berkenaan dengan apa sebab-sebab yang dikatakan Muhammad itu amat tinggi kelebihannya kerana jikalau kita kata Muhammad ini amat tinggi kelebihannya, maka itu barangkali betul barangkali tidak, haruslah jika ada agama yang lain yang terlebih elok lagi daripada agama Islam kerana seorang yang di dalam suatu taman itu lazimnya memikirkan bahawa tidaklah ada taman yang lain yang lebih elok daripada tamannya! Oleh sebab itu tujuan saya pada menghuraikan sedikit, sebab apa saya sifatkan agama Muhammad itu ialah setinggi-tinggi agama terlebih daripada agama-agama yang lain.

Maka bagi menunjukkan sebab-sebab tiap-tiap suatu itu lebih daripada yang lain mestilah diadakan perbandingan, kerana tidak ada suatu benda pun yang lebih melainkan apabila dibandingkan dengan benda yang lain, umpamanya jika hendak menunjukkan betapa suatu benda yang lain, umpamanya jika hendak menunjukkan betapa suatu benda itu putih kenalah bandingannya dengan benda yang kurang putih. Oleh sebab itu terpaksa di dalam syarahan saya ini pada membandingkan agama Islam itu dengan agama yang boleh dikenakan sebagai taulan baginya iaitu agama Nasrani ialah bukannya dengan tujuan hendak mengeji-mengeji agama Nasrani itu tidak sekali-kali bahkan hanya bagi menunjukkan kelebihan dan ketinggian agama Islam kita sahaja.

Maka pertama kali baiklah kita periksa halusi sedikit tentang tarikh kejadian kitab Quran dan bandingannya dengan tarikh kejadian kitab Injil dan mula sekali saya akan membicarakan dari hal Quran. Sebagaimana yang tuan-tuan ulama sudah memang mengetahui. Ada pun Nabi Muham-

mad S.A.W. telah diperanakkan di Mekah pada tahun Masihi 571 dan sunguhpun ia S.A.W. daripada Bani Hashim yang mulia tetapi daif daripada kecilnya lagi. Apabila ia sudah berumur 6 tahun ia sudah menjadi anak yatim dan tinggal ianya dengan bapa saudaranya Abu Talib. Apabila sudah besar ia ada mengambil bahagian dalam perniagaan ialah dengan perandai yang lurus sehingga dinamakan dia "Al-Amin" ertinya yang boleh dipercayai. Tetapi tentang kehidupannya ialah macam orang-orang ramai jua tidak ada perbezaan yang pelek apa-apa bahkan cerita yang saya sudah sebutkan itu boleh jadi juga cerita mana-mana satu orang lain yang kebanyakan yang duduk di Bandar Mekah itu. Maka jikalau sekiranya begitu apakah sebabnya yang kita angkatkan Muhammad itu jadi penghulu kita dan sifatkannya terlebih tinggi daripada Nabi-Nabi yang lain? Ada pun jawab kepada soal itu tidak berhajat kita pergi jauh pada mencarinya. Silalah kita lihat kepada kitab agama kita iaitu Al-Quran.

Adapun Quran itu ialah mula sekali dituliskan kemudian daripada Muhammad sudah wafat oleh Zaid yang telah menjadi sebagai Setiausaha Agung kepada Nabi Muhammad S.A.W. ialah dengan perintah Khalifah Abu Bakar pada mengutipkan semua ayat-ayat yang telah difirmankan Allah Ta'ala kepada Nabi Muhammad dan telah dipersampaikan oleh Muhammad kepada pengikut-pengikutnya. Maka Zaid pun bekerjalah dan telah dapat menghimpunkan semua surah hingga menjadikan sebuah Quran yang penuh. Kemudian daripada itu tidak beberapa lama didapati bahawa ada juga salinan daripada Quran itu telah dikeluarkan dengan tidak berbetulan dengan yang asalnya pada tentang pelet bahawa sedikit sebanyak, oleh hal yang demikian khalifah Osman pula telah melantikkan suatu Jawatankuasa supaya memeriksa dan membetulkan semua pelet bahasa supaya jadi bersamaan pada serba-serbinya dengan bahasa Arab yang Muhammad sendiri sudah gunakan dan telah dikeluarkan perintah oleh khalifah itu supaya dibakarkan semua salinan yang berselisih dengan yang asal itu. Apabila sudah siap kitab ini dengan penuhnya dan betul pada serba-serbinya maka telah dihantarkan kepada semua bahagian Mamlakah Arab dan inilah yang berturun temurun hingga sampai kepada kita pada hari ini dengan tiada ubah apa suatu pun lagi. Telah dikatakan oleh ahli tarikh bahawa sesungguhnya tidaklah sekali-kali kitab yang telah diperbuat dahulu rekaan cetak-mencetak dengan kitab Quran tentang hujahnya dan betulnya.

Adapun Quran itu bukanlah karangan seorang manusia Muhammad melainkan ialah karangan Tuhan Yang Tunggal dan Muhammad itu menjadi sebagai piring gramophone sahaja baginya.

Sekarang baiklah kita periksa pula sedikit darihal tarikh kitab Injil dan mula-mula sekali biarlah saya sebutkan bahawa pengikut agama Nasrani, Nabi Isa telah terkena salib pada 18 Mac tahun Masihi 29. Maka 25 tahun kemudian baharulah buku yang pertama daripada kitab Injil itu telah ditulis ialah oleh Saint Peter. Maka buku yang pertama itulah sahaja karangan seseorang hidup bersama Nabi Isa sebab pun yang dijadikan demikian ialah kerana kertas belum ada lagi dan banyak orang-orang fikir Isa akan hidup semula. Oleh sebab itu tidaklah digaduhkan tulis apa-apa yang dia sudah cakap. Kemudian di dalam tahun Masihi 64 Maharaja Nero yang menduduki

singgahsana Rom pada masa itu telah menghukumkan bunuh Saint Peter dan bersama-samanya Saint Paul.

Pada masa itu kitab-kitab Injil yang ada sekarang belum ditulis lagi. Cuma kemudian daripada kemaharajaan Lila Nero itu dan Baitul-Muqadis telah dirompak oleh Taitus di dalam tahun 70 Masihi baharulah pengikut Isa mana yang hidup lagi memikirkan bahawa patutlah diadakan suatu peringatan diatas apa-apa ajaran Isa yang sudah masuk ke dalam penge-tahuannya.

Maka kitab Injil yang awal-awal sekali ialah Injil Saint Markus. Ada pun Markus ini tidak pernah hidup bersekali dengan Nabi Isa. Apa-apa yang dia tuliskan di dalam kitabnya ialah perkataan Saint Peter sudah menyampai-kan kepadanya. Kitab Markus ini ditulis di antara tahun Masihi 70 dan 100. Dan lagi pula Markus tulis bukannya dengan bahasa Greek yang tinggi bahkan Greek pasar sahaja pada halnya Nabi Isa sendiri tentulah bercakap Aramik iaitu suatu cawangan daripada bahasa Hiberiw.

Dalam masa hidup seorang padri bernama Bishop Papius tidaklah ada kitab Injil yang lain melainkan yang dikarangkan oleh Markus tetapi padri itu ada menyebutkan dari hal suatu karangan mengandungi pepatah Isa yang telah dituliskan dengan bahasa Aramik oleh Saint Mathew. Maka Saint Mathew ini kemudian telah mengarangkan suatu kitab Injil yang dinamakan Injil Mathew ialah mengandungi pepatah tadi serta dengan karangan Markus yang telah diambil daripada mulut Saint Peter.

Kemudian ada pula sebuah lagi kitab Injil yang dikarangkan oleh Saint Luk iaitu seorang<sup>6</sup> bumur yang selalu mengirimi Saint Paul. Karangan Saint Luk ini ialah diambil dari Injil Saint Markus dan telah ditulis di antara tahun Masihi 100 dan 110.

Kitab Injil yang akhir sekali ialah kitab Saint John adapun sangatlah susah hendak mengerti tentang tarikhnya kerana Pakius dan Marsyan yang menulis di dalam tahun Masihi 140 tidak menyebut apa-apa langsung darihalnya, kitab ini ditulis di dalam bahasa Greek tinggi oleh sebab itu tidaklah menasabah benar dengan seorang pemancing ikan di laut galili tambahan pula kitab ini ada berselisih dengan kitab Markus dan Mathew.

Maka daripada tarikh yang saya sudah bandingkan itu amatlah terang betapa sebabnya yang saya sifatkan kitab Quran terlebih bersih daripada kitab Injil dan penghulu Muhammad kita itu patutlah dijadikan penghulu kita, adapun Muhammad itu bukanlah sahaja lebih tentang agamanya melainkan tentang siasah dan undang-undang pun berkebolehan juga. Darihal siasah lihat ia sudah mencantumkan semua negeri-negeri yang kecil di dalam tanah Arab itu dengan segala raja-rajanya yang sentiasa berperang satu dengan lain di bawah satu kerajaan yang tunggal dan telah meluaskan Mamlakah Arab iaitu hingga sampai ke negeri Spain dan sempadan negeri Perancis purbakala, pada tentang undang-undang pula lihatlah bahawa undang-undang Muhamadiyah itu masih berdiri dengan teguhnya hingga kepada zaman ini dan di dalam negeri-negeri seperti India, Masir dan negeri Arab telah menjadi sebahagian yang utama daripada undang-undang adat, hatta di dalam jajahan Inggeris sekali pun yang telah masyhur tentang

ketinggian undang-undangnya tidak terkeluar juga undang-undang Muhamadiyah itu melainkan menjadi sebahagian daripada undang-undang negeri jua, dan saya tidak syak lagi bahawa apabila berkehendak menteri keadilan Inggeris di dalam tahun 1925 telah meluluskan undang-undang pusaka, maka telah ada di dalam fikirannya akan teladan yang telah ditunjukkan oleh undang-undang Muhamadiyah kerana dahulu daripada tahun 1925 di dalam undang-undang Inggeris harta-harta orang yang sudah mati itu adalah terbahagi kepada dua bahagian pertamanya harta yang tak boleh dialeh (seumpama tanah) dan yang keduanya harta yang boleh dialeh seumpama wang dan barang-barang. Ada pun harta yang tidak boleh dialeh itu dahulu daripada tahun 1925 jatuhlah kepada anak laki-laki yang tertua sekali jikalau simati itu tidak meninggal wasiat dan harta yang boleh dialeh itu jatuh kepada waris yang sedarah dengan simati, maka di dalam tahun 1925 Lord Berkenneid telah mengeluarkan undang-undang bahawa jikalau simati itu tidak meninggalkan wasiat semua harta-hartanya walau tanah atau pun wang mestilah dibahagikan kepada isteri simati sekian-sekian dan waris sekian-sekian ialah tidak jauh daripada undang-undang yang telah ditetapkan oleh hakim syariat Muhamadiyah. Seperkara itu patut saya sebutkan iaitu tentang undang-undang cerai, sebagaimana yang kebanyakan kita sudah mengetahui orang-orang Nasrani Katholik itu tidak boleh bercerai selamalamanya tetapi di dalam negeri dan jajahan Inggeris undang-undang telah dikeluarkan bahawa salah suatu suami atau isteri boleh meminta talak jikalau sekiranya yang satu lagi itu sudah berzina dengan seorang laki-laki atau perempuan yang lain. Maka di dalam tahun 1938 yang sudah lepas ini telah dikeluarkan undang-undang pula di dalam bahawa bukanlah sahaja kerana yang berzina yang menghakkan seseorang meminta talak itu bahkan kerana gila lama dan penyakit yang tidak boleh sembuh pun boleh juga diminta talak, itu ialah boleh dikatakan serupa juga luas dengan undang-undang cerai agama kita.

Maka sekarang kita harus telah menerangkan apakah sebab yang dikatakan agama Islam itulah agama yang sebenar dan Nabi Muhammad S.A.W. itu penghulu kita yang mana kerana Hari Jadinya kita telah berhimpun pada hari ini pada berkata agama Islam itu agama yang benar itu kenyataan sahaja bukan dan pegangan di atas kenyataan itu tidak boleh menjadi hujah di atas kebenarannya oleh sebab itu apabila kita berhimpun pada memuliakan Hari Jadi penghulu kita hendaklah kita ingat bahawa kewajipan kita bukan sahaja pada memuliakannya bahkan sayugiyalah diingat sebab apa yang kita berbuat begitu. Sekian terima kasih.

[Dikutip dari Majalah Al-Hikmah Bilangan 243, (tahun 6)]  
11 Mei 1939 hlm. 6, 7 dan 14.]

## Bibliografi

1. Abdul Rahman Al-Ahmadi, "Kelantan Sebagai Pusat Kesusasteraan Melayu Yang Ulung" dalam "Dewan Bahasa", Jld. XVI, 12 Disember 1972.
2. \_\_\_\_\_, "Notes Toward a History of Malay Periodicals in Kelantan" dalam "Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State" editan William R. Roff, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1974.
3. \_\_\_\_\_, "Un Nationaliste Du Kelantan, Abdul Kadir Adabi: 1901-1944", dalam Archipel 17, 1979, Paris.
4. \_\_\_\_\_, "Satu Kajian dan Perbandingan Riwayat Hidup Kadir Adabi dengan Asaad Shukri" tesis Sarjana Jabatan Sastera, Universiti Malaya, tahun 1978.
5. \_\_\_\_\_, "Du Club L'organisation Politique: Le Cas De Kelantan", memoir, Pour D.E.A. (= Ph.D), Ecole Des Hautes Etudes En Sciences Sociales, Paris, 1981.
6. \_\_\_\_\_, "Ensiklopedia Kelantanika" (manuskrip).
7. Asaad Shukri Haji Muda, "Sejarah Kelantan", Pustaka Aman Press, Kota Bharu, Kelantan, 1962.
8. \_\_\_\_\_, "Detik-detik Sejarah Kelantan", Pustaka Aman Press, Kota Bharu, Kelantan, 1971.
9. Muhamad Husein Khal'ei Haji Awang, "Kelantan Dari Zaman Ke Zaman" Pustaka Dian, Kota Bharu, Kelantan, 1970.
10. William R. Roff, (ed.) "Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State", Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1974.
11. "Pengasuh" (Majlis Agama Islam Kelantan):—
  - bil. 436, Tahun 16, 1 Januari. 1934
  - bil. 415, Tahun 17, 26 April. 1934
  - bil. ?, Tahun 19, 20 Febuari 1936
  - bil. ?, Tahun 19, 13 Ogos 1936
  - bil. 600, Tahun 20, 4 Mac 1937
  - bil. 608, Tahun 20, 29 April 1937
12. "Al-Hikmah" (Al-Hikmah Press, Kota Bharu, Kelantan):—
  - bil. 8, Tahun 1, 10 Jun 1934
  - bil. 50, Tahun 2, 10 Ogos 1935
  - bil. 123, Tahun 3, 14 Januari 1937
  - bil. 243, Tahun 6, 11 Mei 1939
  - bil. 254, Tahun 6, 27 Julai 1939
  - bil. 257, Tahun 6, 17 Ogos 1939
  - bil. 259, Tahun 6, 31 Ogos 1939
  - bil. 260, Tahun 6, 7 September 1939
  - bil. 262, Tahun 6, 21 September 1939
  - bil. 266, Tahun 6, 19 Oktober 1939
  - bil. 270, Tahun 6, 16 November 1939
  - bil. 271, Tahun 6, 23 November 1939

- bil. 276, Tahun 6, 28 Desember 1939
- bil. 302, Tahun 6, 27 Jun 1940
- bil. 313, Tahun 7, 12 September 1940
- bil. 321, Tahun 7, 7 November 1940

# **Yavadvipa : Suatu Empayar Besar Yang Telah Dilupakan**

**ABDULLAH B. MOHAMED (NAKULA)**

## **I. BEBERAPA FAKTA MENGENAI YAVADVIPA**

Catatan-catatan dari Abad Pertama hingga Abad Ke-5 Masihi

**D**ALAM separuh Ke-2 dari abad pertama Masihi (antara tahun-tahun 50—100 Masihi), dalam rantau Asia-Tenggara telah bangkit suatu empayar besar, Yavadvipa (Yawadwipa) atau Javadvipa (Jawadwipa) yang fakta-faktanya sungguh kontroversial, kerana maklumat tentang fakta-fakta ini amat sedikit dan yang sedikit ini mengandungi rahsia-rahsia yang tiada dapat dihuraikan dengan mengkaji pada hitam atas putih sahaja, tanpa bantuan dari riwayat-riwayat tradisi.

Salah satu cara untuk memperkurangkan keadaan kontroversial itu, di sini dibataskan fakta-fakta itu ke dalam lingkungan zaman tertentu dengan mengelakkan seboleh-bolehnya fakta-fakta yang muncul di zaman-zaman yang lain. Ada empat sumber awal tentang Yavadvipa yang dapat dikatakan sebagai saksi-saksi semasa:-

- Pertama — kenyataan dari buku Ramayana oleh Valmiki.
- Kedua — kenyataan dari buku Geographia oleh Claudius Ptolemy.
- Ketiga — kenyataan dari buku Hou Han Shu dan
- Keempat — dari buku Saddharmasmrityupasthana-sutra.

### **1. Kenyataan Dari Ramayana**

Ada beberapa pendapat mengenai usia buku Ramayana ini, pendapat yang sesuai, nampaknya, adalah seperti yang diucapkan oleh K.A. Nilakanta Sastri<sup>1</sup> bahawa buku ini dapat dianggap lebih kurang semasa dengan buku kanun Pali, Niddesa, dan kedua-duanya dapat digolongkan ke dalam akhir atau awal abad pertama Masihi. Di bawah ini dikutip

1 K.A. Nilakanta Sastri, *History of Sri Vijaya*, hlm. 12.



beberapa fakta mengenai Yavadvipa dalam bahagian syair keempat dari Ramayana naskhah Bombay, iaitu ketika membicarakan tentang arahan-arahan Sugriwa (Hanuman) kepada kumpulan-kumpulan keranya supaya pergi keberbagai tempat di seluruh dunia untuk mencari Sita Devi yang hilang. Syair itu berbunyi demikian<sup>2</sup>:-

“Yatnavanto Yavadvipam,  
Saptarajyopasobhitam,  
Suvarnarupyakadvipam,  
Suvarnakaramanditam,  
Yavadvipam-atikaramnya,  
Sisiro nama parvatah,  
divam sprasati srngena,  
devadanava-sevitah.”

Ertinya:

“Walau bagaimanapun, lawatilah Yavadvipa,  
tujuh kerajaan menjadi hiasan,  
itulah tanah emas dan perak,  
banyak berlombong bertukang emas,  
disebelah sana Yavadvipa,  
terletak gunung bernama Sisiro,  
puncaknya menyapu awan,  
dikunjungi deva-danava.”<sup>3</sup>

## 2. Kenyataan dari Geographia


Buku ini ditulis oleh Ptolemy kira-kira dalam tahun 150 Masihi. Ia menyatakan bahawa penulisan bukunya ini didasarkan atas buku Marinos dari Tyre yang telah diperbaiki dan memperlengkapkannya dengan mengambil maklumat-maklumat yang lebih lanjut yang dikumpulkannya sendiri. Marinos yang biasanya diberikan tarikh kira-kira tahun 120 mendapat maklumatnya dari buku seorang nakhoda atau pengembara bernama Alexander yang biasanya dapat diasalkan kepada kira-kira tahun 75. Buku Alexander dan Marinos telah hilang dan hanya diketahui dari petik-petikan oleh Ptolemy dalam buku Geographianya. Di bawah ini dikutip beberapa fakta penting dari tulisan Ptolemy itu dari apa yang dipaparkan oleh R. Braddell dalam tulisan-tulisannya<sup>4</sup>:-

- a. Semenanjung disebut dengan nama “Chryse Chersonesos” ertinya “Semenanjung Emas” dan disebutnya secara agak terperinci nama kota-kota, sungai-sungai dan gunung-gunung disini.
- b. Kesebelah Selatan dari Chryse Chersonesos ini terletak suatu pulau bernama “Iabadiou” ertinya “Pulau Jelai”.

2 Ibid., hlm. 11.

3 Ramayana naskhah Bengal berkata: “Pulau Jala dihiasi dengan buah-buahan dan benda-benda manis dan juga Suvarna Rupyaka (Emas-Perak) dan Pulau Gana”. (R. Braddell, *The Study of Ancient Times*, hlm. 123).

4 R. Braddell, *The Study of Ancient Times*, hlm. 152.



Rajah 1: Peta Asia-Tenggara oleh Ptolemy kira-kira tahun 150 Masihi.

- c. Ibu kotanya bernama "Argyre" artinya "Kota Perak", terletak di hujung barat labadiou, dan dibandingkan dengan Chryse Chersonesos, ibu kota ini terletak disebelah timur.
- d. labadiou adalah subur dan menghasilkan banyak emas, (lihat rajah 1).

### 3. Kenyataan dari Hou Han Shu

Buku Hou Han Shu disusun dalam abad Ke-5 Masihi. Dalam buku ini tercatat beberapa fakta sebagai berikut:-

- a. Dalam tahun 132 Masihi, suatu perwakilan telah tiba di negeri China dari tempat bernama Ye-tiao.
- b. Ye-tiao ini terletak disebelah sana sempadan Jih-nan.
- c. Perwakilan ini dihantarkan oleh rajanya bernama Tiao-pien dan menerima hadiah-hadiah balasan daripada Maharaja China terdiri dari satu mohor emas dan pita berwarna ungu.

### 4. Kenyataan dari Saddharmasmrityupasthana-sutra

Saddharmasmrityupasthana-sutra adalah sebuah buku mengenai agama Buddha dalam bahasa Sanskrita. Telah diterjemah ke dalam bahasa China dalam tahun 539 Masihi oleh seorang Brahman yang datang dari Benares. Menurut Sharat Chandra Das, Asvagosha ada menulis suatu tafsiran mengenai sutra ini. Ini tentu membawa usia sutra ini kepada zaman Kanishka pada akhir abad pertama Masihi<sup>6</sup> Dalam sutra ini mengandungi suatu bahagian petikan yang menggambarkan tentang "Jambudvipa".<sup>7</sup>

### Catatan-catatan dari Abad Ke-5 Hingga Abad Ke-10 Masihi

Selain daripada empat sumber di atas sebagai saksi-saksi semasa terdapat banyak sumber tua lagi yang dapat dijadikan saksi-saksi untuk memperkuat saksi-saksi semasa itu, tetapi tergolong dalam abad-abad yang lebih kemudian, meliputi abad Ke-5, hingga Ke-10 Masihi, sebagaimana yang akan diterangkan dibawah ini.

#### 1. Kenyataan dari Vayu Purana

Buku Vayu Purana yang disusun dalam zaman Gupta (320—647 Masihi) menyebut tentang pembahagian geografi Asia-Tenggara yang disebut dengan

5 R. Braddell, *The Study of Ancient Times*, hlm. 249 dan K.A. Nilakanta Sastri, *History of Srivijaya*, hlm. 12-13.

6 B.R. Chatterji, *History of Indonesia*, hlm. 56.

7 Menurut penelitian kita terdapat dua tingkat nama "Jambudvipa" dalam sastra India. *Pertama*: Nama suatu bulatan alam atas dalam konteks kosmografi. Di manan Jambudvipa berada di tengah bersama dengan enam bulatan alam lain yang lebih kecil disekitarnya. Dalam Jambudvipa ini berada tujuh lapis bumi dan tujuh lapis langit serta segala cakrawala dan bumi kita, dan *Kedua*: Nama dari alam atas ini yang diterapkan kepada alam bawah pada permukaan bumi sebagai suatu pembahagian geografi dan terbahagi pula kepada dua kawasan, *Pertama*: Nama yang diterapkan pada "Benua India" sejak zaman Asoka dalam abad Ke-3, sebelum Masihi dan *Kedua*: nama yang diterapkan pada "Benua Asia-Tenggara" dalam abad pertama Masihi. Kita tidak mengetahui bagaimanakah tafsiran Asvagosha tersebut. Berdasarkan zamannya adalah zaman Kanishka pada akhir abad pertama Masihi, mungkin dimaksudkan kepada Asia-Tenggara.

## “Jambudvipa” yang disingkat sebagai berikut:<sup>8</sup>

“Disana terdapat enam lagi wilayah-wilayah (pradesa) Jambudvipa dalam berbagai bentuk, yaitu Angadvipa, Yamadvipa,<sup>9</sup> Malayadvipa dan Varahadvipa.... Yamadvipa pula adalah penuh dengan lombong-lombong, ada suatu bukit disini terkenal dengan nama Dyutiman, sumber sungai-sungai dan emas....”

### 2. Kenyataan dari Brahmanda Purana

Dalam Brahmanda Purana<sup>10</sup> disebut pula beberapa dvipa dalam Jambudvipa itu, yaitu Yavadvipa, Malayadvipa, Sankhadvipa, Kusadvipa dan Varahadvipa. Yavadvipa disifatkan sebagai banyak terdapat lombong permata dari berbagai jenis. Di Yavadvipa ini juga terdapat suatu bukti yang penuh dengan logam, digelarkan Dyutiman. Bukit ini adalah sumber banyak sungai dan emas.

Sekarang satu dvipa lagi yang bertambah yaitu “Kusadvipa” tetapi hilang Angadvipa.

Jayaswal ada menulis<sup>11</sup> beberapa dvipa lagi terletak disebelah timur Bharatavarsha (India), ertinya terletak dalam Asia-Tenggara: Indradvipa, Kaseru atau Kaserumat, Nagadvipa, Gabhastiman, Gandharva dan Varuna.

### 3. Kenyataan dari Manimegalai

Di samping karya-karya Sanskrita itu terdapat pula nama Yavadvipa dalam bentuk lain dalam bahasa Tamil.<sup>12</sup> Satu syair Tamil, Manimegalai menyebut suatu kota Nagapuram (Nagapura) dalam Savaka-nadu, iaitu nama dalam bahasa Tamil untuk Yavadvipa. Dua orang raja Nagapuram disebut, Bhumicandra dan Punyaraja yang mendakwa keturunan dari Indra.

### 4. Kenyataan dari Aryabhatiyam

Aryabhatiyam adalah sebuah buku yang ditulis oleh seorang ahli astronomi bernama Aryabhata yang telah dilahirkan dalam tahun 476 Masihi. Dalam buku ini, bahagian enam, sejak 13, ia berkata.<sup>13</sup>

“Bila matahari naik di Ceylon, ia turun di Kota Kebahagiaan (terletak di Kepulauan Keberuntungan<sup>14</sup> 180 darjah garis bujur, disebelah barat Ceylon), ia tengahari pada Yavakoti<sup>15</sup> (Titik Yava) dan tengah malam dalam negeri orang-orang Rom<sup>16</sup>.”

### 5. Kenyataan dari Surya-Siddhanta

Buku Surya-Siddhanta ini menurut Chatterji adalah merupakan suatu karya astronomi yang boleh ditarik ke belakang kepada abad Ke-5

8 Berdasarkan terjemahan N.A. Nilakanta Sastri dan dipetik oleh R. Braddell dalam *A Study of Ancient Times*, hlm. 159.

9 Yamadvipa. Braddell menyatakan bahawa Jayaswal menulisnya Ya (v) a dvipa, dan Ramachandra Dikshitar. Menulis Yamadvipa tanpa alternatif. Nilakanta Sastri menulis pada catatan bawah dari terjemahannya itu “sebenarnya Yavadvipa yang dimaksudkan”.

10 B.R. Chatterji, *History of Indonesia*, hlm. 60.

11 R. Braddell, *A Study of Ancient Times*, hlm. 111.

12 B.R. Chatterji, op. cit., hlm. 61.

13 Ibid., hlm. 60.

14 Kepulauan Keberuntungan ialah Pulau Ferro dalam Kepulauan Canaries.

15 Yavakoti, bermakna “Titik Yava”, suatu bahasa kiasan bererti “Sari-Pati Yava”, maksudnya “Pusat Yava” atau “Ibu Kota Yava”.

16 Maksudnya Ibu kota Rome, Constantinople.

Masihi, sungguhpun dalam bentuknya sekarang tarikhnya bermula dari abad Ke-11 Masihi. Dalam buku ini ada suatu petikan berbunyi demikian<sup>17</sup>:-

“Pada separuh daripada bulatan bumi, ke arah timur, dalam tanah Bhadrashva (penjuru timur dari bumi) ialah negeri yang terkenal, Yavakoti dengan dinding-dinding dan pintu-pintu gerbang emas”.

#### 6. Keterangan dari Fa-Hsien

Fa-Hsien adalah seorang sami Buddhā China yang pergi ke India untuk mencari ilmu agama Buddha dalam tahun 399 Masihi, menerusi jalan daratan, melalui Asia-Tengah. Dalam tahun 413-4 Masihi ia kembali ke negeri China menerusi jalan laut melalui Asia-Tenggara. Ia menulis pengalaman-pengalaman dalam pelayarannya ini yang dapat disingkatkan sebagai berikut<sup>18</sup>:-

- a. Ia bertolak dari Ceylon dengan sebuah kapal bermuat 200 orang belayar “kearah timur” dengan angin yang baik selama 2 hari.
- b. Kemudian ribut menyerang selama 13 hari dan malam, kapal menjadi bocor, lalu mendarat di suatu pulau.
- c. Setelah ribut menjadi tenang, kapalnya meneruskan pelayaran menuju arahnya yang sebenar, kemudian ribut datang lagi dan kabus menghalang dari menemui arah. Lanun-lanun berkeliaran mengikut arus angin. Kemudian ribut menjadi tenang kembali.
- d. Kapal itu dapat menemui arah pelayaran yang sebenar dan setelah belayar selama lebih dari 90 hari, sampailah di negeri bernama Yeh-po-ti. Di sini Fa-Hsien tinggal selama 5 bulan. Ia melihat kesesatan-kesesatan dan agama Brahma berkembang di sini manakala kepercayaan Buddha berada dalam keadaan yang sangat tidak memuaskan hati.
- e. Dari Yeh-po-ti, ia belayar dengan kapal yang lain, memuat 200 orang juga, terus menuju ke Canton pada hari Ke-16 dari bulan Ke-4.
- f. Untuk sampai ke Canton, kapal itu belayar ke arah timur-laut.
- g. Dalam pelayaran ini penumpang-penumpangnya menyiapkan perbekalan untuk pelayaran normal selama 50 hari.
- h. Tetapi oleh kerana dihalang oleh ribut, kapalnya belayar selama 82 hari, lalu sampai di sempadan wilayah Chang-Kwang (Kiao-Chou sekarang).

#### 7. Kenyataan dari Kao Seng Chuan

Dalam buku Kao Seng Chuan ada disebut tentang “Cho-po” atau “Shep’o” yang sama dengan “Yava” atau “Jawa” dalam hubungannya dengan kedatangan Gunavarman, seorang penyiar agama Buddha. Keterangan dalam buku itu dapat disingkatkan demikian<sup>19</sup>:-

17 B.R. Chatterji, op. cit., hlm. 60.

18 Berdasarkan terjemahan Giles dan dipetik oleh Paul Wheatley dalam *The Golden Khersonese*, hlm. 38-39, dan terjemahan James Legge dalam *A Record of Buddhistic Kingdoms*, 111-115.

19 Berdasarkan keterangan R. Braddell, *The Study of Ancient Times*, hlm. 275, dan B.R. Chatterji, *History of Indonesia*, hlm. 60.

- a. Gunavarman yang disebut dengan K'ieou-na-pa-mo adalah seorang dari kasta Kshatrya dan nenek moyangnya adalah raja-raja yang memerintah turun temurun di Ki-Pin (Kashmir). Tetapi sejak mudanya lagi ia menumpukan perhatian hidupnya kearah agama.
- b. Bila berusia 30 tahun, ia ditawarkan supaya menaiki takhta, tetapi ditolaknja jawatan ini, lalu pergi ke Pulau Ceylon, kemudian bertolak ke Cho-po (Yava) di mana agama Brahma sedang berkembang maju.
- c. Bila sampai di Cho-po, ia disambut oleh bonda bagi rajanya yang telah bermimpi mengenai kedatangannya. Pada mulanya bonda raja itu memeluk agama Buddha, kemudian dengan nasihat bonda, raja sendiri memeluk agama Buddha.
- d. Tidak lama selepas pertukaran agama Keluarga Diraja itu, tentera-tentera dari negara berjiran menyerang Cho-po (Yava). Serangan ini dipatahkan, tetapi raja menderita luka dikenai sebatang anak panah dan diubati luka ini hingga sembuh oleh Gunavarman. Sejak ini raja makin taat dan khusyu terhadap agama, hingga ia hendak turun dari takhta untuk menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap agama, tetapi dengan permintaan yang bersungguh-sungguh dari para menterinya ia membatalkan rancangannya itu dengan mengemukakan "tiga syarat" yang telah diterima semuanya dan salah satu daripadanya ialah bahawa penduduk di segenap rantau negaranya mestilah menurut apa yang diajarkan oleh Gunavarman. Selepas ini agama Buddha menjadi agama bagi seluruh negara.
- e. Dalam tahun 424 Masihi, sami-sami Buddha dari negeri China datang untuk menemui Gunavarman dan mengajaknya supaya melawat ke negeri mereka. Ia bertolak dalam tahun itu juga menuju ke Kota Canton menerusi sebuah kapal bernama Tcou-Na-T'i (Hindu-Nandi) dan tinggal di negeri China hingga ia wafat di Kota Nanking dalam tahun 431 Masihi.

#### 8. Kenyataan dari Sung Shu

Dalam buku Sung Shu disusun oleh Shen Yao (414-512 Masihi), ada menyebut nama She-p'o-Chou (Yavadvipa) dalam hubungan negara Ho-lo-tan sebagai berikut<sup>20</sup>:-

- a. Dalam Sung Shu, Jilid XCVII dinyatakan: "Negara Ho-lo-tan menguasai atas She-p'o-Chou".
- b. Dalam buku ini juga, Jilid V dinyatakan: "Negara Kiou-lo-Tan di She-p'o-Chou" menghantarkan upeti dalam bentuk hasil-hasil tempatan".

#### 9. Kenyataan dari Sung Shu Lagi

Dalam Sung Shu itu juga ada menyebut tentang She-p'o (Yava) yang

<sup>20</sup> Terjemahan Hsu-Yun-Ts'iao, *Notes on Tan-Tan*, dalam JMBRAS, Jilid xx, Bahagian 1, (1947), hlm. 47.

dihubungkan dengan "p'o-ta" iaitu "She-p'o-p'o ta", suatu negara semasa dengan Ho-lo-tan. Buku itu menyatakan<sup>21</sup>:-

"Dalam tahun 435, raja negeri Dja-va-da bernama Sri Pa-da do-a-la-pa-mo menghantarkan utusan, mempersembah sepucuk surat dan beberapa hadiah".

Penulis-penulis yang kemudian menyebut "Dja-va-da" dengan "She-p'o-p'o-ta" dan "Sri Pa-do-a-la-pa-mo" dengan "Che-li-po-ling-kia-mo".

#### 10. Kenyataan dari Prasasti Kota Kapur (Bangka)

Prasasti Srivijaya yang dipahat di Kota Kapur, Pulau Bangka dalam tahun 686 Masihi ada menyebut "Bhumi Java", tidak "Yavadvipa" yang tanpa ragu-ragu lagi ialah Pulau Jawa sekarang, istimewa "Jawa Timur dan Tengah". Prasasti itu menyebut pada bahagian akhir sebagai suatu amaran kepada penduduk Pulau Bangka supaya jangan durhaka kepada Srivijaya ketika tentera Srivijaya hendak menyerang Bhumi Jawa dengan perkataan sebagai berikut<sup>22</sup>:-

"Sumpah ini nipahat di velana yam vala Srivijaya kalivat manapik yam bhumi java tida bhakti ke Srivijaya".

Ertinya:

"Sumpah ini dipahat ketika bala tentera Srivijaya hendak menyerang Bhumi Jawa yang tiada berbakti kepada Srivijaya".

Begitulah fakta-fakta penting mengenai "Yavadvipa" atau singkatannya "Yava" dapat dikutip sejak dari abad pertama hingga abad Ke-7 Masihi, dan nampaknya merupakan fakta-fakta yang sungguh mengelirukan, ia tidak dapat dirujuk kepada "Pulau Jawa" sekarang dengan sepenuhnya.

Bila tiba abad Ke-8 Masihi nama "Yavadvipa" memberikan gambaran yang lebih jelas perbezaannya dari Pulau Jawa sekarang. Turutilah fakta-fakta yang akan diterangkan seterusnya dibawah ini.

#### 11. Kenyataan dari Prasasti Changgal


Prasasti ini ditemui di desa Changgal di atas Gunung Wukir, dalam Keresidenan Kedu, Jawa Tengah, ke sebelah tenggara dari Borobudur. Penemuannya di isytiharkan di Royal Academy, Amsterdam, dalam sidangnyanya pada 10 Mac 1884. Ia ditulis untuk mengingati pembangunan suatu tempat suci linga diatas Gunung Wukir oleh raja Sri Sanjaya dalam tahun 732 Masihi, kemudian diperkenalkan secara agak terperinci tentang dirinya. Prasasti Changgal ini ditulis dalam bahasa Sanskrita dengan huruf pallava, terdiri dari 25 baris dan terbahagi kepada dua belas bahagian ayat. Yang menyebut tentang Yavadvipa terdapat pada bahagian-bahagian ayat 7 dan 8. Yang penting dalam konteks kajian di sini ialah bahagian 7 itu sahaja yang berbunyi demikian<sup>23</sup>:-

"astddvipavaram Yavakhayamatulandhandhan yadivi jdhikam sampannam kanakakaraistadamarai ... dinopar jitam. Srimatkunjarakunja desanhitam gangaditirtha vrtam".

21 Terjemahan W.P. Groeneveldt, *Notes on the Malay Archipelago and Malacca*, hlm. 9.

22 K.A. Nilakanta Sastri, *History of Sri Vijaya*, hlm. 116.

23 Ibid.. hlm. 117-119.



Rajah 2: Prasasti Changgal yang ditulis atas perintah Sri Sanjaya dalam tahun 732 Masihi.



Ertinya:

"Disana terdapat suatu dvipa yang tiada tandingnya namanya Yava kaya dengan biji-bijian dan benih-benih, kaya dengan lombong-lombong emas (baki dari baris 2 ini tiada dapat difaham kerana kekosongan). Disana terdapat tempat keramat yang paling suci dan mengkagumkan, dipersembahkan kepada Siva untuk kebaikan dunia, ditetapkan dalam kunjara-kunja-desa yang makmur dan dikelilingi oleh Ganga dan lain-lain sungai-sungai suci (tirtha)", (lihat rajah 2).

### 13. Kenyataan dari Hsin T'ang Shu

Hsin T'ang Shu yang disusun oleh Ou Yang-Hsiu dan Sung Ch'i dalam tahun 1060 Masihi ada menyebut "She-p'o" (Yava) iaitu Pulau Jawa sekarang dalam hubungannya dengan "Ho-ling" (Kalingga), sebagai berikut<sup>24</sup>:-

"Ho-ling, ia juga digelarakan She-p'o. Ia terletak di lautan selatan. Di sebelah timurnya ialah P'o-li, di sebelah baratnya To-p'o-ting. Di Selatannya berbatasan dengan lautan selatan, dan disebelah utaranya Chenla.... Pemerintahnya tinggal dalam ibu kota She-p'o. Neneknya Chi-Yen, memindahkan (ibu kotanya) ke arah timur ke kota P'o-lu-chia-ssu. Di sempadan (Ho-ling) terdapat 28 negeri kecil, semuanya setia kepada Ho-ling. Disana ada 32 menteri penting dan Ta-tso-kan-hsiung adalah ketua mereka. Di-atas kemuncak suatu gunung terdapat wilayah Lang-pi-ya. Raja sering mendaki gunung ini untuk merenung ke laut".

"Kota She-p'o" sama dengan Kota Yava (Yavapura?), "Chi-yen" ialah "Gajayana", raja Kalingga dan "P'o-lu-chia-ssu" sama dengan "Waru Gasik (Gersik)" terletak di Jawa Timur, kira-kira Gersik sekarang. Perpindahan ibu kota itu terjadi di antara tahun-tahun 742-755<sup>25</sup>.

### 14. Kenyataan dari Hsin T'ang Shu Lagi

Di manakah letaknya "Kota She-p'o" (Kota Yava) sebelum dari perpindahan ke Jawa Timur? tentu ia terletak di sebelah barat, mungkin Jawa Tengah, atau mungkin terletak di sebelah barat yang lebih jauh, kerana Hsin T'ang Shu menggambarkan Kota She-p'o itu dari segi astronominya bukan terletak di Pulau Jawa sekarang, tetapi lebih jauh lagi, di mungkin merujuk kepada suatu pusat empayar yang terletak di suatu tanah yang bernama "Yava" juga. Fakta berdasarkan astronomi ini dihuraikan oleh J.L. Moens sebagai berikut<sup>26</sup>:-

"Sekarang kita cuba meletakkan ibu kota empayar Cho-po. Sejarah T'ang mengandungi banyak informasi yang berguna untuk kita. Suatu observasi astronomi di dalamnya menyatakan: 'Pada tengah musim panas<sup>27</sup>, suatu tongkat 8 kaki tinggi melempar bayang ke selatan 2 kaki 4 inci<sup>28</sup>'. Suatu kiraan yang mudah membuktikan bahawa tempat observasi, iaitu ibu kota Cho-po, adalah terletak di antara 6 darjah dan 6 darjah 3 inci utara. Ia tidak perlu membataskan ukuran lebih tepat sebab panjang bayang tongkat itu berbeza dalam ketepatannya daripada alat pengukur bayang zaman moden<sup>29</sup>. Kita dapat menghasilkan natijah dari ini bahawa ia begitu jauh ke utara untuk diperkenali dengan Sumatera. Satu-satunya pilihan ialah di antara Pantai Timur dan Pantai Barat Malaya".

24 Terjemahan O.W. Wolters, *Early Indonesian Commerce*, hlm. 216.

25 G. Coedes, *The Indianized States of Southeast Asia*, hlm. 90.

26 J.L. Moens, *Srivijaya, Yava en Kataha*, dalam JMBRAS, Jld. XVI, Bah. 11, Januari, 1940, hlm. 40.

27 "Tengah musim panas" (midsummer) atau "summer-solstice" iaitu saat matahari berada pada jarak terjauh dari garis Khattullistiwa, iaitu pada 20-21 Jun.

28 Bandingkan dengan terjemahan W.P. Groeneveldt, dalam *Notes on the Malay Archipelago and Malacca*, hlm. 14.

29 Gerini menempatkan pada 6° 18' utara.

## 15. Kenyataan dari Sejarah Vietnam

G. Coedes memetik suatu keterangan dari G. Maspero tentang suatu serangan ke atas Tongking oleh kumpulan-kumpulan tentera dari selatan<sup>30</sup>:-

"Dalam tahun 767, Tongking telah diserang oleh kumpulan-kumpulan yang disebut dalam sejarah Vietnam datang dari She-p'o (Java) dan K'un-lun (kepulauan selatan pada umum). Gabenor Chang-po-i menewaskan mereka hampir dengan Son-tay sekarang dan mengundurkan mereka ke laut".

Perkataan "K'un-lun" dalam bahasa Cina ditujukan kepada "Duvipantara" atau "Kepulauan", termasuk Pulau Java sekarang. Kalau begitu "She-p'o" atau "Java" yang manakah ditujukan, yang nampaknya mengepalai serangan itu?

## 16. Kenyataan dari Prasasti Po Nagar

Prasasti Po Nagar adalah suatu prasasti yang ditulis atas perintah Satyavarman, raja Champa, dalam tahun 784 Masihi dan telah ditemui di suatu tempat bernama Po Nagar dalam Vietnam Selatan sekarang. Ia ditulis dalam bahasa Sanskrita dengan huruf Pallava, mengandungi 5 bait. Dalam bait 2 dan 3 disebut tentang serangan dari tentera asing yang tidak disebut nama negerinya tetapi dapat diagak sebagai datang dari Yavadvipa berdasarkan serangan-serangan ke atas Tongking tadi dan serangan ke atas Champa sekali lagi sebagaimana yang tersebut dalam satu prasasti lagi nanti. Prasasti Po Nagar itu menggambarkan serangan itu sebagai yang di singkatkan dibawah ini<sup>31</sup>:-

"Dalam tahun Saka 696 (774 Masihi), orang-orang yang kejam, tidak mempunyai kasihan belas, berkulit hitam (hangus), datang dari kota-kota (negeri-negeri) lain, makanannya lebih dahsyat daripada makanan pelesit, jahat, mengamok serupa dengan Yama (Malikul-Maut), datang dengan kapal-kapal, membawa lari patung deva Mukhalingga dan membakar candinya. Kerana serangan ini, raja Sri Satyavarman belayar dengan kapal-kapalnya yang baik bersama dengan tentera dan pahlawan-pahlawannya dan membunuh orang-orang yang berdosa dan mengamok itu di laut. Tetapi sungguh mendukakan bahawa (patung) Sivamukha bersama dengan seluruh kekayaan yang berada dalam kapal mereka telah dicampak ke dalam laut".

Serangan ini bukanlah suatu serangan semata-mata untuk merompak. Ia mesti ada kaitan dengan politik. Nampaknya Champa telah menjadi salah satu wilayah empayar yang berpusat di Javadvipa lama sebelum serangan yang gagal ke atas Tongking dalam tahun 767 Masihi tadi dan memang ada bukti untuk hypothesis ini. Kemudian nampaknya Champa memberontak dan serangan itu adalah satu siri serangan hukuman.

## 17. Kenyataan dari Prasasti Yang Tikuh

Yang Tikuh adalah gelaran bumiputera untuk prasasti yang ditemui dekat kampung Takoh, tidak jauh dari bukit Datrang di Lembah Phanrang. Ditulis dalam tahun 799 Masihi atas perintah Indravarman, raja Champa. Prasasti

<sup>30</sup> G. Coedes, op. cit., hlm. 91.

<sup>31</sup> R.C. Majumdar, *Ancient Indian Colonies in the Far East, vol. I Champa, Book III, The Inscriptions of Champa*, hlm. 43.

ini ditulis dalam bahasa Sanskrita, mengandungi 14 bait. Mengenai Serangan Yavadvipa tersebut dalam bait Ke-6 pada bahagian akhir berbunyi demikian<sup>22</sup>—:

“Oleh kerana dosa-dosa yang melampau dalam zaman Kali (Akhir Dunia) maka ia (candi Bhadradhipatisvara) telah dibakar oleh tentera Java yang datang dengan kapal-kapal dan menyebabkan (candi) menjadi kosong dalam tahun saka 709 (787 Masihi)”.

#### 18. Kenyataan dari Akhbarus-Sin wal-Hind

Seorang saudagar Arab dari Siraf bernama Sulaiman telah mengembara di India dan China. Catatan-catatannya diperbukukan dalam tahun 851, kemudian ditambah sedikit oleh Abu Zaid Hasan dan dikeluarkan dalam tahun 916 Masihi dengan nama “Akhbarus-Sin Wal-Hind”. Dalam buku ini Sulaiman ada membicarakan tentang Yavadvipa atau Yava (Jawa) yang disebutnya “Zabag” atau “Zabaj”. Ia memberikan gambaran yang menarik tentang negara Zabag yang dapat disingkatkan demikian<sup>33</sup>:-

- a. Kota Zabag mengadap secara langsung kearah China. Jauh antara keduanya ialah sebulan perjalanan menerusi laut dan kadang-kadang kurang lagi kiranya angin adalah baik.
- b. Raja kota (Zabag) ini terkenal dengan gelaran “Maharaja”. Lingkungan negaranya seluas 900 farsakh<sup>34</sup>. Disamping ini ia memerintah pula pulau-pulau yang banyak seluas 1,000 farsakh malah lebih lagi. Di antara negara-negara yang dibawah kekuasaannya ialah Pulau Sribuza (Srivijaya) yang lingkungannya seluas 400 farsakh (meliputi Sumatera Selatan) dan pulau yang digelar Rami (Ramni atau Lamuri iaitu Sumatera Utara), Lingkungannya seluas 800 farsakh. Juga sebahagian dari kepunyaan Maharaja ialah negara perlautan iaitu Kalah (Segenting Kra) yang terletak di tengah jalan di antara China dan Arabia.... ke pelabuhan (Kalah) ini kapal-kapal dari Oman datang dan dari pelabuhan ini kapal-kapal dari Oman itu pulang. Kekuasaan Maharaja adalah berkesan dalam pulau-pulau ini.
- c. Pulau di mana baginda bersemayam adalah amat subur dan tempat-tempat yang didiami penduduk bersambung-sambung, tiada berputusan. Adalah dikatakan bila ayam-ayam negeri ini berkukuk ketika matahari naik, sebagaimana yang berlaku di Arabia, kukuk itu dijawab oleh satu sama lain sepanjang 100 farsakh, malah lebih lagi, kerana kampung-kampung adalah bersambung-sambung dengan tidak berkeputusan.
- d. Kemudian Sulaiman menyifatkan adat Maharaja yang mengkagumkan. Pada tiap-tiap pagi, kita diberitahu, bendahari menyembahkan kepada raja seketul emas berbentuk (empat persegi)

32 Ibid., hlm. 50.

33 Dikutip daripada petikan-petikan Chatterji dalam *History of Indonesia*, hlm. 42-44; G. Coedes dalam *The Indianized States of Southeast Asia*, hlm. 130-131; dan Malcolm Mac Donald dalam *Angkor*, hlm. 41-44. Semuanya ini dipetik pula dari terjemahan Ferrand dalam *L'Empire Sumatranais de Srivijaya*, hlm. 56-61.

34 1 farsakh sama dengan 6¼ kilometer.

sebagai batu bata. Kemudian baginda campakan ke dalam suatu danau berhampiran dengan istana. Dalam sepanjang hidup Maharaja, tiada seorang pun yang boleh menyentuh ketulan-ketulan emas itu. Bila baginda telah mangkat, penggantinya mengeluarkan ketulan-ketulan emas ini (dari danau). Setelah dibilang dan ditimbang lalu dibahagi-bahagi di antara anggota-anggota Keluarga Diraja, panglima-panglima, hamba-hamba dan orang-orang miskin. Bilangan ketulan-ketulan emas ini dan jumlah berat keseluruhannya dicatat dalam catatan rasmi dan prestig seorang raja adalah bergantung pada jumlah emas yang ia tinggalkan.<sup>35</sup>

e. Di antara Khmer (Khemra atau Chen-la menurut sebutan Cina) dan Zabag adalah sejauh dari 10 hingga 20 hari pelayaran menerusi laut menurut keadaan udara....

f. Kemudian saudagar Sulaiman menceritakan suatu peristiwa serangan Maharaja ke atas Khemra itu. Pada suatu pagi raja Khemra dihadapi oleh perdana menteri di balai pengadapan. Mereka bercakap mengenai sekitar kemasyhuran Maharaja Zabag banyak pulau-pulau yang menjadi jajahan takluknya, banyak rakyatnya dan kemegahan empayarnya yang tidak dapat disangkal lagi. Dengan rupa yang cemburu, raja Khemra itu berkata: "Aku mempunyai suatu hasrat yang aku mesti penuhi". "Apakah hasrat itu, wahai paduka tuanku?" bertanya perdana menteri itu. "Aku mahu melihat di hadapan mata kepalaku di atas suatu ceper", raja itu menegaskan: "Kepala raja Zabag itu". ....Meskipun Perdana Menteri memberikan nasihat supaya jangan mengulangi lagi kata-kata seperti itu, tetapi nasihat ini menimbulkan kemarahan raja itu, ia menyatakan lagi hasratnya, dengan suara yang lantang... Berita hasrat raja Khemra ini dibawa dari mulut ke mulut hingga sampai kepada pengetahuan Maharaja Zabag sendiri. Baginda bukan sahaja seorang yang mempunyai kebijaksanaan yang matang, tetapi juga seorang yang megah sesuai dengan kemaharajaannya. Baginda memanggil penasihatnya yang utama, menyatakan kepadanya apa yang ia telah dengar dan menambah lagi: "Setelah kenyataannya yang bodoh itu telah menjadi suatu perisytiharan kepada umum, iaitu mahu melihat kepalaku di atas suatu ceper, meskipun ia masih muda dan lemah, adalah perlu bagiku untuk bertindak. Menganggap sepi sahaja terhadap penghinaan ini, tentu akan merosakan peribadiku, menjatuhkan diriku dan merendahkan diriku di hadapannya". Kemudian Sri Maharaja menyuruhkannya menyimpan rahsia percakapan ini dan memerintahkannya menyiapkan 1,000 buah kapal serta mengisikan tentera sebanyak yang terdapat. Bila angkatan laut telah siap, baginda sendiri berangkat dengan mengisytiharkan bahawa ia akan belayar kerana makan angin di antara kepulauannya, tetapi angkatan laut ini

35 Menurut cerita tradisi Kelantan, Maharaja berbuat demikian supaya rakyat tidak memberontak dan sentiasa berdua supaya dilanjut usia Maharaja. Makin lanjut usia Maharaja, makin banyak rakyat mendapat habuan emas.

sebenarnya menuju ke muka kuala (Kuala Sungai Mekong) yang terletak di pantai seberang dan menuju ke Ibu Kota Khemra. Di sana pasukan-pasukan tenteranya menyerang orang-orang Khmer secara mengejut, melipat tentera mereka, baginda menawan ibu kota itu, mengepung istana dan menawan raja”.

Seterusnya saudagar Sulaiman menyatakan: “Maharaja itu mengisytiharkan kepada orang ramai bahawa ia akan menjamin keselamatan peribadi tiap-tiap orang, kemudian ia bersemayam di atas takhta raja Khemra yang telah ditawan dan meletakkan raja dan Perdana Menterinya di hadapannya. Baginda bertitah kepada raja Khemra itu: “Apakah yang menyebabkan kamu membuat suatu hasrat yang tidak ada dalam kemampuan kamu untuk memenuhinya, yang tidak memberikan kebahagiaan kepada kamu andainya kamu melaksanakannya?” Raja itu tidak menjawab apa-apa. Kemudian Maharaja menyambung lagi: “Kamu telah menyatakan hasrat untuk melihat dengan mata kepala kamu terhadap kepalaku di atas suatu ceper, tetapi andainya kamu juga mahu menawan negeriku dan negaraku atau hanya untuk membinasakan sebahagian daripadanya, aku akan melakukan tindakan yang serupa juga terhadap Khemra. Oleh kerana kamu telah menyatakan hanya yang pertama sahaja dari hasrat-hasrat itu, aku adalah melaksanakan layanan yang kamu hendak laksanakan terhadapku, dan kemudian aku akan kembali ke negeriku tanpa mengambil apa-apa kepunyaan Khemra yang berharga, sama ada kecil atau besar. Kemenanganku akan menjadi suatu pelajaran kepada pengganti-pengganti kamu, supaya tidak ada seorang pun lagi yang akan cuba melaksanakan suatu kerja yang diluar batas kekuasaannya atau suatu hasrat yang lebih dari bahagian yang diberikan kepadanya oleh nasib. Tiap-tiap seorang yang hendak membuat baju haruslah mengukur badannya sendiri lebih dahulu”. Kemudian baginda memerintah supaya dipotong kepala raja Khemra itu. Selepas itu baginda menjemput Perdana Menteri Raja yang telah mati itu supaya mengangkat seorang pengganti yang bijaksana untuk menghargai amaran senyap ini, dan kemudian kembali dengan segera ke negerinya dengan tidak membawa apa-apa bersamanya atau bersama tenteranya sesuatu yang menjadi kepunyaan rakyat Khmer. Setelah kembali ke istananya sendiri, Maharaja bersemayam di atas takhtanya dan meletakkan di hadapannya suatu ceper yang mengandungi kepala raja Khmer. Baginda menyuruh supaya kepala raja ini dibasuh dan dibubuh ubat tahan lama, ditaruh dalam suatu bejana dan dihantar pulang kepada raja baru yang menggantikan raja Khmer yang terpengkal kepalanya itu.

Bersama dengan kepala itu, Maharaja menghantarkan sepucuk surat menyatakan: “Aku telah bertindak dengan segera terhadap raja sebelum kamu, oleh kerana kebencian yang ia telah lahirkan terhadap aku, dan kami telah mengajarnya (memberikan pelajaran) supaya menjadi teladan bagi orang yang hendak menurut jejaknya.

Kami telah melakukan terhadapnya layanan yang ia hendak lakukan kepada kami. Kami fikir bahawa adalah bijaksana untuk menghantarkan kepada kamu kepalanya, kerana ia tidak mustahak sekarang disimpan di sini. Kami tidak hendak mengambil apa-apa kebahagiaan dari kemenangan yang kami telah dapati daripadanya". Seterusnya Abu Yazid menyatakan: "Bila berita peristiwa ini sampai kepada raja-raja India dan China, Maharaja makin bertambah tinggi pada pandangan mereka."

Peristiwa yang telah dinyatakan oleh Abu Yazid di atas, nampaknya bukan terjadi dalam zamannya (abad Ke-9), tetapi terjadi dalam abad Ke-8, ketika Khemra (Chen-la) dan Champa terletak dibawah takluk Yavadvipa. Sebab itu serangan Maharaja Zabag itu bukan untuk menakluk, tetapi merupakan serangan pengajaran bagi raja-raja bassal yang cuba angkat kepala. Dalam prasasti Sdok Kak Thom dibawah kita melihat dalam tahun 802 Masihi, Khemra baru mendapat kemerdekaan dari Yavadvipa.

#### 19. Kenyataan dari Prasasti Sdok Kak Thom

Prasasti Sdok Kak Thom adalah suatu prasasti yang ditemui di Phnom Sandak di Preah Vihear, bertarikh tahun 1052 Masihi, ditulis dalam bahasa Sanskrita dan Khmer. Singkatan kandungannya kita petik dari apa yang ditulis oleh R.C. Majumdar sebagai berikut<sup>36</sup>:-

"Prasasti Sdok Kak Thom yang ditulis dalam bahasa-bahasa Sanskrita dan Khmer bertarikh tahun 974 Saka (= 1052 Masihi) menyatakan kepada kita bahawa raja Jayavarman II, yang datang dari Jawa untuk memerintah dalam Kota Indrapura,<sup>37</sup> melaksanakan suatu perayaan keagamaan supaya Kambujadesa tidak lagi terletak dibawah takluk Jawa. Kerana Jayavarman II memerintah dari tahun 802 hingga 869, ini bermakna negara Khmer (Cambodia) telah terletak dibawah pengaruh Jawa hingga ke akhir abad Ke-8".

#### 20. Kenyataan dari al-Masalik wal-Mamalik

Seorang penulis keturunan Farsi bernama Abul-Qasim Ubaidillah bin Abdullah yang terkenal dengan Ibnu Khurdazabeh dalam bukunya al-Masalik wal-Mamalik yang ditulis dalam tahun 844 hingga 848 Masihi ada menyentuh sedikit mengenai negara "Zabag" yang sama dengan "Java" atau "Javaka". Di antara lain ia berkata<sup>38</sup>:-

"Raja Zabag dinamakan "Maharaja" .... Maharaja mempunyai pendapatan harian sejumlah 200 man<sup>39</sup> emas pada tiap-tiap hari. Baginda menjadikan emas seketul berbentuk empat persegi sebagai batu bata dan mencampakkannya ke dalam air sambil berkata: "Inilah rumah perbendaharaan ku". Sebahagian dari pendapatan itu, kira-kira 50 man emas setiap hari didapati dari judi perlagaan ayam. Menurut peraturan bahawa kaki ayam yang menang adalah kepunyaan baginda dan tuan ayam itu menebusnya dengan sejumlah emas".

36 R.C. Majumdar, *India and South-east Asia*, 1978, hlm. 53.

37 Menurut Coedes Kota Indrapura ini terletak dalam Wilayah Thbong Khmum disebelah timur Kampong Cham sekarang.

38 Ibnu Khurdazabeh, *al-Masalik wal-Mamalik*, hlm. 68.

39 "Man" suatu timbangan emas, bernilai 600 dirham (wang perak).

## 21. **Kenyataan dari Prasasti Nalanda**

Nalanda adalah nama suatu tempat dalam wilayah Bihar, India, oleh itu prasasti yang ditemui disini dinamakan Prasasti Nalanda, bertarikh kira-kira tahun 860 Masihi. Dalam hubungan dengan "Yava", prasasti ini ada menyebut sebagaimana yang disingkatkan dibawah ini<sup>40</sup>:-

- a. Prasasti Nalanda yang ditulis pada pelat-tembaga bertarikh dalam tahun Ke-39 dari pemerintahan raja Davapala. Ia mencatat kurniaan lima buah kampung oleh Devapala kerana menyempurnakan permohonan Balaputradeva yang terkenal, raja Suvarnadvipa (Suvarnadvipadhipa — Maharaja-Sri-Balaputradeva).
- b. Prasasti itu mengakhiri keterangannya dengan suatu keterangan singkat mengenai Balaputradeva yang boleh diringkaskan sebagai berikut:-

"Di sana ada seorang raja besar dari Yavabhumi (Y-pala), yang namanya bererti "Algojo musuh-musuh yang berani" (Vira-vairi-mathananugata-bhidhanah) dan juga seorang perhiasan keluarga Shailendra (Shailendra-vamsa-tilaka). Baginda mempunyai seorang putera yang berani (digelarkan) Samaragravira (pahlawan yang terkedepan dalam medan perang).

- c. Isterinya Tara dari jenis Sri-Varmasetu<sup>41</sup> dari ras bulan, serupa dengan Devi Tara. Dengan isteri ini ia melahirkan seorang putera, Sri-Balaputra, yang membangunkan sebuah vihara di Naland.

## 22. **Kenyataan dari Kitabul-Buldan dan al-A'alaqun-Nafisah**

Ibnul-Faqih al-Hamdani dan terkenal dengan Ibnul-Faqih, dalam bukunya "Kitabul-Buldan", tahun 902 Masihi, menyatakan<sup>42</sup>:-

"Tidak ada sebuah negeri di sebelah selatan selepas Zabag dan rajanya sangat kaya". Ini bermakna seluruh kepulauan Asia-Tenggara adalah termasuk dalam negeri (empayar) Zabag.

Ali Hamid Ibnu Omar Ibnu Rustah dan terkenal dengan Ibnu Rustah dalam bukunya al-A'alaqun-nafisah, tahun 903 Masihi, menulis<sup>43</sup>:-

"Raja besar (Zabag) digelar Maharaja iaitu raja segala raja, baginda tidak dianggap sebagai paling agung di antara raja-raja India, kerana baginda tinggal di Kepulauan. Tidak ada seorang raja lain pun yang lebih kaya dan lebih berkuasa daripada baginda dan tidak ada (raja) yang mempunyai pendapatan yang lebih daripadanya".

## 23. **Kenyataan dari Prasasti Nhan-Bieu**

Prasasti Nhan-Bieu ditemui di suatu tempat bernama Nhan-Bieu dalam daerah Quang-Tri, Champa Utara di zaman silam, bertarikh tahun 833 Saka (911 Masihi). Kandungannya terdiri dari 22 bahagian. Dalam bahagian ke-7,

40 R.C. Majumdar, *India and South-east Asia*, hlm. 49.

41 Pandit H. Sastri membaca nama ini "Dharmasetu", tetapi N.C. Majumdar membacanya "Varmasetu".

42 R.C. Majumdar, *op. cit.*, hlm. 57.

43 *Ibid.*, hlm. 57.

ke-8, ke-9 dan ke-10 ada menyebut tentang Yavadvipa yang dapat disingkatkan demikian<sup>44</sup>:-

- a. Ada seorang bangsawan yang cerdik, berhati-hati, beragama dan bijaksana. Sangat taat kepada raja dan sangat setia kepada segala perintah raja.
- b. Ia adalah nakhoda kegemaran raja Sri Jayasimhavarman dan mempunyai kekayaan yang sesuai dengan hajatnya, ia bernama Pov Klun Pilih Rajadvarah. Dengan perintah raja ia bertolak ke Ibu Kota Yavadvipa dengan tugas sebagai utusan diplomatik, dan mendapat kepujian kerana berjaya dalam mengendalikan tugasnya. Sejak dari masa itu ia bertambah kaya.
- c. Dalam zaman raja Sri Bhadravarman, Pov Klun Pilih Rajadvarah mendapat gelaran Pov Klun Sudanda (va) sa. Sekali lagi, dengan perintah raja, ia pergi ke Yavadvipa buat kali kedua dan berjaya pula dalam mengendalikan tugasnya. Ia mendapati kurniaan dari raja Sri Bhadravarman sawah-sawah dan kampung-kampung di Sudan dan Kumovel.

#### 24. Kenyataan dari Murujuz — Zahab

Seorang pengembara dan ahli sejarah terkenal, Abil-Hasan 'Ali bin al-Husin bin 'Ali al-Mas'udi dan lebih terkenal dengan al-Mas'udi telah menulis sebuah buku bernama "Murujuz-Zahab" dalam tahun 943. Dalam buku ini ia menulis tentang Asia-Tenggara, di antaranya mengenai negara (empayar) Maharaja yang nampaknya sama dengan Maharaja Zabag seperti yang disebut oleh Abu Yazid tadi. Al-Mas'udi memberikan fakta-fakta yang dapat disingkatkan sebagai berikut<sup>45</sup>:-

- a. India adalah sebuah negeri yang melebar ke atas laut dan darat. Sempadannya ialah negeri Zabag, iaitu negara Maharaja, raja Kepulauan. Zabag yang memisahkan India dari China adalah termasuk dalam negeri yang dulu itu (India).
- b. Negara Khmer terletak di tengah jalan (dari China?) menuju ke negara-negara Maharaja, raja pulau-pulau Zabag, Kalah dan Sirandib (Ceylon).
- c. Selepas meninggalkan Pulau Sirandib (Ceylon) terdapat pulau-pulau lain, kira-kira 1,000 farsakh (jauhnya), (salah satunya) dikenali dengan ar-Ramin (Sumatera Utara), ramai penduduk. Di dalamnya ada raja-raja dan menghasilkan emas yang banyak. Diikuti pula oleh negeri Qansur (Fansur di pantai barat Sumatera Utara), dari sini dikeluarkan kapur Qansur (kapur Fansur). Kemudian sampai ke pulau-pulau-Najmalus (Nicobar), penduduknya keluar dengan perahu-perahu dengan berbogel menawarkan hasil-hasil tempatan, kemudian sampai ke Pulau Andaman.

<sup>44</sup> R.C. Majumdar, *Ancient Indian Colonies in the Far East, Vol. 1 Champa Book 11, The Inscriptions of Champa*, hlm. 129.

<sup>45</sup> Al-Mas'udi, *Murujuz-Zahab*, Jilid 1, hlm. 82, 140 dan 152-154. Keterangan b. diatas tidak ada dalam naskhah kita, tetapi terdapat dalam naskhah Ferrand, Jilid 1, dan dipetik oleh R.C. Majumdar dalam *India and South-east Asia*, hlm. 58.



- d. Kemudian masuk ke laut keempat iaitu "Kalahbar" juga disebut "Kalah" (Laut Pantai Barat Segenting sampai ke Perak), terdapat banyak pulau dan bukit-bukit yang mengkagumkan. Kalah ini terletak pada pertengahan jalan dari China dan sebaliknya. Di Kalah berhenti kapal-kapal orang-orang Islam dari Siraf dan Oman dan mereka berhubung dengan orang-orang yang datang dari negeri China dengan kapal-kapal mereka. Pada zaman dulu tidak seperti ini, kapal-kapal dari negeri China datang ke negeri-negeri Oman, Siraf, Faris, Bahrain, Ubullah dan Basrah.
- e. Kemudian masuk ke laut kelima yang dikenali dengan Kardanj<sup>46</sup> (Laut Pulau Kalimantan?), terdapat banyak gunung-gunung dan pulau-pulau, (Kardanj) menghasilkan kapur.
- f. Kemudian diikuti oleh laut keenam, Laut Sanf (Champa iaitu Laut China Selatan sekarang). Di laut ini terdapat "Negara Maharaja" (nampaknya dimaksudkan kepada Maharaja Zabag). (Wilayah-wilayah) miliknya tiada terdaya hendak ditulis dan bala tenteranya tiada terkira pula ramainya. Tiada seorang pun yang mampu (meskipun belayar) dengan kapal-kapal yang laju untuk merentasi kepulauannya dalam masa beberapa tahun<sup>47</sup>.
- g. Dan pulau-pulau (jajahan takluknya) bersambung dengan laut yang tiada diketahui sempadannya dan penghabisannya, di sebelah sana Laut China (merujuk kepada Kepulauan Filipina yang bersambung dengan Lautan Pasifik).
- h. Pada birai-birai kepulauan (dibawah miliknya) terdapat gunung-gunung yang mengeluarkan api siang dan malam, siangnya merah dan malamnya hitam, memuncak tinggi ke langit, mengeluarkan suara yang lebih hebat dari suara guruh dan petir (merujuk kepada kepulauan Maluku, Pulau Sulawesi, Kepulauan Nusa Tenggara dan Pulau Jawa). Kadang-kadang (gunung berapi) itu mengeluarkan suara yang ajaib dan menakutkan, ini menandakan kemangkatan seorang raja, kadang-kadang suara itu tidak begitu kuat, menandakan kematian pembesar-pembesar. Ini diketahui dengan pengalaman dalam masa bertahun-tahun<sup>48</sup>, tidak bersalahan, dan menjadi suatu adat.
- i. Dalam negara Maharaja terdapat Pulau Sribuza<sup>49</sup> (Srivijaya) yang lingkungannya seluas 400 farsakh dalam laut, juga Pulau Zang<sup>50</sup>

46 Dalam naskhah lain disebut dengan "Kard'a".

47 Dalam naskhah lain disebut dengan "dalam masa dua tahun".

48 Dalam naskhah lain disebut "sejak zaman purbakala".

49 "Sribuza", dalam naskhah asal ditulis "Sarirah" (ساريره), mungkin silap salinan atau cetakan yang sepatutnya ditulis "سريبره". Dalam naskhah Taqwimul-Buldan dari abad ke-14, yang akan disebut nanti, juga ditulis "Sarirah" (ساريره). "Sarirah" dalam naskhah al-Mas'udi dan lain-lain naskhah dibaca oleh G. Ferrand dengan "Sribuza" yang sama dengan "Srivijaya" dan diikuti oleh semua kaum terpelajar.

50 "Zang" atau "Zanj" menurut al-Idrisi (1154) ialah pantai timur Afrika dimana penduduk Zabag datang ke sini dengan kapal-kapal besar dan kecil untuk berniaga. Nilakanta Sastri menetapkan pantai timur Afrika itu kearah Selatan dari Cape Guardafui. Ini nampaknya termasuk Pulau Madagaskar yang penduduknya dari unsur Melayu. Dalam zaman al-Mas'udi (abad Ke-10), Zang ini masih menjadi salah satu wilayah Zabag, dan mungkin Pulau Madagaskar itu yang dimaksudkan dengan Pulau Zang (Zanj) diatas, tetapi nampaknya dalam zaman al-Idrisi (abad Ke-12), hanya hubungan perniagaan sahaja yang masih wujud.

dan Ramni (Lamuri)<sup>51</sup> dan lain-lain kepulauan dalam miliknya yang tiada terkuaa hendak disebut secara terperinci.

- j. Negara Maharaja menghasilkan minyak wangi, rempah-rempah yang harum, kapur, kayu gaharu, cengkeh, kayu candana, kasturi, rempah dan lain-lain.
- k. Maharaja adalah tuan (penguasa) laut keenam, Laut Sanf (Champa).

Meskipun Maharaja (Zabag) itu menguasai seluruh Kepulauan (Duvipantara), tekanan al-Mas'udi bahawa Maharaja ini menguasai Laut Champa atau Laut China Selatan sekarang membuktikan pusat empayarnya terletak di "Pantai Timur Semenanjung".

## 25. Kenyataan dari Prasasti Kedu

Prasasti Kedu yang terkenal juga dengan Prasasti Balitung ini ditemui oleh Statterheim tertulis diatas dua plat gangsa bertarikh tahun 828 Saka (907 Masihi). Ia ditemui di Kedu ini dekat Perambanan, dalam rantau ini terletak Kota Jogjakarta moden. Prasasti Kedu ini memberikan suatu daftar Maharaja-Maharaja sebelum Sri Maharaja rakai Watukura (Balitung) yang memerintah di Mataram, bahagian selatan dari Jawa Tengah. Daftar itu adalah sebagai berikut<sup>52</sup>:-

"..... rakai Mataram Sang Ratu Sanjaya.

Sri Maharaja rakai Panangkarana.

Sri Maharaja rakai Panunggalan.

Sri Maharaja rakai Warak.

Sri Maharaja rakai Garung.

Sri Maharaja rakai Pikatan.

Sri Maharaja rakai Kayu Wangi.

Sri Maharaja rakai Watu Humalang.

Sri Maharaja rakai Watu Kura."

## 26. Kenyataan dari Sung Shih

Sung Shih atau Sejarah Keluarga Sung (960—1279 Masihi) ditulis oleh T'o-T'o (1313-1355 Masihi). Meskipun ia ditulis dalam abad Ke-14 Masihi, tetapi mengandungi beberapa fakta mengenai sejarah Yavadvipa atau Zabag dalam hubungannya dengan China sejak bahagian awal dari abad Ke-10 Masihi. Tetapi Sung Shih menyebut nama Yavadvipa atau Zabag ini dengan "San-fo-ch'i" yang akan diterangkan sebabnya nanti. Dalam Sung Shih ini dinyatakan demikian<sup>53</sup>:-

- a. Ke arah akhir dari Keluarga T'ang, dalam tahun 905 Masihi, suatu perutusan dihantarkan (oleh Maharaja San-fo-ch'i) ke negeri China dengan membawa upi (oleh-oleh). Utusan ini ialah gabenor bagi ibu kota dan Maharaja China mengurniakan gelaran "Jeneral yang Mendamaikan Negeri-negeri yang Jauh".

51 Dalam naskhah lain disebut "ar-Ranj dan ar-Rami".

52 K.A. Nilakanta Sastri, *History of Sri Vijaya*, hlm. 50.

53 W.P. Groenevaldt, *Notes on the Malay Archipelago dan Malacca*, hlm. 64.

- b. Dalam bulan 9 dari tahun 960 Masihi, Si-ri-hu-ta-hia-li-t'an (Sri Udayaditya (varman)) menghantarkan suatu perutusan untuk membawa upeti (oleh-oleh), yang mana ia ulangi pula dalam tahun berikutnya (961).
- c. Dalam musim sejuk dari tahun yang sama (961), upeti (oleh-oleh), dibawa pula oleh raja bernama Si-ri-wu-ya (Sri Wa-dhiraja). Dalam tahun-tahun 971 dan 974 Masihi, utusan-utusan datang pula ke istana Maharaja China. Tahun berikutnya (975), utusan datang lagi.
- d. Dalam tahun 980 Masihi, raja San-fo-ch'i bernama Ha-ch'i (Haji atau Aji) menghantarkan perutusan ke China. Dalam tahun ini juga dilaporkan dari Ch'au-chou bahawa sebuah kapal perniagaan asing dari San-fo-ch'i telah sampai di pelabuhan itu dengan membawa rempah-rempah yang harum, ubat-ubatan, candu, sumbu-sumbu badak dan gading. Kerana angin tidak begitu baik ia mengambil masa 60 hari untuk sampai ke Ch'au-chou. Rempah-rempah wangi dan candu semuanya dibawa ke Canton.
- e. Dalam tahun 983 Masihi, raja Ha-ch'i menghantarkan perutusan. Dalam tahun 985 Masihi nakhoda sebuah kapal datang membawa hasil-hasil negerinya.
- f. Dalam tahun 988 Masihi suatu perutusan telah sampai dengan tujuan membawa upeti (oleh-oleh) dan dalam musim sejuk tahun 992 Masihi, informasi telah diterima dari Canton bahawa utusan ini yang telah meninggalkan ibu kota dua tahun yang lalu (990), telah mendengar berita di selatan bahawa negerinya telah diserang oleh She-p'o (Java) dan oleh itu terpaksa tinggal selama setahun. Dalam musim semi tahun 992 Masihi ia pergi ke Champa dengan kapalnya, tetapi mendengar berita tidak baik disana, ia datang balik untuk mendengar suatu perintah diraja supaya negerinya boleh menurut pimpinannya.

### Beberapa Petunjuk Penting

Dari kenyataan-kenyataan dari abad pertama Masihi' sampai kepada abad Ke-10 Masihi seperti yang telah dipaparkan di atas, meskipun dalam serba kabur dan tidak jelas, kita dapat menangkap pengertian dua kali Empayar Yavadvipa telah bangkit di Asia-Tenggara ini, *pertama*, sejak abad pertama hingga barangkali abad Ke-3 Masihi, sebagaimana yang ditunjukkan oleh sumber-sumber lain, dan *kedua*, sejak permulaan abad Ke-8, selepas keruntuhan Empayar Srivijaya, hingga abad Ke-10 Masihi. Dalam masa kebangkitan kedua ini ia disebut dengan "Zabag" oleh orang-orang Arab yang sama dengan "Javaka" atau "Yava". Ia menguasai Srivijaya itu dan menjadikannya satu negara takluk yang terbatas setakat Sumatera Selatan sahaja. Oleh itu "Zabag" itu bukan sama dengan "Srivijaya" yang disebut oleh orang-orang Arab dengan "Sribuzah".

Lokasi Pusat Empayar Yavadvipa kedua adalah agak jelas, iaitu terletak di "Pantai Timur-Laut Semenanjung".

Ini bermakna Semenanjung di zaman itu dinamakan "Yavadvipa" dan penduduknya dinamakan "Bangsa Yava atau Jawa". Tetapi, ini bukan

bermakna tidak ada nama "Java" untuk "Pulau Jawa" sekarang yang disebut dengan Yavadvipa oleh Ptolemy atau Bhumi Java dalam prasasti Kota Kapur atau Yava dalam hubungannya dengan Kalingga.

Dari kenyataan-kenyataan yang lepas nampaknya seolah-olah dua Yava ini, Yava Semenanjung dan Yava Pulau berada dalam suatu ikatan politik yang kuat dan solid, menyebabkan wujudnya kestabilan politik, kemakmuran ekonomi dan perkembangan kesenian. Dapat dikatakan dari abad Ke-8 hingga abad Ke-10 Masihi adalah suatu "zaman keemasan" bagi Empayar Yavadvipa ini, iaitu zaman munculnya candi "Borobudur" dalam abad Ke-9 Masihi, suatu lambang pemikiran tentang ketuhanan-kealaman yang menjadi salah satu keajaiban dunia. Melihatkan kebesaran Empayar pada zaman itu, nampaknya Borobudur itu bukan hasil dari ahli-ahli senibina dan seni ukir dari Pulau Jawa sahaja, malah ia merupakan penjelemaan dari kebijaksanaan para ahli senibina dan seni ukir seluruh Asia-Tenggara. Kekayaan emas yang melimpah di Yavadvipa (Semenanjung) membolehkan Sri Maharajanya melaksanakan projek pembangunan simbol ketuhanan-kealaman yang abadi itu, ditambah pula dengan fasiliti alam dan tenaga pekerja yang ramai di Pulau Jawa.

Dalam riwayat tradisi Kelantan dinyatakan bahawa dalam "zaman keemasan" ini, Sri Maharaja-Sri Maharaja Yavadvipa (Zabag) sebagaimana yang telah disebut nama-nama mereka dalam Prasasti Kedu diatas, senantiasa berulang-alik antara Yava Semenanjung dan Yava Pulau. Biasanya, kalau tidak ada sebab-sebab yang lain, mereka tinggal selama 6 bulan di Semenanjung dan tinggal selama 6 bulan pula di Pulau, termasuk masa pelayaran di laut. Dari Yava Pulau ini Sri Maharaja-Sri Maharaja mendapatkan tenaga manusia yang besar untuk berperang di mana-mana. Manakala di Pulau Jawa sendiri memang wujud raja-raja bassal yang setia dari "Keluarga Shailendra" di Jawa Tengah dan senantiasa bersedia melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Sri Maharaja-Sri Maharaja itu untuk menjaga keutuhan Empayar.

Empayar Yavadvipa ini kira-kira tahun 820 Masihi, ketika mencapai daerah yang seluas-luasnya pada akhir zaman Sri Maharaja rakai Mataram Sang Ratu Sanjaya, ketika berada di Semenanjung, telah diubahkan olehnya kepada suatu nama baru, "Sampugita", Singkatan dari nama "Sang Bunga Gita", suatu nama dalam bahasa Melayu-Sanskrita, bererti "Nyanyian Sang Bunga". Yang dimaksudkan dengan bunga ini ialah "bunga teratai" lambang "Srivijaya". Inilah nama yang disebut oleh orang-orang Cina dengan "San-fo-ch'i" dan telah mengadakan hubungan diplomatik yang pertama dengan China dalam tahun 905 Masihi, sebagaimana yang telah tersebut dalam Sung Shih tadi. Oleh itu orang-orang Cina mengenali Empayar ini dengan "San-fo-ch'i", manakala orang-orang Arab masih menyebut dengan nama lamanya "Zabag" atau "Zabaj".

Nampaknya sejak ke arah akhir dari abad Ke-10 dan bahagian awal dari abad Ke-11 Masihi, Empayar Sampugita itu telah dipecah-pecahkan di Daratan dan Kepulauan, kerana perubahan polisi pentadbiran yang menyeluruh berupa pemberian kemerdekaan secara sukarela oleh seorang Sri Maharaja kepada saudara-saudara dan kaum kerabatnya yang hampir

yang diangkat menjadi raja-raja merdeka.

Pada ke arah akhir dari abad Ke-10 itu ialah pemberian kemerdekaan kepada Champa dan memberikan kemerdekaan kepada Pulau Varuna (Pulau Kalimantan) Timur dan Utara serta seluruh Kepulauan Dhanu (Filipina) yang diletakkan dibawah raja Varuna (Brunei sekarang). Yang terpenting dalam konteks ini ialah pemberian kemerdekaan kepada raja Pulau Jawa dengan menggabungkan kepadanya Kepulauan Nusa Tenggara, Kepulauan Maluku, Pulau Irian, Pulau Sulawesi dan Pulau Varuna (Kalimantan) Barat dan Selatan. Kemudian pemberian kemerdekaan kepada raja Srivijaya kira-kira dalam tahun 1018 Masihi dengan menggabungkan seluruh Pulau Sumatera dan sebahagian dari pantai barat Semenanjung iaitu wilayah Kataha (Kedah sekarang), suatu pusat perniagaan penting.

Ketika itu Empayar Sampugita hanya meliputi Semenanjung (tidak termasuk Kataha), seluruh Segenting, seluruh Duvaravati (Thailand Tengah dan Utara) dan Pagan (Burma) Selatan.

Sejak pemecahan Empayar ini, baru muncul nama "She-p'o" atau "Yava" di zaman akhir dalam catatan-catatan Cina yang merujuk kepada "Pulau Jawa" sekarang.

Oleh kerana permusuhan dengan India Selatan makin meningkat, maka dalam abad Ke-12 Masihi, ibu kota Sampugita atau San-fo-ch'i atau Zabag itu dipindahkan ke Pantai Barat Semenanjung di antara Segenting Kra, memanjang ke selatan sampai ke Perak sekarang yang disebut oleh orang-orang Arab dengan "Kalah", termasuk Takola, Kataha (Kadaram) dan Gangganagara. Kemudian berpindah ke Jambi sebentar, kemudian ke kawasan Kalah, kemudian ke Pantai Timur Semenanjung, kemudian berpindah pula ke Pulau Sumatera, ke Palembang ibu kota Srivijaya dulu.

Pemecahan Empayar tadi dan perpindahan-perpindahan ibu kota dalam masa beberapa abad inilah menjadi faktor-faktor yang menyebabkan Empayar Sampugita atau San-fo-ch'i atau Zabag itu bersama lokasi ibu kotanya amat membingungkan para sejarawan bila membaca fakta-faktanya dalam sumber-sumber Cina, Arab dan India. Kebingungan ini dapat meragui pula ketepatan sumber-sumber Cina, Arab dan India yang tersebut diatas antara abad-abad Ke-5 hingga Ke-10 Masihi dan seterusnya ke atas sampai abad pertama.

Di sini sengaja penulis memberikan indikasi-indikasi secara kasar, supaya anda tidak begitu bingung bila membaca kenyataan-kenyataan seterusnya dibawah ini.

#### **Catatan-catatan dari Abad Ke-11 hingga Abad Ke-14 Masihi**

Fakta-fakta mengenai Empayar Sampugita atau San-fo-ch'i atau Zabag dan nama "Yava" atau "Java" dalam peringkat abad Ke-11 hingga abad Ke-14 Masihi masih amat mengelirukan. Tetapi dengan indikasi-indikasi penting yang telah disebutkan tadi, kabus tebal yang meliputi fakta-fakta dibawah ini mungkin menjadi lebih nipis dan anda akan nampak agak jelas manusia-manusia dalam kabus nipis ini, tetapi masih belum kenal nama-nama mereka dengan tepat.

## 1. Kenyataan dari Sung Shih Lagi

Sung Shih yang ditulis oleh T'o-T'o dalam abad Ke-14 Masihi itu, memaparkan lagi sejarah hubungan antara Sampugita dan China dalam abad Ke-11 sampai abad Ke-12 Masihi, sebagai yang disingkatkan dibawah ini<sup>54</sup>:-

- a. Negara San-fo-ch'i adalah salah sebuah dari negara-negara barbarian selatan, ia terletak di antara Kemboja dan Java dan menguasai atas lima belas negara yang berlainan .....
- b. Alat-alat muzik mereka (penduduk San-fo-ch'i) terdiri dari guiter kecil (rebab) dan gendang-gendang kecil. Hamba-hamba dari pulau Condore (didepan Kuala Sungai Mekong) mempersembahkan muzik untuk mereka sambil melangkah-langkahkan kaki ke bumi dan menyanyi.
- c. Mereka menulis dengan huruf Sanskrita dan raja mempergunakan cincin sebagai matrai, juga mereka pandai menulis huruf Cina dan bila menghantarkan surat-surat bersama upti, mereka menggunakan huruf Cina.
- d. Kota mereka dipertahankan dengan benteng dari batu-batu bata beberapa puluh li<sup>55</sup> lilitannya, dan mereka menggunakan daun-daun nipah untuk menutupi rumah (sebagai atap). Penduduk hidup bertaburan di luar kota dan tidak membayar apa-apa cukai.
- e. Bila mereka hendak berperang dengan segera mereka memilih seorang pemimpin untuk memimpin mereka dan tiap-tiap orang menyediakan senjata-senjata dan perbekalan-perbekalan sendiri.
- f. Raja digelar juga (raja) Cham-pi (Jambi)<sup>56</sup> dan dalam negeri ramai orang bergelar "Pu" (sama dengan Pou di Champa).
- g. Dalam tahun 1003 Masihi, raja Se-li-chu-la-wu-ni-fu-ma-tiau-hwa (Sri Chudamani Varmadeva)<sup>57</sup> menghantarkan dua utusan untuk membawa upti, mereka menyatakan bahawa di negeri mereka telah dibangunkan suatu pagoda untuk (tempat) berdoa supaya dilanjutkan usia Maharaja dan mereka memohon supaya diberikan nama dan sebuah locing. Suatu perintah telah dikeluarkan memberikan nama pagoda itu "Ch'eng-t'ien -wan-shou" dan locing-locing dituang untuk diberikan kepada mereka. Kedua-dua orang utusan itu diberikan gelaran "Jeneral", kerana yang seorang tertarik kepada kesenian dan yang seorang lagi kerana menyintai Pengaruh Tamadun.
- h. Dalam tahun 1008 Masihi, raja Se-ri-ma-la-p'i (Sri Maravijaya)<sup>58</sup> menghantarkan tiga utusan untuk mempersembahkan upti. Mereka dibenarkan pergi ke T'ai-shan (salah satu pergunungan suci di China, dalam wilayah Shan-tung) dan bersama dengan Maharaja dalam

54 W.P. Groeneveldt, op. cit., hlm. 62-67.

55 Satu li sama dengan kira-kira 3 batu.

56 Ini nampaknya pada suatu masa raja San-fo-ch'i pernah tinggal lama di Jambi dan memerintah empayar dari sana. Tetapi ibu kotanya yang sebenar di tempat lain.

57 Sri Chudemanivarmadeva ini sebenarnya raja Srivijaya di Sumatera, tetapi oleh kerana Srivijaya belum merdeka ia mengirinkan duta-dutanya atas nama Sampugita, setelah mendapat keizinan dari Sri Maharaja.

58 Nama penuh "Sri Maravijaya Tunggavarman", juga raja Srivijaya.

dewan-audiensi. Akhirnya mereka dihantar pulang bersama dengan berbagai hadiah yang banyak.

- i. Dalam tahun 1017 Masihi, raja Ha-ch'i-su-wu-ch'a-p'upmi (Haji Sumatara Bhumi)<sup>59</sup> menghantarkan utusan-utusan dengan membawa surat tertulis dengan huruf-huruf keemasan dan upeti dalam bentuk mutiara-mutiara, gading, buku-buku Sanskrita dan hamba-hamba. Dengan perintah diraja mereka dibenarkan melawat beberapa bangunan diraja. Bila mereka balik suatu perintah dikeluarkan dialamatkan kepada raja mereka, disertai oleh bermacam-macam hadiah, yang dibilang (satu persatu) untuk menyukakan hati mereka.
- j. Dalam tahun 1028 Masihi, bulan 8, raja Si-li-tieh-hwa (Sri Deva)<sup>60</sup> menghantarkan utusan-utusan untuk membawa upeti. Sudah teradat bahawa utusan-utusan dari negeri-negeri yang jauh yang membawa upeti mendapat suatu tali pinggang yang dihiasi dengan emas dan perak, tetapi pada kali ini tali-tali pinggang dari emas seluruhnya dikurniakan kepada mereka.
- k. Dalam tahun 1067 Masihi seorang utusan dari seorang raja bergelar Ti-hwa-ka-lu (Deva Kulottungga)<sup>61</sup> sampai di China.
- l. Dalam zaman Yuan-fung (1078-1085 Masihi), utusan-utusan datang lagi dari negeri ini dengan membawa perak, minyak kapur, kemenyan dan lain-lain hasil negeri. Kemudian mereka dibawa terus ke istana dari Canton, dimana mereka menanti hingga mereka datang dari negeri yang sangat jauh, Maharaja mengurniakan mereka kurniaan-kurniaan sesuka hatinya dan kemudian mengizinkan mereka pulang. Dalam tahun selepasnya Maharaja mengurniakan mereka 64,000 rentetan wang tunai 15,000 tael perak dan mengurniakan gelaran-gelaran kepada dua orang duta. Salah seorang dari utusan ini memohon kebenaran untuk membeli tali-tali pinggang emas, berbagai benda yang diperbuat dari perak, pakaian-pakaian berwarna ungu untuk sami-sami Buddha dan tanda-tanda peringatan rasmi yang semuanya diberikan kepadanya menurut hajatnya.
- m. Dalam tahun 1080 Masihi, seorang asing dari selatan sampai di Canton, ia berkata bahawa ia diarahkan membawa surat dari puteri raja, dalam huruf Cina untuk penyelia perniagaan (di-Canton). Penyelia ini tidak berani menerimanya dan ia melaporkannya kepada pihak istana, walau bagaimanapun ia diperintah supaya membayar harga barangan yang telah dianggarkan. Kemudian penyelia itu membeli kain-kain sutera untuk suatu jumlah dan memberikannya kepada mereka.

59 "Haji Sumataram Bhumi", juga raja Srivijaya di Sumatera, yang menghantarkan utusan-utusan atas nama Sampugita. Dalam tahun berikutnya (1018) baru ia diberikan kemerdekaan.

60 "Sri Deva" adalah Sri Maharaja Sampugita sebenar. Nama penuhnya Sulavikyama Sri Deva, juga digelar "Raja Sulan".

61 "Deva kulottungga ini sebenarnya raja muda negara Chola di India Selatan dan mendakwa dirinya raja Sampugita. Ini berhubung dengan pergolakan-pergolakan politik dalam negeri antara Srivijaya dan Sampugita dan Chola pada masa itu. Fakta-fakta mengenai hubungan permusuhan antara Sampugita dan Chola nanti akan dapat menolong sedikit sebanyak untuk memahami kedudukan ini.

n. Dalam tahun 1082 Masihi tiga utusan dari negeri ini tiba untuk suatu pertemuan dengan Maharaja dan membawa bunga-bunga teratai emas yang mengandung mutiara-mutiara, juga membawa kapur barus, dan sa-tien, (?) mereka semua menerima gelaran-gelaran kehormatan menurut darjat mereka. Utusan yang ketiga meninggal di negeri China selepas meninggalkan ibu kota dan kerajaan menghadihkan 50 helai kain sutera untuk keperluan pemakamannya.

Dalam tahun 1083 Masihi, tiga utusan lain datang, semuanya menerima gelaran-gelaran kehormatan menurut darjah masing-masing.

o. Dalam zaman Shou-sheng (1094-1097 Masihi) utusan-utusan itu datang lagi.

f. Dalam tahun 1156 Masihi, raja-Si-li-ma-ha-la-sha (Sri Maharaja) menghantarkan utusan-utusan membawa upeti. Dalam tahun 1178 Masihi mereka dihantarkan pula untuk membawa upeti dari hasil-hasil negeri mereka. Ketika ini Maharaja mengeluarkan suatu perintah supaya mereka tidak datang ke istana lagi, tetapi membuat suatu tempat kediaman di Ch'uan-chou dalam wilayah Fukien.

Berhubung dengan "She-p'o" atau "Java" Sung Shih memberikan gambaran yang lanjut juga dan dapat disingkatkan demikian<sup>62</sup>:-

- a. Cho-p'o (She-p'o) adalah terletak di laut selatan. Dari ibu kota (Cho-p'o) berjalan menuju ke timur (menerusi daratan) sampai ke laut, selama sebulan, dan dari sini (hujung Jawa Timur), belayar dengan kapal selama sebulan sampai di Pulau Condore (di depan Kuala Sungai Mekong). Ke arah selatan berjalan menuju ke laut selama tiga hari.... ke arah utara perjalanan dari ibu kota itu selama 5 hari sampai ke laut dan bertolak dari sini (menerusi laut) selama 15 hari sampai ke P'o-ni (Borneo)....".
- b. Dalam bulan 12 dari tahun 992 Masihi, rajanya, Maraja (Maharaja Dharmavamsa) menghantarkan utusan .... ke istana (Maharaja China) ..... Setelah berlayar 60 hari rombongan utusan itu sampai di daerah Ting-han (Pulau Chusan) dimana penyelia perniagaan menghantarkan utusan untuk melaporkan kepada Maharaja. Utusan ini menyatakan bahawa negerinya senantiasa dalam permusuhan dengan San-fo-ch'i.... (ditujukan kepada Srivijaya di Sumatera).
- c. Dalam tahun 1129 Masihi, Maharaja China mengurniakan anugerah-anugerah kepada negeri-negeri selatan, ia mengurniakan kepada raja Cho-p'o gelaran raja negeri itu dan menunjukkan 2,400 buah rumah, sebenarnya 1,000 buah untuk pemberian makanan (mungkin untuk pemberian makanan kepada rombongan perwakilan dan lain-lain yang dihantarkan oleh Maharaja).
- d. Dalam tahun 1132 Masihi utusan China datang lagi dengan membawa rombongan yang lebih besar dengan menambah 200 buah rumah untuk pemberian makanan.

62. W.P. Groeneveldt, *op. cit.*, hlm. 15-19.



- e. Negeri ini adalah rata dan sesuai untuk pertanian, hasilnya ialah padi, rami dan kacang polong, tidak ada gandum. Sepersepuluh (1/10) dari hasil rakyat dibayar (kepada pemerintah) sebagai cukai. Garam didapati dengan memasak air laut, banyak terdapat penyu, burung tekukur, penternakan ayam, itik, kambing dan lembu-kerbau yang dibunuh (sembelih) untuk dimakan. Buah-buahan terdiri dari papaya, kelapa, pisang, tebu dan taro, cengkeh, pinang, belirang dan kayu sepong.
- f. Juga penduduk terlibat dalam penternakan ulat sutera dan membuat kain sutera, mereka menenun sutera nipis, sutera kuning dan kain dari kapas. Mereka memotong daun-daun dari perak dan menggunakannya sebagai mata-wang. Pegawai-pegawai penyelia perniagaan mengambil satu ch'len (1/10 tael atau ounce Cina) dari emas daripada sejumlah padi seberat 2 2/10 pikul.
- g. Rumah-rumah mereka adalah cantik, dihiasi dengan genting (atap) kuning dan hijau. Bila saudagar-saudagar Cina sampai disini mereka disambut sebagai tetamu dalam suatu bangunan umum dan apa yang mereka makan dan minum adalah banyak berlimpah dan bersih pula. Negeri itu tidak menghasilkan teh, tetapi mereka membuat tuak dari pokok kelapa dan lain-lain pokok seumpamanya, yang sangat wangi dan baik.
- h. Mereka tidak mempunyai hukum siksa jasmani, semua pelanggaran undang-undang dihukum dengan denda barang emas, berbeza-beza menurut keadaan pelanggaran itu, hanya penyamun dan perompak dihukum mati.
- i. Raja menyanggul rambutnya di atas puncak kepala, ia memakai locing-locing emas, baju sutera dan kasut kulit. Ia duduk diatas bangku empat persegi dan pegawai-pegawainya yang menemuinya setiap hari menghormati kepadanya tiga kali bila hendak meninggalkannya. Bila ia keluar, ia mengenderai diatas seekor gajah atau naik diatas suatu kereta dengan diikuti oleh lima atau tujuh ratus tentera yang menurutinya. Bila rakyat melihat raja, mereka duduk bertingtung hingga raja berlalu. Tiga orang putera raja yang menjadi Viceroy (Gabenor Tertinggi) dan di sana terdapat empat pegawai yang digelar Lo-ki-lien yang mentadbir negara secara bersama, serupa dengan menteri-menteri di China. Mereka tidak mempunyai gaji yang tetap, tetapi mereka mengambil dari semasa ke semasa akan penghasilan yang didapati dari tanah dan lain-lain seumpamanya. Kemudian terdapat lebih dari tiga ratus pekerja-pekerja awam yang dianggap sama dengan siu-tsai (pegawai-pegawai berkelulusan tingkat rendah) di China, mereka memegang buku-buku yang dicatat didalamnya pendapatan (negara). Juga terdapat seribu pegawai tingkat rendah, yang berada pada benteng-benteng dan parit di sekeliling kota, pegawai-pegawai perbendaharaan, pertanian dan tentera. Jeneral tentera mendapat gaji pada tiap-tiap setengah tahun sebanyak 10 tael (ounce China) emas (di antara enam dan tujuh ratus guilders). Di sana terdapat tiga puluh ribu tentera

yang dibayar gaji mereka pada tiap-tiap setengah tahun menurut pangkat masing-masing.

- j. Adalah tidak menjadi adat menggunakan orang tengah (jurukira) dalam perjanjian untuk perkahwinan, sedikit emas diberi kepada kerabat gadis dan kemudian perkahwinan berlangsung. Dalam bulan kelima mereka bersukaan dengan menaiki perahu-perahu dan dalam bulan kesepuluh mereka pergi ke gunung-gunung untuk berkelah dan bersukaan. Di sana terdapat kuda kecil gunung yang boleh membawa mereka dengan baik dan setengahnya pergi dengan usungan gunung.
- k. Alat-alat muzik mereka ialah satu seruling-melintang, gendang-gendang dan peti-peti kayu, mereka juga boleh menari.
- l. Penduduk berambut panjang yang terlepas, pakaian mereka dililit sekitar dada dan turun ke bawah sampai ke buku lali.
- m. Bila sakit, mereka tidak menggunakan ubat, tetapi dengan cara berdoa kepada dewa-dewa dan kepada Buddha. Mereka mempunyai nama biasa, tetapi tidak ada nama keluarga.

Cho-p'o (She-p'o) atau Java yang dimaksudkan disini tiada ragu-ragu lagi ialah Pulau Jawa sekarang.

## 2. Kenyataan dari Prasasti Tanjur

Negara Chola yang berpusat di Kota Tanjur di India Selatan telah bangkit menjadi suatu kuasa besar di kawasan ini sejak abad Ke-10, ia menakluk Pallava dan Pandya di hujung India Selatan. Negara Chola ini sampai kepada puncak kebesarannya dalam zaman rajanya, Raja-raja Deva (985-1018 Masihi), dan zaman puteranya seperti yang akan dinyatakan.

Raja-raja Deva ini membangunkan angkatan lautnya dan menakluk Pulau Ceylon dalam tahun 1003 Masihi, menakluk kembali negara Pallava dan menguasai Madras dalam tahun 1005 Masihi. Kemudian menakluk kepulauan Maldives dalam tahun 1007 Masihi.

Putera dan penggantinya, Rajendra Chola Deva I (1018-1044 Masihi), memperluaskan lagi empayar ayahandanya dengan memimpin tentera melancarkan penaklukan-penaklukan sampai ke Sungai Gangga dan menguasai Banggala.

Empayar Chola dibawah pimpinan Rajendra Chola Deva I inilah yang akan menyerang Srivijaya (Sumatera dan Kataha) dan Sampugita (Semenanjung, Segenting dan Burma Selatan) dalam tahun 1027 hingga tahun 1030 Masihi.

Dalam prasasti Tanjur yang ditulis dalam tahun 1030 Masihi, setelah tamat serangan-serangan itu dinyatakan sebagai berikut<sup>63</sup>:-

<sup>63</sup> "(Rajendra) telah menghantarkan kapal-kapal yang banyak ke tengah laut yang bergelombang dan menawan Sangrama-Vijayattung-varman, raja Kadaram, bersama dengan gajah-gajah dalam angkatan tenteranya yang hebat, (mengambil suatu timbunan perbendaharaannya yang besar, yang mana (raja itu) mengumpulkannya

dengan secara halal, menawan dengan gegak gempita (kubah yang digelar) Vidyadharatorana terletak dipintu gerbang-perang dari ibu kotanya yang luas (nagar), Srivijaya dengan pintu gerbang (bertatah) permatanya yang lemah, dihiasi dengan kemegahan yang agong dan pintu gerbang dari permata-permata besar, pannai dengan pintu gerbang-pintu gerbang yang mempunyai kolam air untuk permandian, Malaiyur purba dengan bukit yang kuat sebagai benteng, Mayirudingam yang dikelilingi oleh laut yang dalam (sebagai) suatu parit, Ilangasoka yang berani dan keras hati dalam peperangan yang hebat, Mapappalam yang berlimpah dengan air yang dalam sebagai benteng pertahanan, Mavilimbangam yang dikawal oleh benteng-benteng yang indah, Valaippanduru yang memiliki (bangunan bernama) Valaippanduru, Talaitakkolam yang dipuji oleh tokoh-tokoh besar (yang pandai dalam) ilmu-ilmu, Tambralinga yang agong (yang boleh) bertindak dengan gigih dalam medan-medan perang yang merbahaya, Ilamuri-desam, yang perlawanan hebatnya bangkit dalam peperangan, Nakkavaram yang agong, yang di dalamnya terdapat taman-taman yang luas, madu lebah dapat dikumpulkan, dan Kadaram yang mempunyai kekuatan yang hebat dipertahankan oleh laut yang dalam'.

Nama-nama kota-kota yang diserang itu dapat dikenali sebagai berikut:-

- a. Srivijaya; Palembang.
- b. Pannai: Pane (dipantai timur Sumatera).
- c. Malaiyur: Malayu atau Jambi.
- d. Mayirudingam: Jih-lo-t'ing dari Chao Ju-kua iaitu Jiung lutung (Singgora atau Songkhla sekarang).
- e. Ilangasoka: Langkasuka (Patani sekarang).
- f. Mappapalam: Pappalama dari Mahavamsa. Menurut Coedes, bahagian selatan dari negara Pagan (Burma), mungkin sama dengan Faufal dari Ibnu Sa'id.
- g. Mevilimbingan: Tidak dapat dikenali. Rauffaer meletakkannya di Perak dan Levi menyamakannya dengan Karamaranga = Kamalanka. Kedua-dua pendapat ini tidak dapat diterima. Dari segi fonetik nampaknya sama dengan Belimbing, tetapi Belimbing yang manakah, tidak dapat dipastikan.
- h. Valaippanduru: Tidak dapat ditentukan dengan memuaskan hati. Rauffaer kemudian Coedes menyamakannya dengan Pandurangga atau Phanrang di Champa, tetapi tidak dapat diterima.
- i. Talaitakkolam: Sama dengan Takola oleh Ptolemy iaitu Trang sekarang di Pantai Barat Segenting.
- j. Tambralinga: Ligor atau Nagara Sri Dhamaraja. (Nakhon Si Thammarat).
- k. Ilamuri-desam: Lamuri-desa, Aceh sekarang.
- l. Nakkavaram: Sama dengan Necuveran dari Marco Polo iaitu Kepulauan Nicobar.
- m. Kadaram: Kedah sekarang.

Nampaknya nama-nama kota atau tempat-tempat yang disebutkan dalam prasasti itu hanya sebagai peringatan semata-mata, tidak merupakan suatu rentetan serangan-serangan satu demi satu. Juga Rajendra Chola Deva I tidak membangunkan pemerintahan pada negara-negara yang dikuasainya.

Serangan-serangan ini nampaknya untuk membalas dendam sahaja. Meskipun demikian serangan-serangan ini menimpakan kemusnahan yang teruk atas Srivijaya dan Sampugita.

O.W. Wolters menyatakan bahawa Prof. Paranvitana mempunyai saksi yang membuktikan bahawa Rajendra Chola Deva I itu dibunuh oleh orang-orang Melayu dalam tahun 1044 Masihi dalam serangan-serangan mereka yang berjaya di Ceylon dan India<sup>64</sup>. Mungkin Sampugita dan Srivijaya, juga termasuk Java menggabungkan tenaga yang besar untuk melancarkan serangan balas.

### 3. Kenyataan dari Prasasti Prumber

Suatu prasasti yang ditemui di Prumber, India Selatan yang ditulis atas perintah Vira Rajendradeva, (putera Rajendra Chola Deva I), bertarikh tahun Ke-7 dari zaman pemerintahannya (tahun 1068-69) menyatakan<sup>65</sup>:-

"Setelah menakluk (negeri) Kadaram, (ia) berkenan mengurniakan (Kadaram) (kembali) kepada raja (nya) yang menyembah kaki (nya) (yang memakai) gelang kaki".

Ini membuktikan sekali lagi serangan raja Chola keatas Kadaram (Kataha) yang dibawah kekuasaan Srivijaya, tetapi merupakan suatu serangan terhad sahaja, untuk menunaikan pertolongan kepada seorang penuntut takhta.

### 4. Kenyataan dari Wen-hsien T'ung-k'ao

Berikut ialah keterangan yang diberikan oleh Ma Twan Lin dalam bukunya Wen-Hsien T'ung-k'ao berhubung dengan suatu perutusan dari Pagan dalam tahun 1106 Masihi<sup>66</sup>:-

"Pada mulanya Maharaja mengeluarkan perintah supaya memberikan mereka sambutan yang serupa dan layani mereka dengan layanan yang sama, serupa dengan yang telah dilakukan terhadap duta-duta dari Chola (Chu-lien). Tetapi Presiden dari Lembaga Upacara memandag sebagai berikut: Chola adalah sebuah (negara) bassal bagi San-fo-ch'i. Itulah yang menyebabkan mengapa dalam tahun hi-ning (1068-1077) ia berpendapat adalah baik untuk menulis kepada raja negeri itu diatas kertas kasar dengan sampul berbalut sutera yang tiada berhias. Sebaliknya raja Pagan adalah pemerintah kerajaan yang mulia".

### 5. Kenyataan dari Prasasti Canton

Dalam musim semi tahun 1957 suatu loh batu besar yang terpahat dengan tulisan Cina telah ditemui dalam sebuah pagoda usang di Canton. Ia telah tenggelam separuh ke dalam bumi. Batu itu masih baik dan tulisan-tulisan diatasnya masih terpelihara. Ia mencatat tentang rekonstraksi pagoda Tien Ching, suatu pagoda agama Tao. Catatan ini dapat disingkatkan demikian<sup>67</sup>:-

64 O.W. Wolters, *The Fall of Srivijaya*, hlm. 222, n. 58.

65 R.C. Majumdar, *India and South-east Asia*, hlm. 75.

66 *Ibidi*, hlm. 75-76.

67 Tan Yeok Seong, *Sri Vijayan Inscription of Canton (A.D. 1079)*, JSEAH, Vol. 5, No. 2, September, 1964, hlm. 17-24.

- a. Suatu sejarah ringkas tentang pertumbuhan dan perkembangan agama Tao yang diasaskan oleh Lao Tzu. Dalam zaman Maharaja Sung pagoda ini dibangunkan.
- b. Dalam tahun 1052 Masihi, pagoda ini dibinasakan oleh seorang penjahat, dan dalam zaman pemerintahan Chih Ping (1064—1067 Masihi) Yang Dipertuan Tertinggi bagi Tanah San-fo-ch'i, raja yang Maha Agung, Ti Hua Ka Lo, memerintahkan seorang pembesarnya Chih-Lo-Lo pergi ke Kota Canton. Chih-Lo-Lo melihat pagoda ini telah runtuh, asasnya tertanam dalam rimba. Kemudian dia kembali ke negerinya. Dalam tahun 1067 Masihi ia menghantarkan Si Li Sha Wen ke Canton untuk membangunkan pintu gerbang besar pagoda.
- c. Sha Wen pulang ke negeri dalam tahun 1068 Masihi, ketika pembangunan dewan belum siap. Ia kembali semula dalam tahun Ke-2 (1069) untuk menyudahkannya. Ia juga membangunkan Auditorium dan Edict Diraja di sebelah barat Canton.
- d. Sekali lagi Sha Wen kembali ke negeri dan dalam tahun 1070 Masihi Yang Dipertuan bagi (San-fo-ch'i) sekali lagi menghantarkan Chih-Lo-Lo untuk melantik Lo-Yin Chin, seorang sami menjadi pengarah pentadbiran pagoda. Ia meminta kebenaran hendak membeli suatu sawah berharga 100,000 emas tunai, untuk mengongkosi pagoda. Tetapi akhirnya beberapa sawah dibeli dengan harga 400,000 emas tunai, juga satu loceng besar dan satu loceng menara digantungkan. Dalam tahun 1079 Masihi pagoda itu siap semuanya dan indah rupanya.

“Ti Hua Ka Lo” dalam prasasti Canton ini sebenarnya adalah raja Chola, berasal dari namanya dalam bahasa Sanskrita “Deva Kulottonga” atau nama penuhnya Rajendra Deva Kulottonga, putera Vira Rajendradeva yang menyerang Kadaram (Kataha) dalam tahun 1068-69 Masihi dulu, dan menyerahkan kembali negeri Kadaram itu kepada rajanya.

Dalam Sung Shih dibawah fasal yang membicarakan tentang San-fo ch'i dinyatakan bahawa utusan dari Ti Hua Ka Lo ini pernah datang di istana Maharaja China dalam tahun 1067 Masihi.

Dewa Kulottonga ini menjadi raja dalam tahun 1070 Masihi setelah ayahandanya kembali dari Kadaram tadi. Selepas ini tidak ada tanda-tanda yang seluruh Empayar Sampugita (San-fo-ch'i) yang luas itu jatuh ke tangan Chola yang menyebabkan ia mengakui dirinya “Yang Dipertuan Tertinggi bagi San-fo-ch'i”, tambahan pula pengakuan ini bermula dalam zaman pemerintahan Chih Ping (1064-1067 Masihi), ketika ia masih menjadi raja muda. Nampaknya lebih berkemungkinan Deva Kullottongan ini hanya mendakwa diri sahaja sebagai Yang Dipertuan Tertinggi San-fo-ch'i kerana sesuatu tujuan atau kerana peristiwa pergolakan politik perebutan kuasa dalam San-fo-ch'i sendiri dimana suatu pihak memperdayakannya menjadi Yang Dipertuan Tertinggi itu sedangkan sebenarnya ia tiada mempunyai kuasa yang berkesan atas Empayar San-fo-ch'i.

#### 6. Kenyataan dari Nuzhatul-Musytaq fi Ikhtiraqil-Afaq

Abu Abdullah Muhammad bin Muhammad yang terkenal dengan

gelaran al-Idrisi (1100-1166 Masihi). Waktu tinggal di istana raja Roger II, di Kota Palermo, Pulau Sicily, telah menulis sebuah buku tentang geografi yang dinamakan "Nuzhatul-Mustaq fi Ikhtiraqil-Afaq" dalam tahun 1154 Masihi. Dalam buku ini ia ada menyentuh tentang negeri Zabag yang di antaranya adalah demikian<sup>68</sup>:-

- a. Lima hari belayar dari Lajanbalus (Pulau Nicobar) sampailah ke Pulau Kalah yang sangat besar, dan di sana hidupnya seorang raja dengan nama "Jabah al-Hindi" (Java-India). Disana ada lombong-lombong timah yang banyak menghasilkan timah. Logam ini sangat tulin dan bersinar, tetapi saudagar-saudagar memeluskannya setelah dikeluarkan dari lombong dan membawanya ke tempat-tempat lain.
- b. Pakaian penduduk ialah suatu "futih" (kain sarung) dan sama sahaja untuk orang lelaki atau perempuan.
- c. Pada kawasan pedalaman menghasilkan rotan dan kapur barus. Kemudian diikuti dengan suatu gambaran tentang cara menghasilkan kapur barus ini.
- d. Penduduk Kepulauan Zabag pergi ke negeri Zang (pantai timur Afrika ke arah selatan dari Cape Guardafui) dengan kapal-kapal besar dan kecil<sup>69</sup> untuk perniagaan istimewa besi dan bahawa penduduk dua rantau itu memahami bahasa antara satu sama lain.
- e. Di antara pulau-pulau Zabag ialah Sribusa yang lilitannya 200 batu dengan penyelam-penyelam mutiara dan berbagai jenis rempah dan wangi-wangian yang menarik para peniaga ke pulau itu.
- f. Ia (Maharaja) memerintah supaya rakyat Zabag bersatu padu dan berperangai baik.
- g. Perniagaan di Zabag meningkat maju dengan cepat bila berlaku huru hara di China atau India.

#### 7. Kenyataan dari Ling-wai Tai-ta

Buku Ling-wai Tai-ta ditulis oleh Chou Ch'u-fei dalam tahun 1178 Masihi, adalah buku Cina yang mula-mula menyebut "Yavadvipa" atau "Zabag" atau "Zabaj" dalam bentuk "San-fo-ch'i", dan "Java" dalam bentuk "She-p'o". Tadi telah dinyatakan bahawa "Zabag" adalah nama asal. Manakala "San-fo-ch'i", adalah nama baru yang nampaknya telah diberikan kepada Zabag (Yavadvipa) sejak abad Ke-9. Buku Ling-wai Tai-ta memberikan keterangan yang dapat disingkatkan sebagai berikut<sup>70</sup>:-

- a. "Lautan besar yang mengelilingi negeri-negeri orang-orang barbarian, dalam tiap-tiap pelusuk mereka mempunyai negara-negara mereka (sendiri). Tiap-tiap satunya mempunyai penghasilan tertentu, tiap-tiap satunya dengan emporium sendiri yang dengannya tergantung kemakmuran negara".

68 K.A. Nilakanta Sastri, op. cit., hlm. 64, dan Paul Wheatley, *The Golden Khersonese*, hlm. 219.

69 Menurut al-Mas'udi tadi Zang adalah termasuk dalam jajahan takluk Maharaja Zabag.

70 Paul Wheatley, *The Golden Khersonese*, hlm. 63.

- b. "Negara-negara itu yang terletak secara langsung ke arah selatan (China) ialah San-fo-ch'i, sebagai emporium mereka, yang ke arah tenggara ialah She-p'o....."
- c. "Kearah selatan San-fo-ch'i adalah Lautan Timur yang besar, yang di dalamnya terdapat pulau-pulau yang didiami oleh sepuluh ribu penduduk atau lebih. Disebelah sana ini orang tidak boleh pergi ke selatan lagi....."
- d. Ke sebelah She-p'o ialah Lautan Timur yang besar di mana air mulai turun ke bawah ..... adalah mustahil untuk disebut satu persatu negeri-negeri disebelah Lautan Barat Laut, tetapi .... kita dapat menyebut nama negeri-negeri di sebelah selatan (Chiao-chih — Tongking) iaitu Chan-ch'eng (Annam)<sup>71</sup>, Chen-la (Cambodia) dan Fo-lo-an<sup>72</sup>.
- e. Pada tempat lain Chou-oh'u-fei menambah: "Semua negeri asing yang kaya yang mempunyai gedong besar untuk menyimpan barang-barang berharga dan bermacam jenis, tidak ada yang melebihi Ta-shih (Arab). Selepas ini negeri She-p'o, manakala San-fo-ch'i yang ketiga. Banyak negeri lain terletak pada taraf yang lebih rendah."
- f. San-fo-ch'i adalah penting di jalanraya diatas laluan-laluan laut orang-orang asing dalam perjalanan mereka ke arah dan dari (China)....
- g. Kemudian Chou-ch'u-fie menyatakan bahawa negeri-negeri Semenanjung Asia-Tenggara secara umum dikenali dengan "Pantai Atas", manakala kepulauan dikenali dengan "Pantai Bawah".
- h. Perniagaan di antara negeri-negeri bersempadan dengan Lautan India dan China adalah melalui Selat Melaka sekurang-kurangnya pantai barat Semenanjung Melayu.

#### 8. Kenyataan dari Chu-fan-chih

Chao Ju-kua adalah seorang wakil Perniagaan Asing di Ch'uan-chou. Dalam tahun 1225 Masihi ia menulis bukunya "Chu-fan-Chih" yang di dalamnya menunjukkan perbezaan yang jelas antara San-fo-ch'i (Zabag) dan She-p'o, serupa dengan buku Ling-wai Tai-ta. Ia memetik beberapa maklumat berharga dari Ling-wai Tai-ta, kemudian menambahnya dengan maklumat-maklumat kepunyaannya sendiri. Chao Ju-kua memberikan banyak fakta yang berharga tentang San-fo-ch'i. Dibawah ini dikemukakan singkatan dari keterangan mengenai San-fo-ch'i itu<sup>73</sup>—

- a. Kerana San-fo-ch'i ini merupakan jalanraya laluan penting bagi seluruh negara asing, maka penghasilan dari seluruh negeri adalah tersergap dan tersimpan disini dalam gedong untuk diangkut oleh kapal-kapal asing.
- b. Benteng (ibu) kota dibangunkan dari batu-batu bata, sejauh beberapa puluh li berkeliling. Bila raja berangkat keluar, ia duduk

71. Sebenarnya "Champa".

72. Fo-lo-an, menurut Paul Wheatley ialah Kuala Berang, Terengganu.

73. K.A. Nilakanta Sastri, op. cit., hlm. 88-90.

diatas perahu, badannya memakai man-pu (sarung) yang dililit sekeliling badan. Ia diteduhi oleh suatu payung sutera dan dikawal oleh pegawai-pegawai yang membawa tombak emas.

- c. Penduduk tinggal bertabur di luar kota, atau tinggal diatas rakit-rakit yang diatasnya diperbuat pondok-pondok berdinding buluh dan ini bebas dari pembayaran cukai.
- d. Mereka (orang-orang San-fo-ch'i) adalah mahir dalam peperangan, baik di darat atau di air. Bila mereka hendak melancarkan serangan keatas negara lain, mereka berhimpun dan terus menghantarkan suatu pasukan bila keadaan memerlukan demikian. Kemudian mereka melantik pegawai-pegawai dan pemimpin-pemimpin dan semuanya menyediakan kelengkapan tentera dan perbekalan-perbekalan (makanan). Dalam menentang musuh dan bersedia untuk mati tidak ada tandingnya di antara bangsa-bangsa (lain).
- e. Mereka tidak menggunakan mata wang tembaga, tetapi menggunakan kepingan-kepingan perak dalam urusan perniagaan.
- f. Keadaan iklim dalam setahun kebanyakannya panas, hanya sedikit sahaja musim sejuk. Binatang-bintang peliharaan mereka adalah sangat banyak serupa di negeri China. Mereka mempunyai semacam arak yang diperbuat dari bunga-bunga, arak dari pokok kelapa dan arak dari madu (pati) buah pinang, semuanya dicampurkan dengan ragi-ragi tertentu yang menyebabkan mabuk bila diminum.
- g. Dalam menulis dokumen-dokumen dalam urusan-urusan rasmi mereka menggunakan huruf-huruf asing (Sanskrita menurut Sung Shih), dan tandatangan raja dalam bentuk matrai. Mereka pandai juga (menulis dan membaca) huruf-huruf Cina, yang mereka pergunakan dalam menghantarkan surat-surat kepada istana (kita).
- h. Undang-undang negeri itu sangat berat, perzinaan, lelaki dan perempuan menghadapi hukuman yang paling berat (maksudnya mati).
- i. Bila seorang raja mangkat, orang biasa berkabung dengan mencukur kepala mereka, manakala pengikut-pengikut istimewa memilih mati dengan sukarela dengan melompat ke dalam api yang bernyala, (tindakan) ini digelar "hidup dan mati bersama".
- j. Disana (di-San-fo-ch'i) ada (semacam) Buddha (maksudnya patung) yang digelar "Bukit Emas dan Perak" dan dituang dengan emas, tiap-tiap seorang raja yang menggantikan raja yang lalu sebelum menaiki takhta, rupanya dituang menjadi patung emas dan mereka mempersembahkan bejana-bejana emas kepada patung-patung ini, dan patung keemasan dan bejana-bejana keemasan semuanya mempunyai inskripsi-inskripsi (tulisan-tulisan) yang memberi ingatan kepada generasi-generasi akan datang supaya jangan meleburkannya. Bila sesiapa dalam negeri ini sakit berat, ia membahagi-bahagikan hartabenda dari perak menurut berat timbangan tubuhnya kepada orang-orang miskin dalam negeri itu, dan ini dianggap sebagai suatu cara untuk melewati mati.



- k. Mereka (penduduk San-fo-ch'i) menggelarkan raja mereka "Lung Ts'ing"<sup>74</sup>. Ia tidak makan beras, tetapi makan shahu (sago). Ia berbuat begitu bila sepanjang tahun adalah kemarau dan beras adalah mahal. Ia juga mandi dengan air mawar, kalau ia menggunakan air biasa akan terjadi banjir besar.
- l. (Raja itu) mempunyai mahkota yang tinggi dari emas, bersemayam dengan ratusan permata dan sangat berat. Dalam keramaian-keramaian besar istana hanya raja sahaja yang boleh memakainya, semua orang lain tidak dibolehkan. Bila takhta telah kosong, semua putera raja berhimpun, mahkota itu dipakaikan atas tiap-tiap seorang dan siapa yang boleh (menanggung keberatannya) dapat menduduki takhta itu.
- m. Diantara penghasilan negeri (San-fo-ch'i) termasuk kulit kura-kura, kapur barus, berbagai jenis kayu gaharu, cengkeh, rempah pedas. Peniaga-peniaga Arab membawa mutiara-mutiara, kemenyan, air mawar, bunga-bunga gardania, mur (nama pohon Arab), kayu-kayu gaharu, getah dari pokok, batang calok, damar chair, gading-gading gajah, pohon-pohon merjan, mata kucing, amber, kain-kain kapas dan mata-mata pedang. Semua penghasilan ini baik yang dihasilkan dalam negeri atau dibawa dari luar adalah ditukar dengan emas, perak, barang-barang porselin yang diperniagakan, sejenis kain sutera berat (berlungsin emas atau perak), golongan-golongan sutera, kain-kain kasa sutera (kain sutera nipis), gula, kapur barus dan seterusnya.
- n. Seterusnya Chao Ju-kua berkata: "Negeri ini terletak di laut dan mengontrol selat-selat menerusi mana orang-orang asing jadikan sebagai tempat laluan baik ikut laut atau darat dalam mana-mana arah. Di zaman silam suatu rantai besi dipergunakan sebagai rintangan untuk menahan lanun-lanun dari negeri-negeri lain dan membuat pemeriksaan.<sup>75</sup> Rantai besi ini boleh dibiarkan (terentang) begitu atau diturunkan menurut rancangan yang bijak. Andainya sebuah kapal perniagaan sampai, rantai besi itu diperturunkan. Setelah bertahun-tahun lamanya hidup dalam keadaan aman damai, rantai besi itu tidak dipergunakan, ia dipindahkan dan (sekarang) tinggal tergolong diatas pantai. Bumiputera menghormati (rantai besi) itu seperti menghormat (patung) Buddha dan bejana-bejana dibawa kesana (berisi sesuatu) sebagai pengorbanan. Bila ia digosok dengan minyak, ia berkilat seperti masih baru. Buaya-buaya tidak berani merangkak diatasnya untuk bermain-main.
- o. Andainya sebuah kapal perniagaan melalui (pelabuhan) tanpa masuk, perahu-perahu (tentera laut negara) terus mengejarnya untuk melakukan serangan bersama dan semuanya siap sedia untuk mati (dalam serangan ini). Inilah sebabnya mengapa negeri ini menjadi suatu pusat perkapalan yang besar.

74 M. Pelliot percaya bahawa "Long-Tsing" bererti "Benih Naga".

75 Nampaknya rantai besi ini direntangkan pada muka kuala yang menuju ke ibu kota.

p. Kemudian Chao Ju-kua menyebut 15 buah negara dibawah takluk San-fo-ch'i:-

1. P'ong-fong (Pahang)
2. Tong-ya-nong (Terengganu)
3. Ling-ya-ssi-kia (Lankasuka)
4. Ki-lan-tan (Kelantan)
5. Ji-lo-ting (Jelutung di Semenanjung Tanah Melayu)
6. Fo-lo-an (Kuala Berang, Terengganu)<sup>76</sup>
7. Ts'ien-mai (Semang?)
8. Pa-t'a (Batak, di Sumatera ? atau suatu tempat di Semenanjung Tanah Melayu?)
9. Tan-ma-ling (Tamburlinga, Ligor atau Nakhon si Tammarat)
10. Kia-lo-hi (Grahi di Teluk Bandon)
11. Pa-lin-fong (Palembang)
12. Sin-t'o (Sunda)
13. Kien-pi (Kampar, dipantai timur Sumatera)
14. Lan-wu-li (Lamuri = Aceh, Sumatera)
15. Silan (Ceylon)

Berhubung dengan negara dibawah takluk San-fo-ch'i yang Ke-6, Fo-lo-an itu, Chao Ju-kua menyatakan: "Negara Fo-lo-an boleh disampai selama empat hari (belayar) dari Ling-ya-ssu-chia (Lankasuka), dapat juga berjalan menerusi daratan..... Pada tiap-tiap tahun ia (Fo-lo-an) menyembahkan utfi kepada San-fo-ch'i. Ia (Fo-lo-an) bersambung dengan P'eng-Peng (Pahang). Teng-ya-nung (Terengganu) dan Chi-lan-tan (Kelantan) adalah satu watak".<sup>77</sup>

Selain daripada negara San-fo-ch'i, Chao Ju-kua menyebut pula tentang negara "She-p'o" (Jawa) yang digelar juga katanya dengan "P'u-chia-long" (Pekalongan) dari informasi yang diambil sebahagian besar dari Ling-wai Tai-ta tahun 1178 Masihi. Mengenai She-p'o ini Chao Ju-kua memberikan kenyataan yang dapat disingkatkan demikian<sup>78</sup>:-

- a. Oleh kerana untuk menghalang penyeludupan wang tembaga dari negeri China, istana kita (China) telah berkali-kali mengharamkan semua perdagangan (dengan She-p'o), tetapi saudagar-saudagar asing untuk tujuan menipu (kerajaan), mengubah nama kepada "Su-chi-tan" dan dibawah nama "Su-chi-tan" ini Chao Ju-kua menyifatkan negara She-p'o (Jawa) pada zamannya. Su-chi-tan telah diperkenali dengan berbagai tempat. Kemungkinan yang paling besar nampaknya ialah "Sukadana" disekitar Surabaya.

76 Nilakanta Sastri meletakkan "Fo-lo-an" di Selangor Selatan, barangkali dimaksudkan kepada Beranang di Sungai Langat, sebagaimana menurut pendapat Gerini. Schlegel memperkenalkannya dengan Pulauan di Palembang. Tetapi disini kita memakai pendapat Coedes dan Paul Wheatley yang memperkenalkannya dengan "Kuala Berang".

77 Suatu ayat dalam San-ts'ai-t'u-hui tahun 1607 Masihi meletakkan Fo-lo-an sejauh empat hari belayar siang dan malam dari San-fo-ch'i (lihat Paul Wheatley, *The Golden Kheronese*, hlm. 69).

78 G. Coedes, *The Indian States of Southeast Asia*. hlm. 186-187; dan Drs. R. Soekmono, *Pengantar Sejarah Kebudayaan Indonesia*, Jilid 2, hlm. 59-60.

- b. Keterangan Chao Ju-kua ini nampaknya setelah kejatuhan kerajaan Kadiri dalam tahun 1222 Masihi. Ia menyatakan Su-chi-tan adalah bersempadan dengan Sin-t'o (Sunda) disebelah barat dan Ta-pang (Tuban atau Tumapel) disebelah timur, ini bermakna ia meliputi suatu kawan secara kasar sampai ke wilayah Kadiri tanpa Janggala. Gambaran ini seolah Janggala menjadi sebuah negara merdeka, tetapi dalam daftar negara-negara jajahan takluk Su-chi-tan, Janggala termasuk ke dalam jajahan takluknya.
- c. Selain dari Ta-pen dan Jong-ya-lu, Chao Ju-kua menyebut di antara negara-negara jajahan takluk Su-chi-tan adalah sebagai berikut:-

Di Pulau Jawa:

1. Po-hua-yuan (Pacitan)
2. Ma-teng (Medang)
3. Hsi-ning (Dieng)

Di pulau-pulau berhampiran:-

1. Ta-kang (Sumba)
2. Huang-ma-chu (Irian Barat Daya)
3. Teng-che (Jenggi-Irian)
4. Mali (Bali)
5. Niu-lun (Gurun, Gorong di Irian Jaya)
6. Tan-jung-wu-lo (Tanjung Pura di Kalimantan-Barat-daya)
7. Ti-wu (Timor)
8. P'ing-ya-i (Banggai, di Sulawesi Timur)
9. Wu-nu-ku (Maluku)

Wilayah-wilayah Sampugita (San-fo-ch'i) yang lama iaitu Duvaravati (Thailand Tengah dan Utara) dan Pagan Selatan yang menurut riwayat tradisi telah dikuasai oleh Sanjaya sejak bahagian awal dari abad Ke-8, semasa dengan penaklukan khemra (Kemboja), sekarang, dalam abad Ke-13 semuanya telah dikuasai oleh Kemboja. Menurut Chao Ju-kua bahawa Kemboja bersempadan di sebelah selatannya dengan Chia-lo-hsi (Grahi), sebuah negara bassal San-fo-ch'i terletak di kawasan Segenting, di sekitar Teluk Bandon. Chao Ju-kua menerangkan negara-negara jajahan takluk Kemboja sebagai berikut<sup>79</sup>:-

1. Teng-liu-mei (di kawasan Segenting)
2. Po-ssu-lan (di pantai Teluk Siam)
3. Lo-hu (Lavo, Lopburi)
4. San-lo (Negeri Syam diulu Menam)
5. Chen-li-fu (di pantai Teluk Siam)
6. Ma-lo-wen (mungkin Malyang, diselatan Battambang)
7. Lu-yang (?)
8. T'un-li-fu (?)

79 G. Coede's, op. cit., hlm. 181.

9. P'u-kan (Pagan)
10. Wa-li (di Hulu Burma)
11. Si-P'ong (?)
12. Tu-huai-sun (?)

#### 9. Kenyataan dari Sulavamsa

Dalam Sulavamsa, buku sejarah Ceylon, suatu sambungan dari sejarah yang terkenal, Mahavamsa ada menyebut pula perkataan "Java" dalam bentuk "Javaka", sebagaimana bangsa dan negara yang menyerang Ceylon dalam zaman Perakaramabahu II. Keterangan ini adalah sebagai berikut<sup>80</sup>:-

a. "Bila sebelas tahun dari pemerintahan raja ini, sampai seorang raja orang-orang Javaka terkenal dengan nama Chandrabhanu, mendarat dengan suatu angkatan tentera Javaka yang hebat dengan helah bahawa mereka juga adalah pengikut-pengikut Buddha. Semua tentera Jawaka yang jahat ini yang menyerang pada tiap-tiap tempat pendaratan dan dengan panah-panah beracun, serupa dengan ular-ular yang menakutkan dengan tidak berhenti-henti membinasakan penduduk mana yang kelihatan, menimpakan kebinasaan, menimbulkan kemarahan besar di seluruh Lanka. Kemudian Parakaramabahu memerintahkan anak bagi saudara perempuannya, Virabahu, menentang Chandrabhanu yang dapat dikalahkan dalam peperangan dan dipaksa meninggalkan Lanka.

b. Sekali lagi ke arah akhir dari zaman pemerintahan Parakramabahu, bila ia telah melantikkan puteranya Vijayabahu IV sebagai pemerintah Ceylon, adalah dikatakan Chandrabhanu melakukan serangan kedua ke atas Ceylon. Dalam Sulavamsa dinyatakan: "Pada masa itu, Tuan bagi orang-orang, Chandrabhanu, yang dulunya telah menerima pukulan selepas pertempuran hebat, telah mengumpulkan (tentera) dari negeri-negeri Pandu dan Chola dan lain-lain tempat termasuk tentera Damila merupakan suatu kekuatan yang besar, mendarat bersama dengan tentera Javaka di Mahatittha. Selepas raja dapat menarik kepada pihaknya orang-orang Tisihala yang tinggal di Padi, Kurundi dan lain-lain daerah, ia mara ke Subhagiri. Disini ia membangunkan khemah tentera dan menghantarkan utusan-utusan dengan membawa perutusan: "Saya akan ambil Tisihala, saya tidak akan tinggalkan kepada kamu. Oleh itu serahkan kepada ku peninggalan gigi orang suci (Buddha) itu, peninggalan bejana dan jajahan dhiraja. Kalau kamu tidak mahu, perang akan meletus". Sekali lagi Virabahu mengharungi medan perang bersama Vijayabahu dan menimpakan kekalahan kepada penyerang. "Selepas Vijayabahu berjuang dan membunuh tentera yang ramai, ia menghantarkan Tuan bagi orang-orang, Chandrabhanu, ke tempatnya tanpa pertahanan diri. Tetapi perempuan-perempuan yang paling dicintai di istananya dan semua gajah-gajah dan kuda-kuda, pedang-pedang dan lain-lain senjata

<sup>80</sup> K.A. Nilakanta Sastri, op. cit., hlm. 93-94.

yang banyak, seluruh perbendaharaan, trompet-trompet kemenangan, payung kemenangan, gendang kemenangan, panji-panji kemenangan, semuanya ini dihantarkan kepada bapanya".

Di Ch'aiya iaitu Grahi di zaman silam ditemui suatu prasasti bertarikh tahun Kaliyuga 4333, sama dengan tahun 1230 Masihi. Di dalamnya tertulis Dharmaraja Chandrabhanu, raja Tambralinga (Tamralingesvara). Manakala Parakramabahu II, raja Ceylon itu menurut kronologi yang telah diperbaiki oleh Geiger, adalah memerintah dari tahun 1236 hingga 1271 Masihi. Oleh itu serangan pertama atas Ceylon oleh Chandrabhanu adalah dalam tahun 1247 dan serangan kedua mungkin dalam tahun 1270 atau 1271 Masihi.

Oleh kerana serangan-serangan itu dari Tambralingga (Ligor atau Nagara Sri Dharmaraja) yang masih belum diduduki oleh bangsa Thai, maka bangsa "Javaka" yang tersebut dalam Sulavamsa itu ialah penduduk Segenting dan Semenanjung yang sekarang bernama "Melayu".

Nama "Jawaka" atau "Javaka" inilah yang nampaknya tepat dengan nama "Zabag" dalam bahasa Arab.

#### 10. Kenyataan dari Prasasti Jatavarman Vira-Pandya

Beberapa prasasti kepunyaan Jatavarman Vira-Pandya, raja negara Pandya, India Selatan telah dapat dikumpulkan. Salah satu daripadanya bertarikh sepuluh tahun setelah ia menjadi raja yang sama dengan tahun 1264 Masihi, menyatakan demikian<sup>81</sup>:-

"Orang yang telah membenarkan mengambil negeri Chola, Ceylon, dan mahkota dan kepala yang dimahkotakan dari Savaka (= Javaka)".

Tokoh ini diperkenali dengan Vira-Pandya yang tarikh ketaktaannya ditetapkan dalam tahun 1254 Masihi.

Dalam suatu prasasti lagi bertarikh tahun 1265 Masihi ada menyebut nama-nama negara yang ditakluk oleh Jatavarman Vira-Pandya<sup>82</sup>

"Gangam (kawasan Sungai Gangga), Gaudam (Bengala Timur), Kadaram<sup>83</sup> (Kataha atau Kedah), Kasi (Benaris), Kongam (daerah Solem), Kudiram (?), Kollam (Quilon dalam catatan-catatan geografi Arab terletak di barat daya India), Gunagam (?), Cinam (?), Avanti (Ujjain), Karuna dan Kurnata (?), Ilam (Ceylon) Kalingam (Kalinga (?)), Telingam (sekitar Telugu), Pundram (Chota-Nagpur), dan lain-lain.....".

Dalam daftar negara-negara yang ditakluk itu termasuk Kadaram (Kataha atau Kedah sekarang). Nampaknya raja Kadaram yang diambil mahkotanya itulah yang disebut dalam prasasti tahun 1264 Masihi diatas sebagai mahkota (negeri bangsa) Savaka (Javaka). Jadinya nama "Yava" atau "Java" atau "Javaka" itu bukan setakat Segenting sahaja dimana terletaknya Tambralinga (Ligor), tetapi juga meliputi Semenanjung.

81 Gabriel Ferrand, *L'empayar Sumatranais De Grivijaya*, hlm. 48.

82 Ibid., hlm. 49-50.

83 G. Ferrand menyamakan "Kadaram" dengan "Srivijaya".

## 11. Kenyataan dari *The Travels of Marco Polo*

Marco Polo seorang pengembara dari Venice, Italy, telah mengembara ke negeri China menerusi jalan daratan Asia Barat dan Asia Tengah. Setelah hidup bertahun-tahun di negeri China, ia pulang ke negerinya, Venice dalam tahun 1292 Masihi menerusi Asia-Tenggara. Dalam hubungannya dengan "Java", Polo menunjukkan wujudnya dua Java iaitu satunya "Java Besar" (Java the Great) dan satu lagi "Java Kecil" (Java Minor atau Lesser Java). Dalam bukunya yang dinamakan orang "The Travels of Marco Polo", ia menerangkan sebagai berikut<sup>84</sup>:-

- a. "Dari Chamba (Champa) seorang ahli pelayaran yang belayar ke arah tenggara sejauh 1,500 batu, ia sampai ke sebuah pulau yang sangat besar digelarakan "Java"<sup>85</sup>. Menurut keterangan pelaut-pelaut yang mahir dan mengetahui halnya dengan baik, ini adalah pulau yang terbesar dalam dunia mempunyai lilitan lebih dari 3,000 batu. Penduduknya adalah penyembah-penyembah berhala diperintah oleh seorang raja yang berkuasa penuh dan tidak membayar upi kepada sesiapa pun diatas muka bumi ini...."<sup>86</sup>
- b. "Kira-kira 100 batu ke tenggara (Pulau) Bintang terletak pulau Lesser Java (Java Kecil). Kamu hendaklah faham, ia tidak begitu kecil, panjangnya lebih dari 2,000 batu... Dalam pulau ini ada delapan negara dan delapan raja bermahkota.... Kemudian Polo menyebut nama-nama negara-negara itu, Ferlec (Perlak), Basman (Basman), Samatra (Samudra), Dagroyan (Tamiang), Lambri (Lamuri) dan Fansur".

Nampaknya yang dimaksudkan oleh Marco Polo dengan "Java Besar" itu ialah Pulau Jawa sekarang dengan pulau-pulau yang dibawah kekuasaan Kartanagara, raja Singasari yang telah tumbang beberapa bulan sebelum kedatangan Marco Polo dan nampaknya ia tidak tahu peristiwa ini.

"Java Kecil" (Java Minor atau Lesser Java) itu sudah tentu ditunjukkan kepada Pulau Sumatera.

## 12. Kenyataan dari *Taqwimul-Buldan*

'Imaduddin Ismail bin Muhammad bin Omar yang terkenal dengan Abul-Fida' (1273-1331) dalam bukunya "Taqwimul-Buldan" ada menyebut tentang Maharaja Zabag dari berita-berita yang diambil dari Ibnu Sa'id (1208/1214-1274/1286). Pada beberapa tempat dalam bukunya ini ia menyatakan<sup>87</sup>:-

- a. Kepulauan Maharaja terdiri dari pulau-pulau yang banyak dan tuannya (Maharaja) adalah raja India yang paling kaya, mempunyai emas dan gajah yang paling banyak.

84 Marco Polo, *The Travels of Marco Polo*, terjemahan R.E. Latham, hlm. 223-224.

85 Dari ayat ini timbul istilah "Java Besar" (Java the Great).

86 Nampaknya Polo tidak pergi sendiri ke Java-Besar itu, hanya ia mendengar berita dari orang lain.

87 Abul-Fida', *Taqwimul-Buldan*, hlm. 369 dan 374-375, dengan penjelasan oleh K.A. Nilakanta Sastri, op. cit., hlm. 65.

- b. Pulau terbesar ialah Sribuzah (Srivijaya) dengan 400 batu panjang dari utara ke selatan dan kira-kira 160 batu lebar. Disana sini terdapat teluk-teluk di pulau itu.
- c. Ibu kota Sribuzah terletak kearah pedalaman boleh dimasuki oleh perahu jung dari laut menerusi sungai ia terletak ditepi sungai, garis bujurnya 108 darjah 30 minit<sup>88</sup> dan garisan lintangnya 30 darjah 40 minit.
- d. Pulau Zabag sebagaimana yang tertulis dalam kitab "al-Atwal" (buku tentang garisan-garisan bujur dan lintang yang dianggap dari al-Farsi, abad Ke-10) garis bujur itu ialah 115 darjah, disebelah selatan dari iklim pertama, dalam laut hijau.
- e. Kita baca dalam al-Atwal: "Disana, dalam kepulauan Zabag terdapat ular-ular yang boleh menelan seorang manusia atau hingga seekor kerbau, dan gunung-gunung senantiasa berapi. Api gunung-gunung ini boleh dilihat pada tempat sejauh beberapa hari (belayar) di laut".
- f. Pulau Maharaja atau Sribuzah menurut "al-Qanun" (Oleh al-Bairuni) adalah 140 darjah garis bujur dan 1 darjah garis lintang, di sebelah selatan dari iklim pertama, pulau besar dalam laut hijau.
- g. Satu pulau lagi ialah "Pulau Jawa", suatu pulau besar terkenal dengan penghasilan akar-akar kayu untuk ubat. Di sebelah selatan Pulau Jawa ialah kota Fansur yang menghasilkan kapur dan terkenal dengan kapur Fansur.

Pulau Jawa yang dimaksudkan oleh Abul-Fida' itu ialah Pulau Sumatera Utara.

### 13. Kenyataan dari Rihlah Ibnu Batutah

Ibnu Batutah adalah seorang pengembara 'Arab dari Maghribi (Moroko) yang paling terkenal dan paling jauh perjalanannya. nama asalnya Abu Abdullah Muhammad bin Abdullah bin Muhammad bin Ibrahim al-Liwati kemudian at-Tanji. Hasil dari perjalanannya ditulis dalam sebuah buku yang dinamakan "Tuhfatun-Nazzar fi Gharaibil Amsar wa'Ajabil Asfar", kemudian dicetak dalam zaman moden dengan nama "Rihlah Ibnu Batutah" (Penggembaraan Ibnu Batutah). Dalam perjalanannya dari India menuju ke China, ia melalui Asia-Tenggara dan berbicara dengan agak lanjut tentang negeri Samudra di Sumatera Utara dan negeri Tawalsi iaitu Kelantan sekarang. Ia bertolak dari India menuju ke Asia-Tenggara dalam tahun 1345. Keterangan Ibnu Batutah yang panjang lebar dalam hubungannya dengan "Jawa" dapat diringkaskan demikian<sup>89</sup>:-

- a. "Setelah belayar selama 25 hari (dari Barhankar di Banggala) kami sampai ke Pulau Jawah (Jawa)..... Kemudian dibenarkan kami mendarat dan kami turun ke Bandar, suatu kampung besar di pantai. Disini ada sebuah bangunan yang dinamakan Sarha sejauh

88 Dalam tulisan Ibnu Sa'id 880 darjah 30 minit sebagaimana yang dipetik oleh Ferrand.

89 Ibnu Batutah, *Rihlah Ibnu Batutah*, hlm. 152-173.

4 batu dari Bandar.... Kemudian dengan mengenderai kuda Sultan (Sultan-al-Malikuz-Zahir) dan (diiringi oleh) lain-lain kenderaan lagi, kami menemui Sultan di Kota Sumutrah (Samudra), sebuah kota yang cantik dan besar di kelilingi oleh benteng dari kayu dan menara-menara dari kayu”.

- b. “Setelah tinggal di Sumutrah selama 15 hari saya memohon daripadanya (Sultan) untuk meneruskan pelayaran.... baginda menyiapkan untuk saya sebuah perahu jung dan menyediakan perbekalan.... dan kami belayar pada sepanjang pesisir negerinya selama 21 malam, kemudian kami sampai ke Mul-Jawah,<sup>90</sup> iaitu sebuah negeri orang-orang kafir dan panjangnya sejauh 2 bulan perjalanan....”.
- c. Bila menggambarkan perjalanan pulang dari negeri China dalam tahun 1346 Masihi, Ibnu Batutah menyatakan: (setelah meninggalkan Kota Zaitun di negeri China) 2 bulan kemudian kami sampai di Jawah (Jawa) dan kami turun ke Kota Sumutrah dan kami dapati Sultan telah kembali dari suatu serangan dan membawa pulang ramai orang tawanan. Baginda kurniakan kepada saya dua orang hamba perempuan dan dua orang hamba lelaki.....”.

Serupa juga dengan Marco Polo dan Abul-Fida', Ibnu Batutah menamakan “Pulau Sumatera” itu dengan “Pulau Jawa”.

#### 14. Kenyataan dari Yuan Shih

Dalam Yuan Shih atau Sejarah Keluarga Yuan (1280-1367 Masihi) oleh Sung Lien (1310-1381 Masihi) ketika mencatat peristiwa serangan tentera Kublai Khan keatas Pulau Jawa, menyebut pulau ini dengan “Jiau-wa” atau “Kua-wa”. Peristiwa ini dapat disingkatkan demikian<sup>91</sup>:-

- a. Jiau-wa terletak di sebelah sana laut dan jauh dari Champa. Bila seorang bertolak dari Chuan-chou (suatu pelabuhan di Pantai Fukien) dan pergi ke selatan, mula-mula ia sampai ke Champa, kemudian sampailah ke negeri ini.
- b. Adat dan penghasilan negeri ini tidak banyak diketahui, tetapi biasanya negeri-negeri berbarisan di seberang laut menghasilkan benda-benda yang jarang didapati dan bernilai, yang dijual dengan harga yang tinggi di negeri China. Penduduk (Jiau-wa) adalah buruk dan ganjil. Keadaan dan bahasa mereka tidak difahami oleh orang-orang Cina.
- c. Pada suatu masa (tahun 1289 Masihi) Kublai Khan menghantarkan utusannya, Meng Ch'i, kepada raja Jiau-wa (Kartanagara, raja Singasari menuntutnya supaya tunduk kepadanya). Tetapi utusan ini dipotong hidungnya.
- d. Maharaja Kublai Khan marah dan dalam bulan dua dari tahun 1291 Masihi. Ia memerintahkan gabenor Fukien menghantarkan 20,000

<sup>90</sup> Nampaknya dimaksudkan kepada “Malayu” atau “Jambi”.

<sup>91</sup> W.P. Groeneveldt, op. cit., hlm. 20-30.



tentera dengan 1,000 buah kapal dibawah pimpinan 3 orang laksamana. Angkatan laut ini yang bertolak dari negeri China dalam bulan dua belas dari tahun 1292 Masihi terus belayar menerusi Champa, menuju ke Jiau-wa melalui kepulauan Karimata dan sampai di Pulau Ko-lan (Pulau Gelam di barat daya Kalimantan)<sup>92</sup> pada bulan satu (Januari) dari tahun 1293 Masihi. Kemudian angkatan laut Tartar iut meneruskan pelayaran ke Pulau Karimon (Karimonjawa) dan dari pulau ini mereka menuju ke Tu-ping-tsun (Tuban) dan mendaratkan tentera mereka buat pertama kali di Bhumi Jawa.

- e. Di Tuban ini tentera Tartar itu dipecah dua: sebahagian berjalan kaki dan berkuda menuju ke Sugalu (Sedayu) dan dari sini ke suatu sungai kecil, Pa-tsieh (Pacekan terletak ditepi Sungai Surabaya) dan sebahagian lagi belayar dengan kapal-kapal ikut laut dan mendarat di Kuala Sugalu (Sedayu) itu. Pada 1 haribulan 3, tahun 1293, tentera Tartar itu berhimpun di Pa-tsieh (Pacekan).
- f. Sebenarnya Kartanagara, raja Singasari yang menghinakan utusan Kublai Khan dulu telah tidak ada lagi, dijatuhkan kuasanya dan dibunuh oleh Jayakatwang, raja Kadiri dalam tahun 1291 Masihi. Jadinya tentera Tartar itu hendak melancarkan serangan keatas Jayakatwang itu. Seterusnya Yuan Shih menyatakan bahawa Tuan Pijaya (Radin Vijaya) menantu raja Jiau-wa (menantu raja Kartanagara) menggabungkan diri bersama tenteranya dengan tentera Tartar itu. Dari Pa-tsieh (Pacekan), tentera gabungan ini mara sambil bertempur, lalu menawan Tumapan (Tumapel), ibu kota Singasari. Kemudian setelah bertempur hebat mereka dapat memasuki Taha (Daha) ibu kota Kadiri dan rajanya, Jayakatwang keluar dari bentengnya menyerah diri pada 19 haribulan 3.
- g. Pada 2 haribulan 4, 1293 Masihi, Radin Vijaya pulang ke Majapahit. Pada 19 haribulan 4 Radin Vijaya ini secara rahsia melancarkan serangan keatas tentera Tartar itu, menewaskan mereka seluruhnya hingga mereka melarikan diri dan balik ke negeri China pada 24 haribulan 4, tahun 1293 Masihi.

“Jiau-wa” atau “Kua-wa” ini tidak ragu-ragu lagi ialah Jawa sekarang.

#### 15. Kenyataan dari T'oung Pao

T'oung pao adalah suatu kumpulan arkib berhubung dengan sejarah, bahasa, geografi dan ethnografi Asia Timur yang disusun oleh Hanri Cordier dan Edouard Chavannes, tahun 1911. Dalam T'oung Pao ini ketika membicarakan tentang ekspedisi tentera Tartar ke Champa dalam tahun-tahun 1283-1285 dan diterjemah dari Yuan Shih, menyatakan bahawa Indravarman, raja Champa yang telah dikalahkan dalam peperangan terbuka dalam bulan Januari, 1283, telah mengundurkan diri bersama tenteranya ke dalam kawasan pergunungan, menyusun kembali tenteranya

92 Groeneveldt memperkenalkannya dengan Pulau Billiton.

dan melancarkan perang gerila. Dalam salah satu dari siri-siri peristiwa perang gerila ini, T'oung Pao menyatakan sebagaimana yang dipetik oleh Majumdar<sup>93</sup>:—

“Ringkasnya pengintip-pengintip China membawa berita bahawa raja Indravarman telah berkubu diatas gunung Ya Heou dengan 20,000 tentera dan bahawa ia telah menghantarkan duta-duta ke Annam, Kamboja dan Java<sup>94</sup> meminta pertolongan tentera”.

Java yang dimaksudkan disini mungkin Pulau Java yang jauh letaknya, mungkin Sumatera Utara yang juga jauh letaknya atau mungkin Segenting-Semenanjung yang hampir letaknya. Dalam strategi perang, sesuatu permintaan tolong ketika dalam keadaan cemas, biasanya kepada negara-negara sahabat yang berjiran.

#### 16. Kenyataan dari Prasasti Po sah

Po sah adalah nama suatu tempat hampir dengan kampung Chakling, di selatan lembah Phanrang, Champa Selatan, Prasasti ini ditulis dalam bahasa Sanskrita bertarikh pada tahun 1228 Saka (1307 Masihi). Ia mencatat mengenai Jaya Simhavarman, raja Champa (1288-1307). Dalam hubungannya dengan Yavadvipa, prasasti itu menyatakan sebagaimana yang dipetik oleh Majumdar<sup>95</sup>:—

“Prasasti itu menunjuk kepada dua isteri Jaya Simhavarman iaitu Paramesvari puteri raja Devadideva dan Tapasi puteri raja Yavadvipa”.

Pada tempat lain, ketika membicarakan sejarah politik Champa, Majumdar memperkenalkan “Yava” dari mana datangnya puteri Tapasi itu ialah “Semenanjung Melayu”.<sup>96</sup> Beberapa orang sejarawan yang memperkenalkan “Yava” atau “Yavadvipa” sebagai Pulau Java membuat dugaan bahawa Tapasi itu saudara perempuan Kartanagara, raja Singasari. Tetapi riwayat tradisi Kelantan<sup>97</sup> menyatakan Tapasi ini adalah puteri Sang Taval, raja Malayur yang berpusat di Pattha-lung sekarang. Negara Malayur ini meliputi kawasan yang memanjang di pantai Timur bermula dari Grahi (Chaiya sekarang) di Segenting Kra turun ke selatan sampai ke sempadan Terengganu-Pahang sekarang dan disebut oleh Ibnu Batutah dengan negeri Tawalsi dan nama ini katanya dari nama rajanya (Sang Taval). Di antara saudara-saudara perempuan puteri Tapasi ialah puteri Durga dan puteri Candana. Puteri Durga, kerana berjaya membunuh raja Siam dalam peperangan di Grahi tahun 1317, diangkat oleh ayahandanya menjadi raja wilayah Hulu Kelantan berpusat di Kuala Krai lama. Ia disebut oleh Ibnu

93 R.C. Majumdar, *Ancient Indian Colonies in the Far East*, Vol. I, Champa, hlm. 118, juga disebut oleh M. Georges Maspero dalam *Le Royaume de Champa*, hlm. 80.

94 Maspero mengingatkan pada catatan bawah dari bukunya bahawa perkataan “Java” ini dalam Yuan Che (Yuan Shih) ditulis dalam bentuk “Cho-po”.

95 R.C. Majumdar, *op. cit.*, Book III, hlm. 220.

96 *Ibid.*, Book I, hlm. 122.

97 Abdullah B. Mohamed (Nakula), *Kelantan Purba dan Peranannya dalam Asia-Tenggara, Suatu Sejarah Berdasarkan Riwayat*, hlm. 972 — 973.

Batutah dengan nama "Urduga" dan ibu kotanya disebut dengan "Kailukri". Puteri Candana itu pula dikahwinkan dengan al-Malikul-Muhammadi (al-Malikuz — Zahir I), raja Samudra.

Ini bermakna Segenting dan Semenanjung yang disebut dengan Javaka dan Savaka dalam abad Ke-13, masih disebut dengan Yavadvipa dalam abad Ke-14 Masihi.

#### 17. Kenyataan dari Tao-i-chih-lioh

Buku Tao-i-chih-lioh ini ditulis oleh Wag Ta-yuan dalam tahun 1349, sebagai hasil dari pengembaraannya di Semenanjung dan Kepulauan di antara tahun-tahun 1330-1340 Masihi. Dalam buku ini ia menulis dalam perenggan yang berasingan mengenai San-fo-ch'i dan Ku-kang iaitu Palembang<sup>98</sup> ini bermakna Palembang masih belum menjadi ibu kota San-fo-ch'i.

#### 18. Kenyataan dari Ming Shih

Ming Shih atau Sejarah Keluarga Ming (1368-1643 Masihi) yang ditulis oleh Chang T'ing-yu tahun 1742 Masihi memperkenalkan San-fo-ch'i ialah K'anto-li (Kandali) iaitu Palembang di zaman purba sebelum zaman Srivijaya. Tetapi apa yang ditulis mengenai San-fo-ch'i ini adalah terjadi dalam separuh kedua dari abad ke-14 Masihi, kemudian daripada zaman lawatan Wang Ta-yuan diatas, dibawah ini diterangkan dengan ringkas<sup>99</sup>:—

- a. San-fo-ch'i, dulunya digelar K'anto-li (Kendali). Dalam tahun 1370 Masihi Maharaja menghantarkan utusan memerintahkan kehadiran negeri itu. Dalam tahun berikutnya, raja bernama Ma-hal-la-cha-pa-la-pu (Maharaja Prabu) menghantarkan utusan dengan sepucuk surat yang ditulis atas daun emas dan membawa bermacam-macam hadiah sebagai upeti.
- b. Dalam tahun 1373 Masihi, raja Tan-ma-sa-na-ho menghantarkan pula utusan-utusan.... ketika ini ada tiga raja di negeri itu.
- c. Dalam tahun 1374 Masihi, raja Ma-na-ha-pau-lin-pang menghantarkan utusan-utusan untuk membawa upeti, yang diulangi sekali lagi dalam bulan pertama dari tahun selepasnya (1375). Dalam bulan Ke-9 dari tahun 1375 Masihi seorang raja bernama Seng-kaliet-yu-lan menghantarkan utusan-utusan untuk membawa upeti. Utusan-utusan ini datang di istana menurut seorang utusan Maharaja yang kembali dari sebuah negeri lain sebagai utusan.
- d. Dalam tahun 1376 Masihi, raja Tan-ma-sa-na-ho telah mangkat dan puteranya Ma-la-cha Wu-li menggantinya. Dalam tahun selepasnya (1377) raja ini menghantarkan upeti terdiri dari berbagai barang. Utusan-utusannya menyatakan bahawa putera itu tidak berani menaiki takhta dengan kuasanya sendiri, dan oleh itu memohon keizinan dari istana Maharaja. Maharaja memuji sikapnya ini dan

<sup>98</sup> K.A. Nilakanta Sastri, op. cit., hlm. 67.

<sup>99</sup> W.P. Groeneveldt, op. cit., hlm. 68-72.

memerintahkan utusan-utusannya membawa kepadanya suatu matrai dan satu perintah sebagai raja San-fo-ch'i.

- e. Ketika itu, walau bagaimanapun San-fo-ch'i telah sedia ditakluk oleh Java, dan raja negeri itu (Java), bila mendengar Maharaja telah melantik seorang raja atas San-fo-ch'i, menjadi terlalu marah dan menghantarkan orang-orangnya menghalang dan membunuh utusan-utusan itu. Maharaja berfikir lebih baik tidak melaksanakan hukuman terhadap masalah ini.
- f. Selepas peristiwa ini San-fo-ch'i beransur-ansur menjadi miskin dan tidak ada lagi upi yang dibawa dari negeri ini.
- g. Pada waktu itu Java telah menakluk San-fo-ch'i dengan sepenuhnya dan menukarkan namanya kepada "Ku-kang".<sup>100</sup>

*(bersambung)*

---

100 "Ku-kang" ertinya "Sungai Lama" (Pengkalan Lama) itu sebutan orang-orang Cina untuk Palembang hingga sekarang (zaman Groeneveldt).

## Bibliografi

1. Abdullah b. Mohamed (Nakula), *Kelantan Purba dan Peranannya dalam Asia Tenggara: Suatu Sejarah Berdasarkan Riwayat*, 1969 (manuskrip).
2. \_\_\_\_\_, "Kelantan dari Zaman Pra-Sejarah hingga Zaman Permulaan Sri Vijaya", dalam *Journal Persatuan Sejarah Kelantan*, Bil. 1 terbitan Persatuan Sejarah Kelantan, Kota Bharu, Kelantan, 1964/1965.
3. Abul-Fida', 'Imaduddin Ismail b. Muhammad b. 'Omar, *Taqwimul-Buldan*, Geographie d'Abulfeda, Par M. Renaud, et M. Le Bon Mac Guckin de Slane, Paris.
4. Braddell, *Times in the Malay Peninsula and Straits of Malacca*, dalam *Journal Malayan Branch, Royal Asiatic Society (JMBRAS)*, Reprint No. 7, Kuala Lumpur, 1980.
5. B.R. Chatterji, *History of Indonesia: Early and Medieval*, Edisi Ke-3, Meenakshi Prakashan, Meerut, India, 1967.
6. G. Coedes, *The Indianized States of Southeast Asia*, Pustaka Ilmu, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1968.
7. John Dowson, *Classical Dictionary of Hindu Mythology and Religion, Geography, History and Literature*, Routledge & Kegan Paul Ltd., London, 1953.
8. Gabriel Ferrand, *L'Empire Sumatranais de Srivijaya*, *Journal Asiatique*, tome xx Imprimerie Nationale, Paris, 1922.
9. Prof. Muhammad Syafiq Gharbal, *al-Mausu'atul-'Arabiyah al-Muyassarah*, terbitan Darul-Qalam dan Franklin Book Programs, al-Qahirah, Mesir, 1965.
10. W.P. Groeneveldt, *Notes on the Malay Archipelago and Malacca, Compiled from Chinese Sources*, Batavia W. Bruining, 1877.
11. D.G.E. Hall, *A History of South-East Asia*, Macmillan & Co. Ltd., London, 1960.
12. Hsu-Yun-Tsiao, *Notes on Tan-Tan*, dalam *JMBRAS*, Jld. 20, Bhg. 1, 1947.
13. Ibnu Batutah, *Rilah Ibnu Batutah*, Matba'ah Mustafa Muhammad, Mesir, 1938.
14. Ibnu Khurdazabeh, Abul-Qasim, 'Ubaidillah b. Abdullah, *al-Masalik wal-Mamalik*, Bibliotheca Geographorum Arabicorum, edidit M.J. De Goeje, Lugduni-Batavorum, Apud E.J. Brill, 1889.
15. James Legge, *A Record of Buddhistic Kingdoms*, Oxford, 1886.
16. Malcolm MacDonald, *Angkor*, Jonathan Cape, 30 Bedford Square, London, 1958.
17. R.C. Majumdar, *Ancient Indian Colonies in the Far East Jld. I Champa*, The Punjab Sanskrit Book Depot, Lahore, 1927.
18. \_\_\_\_\_, *India and South-East Asia*, B.R. Publishing Corporation, Delhi, 1979.
19. M. Georges Maspero, *Le Royaume de Champa*, Librairie Nationale d'Art et d'Histoire, Paris et Bruxelles, 1928.
20. Al-Masudi, *Murujuz-Zahab*, Jld. 1, cetakan ke-4, Qahirah, Mesir, 1964.

21. J.L. Moens, *Srivijaya, Yava en Kataha*, JMBRAS, Jld. 16, Bah. 2, Jan 1940.
22. K.A. Nilakanta Sastri, *History of Sri Vijaya*, University of Madras, 1949.
23. \_\_\_\_\_, *South India and South-East Asia, Studies in their History and Culture*, Geetha Book House Publisher, Mysore, India, 1978.
24. Marco Polo, *The Travels of Marco Polo*, terjemahan R.E. Latham, The Penguin Classics, London, 1958.
25. G.R. Tebbetts, "Early Muslim Traders in South-East Asia", dalam JMBRAS, Jld. 30, Bah. I, 1957.
26. O.W. Wolters, *Early Indonesia Commerce: A Study of the Origin of Srivijaya*, Cornell University Press, Ithaca, New York, 1967.
27. \_\_\_\_\_, *The Fall of Srivijaya in Malay History*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1970.
28. Paul Wheatley, *The Golden Khersonese*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1961.
29. Tan Yeok Seong, *The Sri Vijayan Inscription of Canton*, Journal of Southeast Asian History, Jld. 5, Bil. 2, Singapura, Sept. 1964.

# Sejarah Masuknya Al-Quran Ke Kelantan

ISMAIL BIN AWANG

**S**EJARAH pengajian al-Quran di Kelantan adalah sama masuknya Islam ke Kelantan, kerana Islam dan al-Quran tidaklah dapat dipisahkan. Tetapi setakat ini belum ada ahli sejarah yang dapat menetapkan tarikh kemasukan Islam dan permulaan pengajian al-Quran, kerana pengajian sejarah negeri Kelantan adalah kurang diambil perhatian. Khoo Kay Kim berkata:

... adalah lebih tidak dihiraukan daripada sejarah negeri Kedah oleh kerana negeri Kelantan telah tidak merupakan faktor yang penting dalam sejarah jajahan British di bahagian dunia sebelah sini sehingga akhir kurun yang ke sembilan belas.<sup>1</sup>

Graham, seorang penasihat Kerajaan Siam, warganegara British di Kelantan tahun 1903-1909 M. telah menulis mengenai negeri Kelantan yang berjudul "Kelantan: A State in The Malay Peninsula", yang diterbitkan pada tahun 1908 M. antara lain beliau berkata bahawa "Sejarah awal negeri Kelantan sudah tidak dapat dikesani disebabkan oleh fakta yang berekod tidak pernah disimpan".<sup>2</sup>

Oleh kerana ketiadaan rekod-rekod inilah, maka ahli-ahli sejarah telah menulis nama negeri Kelantan ini dengan berbagai nama, umpamanya:

Negeri Raktamrttika yang bermakna Tanah Merah yang mengikut sumber China disebut Ch'ih-t'u, terletak di sempadan dengan Teluk Siam di sebelah timur. Sumber ini pula mencatatkan bahawa ibu negeri Ch'ih-t'u ialah Seng-chih atau Shih-tzu. Letaknya satu bulan perjalanan di kawasan pedalaman. Walaupun tidak ada keterangan lain yang diperolehi besar kemungkinan ibu negeri itu bertapak di Hulu

- 1 Khoo Kay Kim, "Semenanjung Tanah Melayu Pada Kurun Yang Ke-19 — III" dalam "Sejarah Malaysia Sepintas Lalu"; Zainal Abidin bin Abd. Wahid, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1972, hlm. 82-83).
- 2 Graham, *Kelantan, A State in The Malay Peninsula*, Glasgow, 1908 M., hlm. 38.

Sungai Kelantan. Di jangka Tanah Merah sekarang ialah apa yang dimaksudkan oleh keterangan China sejak abad ketujuh Masihi lagi.<sup>3</sup>

Mohd Dahlan Mansoer telah memetik pendapat Moens yang menyatakan:

Mengikut Moens pula ibu negeri Sriwijaya pada mulanya terletak di negeri Kelantan sekarang dan kemudian Muara Takus yang terletak di pertemuan Sungai Tapus — dan Batang Kampar di pedalaman Sumatera Tengah dijadikan ibu kota yang dinamakan 'Fo-che' oleh I-ching.<sup>4</sup>

Pendapat Quaritch Wales dan Chand bahawa Kelantan itu ialah Chaiya:

Quaritch Wales berpendapat bahawa Chaiya dipantai timur Tanah Semenanjung adalah ibu negeri Dinasti Sailendra. Quaritch Wales dan Chand membuat kesimpulan yang serupa mengenai pusat kekuasaan Sriwijaya iaitu di Bandar Chaiya.<sup>5</sup>

Dari petikan-petikan di atas menunjukkan bahawa kedudukan Kelantan dalam sejarah silam adalah merupakan sebuah negeri yang terpenting di tengah perjalanan perdagangan Arab dan China.

Negeri China pada awal zaman Tang (618-907 M.) banyak menumpukan perhatian kepada perniagaan seberang laut. Manakala Asia Barat pula yang bermula dengan zaman Khalifah Umaiyya (651-750 M.) dan dilanjutkan dengan Khalifah Abbasiyyah (751-1258 M.), giat pula berniaga dengan negeri China. Perniagaan laut antara Asia Barat dengan negeri China terpaksa melalui Selat Melaka. Keadaan ini memberi peluang kepada Sriwijaya untuk pembangunan dan berperanan sebagai negeri perniagaan laut pertama di rantau Asia Tenggara.<sup>6</sup>

Oleh kerana negeri Kelantan yang dikenal dengan Sriwijaya pada masa itu menjadi tempat persinggahan, maka tidaklah mustahil adanya anak negeri Kelantan ketika itu memeluk Islam, walaupun ada ahli sejarah yang mengatakan bahawa Kerajaan Sriwijaya beragama Buddha, kerana sudah menjadi kewajipan kepada orang-orang Islam yang berniaga mendakwah anak-anak negeri yang disinggahinya supaya memeluk Islam.

Brian Harrison berkata:

Sesudah menawan Parsi pada kurun ketujuh, Islam juga telah bergerak arah ke timur. Orang-orang Arab telah masuk dan tinggal di Baluchistan pada kira-kira tahun 650 sesudah Masihi dan telah menawan kawasan pantai negeri itu pada tahun 710 M. sebentar selepas itu mereka telah masuk ke India. Mereka telah menawan Sind dan bahagian bawah lembah dan delta India pada tahun 712 M. dan dengan itu mereka telah mendirikan masyarakat Islam di barat laut India. Islam sedang bergerak di Asia dan saudagar-saudagar Islam telah membawa agama itu bersama dengan barang-barang dagangan mereka ke mana mereka pergi.<sup>7</sup>

3 Mohd. Dahlan Mansoer, *Pengantar Sejarah Nusantara Awal*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979 M.), hlm. 55.

4 *Ibid.*, hlm. 78.

5 *Ibid.*, hlm. 87.

6 *Ibid.*, hlm. 84, Lihat P.E. De Josselin De Jong, *Agama-agama di Gugusan Pulau-pulau Melayu*, terj. Abdullah Husain (Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1965), hlm. dan 87.

7 Brian Harrison, *Asia Tenggara Satu Sejarah Ringkas*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1966), hlm. 49-50.



Sikap orang Islam yang bergerak dengan perniagaan dan berdakwah itu telah diakui juga oleh T.W. Arnold dengan katanya, "Orang Islam telah bergerak dengan cergas dan meluas di lapangan perniagaan".<sup>8</sup>

Jadi nampak jelaslah bahawa Islam telah masuk ke Kelantan sebelum abad Ke-12 Masihi lagi dan telah dianuti oleh pribumi Kelantan. Ini lebih jelas dengan kenyataan dinar yang diketemui di Kota Kubang Labu, Pasir Pekan, Tumpat, Kelantan.

Haji Nik Mahmood Ismail (Dato' Perdana Menteri Paduka Raja) telah menyebut:

Kemudian daripada telah jadi sebuah negeri Tanah Serendah Sekebung Bunga itu, maka oleh sebab habis kebesaran raja-raja yang memerintah pada masa itu, bahawa kembalilah negeri itu jadi hutan, maka dengan kerana yang demikian itu melancarkan di hujung lidah orang-orang luar dengan sebutan bahawa negeri Tanah Serendah Sekebung Bunga telah menjadi kalam hutan, maka dengan sebab berat atau panjang sebutannya ditukar akan mim dengan nun dan 'dibuangkan ha' dan wau, jadilah "Kelantan".

Maka yang menguatkan kami berpegang atas keadaan telah jadi sebuah negeri di dalam kurun yang ke sepuluh lebih kurang itu kerana adalah pada tahun hijrah 577 bersamaan 1181 M. telah bernama Kelantan iaitu kami dapati suatu perbelanjaan daripada emas yang dipanggil dinar, maka tertulis padanya dengan bahasa dan huruf Arab **المسوكل** dan di sebelah lagi **الجلوس كلنتن**.<sup>9</sup>

Dr. Wan Husain Azmi telah membuat ulasan, katanya:

Perkataan **الجلوس** artinya dari segi bahasa ialah "duduk" dan dari segi istilah "menduduki" singgahsana. Angka Arab 577 H. adalah bersamaan 1181 M. Al-Mutawakkil itu gelaran pemerintah pada masa itu. Dari analisa yang ringkas itu ternyatalah di negeri Kelantan telah terdiri satu pemerintahan Islam pada tahun 577 H. bersamaan dengan 1181 M. dan rajanya bergelar al-Mutawakkil yang artinya orang-orang yang bertawakkal, iaitu bertawakkal kepada Allah.<sup>10</sup>

Tidaklah dapat diketahui berapa lama pemerintahan al-Mutawakkil itu memerintah Kelantan. Tetapi pada masa Ibn Batutah singgah di Kelantan, di suatu kawasan yang diberi nama Kil Krai (Kuala Krai) pada tahun 1292 M. dalam pelayarannya dari India ke China, beliau telah menemui seorang raja perempuan bernama Urduja.<sup>11</sup>

Pada abad kelima Hijrah nampaknya penulisan al-Quran telah dipakai di batu-batu nesan orang-orang Islam di Semenanjung Tanah Melayu, umpamanya batu nesan yang dijumpai diteluk Che' Munah, Pahang yang bertulis dengan ayat-ayat al-Quran, dan tarikh yang terdapat pada batu nesan itu ialah:

*Waktu Subuh hari Rabu  
14 haribulan Rabi al-Awwal  
Tahun Hijrah 419.*<sup>12</sup>

8 T.W. Arnold, *Da'wat ila al-Islam*, terj. Hasan Ibrahim Hasan dan lain-lain, Qahirah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah 1970. hlm. 403.

9 Haji Nik Mahmood bin Ismail, *Kitab Jografi dan Tarikh Negeri Kelantan*, Kota Bharu, 1926, hlm. 15.

10 Wan Husain Azmi, *Islam di Malaysia: "Kedatangan dan Perkembangan (Abad 7-20)"*, dalam *Tamadun Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, hlm. 144.

11 Lihat Ibn Batutah, *Rihlat Ibn Batutah*, Qahirah: Maktab al-Tijariyyah, 1938, 2: 157.

12 Mohd. Mokhtar bin Shafie, "Batu Nesan Kurun Ke-5 H. atau 10 M. di Pekan Pahang" dalam *Tamadun Islam di Malaysia*, hlm. 5.

Di samping itu terdapat pula batu bersurat di Terengganu yang dijumpai di Kuala Brang, bertarikh pada tahun 702 Hijrah atau 1303 Masihi. Batu bersurat ini adalah merupakan bukti yang tertua tentang wujudnya sebuah negeri yang menjalankan undang-undang Islam dalam pemerintahan di Semenanjung Tanah Melayu.<sup>13</sup>

Fatimi menerangkan bahawa semenjak abad ke sebelas huruf Kufi jarang digunakan untuk menyalin al-Quran, menjelang abad ketiga belas huruf itu tidak memainkan peranan penting lagi. Jadi tidaklah hairan jika pada abad ke sebelas bertulisan huruf Kufi dan abad ketiga belas bertulisan huruf bukan Kufi pada batu-batu nesan sehingga sekarang ini.<sup>14</sup>

Dari keterangan-keterangan di atas, dapatlah ditegaskan bahawa Islam masuk ke Kelantan adalah lebih awal dari abad yang Ke-12 M. lagi, kerana Kelantan telah diduduki oleh manusia semenjak 2,000 atau 3,000 tahun sebelum Masihi mengikut kajian yang dilakukan oleh Dr. D. de G. Sieveking yang melakukan ekskavasi dan penyelidikan di Gua Cha, Hulu Kelantan pada tahun 1954.

Di samping itu Kelantan juga telah memerintah negeri-negeri di Tanah Melayu dan Gugusan kepulauan Melayu ketika keagungan Kerajaan Sriwijaya. Mohd. Dahlan Mansoer memetik kata-kata sarjana Sri Lanka:

Pada 23 April raja Sriwijaya meninggalkan ibu negerinya di Semenanjung Tanah Melayu (Moens: Kelantan/Chand: Chaiya) dan menuju ke Muara Takus di mana beliau mendirikan sebuah pengkalan. Dari sana beliau menyerang Jambi, Palembang dan Bangka melalui darat dan melalui laut pada 19 Mei. Keseluruhan ekspedisi telah selesai pada 16 Jun.<sup>16</sup>

Kemasukan Islam ke Kelantan juga dipercayai secara langsung dari negeri Arab, kerana Kelantan dari dahulu lagi bermazhab Shafiee, bacaan al-Quran mengikut Hafas, dan bunyi sebutannya tidak ada bezanya dengan sebutan lidah Arab.

Selain daripada wang dinar yang bertarikh 577H. itu yang menggunakan tulisan Arab, maka pada tahun 1321H. bersamaan 1906M. sekali lagi tulisan Arab digunakan pada pitis (wang) yang menjadi perbelanjaan Kerajaan Kelantan yang bertulis: ضرب في ذي الحجة ١٣٢١ م (dikeluarkan pada bulan Zulhijjah 1321M.). Pitis ini digunakan disamping ringgit Kerajaan Selat.<sup>17</sup>

Negeri Kelantan juga terkenal dengan gelaran serambi Mekah, yang membayangkan negeri Kelantan sebagai sebahagian dari Mekah, artinya Islam adalah kuat di negeri Kelantan, dan memang ini adalah tepat, kerana Kelantan telah beberapa kali menjalankan hukum mengikut al-Quran seperti di zaman pemerintahan Sultan Ahmad (1886-89 M.) dan Sultan Mansur (1890-1900 M.), walaupun tidak semuanya undang-undang Islam itu dijalankan.<sup>18</sup>

13 Ibid., hlm. 26.

14 Mohd. Dahlan Mansoer, hlm. 120.

15 Lihat Saad Shukri bin Haji Muda, *Detik-detik Sejarah Kelantan*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1971, hlm. 17.

16 Mohd. Dahlan Mansoer, hlm. 79.

17 Sa'ad Shukri Haji Muda, hlm. 105.

18 Lihat Mohd. Husain Khaliee Haji Awang, *Kelantan Dari Zaman Ke Zaman*, Kota Bharu: Pustaka DIAN Press, 1971, hlm. 105.

Kelantan yang pernah diperintah oleh pemerintahan Islam, yang berdasarkan al-Quran dan hadith setakat yang dijumpai iaitu tahun 577 H. itu, kemudian tidak dapat pula disambung oleh ahli-ahli sejarah dengan bukti batu-batu bersurat atau lain-lain menunjukkan yang Kelantan terus diperintah oleh raja-raja Islam, melainkan pada tahun 1464 M.

Sultan-Sultan yang memerintah Kelantan adalah seperti berikut:

- |                                |                     |
|--------------------------------|---------------------|
| 1. Sultan Iskandar Shah        | akhir tahun 1464 M. |
| 2. Sultan Mansor Shah          | 1465 — 1526 M.      |
| 3. Sultan Gombak               | 1526 — 1548 M.      |
| 4. Sultan Ahmad                | 1548 — 1580 M.      |
| 5. Sultan Husain Pemangku Raja | 1580 — 1610 M.      |
| 6. Che' Siti Wan Kembang       | 1610 — 1677 M.      |
| 7. Puteri Sa'dong              | bermula 1667 M.     |
| 8. Raja Abdullah               | berakhir 1671 M.    |
| 9. Sultan Abdul Rahim          | bermula 1671 M.     |
| 10. Sultan Omar                | sekitar 1675 M.     |

(Baginda berketurunan Raja Jembal, Pusat pemerintahannya ialah di Kedai Lalat. Kemudian berpindah ke Kota Kubang Labu, Pasir Pekan, Tumpat, Kelantan).

- |   |                |
|---|----------------|
| 11. Long Besar (Long Bahar)                       | 1721 — 1733 M. |
| 12. Long Sulaiman                                 | 1733 — 1756 M. |
| 13. Long Pandak                                   | 1756 — 1758 M. |
| 14. Long Muhammad                                 | 1758 — 1762 M. |
| 15. Long Yunus                                    | 1762 — 1794 M. |
| 16. Tengku Muhammad Terengganu<br>(Pemangku Raja) | 1794 — 1800 M. |
| 17. Sultan Muhammad I                             | 1800 — 1835 M. |
| 18. Long Jenal                                    | 1835 — 1837 M. |
| 19. Sultan Muhammad II                            | 1837 — 1886 M. |
| 20. Sultan Ahmad (Sultan Tengah)                  | 1886 — 1889 M. |
| 21. Sultan Muhammad III                           | 1889 — 1890 M. |
| 22. Sultan Mansur                                 | 1890 — 1900 M. |
| 23. Sultan Muhammad IV                            | 1900 — 1920 M. |
| 24. Sultan Ismail                                 | 1920 — 1944 M. |
| 25. Sultan Ibrahim                                | 1944 — 1960 M. |
| 26. Sultan Yahya Petra                            | 1960 — 1979 M. |
| 27. Sultan Ismail Petra <sup>19</sup>             | 1979 —         |

Sultan-sultan yang memerintah Kelantan ini ialah Sultan yang beragama Islam dan suka kepada Islam itu berkembang. Sultan Muhammad II (1837 — 86M.) merupakan Sultan Kelantan yang melakukan pemerintahan lebih teratur dan mengikut undang-undang Islam, beliau melantik mufti sebagai ketua hakim.<sup>20</sup>

<sup>19</sup> Lihat Sa'ad Shukri bin Haji Muda, him. 53-202.

<sup>20</sup> Lihat Mohd. Husain Khaliei Haji Awang, him. 70.

Cara pemerintahan Sultan Muhammad II disambung oleh Sultan Muhammad III (1889 — 90 M.), dan baginda membuat pembaharuan yang besar iaitu segala dasar undang-undang keadilan yang dijalankan oleh baginda inilah membuatkan negeri Kelantan menjadi bertambah aman. Mohd. Husain Khaliei Haji Awang berkata:

Baginda telah melakukan pembaharuan yang besar dan berani iaitu dasar undang-undang keadilan dalam sebarang guaman sama ada jenayah atau mal haruslah berlandaskan hukum syarak, dan dengan dasar undang-undang keadilan yang dijalankan oleh baginda inilah negeri Kelantan menjadi bertambah aman kerana takutkan hukuman-hukuman syarak yang berat sebab seorang pencuri yang thabit kesalahannya disisi syarak, maka hukumannya ialah dipotong tangan, demikian seterusnya.<sup>21</sup>

Pada masa pemerintahan Sultan Muhammad II, masjid besar Kota Bharu dibangunkan kerana masjid dahulu runtuh akibat banjir. Masjid kayu itu didirikan pada tahun 1867 M. dan ianya menjadi pusat ibadat dan pusat pengajian Islam, sehingga masjid batu, iaitu Masjid Muhammadi dibangunkan pada tahun 1925 M.<sup>22</sup>

Pada masa pemerintahan Sultan Mansor (1890-1900 M.), yang merupakan seorang pemerintah yang minat kepada Islam dan menghormati para ulama, beliau telah membuat suatu perubahan besar kepada pakaian rakyat Kelantan, supaya menutup aurat sesuai dengan ajaran al-Quran. Mohd. Husain Khaliei Haji Awang menerangkan:

Sebagai seorang raja yang terkenal warak, berjiwa besar dan maju, Duli Yang Maha Mulia al-Sultan Mansur tidak ingin melihat sebarang perbuatan yang bertentangan dengan hukum syara', baginda tidak senang melihat rakyat jelatanya memakai pakaian-pakaian yang tidak teratur dan membuka aurat, lalu baginda pun menitah kepada setiap orang lelaki memakai kain sarong dan baju teluk belanga untuk mengganti pakaian yang lumrah pada zaman itu, iaitu sehelai kain lepas diikat bengkung dan sehelai tengkolok (kain setangan) serta diselit sebilah keris, dan setiap perempuan pula hendaklah memakai kain sarung, baju kurung dan sehelai kain tudung kepala untuk menggantikan pakaian perempuan yang lumrah itu ialah sehelai kain sarung berkembang (kain yang dibelit dibawah ketiak menutupi bahagian belakang dan dada seperti yang dipakai oleh perempuan-perempuan Bali).<sup>23</sup>

Pada masa pemerintahan Sultan Muhammad IV (1900-20 M.), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan ditubuhkan pada 17 Safar 1334 Hijrah, bersamaan dengan 24 Disember, 1915 M.

Pada tahun 1917 M. sebuah sekolah agama yang menitik berat kepada bahasa Arab dibuka, yang bernama Madrasah al-Muhammadiyah al-Arabiyyah.<sup>24</sup>

Di dalam buku "Peraturan Bagi Madrasah al-Muhammadiyah al-Arabiyyah" ada menyebut:

21 Ibid., hlm. 88.

22 Ibid., hlm. 72.

23 Ibid., hlm. 92.

24 Majlis Agama Islam Kelantan, *Peraturan Bagi al-Madrasah al-Muhammadiyah al-Arabiyyah Kelantan*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam, 1937, hlm. 2-6.

Ada pun sekolah Arab sepenuhnya yang ditubuhkan di Kelantan ialah al-Madrasah al-Muhammadiyah al-Arabiyyah, dibuka pada 1 April, 1937. ... Tujuan sekolah Arab ini didirikan atas titah al-Sultan, kerana bahasa Arab ialah bahasa al-Quran.<sup>25</sup>

Di sekolah ini semua mata pelajarannya adalah dengan bahasa Arab. Pelajaran al-Quran dan tajwid menjadi matapelajaran di madrasah ini.<sup>26</sup>

Pada masa pemerintahan Sultan Muhammad IV juga pesatnya perkembangan pengajian cara pondok di negeri Kelantan. Ulama-ulama ketika itu antaranya ialah: Haji Muhammad Yusuf, Tok Kenali (1868-1933 M.); Haji Uthman bin Haji Muhammad, Tok Bachok (1860-1953 M.); Haji Abdul Rahman bin Uthman, Tok Selihong (1871-1935 M.); Haji Wan Ahmad bin Haji Wan Halim, Tok Padang Jelapang (1861-1934 M.); dan Haji Omar bin Ismail, Sungai Keladi (1824-1946 M.).<sup>27</sup>

Di pondok, murid-murid mempelajari kitab-kitab jawi dan Arab, dan mempelajari al-Quran. Guru-guru al-Quran adalah ramai, tetapi yang masyhur di antara mereka, antaranya ialah:

1. Haji Muhammad Amin bin Mat Diah, Kenali, Kota Bharu.
2. Haji Muhammad bin Lebai Ahmad, Pintu Geng Kota, Kota Bharu.
3. Haji Nik Zainal Abidin bin Nik Ismail, Tok Konok, Atas Banggol, Kota Bharu.
4. Haji Mahmud Haji Othman, Pasir Mas.
5. Haji Pak Muda Ahmad, Lemal, Pasir Mas.
6. Haji Wan Mahmud, Tok Mesir, Lorong Gajah Mati, Kota Bharu.
7. Muhammad Yunus, Telaga Bina, Kota Bharu.

Ada pun guru-guru al-Quran yang masyhur dan masih ada lagi, di antaranya ialah:

1. Haji Ahmad bin Ma'som, Pergau, Tanah Merah.
2. Haji Yusof bin Bulat, Kedondong, Kota Bharu.
3. Haji Hassan bin Musa, Tumpat.
4. Haji Fadhil bin Haji Daud, Kenali, Kota Bharu.
5. Hajah Faridah binti Mat Saman, Pasir Mas.
6. Haji Che' Musa bin Mahmud, Pasir Mas.
7. Haji Abdul Rahman bin Ngah, Lubok Tapah, Pasir Mas.
8. Haji Che' Omar bin Abdul Rahman, Kampung Baru, Pasir Pekan, Tumpat.

Kelantan pernah menjadi pusat pengajian Islam di Malaysia dan di Tenggara Asia umumnya. Dan pernah soalan-soalan agama datangnye dari Deli, Sumatera.<sup>28</sup>

25 Ibid.

26 Ibid., hlm. 6.

27 Ismail bin Awang, "Tok Selihor", *Pengasah 407*, Majlis Agama Islam, Kota Bharu Jun, 1975, hlm. 45-49.

28 "Majlis Ulama", *Surat Fatwa* tulisan tangan: 17.2.1920.

Dr. Zainal Abidin Ahmad (ZA'ABA) telah menulis:

Maka pada setengah-setengah kampung pula apabila sudah anak-anak itu dikhatamkan al-Quran dan dikhitankan jika berhajat ibu bapanya hendak memberi dia pelajaran agama yang lebih lanjut, dihantarnya anak itu "berdagang" ke negeri-negeri lain, dan yang dimaksudkan dengan negeri itu pada pengetahuan setengah orang kampung ialah (di Semenanjung ini) negeri Kedah atau Patani atau Kelantan atau Terengganu. Kerana pada faham ibu bapa itu di sini ialah tempat tumpuan pelajaran Agama Islam dalam kawasan Tanah Melayu ini.<sup>29</sup>

Dengan ini jelaslah bahawa Kelantan telah menjadi pusat tumpuan pelajar dari Semenanjung Malaysia, Indonesia, Filipina, Kamboja, Patani dan lain-lain, untuk mempelajari al-Quran dan Agama Islam.

### Bibliografi

1. Khoo Kay Kim, "Semenanjung Tanah Melayu Pada Kurun Yang Kesembilan belas — III" dalam "*Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*" oleh Zainal Abidin bin Abdul Wahid, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1972.
2. W.A. Graham, "*Kelantan: A State of the Malay Peninsula — A Handbook of Information*", Glasgow, 1908.
3. Mohd Dahlan Mansoer, "*Pengantar Sejarah Nusantara Awal*", Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1979.
4. P.E. De Josselin De Jong, "*Agama-agama di Gugusan Pulau-Pulau Melayu*", terjemahan Abdullah Hussain, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1965.
5. Brian Harrison, "*Asia Tenggara Satu Sejarah Ringkas*", Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1966.
6. T.W. Arnold, "*Da'wat ila al-Islam*" terjemahan Hassan Ibrahim dan lain-lain. Qahirah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, 1970.
7. Haji Nik Mahmood bin Ismail, "*Kitab Jografi dan Tarikh Negeri Kelantan*", Kota Bharu, 1926.
8. Wan Hussain Azmi, "Islam di Malaysia: Kedatangan dan Perkembangan (Abad 7—20)" dalam "*Tamadun Islam di Malaysia*", Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1970.
9. Saad Shukri bin Haji Muda, "*Detik-detik Sejarah Kelantan*", Pustaka Aman Press, Kota Bharu, 1971.
10. Mohd Hussain Khalei Haji Awang, "*Kelantan Dari Zaman Ke Zaman*", Pustaka Dian Press, Kota Bharu, 1971.
11. "*Peraturan Bagi al-Madrasah al-Muhammadiyah al-Arabiyyah*", Majlis Agama Islam, Kota Bharu, 1937.
12. Ismail bin Awang, "Tok Selihor" dalam "*Pengasuh*" bilangan 407, Jun 1975 Majlis Agama Islam, Kota Bharu.
13. Zainal Abidin bin Ahmad (Za'aba), "*Asuhan Budi*", H.M. Shah, Kuala Lumpur, 1958.

29 Zainal Abidin bin Ahmad (ZA'ABA), *Asuhan Budi*, Kuala Lumpur: H.M. Shah, 1958, hlm. 271-272.

## Tentangan Orang-orang Melayu Kelantan Terhadap 'Malayan Union'

NIK MOHAMED BIN NIK MOHD SALLEH

### Gagasan 'Malayan Union'

**P**ENUBUHAN 'Malayan Union' atau Kesatuan Tanah Melayu merupakan satu-satunya detik hitam dalam sejarah negeri Kelantan. Ia juga merupakan satu cubaan Kerajaan British hendak menukarkan taraf negeri-negeri Melayu yang bernaung kepada tanah jajahan seperti tanah jajahannya Pulau Pinang, Melaka dan Singapura.<sup>1</sup> Pendek kata pihak Kerajaan British hendak berkuasa penuh di Tanah Melayu dengan menghapuskan kedaulatan Raja-raja Melayu. Gagasan yang ditajakan oleh Kerajaan British itu telah dipaksa ke atas orang-orang Melayu di Tanah Melayu. Ia menghidupkan dan memarakkan semangat kebangsaan Melayu, menyatupadukan bangsa Melayu buat beberapa ketika. Di samping itu ia juga telah memulakan gerakan politik anti-British secara terbuka dan merupakan bibit-bibit permulaan bagi perjuangan mencapai kemerdekaan tanahair. Kemuncak dari perkembangan tersebut ialah teretusnya tentangan hebat oleh orang-orang Melayu terhadap gagasan 'Malayan Union'.

Pada masa Tanah Melayu masih di bawah pendudukan Tentera Jepun<sup>2</sup> lagi Pejabat Jajahan British di London telah mengkaji bentuk sistem pemerintahan bagi Tanah Melayu di masa akan datang apabila Tanah Melayu kelak ditawan kembali atau dibebaskan dari tangan Jepun. Di akhir tahun 1943, Setiausaha Negara British Bagi Tanah-tanah Jajahan telah mengemukakan sebuah penyata kepada Jemaah Menteri Perang British yang membentangkan secara am akan peri mustahaknya diadakan perubahan-perubahan perlem-

1. Di zaman sebelum Perang Dunia Ke-2, iaitu sebelum Disember 1941, Tanah Melayu atau 'British Malaya' mengandungi tiga jenis negeri: Negeri-negeri Selat (Singapura, Melaka dan Pulau Pinang); Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang); dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (Johor, Kedah, Kelantan, Perlis dan Terengganu).
2. Pendudukan Tentera Jepun di Tanah Melayu ialah dari 15 Februari 1942 hingga 12 September 1945.

bagaan di Tanah Melayu apabila ianya diduduki kembali oleh British kelak. Berikutnya Kerajaan British telah menubuhkan sebuah badan bernama Unit Perancangan Tanah Melayu di Britain. Unit itu dianggotai oleh bekas pegawai-pegawai British yang pernah berkhidmat di negeri-negeri di Tanah Melayu sebelum Jepun menguasai Tanah Melayu. Semasa Unit itu mengubal perlembagaan yang baru bagi Tanah Melayu, tiga buah memorandum telah dikemukakan kepada Pejabat Tanah Jajahan British. Satu daripada memorandum itu ialah dari Persatuan British Malaya<sup>3</sup> dan satu lagi dari Tan Cheng Lock satu-satunya pemimpin orang-orang Cina di Tanah Melayu yang pada masa itu tinggal di India. Memorandum yang ketiga telah dikemukakan oleh Persatuan Pelajar-pelajar Melayu di Britain.<sup>4</sup>

Memorandum yang dikemukakan oleh Persatuan British Malaya mencadangkan supaya negeri-negeri Melayu, termasuk Seberang Prai dan Melaka, digabungkan di bawah satu pemerintahan. Pulau Pinang dan Singapura telah pun menjadi tanah jajahan British. Penduduk-penduduk Tanah Melayu hendaklah diberi peluang yang lebih dalam memerintah dan mentadbir negara mereka. Persatuan ini juga mengesyurkan supaya sebuah Majlis dibentuk tetapi ahli-ahlinya dilantik oleh Kerajaan British.

Memorandum Tan Cheng Lock juga mencadangkan supaya semua negeri-negeri Melayu termasuk Pulau Pinang, Melaka dan Singapura digabungkan dalam satu kesatuan. Kesatuan ini ditadbirkan sebagai sebuah pemerintahan. Penduduk-penduduk Tanah Melayu hendaklah diberi hak politik yang lebih luas. Beliau juga mengesyurkan supaya sebuah Majlis dibentuk dan ahli-ahli dipilih oleh rakyat.

Kedua-dua memorandum yang tersebut itu (iaitu dari Persatuan British Malaya dan dari Tan Cheng Lock) mempunyai banyak persamaannya. Kedua-duanya mencadangkan supaya negeri-negeri Melayu di Tanah Melayu dijadikan satu unit politik serta diletakkan di bawah satu pentadbiran. Persatuan British Malaya mengesyurkan supaya Melaka dan Seberang Prai dikembalikan kepada negeri-negeri Melayu tetapi Pulau Pinang dan Singapura pula kekal sebagai tanah jajahan British. Manakala Tan Cheng Lock pula mengesyurkan supaya Singapura juga dicantumkan dengan Tanah Melayu. Kedua-dua memorandum itu juga mencadangkan supaya mereka-mereka yang bermastautin di Tanah Melayu diberi peranan yang lebih di dalam Kerajaan dan pentadbiran negara. Persatuan British Malaya mencadangkan pembentukan sebuah Majlis yang dilantik oleh Kerajaan British, manakala Tan Cheng Lock pula mengesyurkan supaya ahli-ahli Majlis itu dipilih oleh rakyat.

Beberapa orang pelajar Melayu yang berada di Britain pada masa Perang Dunia Kedua telah berasa tidak puas hati dengan rancangan Kerajaan British hendak mengemukakan satu perlembagaan baru bagi Semenanjung Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua. Lalu mereka menubuhkan sebuah Persatuan Pelajar-pelajar Melayu dan mengemukakan sebuah memorandum kepada Kerajaan British pada 24 April 1944. Mengikut deraf memorandum pelajar-pelajar Melayu itu, mereka menentang percubaan Kerajaan British

3 Association of British Malaya.

4 Malay Student Society.



hendak menukar taraf negeri-negeri Melayu daripada negeri bernaung kepada tanah jajahan. Namun demikian memorandum pelajar-pelajar Melayu itu sedia menerima penasihat-penasihat British di tiap-tiap negeri Melayu dan menganggap negeri-negeri Selat (yakni Pulau Pinang, Melaka dan Singapura) sebagai tanah jajahan British. Memorandum itu juga mencadangkan supaya negeri-negeri Melayu digabungkan tetapi kedaulatan Sultan-sultannya diiktiraf. Selain dari itu memorandum itu meminta supaya pemberian hak kerakyatan Tanah Melayu tidak mengikut prinsip 'jus soli'.<sup>5</sup>

Dua perkara yang agak menarik dalam memorandum pelajar-pelajar Melayu di Britain itu ialah, yang pertama, ia berpendapat bahawa matlamat akhir bagi orang-orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu dan di Indonesia ialah pergabungan gugusan Pulau-pulau Melayu. Yang kedua, ia mencadangkan supaya sebuah Universiti Tanah Melayu ditubuhkan, dan universiti itu hendaklah mempunyai Jabatan Pengajian Melayu.

Tidaklah diketahui sama ada ketiga-tiga memorandum tersebut, atau setakat manakah memorandum itu telah mempengaruhi Kerajaan British yang menggubal perlembagaan 'Malayan Union' itu, sungguhpun ada beberapa persamaan antara kandungan memorandum-memorandum itu dan perlembagaan 'Malayan Union'.

#### **Perlembagaan 'Malayan Union'<sup>6</sup>**

Fasal-fasal utama dalam Perlembagaan 'Malayan Union' yang digubal oleh Penjajah British ialah seperti berikut:

- i) Kesemua sembilan buah negeri-negeri Melayu iaitu Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Johor, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Perlis, dan negeri-negeri Selat iaitu Pulau Pinang dan Melaka akan dihapuskan serta diletakkan di bawah kawalan terus seorang Gabenor British. Singapura akan kekal sebagai sebuah tanah jajahan (koloni) British yang berasingan dengan Gabernornya sendiri. (Ini bermakna sembilan buah negeri-negeri Melayu bersama-sama dengan Pulau Pinang dan Melaka akan menjadi satu unit politik dan pentadbirannya akan dikuasai dan diketuai oleh seorang Gabenor British yang mempunyai kuasa yang amat luas).
- ii) Seorang Gabenor-Jeneral British akan berkuasa ke atas Malayan Union, Singapura dan wilayah-wilayah Borneo. (Ini bermakna Kerajaan British melalui Gabenor-Jeneral dan Gabenor-Gabenor Malayan Union, Singapura, Sarawak dan Sabah akan berkuasa penuh).
- iii) Sultan-sultan akan terus memegang jawatan-jawatan mereka, tetapi

5 'Jus soli' dalam konteks Tanah Melayu bererti barang siapa yang dilahirkan di Tanah Melayu selepas penubuhan Malayan Union adalah layak untuk menjadi rakyat atau warganegara.

6 Perbincangan mengenai Perlembagaan Malayan Union di dalam rencana ini diasaskan kepada sumber-sumber berikut: "*Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*" oleh Zainal Abidin bin Abdul Wahid, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1972, hlm. 118-129; "*Negara Kita — Sejarah, Pentadbiran dan Dasar-dasar Pembangunan*" Institut Tadbiran Awam Negara, Kuala Lumpur, 1982, hlm. 45-51; "*Sejarah Malaysia dan Singapura*" oleh Tan Ding Eing, Siri Sejarah Fajar Bakti, Kuala Lumpur, cetakan ke-2, 1976, hlm. 292-297; dan "*Sejarah Malaysia Moden STPM*" oleh Maswari Rosdi dan Sukara bt. Salim, Siri Ringkasan Teks Adabi, Kuala Lumpur, cetakan ke-2, 1984, hlm. 177-185.

kuasa-kuasa mereka akan dikurangkan lagi. Sultan akan mengekalkan hak-kuasa tertinggi hanya dalam hal-hal agama Islam dengan menjadi Presiden Majlis Penasihat Melayu di negerinya sendiri.

(Ini bermakna Sultan-sultan Melayu itu hanyalah pemerintah-pemerintah pada nama sahaja atau menjadi Raja Pemerintah Kehormat sahaja. Mereka akan mempunyai hak-kuasa hanya terhadap agama Islam sahaja. Tetapi, walaupun dalam lingkungan ini, suatu lingkungan yang telah menjadi hak khusus dan tradisi mereka sejak dahulu kala lagi, Kerajaan British telah menganggap wajar bagi menubuhkan sebuah Majlis Mesyuarat Agama di mana Sultan-sultan menjadi ahli dan Gabenor British sebagai Pengerusinya yakni seorang pengerusi yang beragama Kristian memimpin satu Majlis Mesyuarat Agama Islam. Keadaan ini ganjil sekali).

- iv) Negeri-negeri Melayu dan Selat akan mengekalkan Majlis-majlis Mesyuarat Negeri masing-masing untuk menguruskan kerajaan tempatan. Majlis-majlis ini akan diletak di bawah kawalan terus kerajaan pusat.

(Ini bermakna wujud Majlis-majlis Mesyuarat Negeri hanya pada nama sahaja kerana Sultan-sultan tiada mempunyai hak-kuasa lagi yang dipegang oleh Gabenor British atau wakilnya di negeri-negeri berkenaan).

- v) Gabenor akan memerintah dengan bantuan sebuah Majlis Kerja Kerajaan dan sebuah Dewan Perundangan. Sebuah Majlis Penasihat sementara dengan ahli-ahli yang dilantik oleh Gabenor akan bertugas sehinggalah Majlis dan Dewan itu ditubuhkan. Gabenor akan mempunyai kuasa-kuasa membatalkan yang besar ke atas Majlis Penasihat ini.

(Ini bermakna Gabenor British dan wakilnya di negeri-negeri di Tanah Melayu mempunyai kuasa yang amat luas dan mutlak).

- vi) Kewarganegaraan atau kerakyatan akan diberi kepada orang-orang asing atau kaum pendatang yang bermastautin di Tanah Melayu.

(Ini bermakna pemberian hak kewarganegaraan atau kerakyatan kepada orang-orang bukan-Melayu menerusi prinsip 'jus soli'. Cara ini akan membolehkan orang-orang bukan-Melayu atau bangsa-bangsa asing mendapat hak kerakyatan dengan senang dan mungkin termudah sekali di dunia).

Jelaslah bahawa tujuan utama perlembagaan 'Malayan Union' itu ialah menukar Tanah Melayu daripada kedudukannya sebagai sebuah negeri naungan kepada sebuah tanah jajahan British. Ini akan dilakukan dengan Raja-raja Melayu menyerahkan kedaulatan mereka masing-masing kepada Kerajaan British dan kesembilan buah negeri Melayu berserta Pulau Pinang dan Melaka akan menjadi sebuah negara kesatuan dari segi politik dan pentadbiran serta diletakkan di bawah seorang Gabenor British. Sultan-sultan atau Raja-raja Melayu akan dikekalkan pada nama sahaja dan berkuasa atas hal ehwal yang menyentuh agama Islam sahaja. Walaupun begitu ke-

kuasaan Raja-raja Melayu atas Agama Islam adalah juga terbatas, dengan sebab dicadangkan penubuhan sebuah Majlis Hal Ehwal Agama yang akan dianggotai oleh Raja-raja Melayu dan dipengerusi oleh Gabenor British, yang bererti seorang yang beragama Kristian mempengerusi sebuah Majlis Hal Ehwal Agama Islam.

Satu-satunya usul yang paling buruk yang terkandung dalam Perlembagaan 'Malayan Union' itu ialah yang berkaitan dengan kewarganegaraan atau kerakyatan. Mengikut perlembagaan 'Malayan Union' prinsip 'jus soli' akan diamalkan, iaitu tiap-tiap seseorang bukan Melayu atau orang asing yang dilahirkan di Tanah Melayu, setelah pembentukan 'Malayan Union' akan mempunyai kelayakan menjadi rakyat Tanah Melayu. Kepada orang-orang bukan Melayu atau orang-orang asing/mendatang iaitu orang-orang Cina, India dan lain-lain yang bermastautin di Tanah Melayu pada masa itu, dengan jelas diberi taraf kewarganegaraan yang sangat mudah dan longgar atau 'liberal'. Taraf kewarganegaraan akan diberikan kepada golongan-golongan berikut:

**a) Secara Terus atau Dengan Melalui Perjalanan Undang-undang**

- (i) Sesiapa saja yang dilahirkan di negeri-negeri Malayan Union dan Singapura serta telah bermastautin sebelum perintah tersebut dikuatkuasakan.
- (ii) Sesiapa saja yang berumur sekurang-kurangnya 18 tahun yang telah bermastautin dalam Malayan Union atau Singapura selama 10 tahun daripada 15 tahun sebelum 15 Februari 1942, mereka terpaksa mengangkat sumpah taatsetia kepada Malayan Union.
- (iii) Sesiapa saja yang dilahirkan dalam Malayan Union atau Singapura pada atau selepas perintah tersebut dikuatkuasakan.
- (iv) Sesiapa saja yang dilahirkan di luar Malayan Union atau Singapura pada atau selepas perintah tersebut dikuatkuasakan yang mana bapanya adalah warganegara Malayan Union.
- (v) Anak-anak kecil (di bawah umur 18 tahun) kepada warganegara yang tergolong di dalam (i) dan (ii) di atas.

**b) Melalui Permohonan atau Masukan**

- (i) Mereka yang telah bermastautin dalam Malayan Union atau Singapura selama 5 daripada 8 tahun terdahulu daripada permohonan itu dibuat. Mereka mestilah mempunyai tingkah laku yang baik, mempunyai pengetahuan bahasa Inggeris atau Melayu yang mencukupi, dan mengangkat sumpah taat setia kepada Malayan Union atau Singapura.
- (ii) Kewarganegaraan Malayan Union memberikan hak-hak yang sama rata kepada semua orang tanpa mengira bangsa atau asal keturunan. Ia juga membenarkan pengekalan dua kerakyatan.

Daripada apa yang disebut di atas nyatalah bahawa setiap orang asing atau bukan Melayu yang dilahirkan di Tanah Melayu atau yang tinggal

menetap di Tanah Melayu adalah dengan sendirinya menjadi warganegara Tanah Melayu tanpa sebarang syarat yang lain dan dengan ini mempunyai hak-hak yang sama dengan penduduk Melayu atau penduduk Bumiputra yang lain di negara ini. Syarat-syarat kewarganegaraan yang longgar dan penghapusan hak-hak istimewa orang-orang Melayu adalah ditafsirkan oleh pemimpin-pemimpin Melayu sebagai amat membahayakan kedudukan politik, ekonomi dan masa depan orang-orang Melayu di Tanahair mereka sendiri. Dalam hubungan ini jelas bahawa Kerajaan British tidak lagi menganggap negeri-negeri di Tanah Melayu sebagai negeri-negeri "Melayu". Orang-orang Melayu adalah di dalam bahaya. Sekiranya Malayan Union ditubuhkan juga orang-orang Melayu akan ditenggelamkan oleh kira-kira dua suku juta orang-orang Cina dan India dan lain-lain yang berada di negara ini.<sup>7</sup>

Ahli-ahli yang menganggotai Majlis Penasihat Pusat (Central Advisory Council) akan dilantik oleh Kerajaan British dan tidak dipilih oleh rakyat. Di bawah perlembagaan 'Malayan Union' nama jawatan 'Penasihat British' (British Adviser) di tiap-tiap buah negeri Tanah Melayu akan ditukar kepada 'Resident Commissioner' dan lagi Gabenor British akan diberi kuasa yang sangat banyak lagi luas.

Pendek kata, sejak dari tahun 1943 lagi, Kerajaan Inggeris dengan cara diam-diam telah membuat rancangan untuk menubuhkan 'Malayan Union' di Tanah Melayu, dengan membelakangkan sama sekali Raja-raja Melayu dan orang-orang Melayu iaitu "tuan punya" Tanah Melayu.

Adalah dipercayai bahawa antara sebab-sebab utama Kerajaan British mahu menubuhkan Malayan Union ialah bagi menghalang penyatuan Tanah Melayu dengan Indonesia. Kerajaan British merasa bimbang dan takut dengan idea atau hasrat di kalangan setengah pemimpin-pemimpin Melayu di Tanah Melayu dan juga di Britain yang ingin mencantumkan Tanah Melayu dengan Indonesia. Jika idea atau hasrat ini terlaksana kedudukan politik dan ekonomi serta kepentingan British di Tanah Melayu dijangka akan terancam dan di samping itu pula akan wujud ketuanan mutlak orang-orang dari rumpun Melayu-Indonesia di rantau ini yang sememangnya dianggap sangat merbahaya kepada kedudukan bangsa-bangsa asing dan kepentingan British dan lain-lain di rantau ini. Justeru itu idea penyatuan Tanah Melayu dengan Indonesia mesti dicegah dan dileburkan sama sekali.

Di Tanah Melayu, Parti Kebangsaan Melayu (P.K.M.) atau Malay Nationalist Party (M.N.P.) yang ditubuhkan pada 17 Oktober 1945 di dalam Kongresnya yang pertama yang diadakan di Ipoh dari 30 November hingga 2 Disember 1945 antara lain telah membuat keputusan iaitu: Malaya adalah sebahagian dari Indonesia dan Sangsaka Merah Putih menjadi lambang Kebangsaan Melayu.<sup>8</sup>

7 Mengikut banci tahun 1947 ada seramai 2,428,000 (49.5%) orang Melayu, 1,885,000 (38.4%) orang Cina, 531,000 (10.8%) orang India dan 63,000 (1.3%) lain-lain kaum/bangsa di Tanah Melayu (tidak termasuk Singapura).

8 *Sejarah Perjuangan Kita* oleh Dr. Burhanuddin Al-Halimi, The United Press, Pulau Pinang, 1955, hlm. 42. Pemimpin-pemimpin utama Parti Kebangsaan Melayu pada tahun 1945 ialah Dr. Burhanuddin Al-Halimi, Ishak Haji Mohamed dan Ahmad Boestamam. Idea penyatuan Tanah Melayu dengan Indonesia telah dipelopori oleh Ibrahim Yaakub yang menubuhkan Kesatuan Melayu Muda (K.M.M.) pada bulan Mei 1937. Di dalam zaman Pendudukan Tentara Jepun di Tanah Melayu (1942-1945) idea

Di Britain pula idea itu telah disuarakan oleh Persatuan Penuntut Melayu apabila mereka menghantar satu memorandum kepada Pejabat Tanah Jajahan British pada 24 April 1944. Dalam memorandum itu mereka menyuarakan kebimbangan mereka akan kedudukan orang-orang Melayu yang akan hilang di negeri sendiri di kalangan bangsa-bangsa lain. Mereka seterusnya mengambil ketetapan iaitu selepas perang (yakni selepas tahun 1945) hendaklah diadakan hubungan rapat antara Tanah Melayu dengan Indonesia.<sup>9</sup> Rancangan penyatuan Tanah Melayu dan Indonesia menjadi semakin jelas apabila pada 12 Ogos 1945, pemimpin-pemimpin Melayu seperti Ibrahim Yaacob dan Dr. Burhanuddin Al-Halimi telah mengadakan perundingan dengan Soekarno dan Dr. Muhd Hatta yang singgah di Taiping, Perak, sekembalinya rombongan Indonesia itu dari Saigon dalam perjalanan pulang ke Jakarta. Dalam perundingan itu diputuskan bahawa Tanah Melayu akan menghantar lapan orang wakil ke Jakarta untuk menandatangani "Pengisytiharan Kemerdekaan" (Proklamasi Kemerdekaan). Wakil-wakil dari Tanah Melayu itu terdiri dari empat ahli politik dan empat Raja-raja atau wakilnya. Dalam perjumpaan dan perbincangan itu Soekarno menjabat tangan Ibrahim Yaacob dan berkata:

"... Marilah kita bangunkan satu negara IBU buat seluruh tumpah darah Indonesia".

Kata-kata itu terus dijawab oleh Ibrahim Yaacob:

"... Kami orang Melayu di Malaya dengan setia untuk turut membangunkan negara IBU, dengan Malaya bersatu dalam Indonesia Merdeka".<sup>10</sup>

#### **Ketibaan Sir Harold MacMichael di Tanah Melayu**

Pada akhir bulan September 1945, Kerajaan British telah menghantar Brigadier H.C. William, seorang pegawai dalam Perkhidmatan Undang-undang Tanah Jajahan melawat tiap-tiap buah daripada sembilan buah negeri di Tanah Melayu serta menemuramah berbagai pegawai dan lain-lain yang berkenaan. Sebelum itu beliau telah dilantik sebagai Timbalan Pegawai Hal Ehwal Awam dalam Pentadbiran Tentera British di Tanah Melayu. Laporan yang disediakannya mengandungi antara lain maklumat mengenai Raja-raja Melayu dan pegawai-pegawai tinggi mereka di dalam masa pendudukan tentera Jepun seperti sikap mereka terhadap Jepun, sejauh mana mereka itu telah bekerjasama dengan pihak Jepun dan bakal-bakal pengganti mereka masing-masing. Laporan itu tidak menuduh Raja-raja Melayu dan pegawai-pegawai tinggi mereka dengan sukarela telah bekerjasama dengan pihak Jepun dan mengakui bahawa keadaan, iaitu pengunduran British dan

"Malaya dan Indonesia Satu" dengan terang-terang digalakkan. Dalam hubungan ini dari tahun 1945 hingga tahun 1957 ramai di kalangan orang-orang Melayu yang menyimpan di dinding rumah mereka gambar-gambar Soekarno, Dr. Muhamad Hatta, Dr. Sutan Shahrir dan Jen. Soedirman yang dianggap oleh mereka sebagai pemimpin-pemimpin bangsa Melayu.

9. "Sejarah Malaysia Moden STPM" hlm. 180.

10. "Sekitar Malaya Merdeka" oleh Ibrahim Yaacob (IBHY), hlm. 29. Lihat juga "Sejarah Malaysia Moden STPM", hlm. 180. Hasrat atau gagasan kemerdekaan Malaya bersama Indonesia itu tidak terlaksana oleh kerana penyerahan diri Tentera Jepun kepada Pihak Sekutu secara mengejut pada 15 Ogos 1945 dan Soekarno-Hatta mengisytiharkan kemerdekaan Indonesia pada 17 Ogos 1945 bagi seluruh wilayah bekas Hindia Timur Belanda.

kemenangan Jepun di Tanah Melayu, telah memaksa mereka itu bekerjasama dengan pihak Jepun.

Pada 10 Oktober 1945, Setiausaha Negara Bagi Tanah Jajahan British mengumumkan gagasan Malayan Union di dalam Dewan Rakyat (House of Commons). Pada 11 Oktober pengumuman tersebut telah disiarkan oleh akhbar-akhbar di Tanah Melayu.

Pada 12 Oktober 1945, Sir Harold MacMichael, utusan khas Kerajaan British, yang diberi tugas mendapatkan tandatangan Raja-raja Melayu sebagai tanda persetujuan mereka terhadap Malayan Union itu, sampai di Port Swettenham. Setibanya di Kuala Lumpur Sir Harold berkata kedatangannya ialah untuk berjumpa dengan Raja-raja Melayu dan membincangkan dengan mereka dasar baru mengenai 'Malayan Union' yang telah ditetapkan di London itu.

### **Tentangan Orang-orang Melayu Terhadap Gagasan 'Malayan Union'**

Bantahan orang-orang Melayu yang paling keras sekali ialah mengenai perubahan yang tidak disangka-sangka daripada dasar pro-Melayu Kerajaan British sebelum perang dahulu kepada satu dasar yang memberi hak-hak kewarganegaraan yang samarata bagi semua orang di Tanahair mereka. Ini bererti hak-hak dan kedudukan istimewa orang-orang Melayu akan berakhir. Bangsa-bangsa imigran atau pendatang yang telah tinggal berasingan dari mereka dari segi kebudayaan dan ekonomi, yang mana ramai daripada mereka mempunyai kesetiaan politik terhadap negeri asal mereka, sekarang akan menikmati hak-hak yang sama pula.

Orang-orang Melayu juga membantah syarat-syarat kewarganegaraan yang liberal itu, terutamanya apabila mereka yang dilahirkan atau menetap di Singapura boleh juga memohon. Ini bererti ramai orang-orang Cina dan India boleh memohon dan dengan itu jumlah mereka akan jauh melebihi orang-orang Melayu. Tambahan pula, Sultan-sultan yang sekarang telah dilucutkan kuasa politik dan hakkuasa mereka, tidak dapat lagi menyelamatkan institusi-institusi kebudayaan dan tradisional mereka daripada lenyap sama sekali secara beransur-ansur. Tanah Melayu akhirnya tidak akan lagi menjadi sebuah negeri Melayu.

Kepimpinan bagi penentangan orang-orang Melayu itu dipelopori terutamanya oleh pegawai-pegawai Melayu golongan atasan dan golongan bangsawan Melayu. Merekalah yang paling banyak akan menanggung rugi di bawah Perlembagaan baru itu. Jawatan-jawatan perkhidmatan awam yang selama ini dikhaskan bagi mereka saja akan dibuka kepada orang-orang bukan Melayu. Sultan-sultan yang telah memberikan kepercayaan kepada British dahulu sekarang telah sedar akan kesilapan mereka. Mereka mahu supaya dikembalikan kuasa dan martabat mereka dan pemulihan hakkuasa Majlis Mesyuarat Negeri seperti di waktu sebelum perang. Pemimpin-pemimpin Melayu juga merasa terhina dengan sikap pihak British yang angkuh dan bertindak sesuka hati dalam mengemukakan perubahan-perubahan ini. Mereka bukan saja tidak meminta pendapat-pendapat tempatan, malah Sultan-sultan juga tidak diberikan pilihan melainkan

menandatangani Persetujuan tersebut, yang memansuhkan semua persetujuan yang terdahulu darinya dengan cara yang paling tidak berperlembagaan sekali.

Dalam masa beberapa hari sahaja selepas 11 Oktober 1945 orang-orang Melayu mulai menyuarakan tentangan mereka terhadap gagasan 'Malayan Union' itu. Akhbar-akhbar Melayu pada masa itu seperti Utusan Melayu, Majlis dan lain-lain lagi menyiarkan surat-surat dan laporan-laporan yang mengeritik serta menentang 'Malayan Union'. Pendek kata dalam tempoh di antara bulan Oktober 1945 dengan bulan Januari 1946, kelihatan orang-orang Melayu sibuk sekali menyusun barisan mereka, membentuk pertubuhan-pertubuhan dan persatuan-persatuan di seluruh negeri di Tanah Melayu.

Di negeri Kelantan, Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan yang ditubuhkan dalam tahun 1940,<sup>11</sup> mula bergiat dalam bidang politik dan memelopori rakyat Kelantan menentang gagasan 'Malayan Union' itu. Pada 6 Januari tahun 1946 sebuah lagi badan politik Melayu Kelantan bernama Persatuan Melayu Kelantan<sup>12</sup> di bawah pimpinan Mejar Tengku Mahmud Mahiyuddin bin Tengku Abdul Kadir Kamarudin dan Nik Mustapha Fadhil bin Haji Nik Mahmud (Dato' Seri Amar Raja) telah ditubuhkan, bagi maksud yang sama.

Di negeri Kelantan berita-berita tentang kedatangan Sir Harold MacMichael di Tanah Melayu dan tujuannya serta juga tentang bagaimana Raja-raja Melayu di negeri-negeri lain di Tanah Melayu telah dipujuk, bahkan dipaksa menandatangani surat-surat perjanjian yang dibawa oleh Sir Harold itu, telah menggemparkan pemimpin-pemimpin Melayu dan orang-orang Melayu Kelantan amnya, terutama sekali di Kota Bharu. Semangat orang-orang Melayu Kelantan sekali lagi menjadi berkubar-kubar dan bergelora apabila sahaja kedengaran ura-ura hendak membentuk 'Malayan Union'. Pemimpin-pemimpin Melayu Kelantan pada masa itu mulai sedar tentang peri mustahak orang-orang Melayu bersatu padu dan menjaga kedudukan serta kedaulatan mereka.

### **Sir Harold MacMichael di Kota Bharu**

Sejak dari awal bulan Disember 1945, pemimpin-pemimpin dan tokoh-tokoh politik serta juga pemuda-pemuda Melayu Kelantan boleh dikatakan setiap hari mengunjungi pejabat Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan yang terletak di tingkat pertama bangunan Pejabat Perhubungan Raya di sebelah bangunan Pejabat Pelajaran di hadapan Istana Jahar. Di situ mereka

- 11 Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan ditubuhkan pada 9 Februari 1940. Orang yang memainkan peranan utama di sebalik penubuhan PPMK ialah Nik Mahmud bin Nik Abdul Majid yang menjadi Setiausaha yang pertama. Yang Dipertuannya yang pertama ialah Tengku Mahmud bin Sultan Muhammad IV. (*'Buku Undang-undang Persetiaan Melayu'*, cetakan Al-Kamaliah Press, Kota Bharu, Kelantan: 1940). Pada tahun 1946 Yang Dipertuannya ialah Haji Wan Muhammad bin Haji Wan Ahmad.
- 12 Persatuan Melayu Kelantan yang ditubuhkan pada 6 Januari 1946 atas dayausaha Mejar Tengku Mahmud Mahiyuddin bin Tengku Abdul Kadir Kamarudin yang menjadi Pengerusi/Yang Dipertuannya yang pertama. Naib Pengerusi ialah: Nik Mustapha Fadhil bin Haji Nik Mahmud (Dato' Seri Amar Raja). Setiausaha, Haji Abdullah Bakti; Penolong Setiausaha 1, Haji Ishak Lotfi bin Omar; Penolong Setiausaha 2, Nik Abdul Rahman bin Haji Nik Mahmud; Penolong Setiausaha 3, Nik Hassan bin Haji Wan Ahmad; dan Bendahari ialah Nik Hussin Zainal (Dato' Kaya Setia). (Sumber akhbar 'Majlis' keluaran 21/1/46, hlm. 2).

dengan penuh semangat membincangkan hal ehwal tanahair yang sedang bergolak pada masa itu. Di samping itu dengan dipelopori oleh Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan mereka juga membuat rancangan bagi mengadakan perhimpunan dan perarakan (demonstrasi) pada hari ketibaan Sir Harold dan rombongan di Kota Bharu yang dijangka akan tiba pada pertengahan bulan Disember.

Sir Harold tiba di bandar Kota Bharu pada 14 Disember 1945 daripada Alor Setar, Kedah dengan menaiki keretapi melalui Selatan Thailand. Sir Harold diiringi oleh dua orang pegawai British iaitu Brigadier A.T. Bourdillon dari Pejabat Jajahan Takluk British dan Brigadier Newbould bertindak sebagai jurubahasa Melayu kepada Sir Harold. Sir Harold dan rombongannya berada selama dua hari di Kota Bharu dan mengadakan rundingan-rundingan dengan Sultan Kelantan.

Pada 14 Disember 1945,<sup>13</sup> kira-kira 30,000 orang Melayu Kelantan telah berhimpun penuh sesak di Padang Bank atau Padang Besar Kota Bharu dan juga mengadakan perarakan bagi menunjukkan bantahan mereka terhadap gagasan Kesatuan Malaya atau 'Malayan Union' mengambil sempena kedatangan Sir Harold dan rombongannya itu di Kota Bharu. Perarakan itu dimulai pada jam 5.30 petang daripada pejabat besar Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan yang terletak di bangunan kayu (bangunan panjang) di sebelah bangunan Pejabat Pelajaran berhadapan dengan Istana Jahar. Mereka membawa sepanduk-sepanduk daripada kain dengan cogan-cogan kata yang berbunyi: "Semenanjung Tanah Melayu ialah Hak Orang-Orang Melayu!!! Peliharakanlah Hak Kami!!!", "Kami Tidak Rela Bangsa-Bangsa Lain Diberi Kuasa dan Kemudahan-Kemudahan Kepunyaan Orang-Orang Melayu", "Tanah Melayu Hak Orang-Orang Melayu, Kami Tak Bersetuju Bangsa-Bangsa Asing Diberi Hak Melayu", "Kembalikan Hak Kami", "Jahanamkan Malayan Union", "Kerajaan British Pecah Amanah", "Kerajaan British Mungkir Janji", dan lain-lain lagi.

Sambil berarak peserta-peserta bersorak dan melaung-laung kata-kata "Semenanjung Tanah Melayu ialah Hak Orang-Orang Melayu, Peliharakanlah Hak-Hak Kami".

Setibanya perarakan itu di hadapan rumah kediaman Pegawai Kanan Hal Ehwal Awam, Pentadbiran Tentera British di Kelantan (Tuan Soumerville) di Kota Lama, Encik Abu Bakar Al-Ahmadi, wakil Pemuda Melayu Kelantan telah memberi ucapannya seperti berikut:

"Kami sebagai wakil daripada kaum Melayu menyampaikan kepada pengetahuan Tuan iaitu kami pohonkan keadilan Kerajaan British terhadap kaum Melayu, dan hendaklah Kerajaan British sentiasa mengasli dan menjaga hak-hak dan muslihat bangsa Melayu. Diharapkan Tuan persampai ke pengetahuan Tuan Besar wakil tubuh Duli Yang Maha Mulia Lagi Maha Besar Baginda King bahawasanya Semenanjung Tanah Melayu ialah hak orang-orang Melayu. Peliharakanlah hak-hak kami".<sup>14</sup>

Ucapan pemuda Melayu Kelantan itu telah dibalas (dijawab) oleh Pegawai British berkenaan lebih kurang berbunyi seperti berikut:

13 Akhbar "Majlis" keluaran 20 Disember 1945, hlm. 2; dan "Detik-Detik Sejarah Kelantan" oleh Saad Shukri bin Haji Muda, hlm. 178.

14 Akhbar "Majlis" keluaran 20 Disember 1945, hlm. 2.



"Tuan-tuan semuapun memang sudah tahu sudah satu kurun Kerajaan British menaungkan Tanah Melayu dan di dalam itu sentiasalah Kerajaan British membuat keadilan kepada orang-orang Melayu. Tuan-tuan pun sudah kenal saya bukan? Saya sudah lama bercampur-gaul dengan orang-orang Melayu dan saya pun sudah mesra dan kasih kepada orang-orang Melayu. Baiklah! Permintaan tuan-tuan itu boleh saya persampaikan kepada Tuan Besar itu."<sup>15</sup>

Setelah itu perarakan tersebut menuju pula ke Istana Seri Cemerlang di Jalan Kebun Sultan. Setibanya di sana, lima orang wakil telah masuk ke dalam istana menghadap Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan (Sultan Ibrahim). Di antara apa yang telah dipersembahkan oleh mereka berbunyi demikian:

"Ampun Tuanku beribu-ribu ampun. Adalah patik-patik sebagai wakil-wakil daripada anak-anak Melayu memohonkan keadilan dan saksama Tuanku kiranya hendaklah Tuanku faham, bahawa anak-anak Melayu rakyat jelata Tuanku adalah semata-mata berharap kepada tuah keadilan Tuanku, supaya memikirkan di atas muslihat agama, bangsa dan tanahair Melayu. Patik pohonkan kiranya Tuanku kawali hak-hak Melayu dan hendaklah Tuanku ingat Kelantan khususnya dan Semenanjung Melayu amnya ialah hak anak-anak Melayu, Peliharakanlah hak-hak kami. Manakala Tuanku bekerja bagi faedah dan muslihat bangsa, maka patik-patik sedia bekerja di belakang Tuanku mementing tubuh patik, tulang patik, tenaga patik, hartabenda patik, hatta jiwa sekalipun untuk agama, bangsa dan tanahair dan sentiasalah patik setia dan taat Duli Tuanku."<sup>16</sup>

Ucapan itu telah dibalas (dijawab) oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan dengan titahnya:

"Permintaan kamu dijunjung tinggi".

Jawapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan telah disambut oleh anak-anak Melayu peserta perarakan dengan hati gembira serta tempek sorak yang bergemuruh. Dengan itu perarakan pun selesai dan peserta-peserta bersurai.

Pada 14 Disember 1946 itu juga Yang Dipertua Agung, Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan, Haji Wan Muhammad bin Haji Wan Ahmad telah menyembahkan sepucuk surat kepada Sultan Kelantan membantah Malayan Union serta memohon kepada Sultan supaya sentiasa menjaga nasib orang-orang Melayu Kelantan bagi masa akan datang. Isi kandungan surat itu berbunyi seperti berikut:<sup>17</sup>

Ampun Tuanku Duli Yang Maha Mulia,

Adalah patik dengan beberapa hormat takzim dan khushyuk tawadduk mengangkat sembah ke bawah cherpu Tuanku, bahawa Persekutuan Persetiaan Melayu, sebagai memenuhi kewajipan dan menunaikan dasar serta tujuannya terhadap kemuliaan dan kesentosaan tanahair Melayu dan pemerintah-pemerintah Melayu. Maka terpaksa berulung kali menyembah surat-surat permohonan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang dijunjungi oleh sekalian jelata Melayu, dan Persetiaan Melayu percaya segala

15 Akhbar "Majlis" keluaran 21 Disember 1945, hlm. 2.

16 Akhbar "Majlis" keluaran 20 Disember 1945, hlm. 2.

17 "Detik-Detik Sejarah Kelantan" oleh Saad Shukri bin Haji Muda, hlm. 174—176.

dasar dan tujuannya ialah untuk mengekalkan kemuliaan dan kebesaran Sultan-Sultan Melayu dan bangsa Melayu itu adalah kedudukan tanahair hari ini dan yang akan datang bergantung kepada keteguhan ikatan setia di antara kedua pihak iaitu rakyat jelata Melayu dengan pemerintah Melayu, sekiranya sepihak telah mencuai-cuaikan kewajibannya, maka di situlah terzhahir nasib keburukan bangsa Melayu, Tuanku dan kemuliaan taraf Sultan-Sultan Melayu. Akan tetapi sekiranya kedua pihak telah berikat setia dan berpegang teguh dengan taat-setianya menunaikan kewajipan masing-masing mengikut keadaan masa dan kehendak-kehendak orang Melayu, maka pada masa itu kemuliaan dan kebesaran yang belum pernah dirasai oleh pemerintah-pemerintah Melayu dan bangsa Melayu pada beratus-ratus tahun dahulu akan terzhahir dengan jelasnya.

Ampun Tuanku Duli Yang Maha Mulia,

Persekutuan Persetiaan Melayu sedar di mana punca-punca pergantungan segala perkiraan dan perundingan berkenaan dengan kemuliaan Tuan Tanah Melayu hari ini, dan di mana punca-punca orang-orang Melayu akan hidup senang-lenang dan dapat merasai lebih kurang kemewahan daripada isi bumi Tanah Melayu sendiri. Maka punca-puncanya yang besar sekali ialah "keluasan" atau "kedaulatan" yang Tuanku memindahkan atau serahkan kepada baginda King bermakna pada hari ini Tuanku dan bangsa Melayu telah hilang sama sekali kemerdekaan yang dituntut oleh sekalian lapisan bangsa di mukabumi ini. Sudi apatah Tuanku arahkan pandangan kepada bermiliun-miliun harta benda terbinasa dan kehilangan rumahtangga dan beberapa banyak bilangan manusia sedang di-dalam kesengsaraan dan kezababan hidup itu tidak lain hanya kerana merebutkan kemerdekaan negara, bangsa dan tanahair masing-masing, tetapi orang-orang Melayu dengan tidak mengalirkan setitik darah dan seurat bulu ruma gugur ke bumi telah hilang kemerdekaannya dan dipandang rendah taraf kemuliaan Sultan-Sultan Melayu dengan suatu dugaan dan janji-janji yang kosong. Yang demikian Persekutuan Persetiaan Melayu pohon ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sebelum membuat apa perundingan jangan mengubah apa-apa langkah perkiraan, bahkan menguat dan menegoh kedudukan Tuanku. Had itulah persembahan patik bagi tatapan Tuanku. Ampun Tuanku beribu-ribu ampun.

Patik yang di bawah perintah,  
(Hj. W. Muhammad b. Hj. W. Ahmad)  
Yang Dipertua Agung,  
Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan

14 Disember 1945

Pada pagi 17 Disember 1945 wakil-wakil orang Melayu Kelantan telah mengadakan mesyuarat di pejabat Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan serta membuat keputusan menyembah sepucuk surat kepada Sultan Kelantan. Bunyi surat itu ialah seperti berikut:<sup>18</sup>

18 Akhbar "Majlis" keluaran 20 Disember 1945, hlm. 2.

### Bismillahirrahmanirrahim

Innallaha la yuqhayyiru ma biqaumim hatta yuqhayyirun ma bi-anfusihim (Bahawasanya Allah Taala tidak mengubahkan sesuatu kaum sehingga kaum itu mengubahkan dirinya sendiri)

Kota Bharu, Kelantan,  
Bertarikh 17/12/45

Mengadap Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan Ibrahim, Al-Yunusi, Al-Muhammadi, Al-Ismaili, C.M.G., P.Y.G., P.S.K., Yang Dipertuan Negeri Kelantan serta Jajahan Taaluknya, Yang Ada Bersemayam Di atas Takhta Kerajaan Negeri Kelantan Dengan Beberapa Amat Kemuliaan, Kebesaran Dan Kesejahteraannya.

Ampun Tuanku Beribu-ribu ampun,

Adalah patik yang bertandatangan di bawah ini, menjadi sebagai wakil daripada kaum-kaum Melayu rakyat jelata yang memang turun temurun, merajakan daripada titih menitih hingga kepada Tuanku, dengan taat setia menjunjung kebesaran daulat Tuanku dengan beberapa hormat dan takzim dan takrim, patik-patik sembah maklum Ke Bawah Duli Tuanku, adalah berkenaan dengan kedatangan Sir Harold MacMichael wakil tubuh Duli Yang Maha Mulia Lagi Maha Besar Baginda King Great Britain, kerana meminta sain pada persetujuan Tuanku bagi membatalkan penjanjian yang diperbuat di antara Kerajaan Great Britain dengan Kerajaan Kelantan, atau hendak menjadikan Kelantan ini "Malayan Union" yang akan diberi persamaan hak kepada bangsa-bangsa menumpang itu, maka patik-patik bagi kaum-kaum Melayu Kelantan dengan sebulat suara memohonkan supaya Tuanku enggan daripada menyainnya.

Demi Allah Subhanahuwataala bahawa dengan sesungguhnya persembahan patik-patik ini ialah terkeluar daripada sanubari yang tulus ikhlas dan lidah yang benar kerana menuntut hak, yang terwajib di atas patik-patik rakyat jelata menanggungjawab di dalam perkara ini.

Hai Tuhanku! Peliharakan oleh Mu akan hak dan muslihat agamaku, rajaku, bangsaku dan tanahairku. Kepada Engkau jua hai Tuhanku aku berserah!!! Amin!!

### Patik-Patik Rakyat Jelata

Pada jam 10.30 pagi lebih kurang 50 orang wakil orang-orang Melayu Kelantan pun masuk mengadap Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan. Kemudian surat tersebut telah dibaca oleh Encik Muhammad Asri bin Haji Muda di hadapan Duli Yang Maha Mulia. Dengan keadaan yang termenung dan sayu Baginda Sultan telah menjawab dan titahnya berbunyi seperti berikut:<sup>19</sup>

19 Akhbar "Majlis" keluaran 20 Disember 1945, hlm. 2.

"Saya amat sukacita melihatkan rakyat saya bersatu hati dan bekerja bersungguh-sungguh dan telah sedar akan diri sendiri bagaimana kehidupan yang telah lepas itu. Dan sekarang saya harap rakyat-rakyat saya Melayu wajiblah bersungguh-sungguh lagi bersatu hati bekerja dengan tulus ikhlas bagi menyelamatkan bangsa kita Melayu.

Hendaklah rakyat-raykat saya ingat saya tidak akan menyain dengan buta tuli selagi syarat-syarat yang saya tuntutan itu tidak dibenarkan oleh Baginda King. Dan saya percaya Sir Harold MacMichael sendiri akan membawa perkara ini kepada pengetahuan Baginda King. Saya sememang tidak hendak menganiayakan rakyat saya Melayu. Saya ada bermesyuarat dengan orang-orang besar saya dalam perkara ini. Adapun tentang permesyuaratan saya itu adalah di dalam sulit lagi.

Sekarang saya harap hendaklah rakyat saya bekerja dengan bersatu hati dan ingat yang kita dahulu ditindih oleh bangsa asing dan sekarang mestilah kita sedar dan ingat janganlah diberi mereka itu menindih lagi, bahkan hendaklah kita tindih mereka itu pula.

Berdoalah supaya selamat, dan saya harap tuan semua boleh satu kali berjumpa dengan Tuan Soumerville bercakap kepadanya akan kehendak rakyat-rakyat Melayu itu.

Terima kasih.

Setelah sudah Sultan bertitah itu, wakil-wakil itupun kembali ke tempat perhimpunan di Padang Bank. Maka tampil Encik Ishak bin Abdul Hamid, seorang wakil pemuda Melayu Kelantan naik ke atas pentas bercakap seperti berikut:<sup>20</sup>

"Kita kaum-kaum Melayu amatlah berpuas hati di atas apa-apa jawapan Duli Yang Maha Mulia Sultan itu yang menunjukkan begitu kasih sayangnya terhadap agama, bangsa dan tanahair, maka wajiblah kita berkata bahawa Sultan kita ini ialah seorang yang sangat berhemah dan bijaksana. Bertuahlah kita rakyat jelata dapat menerima hormat dengan pimpinan Sultan yang dikasihi."

Setelah itu perjumpaan bersurai.

Sementara itu pada hari itu juga (17 Disember 1945) para ulama Kelantan seramai kira-kira 200 orang dari seluruh negeri Kelantan telah mengadakan perjumpaan dan mengadap Sultan Kelantan menyokong pergerakan rakyat Melayu dan rakyat jelata Kelantan.

### **Sultan Kelantan Dipaksa Tandatangani Perjanjian Malayan Union**

Oleh kerana kuatnya tekanan dan paksaan Sir Harold, maka surat Perjanjian Malayan Union itu telah ditandatangani oleh Sultan Kelantan dan Sir Harold MacMichael pada 17 Disember 1945, dengan disaksikan oleh Tuan H.T. Bourdillon, bagi pihak Kerajaan British, YM Tengku Indera Petra bin Sultan Ibrahim (Raja Muda Kelantan) dan Nik Ahmad Kamil bin Nik Mahmud (Dato' Seri Setia Diraja) Menteri Besar Kelantan bagi pihak Kerajaan Kelantan.<sup>21</sup> Surat Perjanjian yang ditandatangani itu memberi kuasa dalam hal ehwal negeri Kelantan sepenuhnya kepada Kerajaan British serta menyetujui Kerajaan British membentuk 'Malayan Union'.

Pada masa sampai di Kota Bharu, Sir Harold telahpun berjaya mendapatkan tandatangan Raja-Raja negeri-negeri Johor, Selangor, Pahang,

20 Akhbar "Majlis" keluaran 20 Disember 1945, hlm. 2.

21 "Report on A Mission To Malaya" oleh Sir Harold MacMichael, hlm. 15. Lihat teks Perjanjian itu di *Lampiran A* (dipetik dari "Report on A Mission to Malaya" hlm. 15) dan terjemahannya (oleh penulis rencana ini) dalam bahasa Melayu di *Lampiran B*.

Negeri Sembilan, Perak, Kedah dan Perlis; yang belum diperolehi lagi ialah tandatangan Raja-Raja negeri Kelantan dan Terengganu.

Cara Sir Harold mendapatkan persetujuan dan tandatangan tiap-tiap Raja Melayu adalah seperti yang dinyatakan oleh beliau sendiri iaitu seperti berikut:

"mula-mula sekali saya mengadakan perjumpaan yang pertama dengan Sultan di istananya; perjumpaan itu ialah di antara saya, Brigadier Newbould dan Tuan Boudillon dengan Sultan sendiri. Biasanya, dalam perjumpaan itu Sultan didampingi oleh seorang dua penasihatnya yang utama. Bahasa yang digunakan dalam perjumpaan itu, ialah bahasa Inggeris atau bahasa Melayu mengikut kemahuan Sultan itu sendiri, tetapi biasanya digunakan bahasa Inggeris. Apabila bahasa Melayu digunakan Brigadier Newbould menjadi jurubahasa kepada saya. Lazimnya, saya mulakan perjumpaan itu dengan menerangkan tujuan kedatangan saya dan tugas-tugas saya. Setelah itu, secara am tetapi berterus terang, saya jelaskan kepada Sultan perkara-perkara penting tentang dasar baru itu, dan juga tegaskan bahawa dasar yang hendak dilaksanakan oleh Kerajaan British itu adalah patut, iaitu menubuhkan 'Malayan Union' serta memberi taraf kerakyatan yang sama kepada semua bangsa yang telah bermastautin di Tanah Melayu. Tugas saya sendiri ialah untuk mendapatkan kerjasama yang penuh daripada Raja-Raja Melayu agar bersama-sama dengan Kerajaan British dapatlah dasar baru itu dijalankan. Penutupnya, saya menghulurkan dua naskah surat perjanjian itu (dalam bahasa Inggeris dan dalam bahasa Melayu) kepada Sultan supaya dibacanya dan juga untuk dirundingkan. Kadang-kadang Sultan ingin menatap surat-surat perjanjian itu lebih lama lagi di waktu lapang untuk dirundingkannya terlebih dahulu dengan penasihat-penasihatnya sebelum memberi apa-apa pandangan atau mengemukakan pertanyaan atas surat-surat perjanjian itu. Dua tiga hari kemudian diadakan perjumpaan kali kedua yang dihadiri oleh mereka yang tersebut di atas dan saya sendiri. Ada kalanya, tiada apa-apa yang dibincangkan dalam perjumpaan kali kedua itu, hanya menandatangani surat-surat itu sahaja. Tetapi ada juga masanya diadakan perbincangan sebelum surat-surat itu ditandatangani oleh Sultan. Setelah selesai tandaangan, Sultan memberi kembali kepada saya surat-surat yang mengandungi syor-syor, permohonan-permohonan dan usul-usul untuk dipanjangkan oleh saya kepada Setiausaha Negara British."<sup>22</sup>

Apa yang diceritakan oleh Sir Harold MacMichael itu tidak meyakinkan banyak orang, khususnya orang-orang Melayu. Seperti yang telah disebut terdahulu dari ini Sir Harold MacMichael telah memaksa Sultan-Sultan supaya menandatangani surat-surat perjanjian itu. Beliau telah diberi hakkuasa untuk menyasiat kesetiaan Sultan-Sultan kepada Kerajaan British di masa pendudukan Jepun. Ini menyebabkan Sultan-Sultan merasa bimbang terhadap kedudukan mereka jika mereka tidak bekerjasama. Tambahan pula mereka tidak diberikan masa untuk berunding dengan Majlis-Majlis Mesyuarat Negeri mereka. Di samping itu butir-butir mengenai perlembagaan baru itu telah tidak diumumkan kepada orang ramai.

### **Tentang Orang-Orang Melayu Kelantan Terus Bergelora**

Pada 18 Disember 1945, sehari setelah peristiwa penandatanganan Perjanjian Malayan Union oleh Sultan Kelantan, rakyat Melayu Kelantan terus mengadakan tunjuk perasaan. Lebih kurang 3,500 orang penduduk bandar Kota Bharu mewakili kira-kira 400,000 umat Melayu negeri Kelantan telah hadir beramai-ramai di hadapan pejabat besar Tuan Yang Dipertua Pegawai

22 "Report on A Mission To Malaya" oleh Sir Harold MacMichael, hlm. 5—6.

Hal Ehwal Raya Kelantan. Peristiwa itu berlaku pada jam 10.00 pagi itu. Surat telah dibacakan oleh seorang wakil perhimpunan itu yang berbunyi seperti berikut:<sup>23</sup>

Tuan,

Adalah kami yang bertandatangan di bawah ini, sebagai wakil daripada kaum-kaum Melayu Kelantan, dengan hormatnya mengangkat maklum ke pengetahuan tuan bahawa kami percaya yang kedatangan kembali Kerajaan Yang Maha Mulia Lagi Maha Besar Baginda King ke Tanah Melayu ini dengan bersusah payah mengorbankan hartabenda, hatta jiwa sekali tujuannya ialah supaya menyelamatkan Malaya ini daripada cengkaman Jepun, fasis yang zalim, dan menghemburkan kembali nikmat keadilan dan kesaksamaan Kerajaan Yang Maha Mulia Lagi Maha Besar Baginda King kepada kaum-kaum khasnya Kelantan dan umumnya Malaya, serta menaungi dan mengawali hak kaum Melayu dengan sungguh-sungguhnya.

Maka dengan adanya perasaan kami yang penuh inilah menerbitkan perasaan yang amat sukacita di atas limpah pandangan yang tulus ikhlas dan kemanusiaan yang sejati dari Kerajaan Yang Maha Mulia Lagi Maha Besar Baginda King. Akan tetapi manakala kami mendapat khabar bahawa kedatangan Tuan Sir Harold MacMichael sebagai ganti tubuh Duli Yang Maha Mulia Lagi Maha Besar Baginda King ke Kelantan yang bertujuan hendak menjadikan negeri Kelantan itu sebahagian daripada 'Malayan Union' yang memberi persamaan hak dan taraf kepada bangsa Cina dan India itu sangat-sangat mendukacitakan kami kaum-kaum Melayu Kelantan.

Yang demikian kami kaum-kaum Melayu Kelantan pohon dengan kemurahan dan ihsan Tuan sudilah kiranya mempersembahkan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Lagi Maha Besar Baginda King bahawa kaum-kaum Melayu Kelantan pohon limpah kasihan belas dan cucuran rahmat keadilan Yang Maha Mulia Lagi Maha Besar Baginda King supaya cadangan perlembagaan (pertubuhan) Malayan Union yang memberi persamaan hak dan taraf kepada bangsa Cina dan India itu, pohon tidak ditubuhkan. Kami percaya persembahkan kami ini Tuan seorang jua yang boleh mempersembahkan dia dan Duli Yang Maha Mulia Lagi Maha Besar Baginda King jua yang berkuasa menunaikan persembahkan kami ini.

Demikianlah kami sudahi dengan mendahului berbanyak-banyak terima kasih dan syukur di atas kemurahan Tuan. Mudah-mudahan persembahkan kami ini akan berhasil dengan segera. Penutupnya kami sudahi dengan ucapkan tiga kali surak: Bahagia King! Bahagia King! Bahagia King!

Wakil Kaum Melayu.

Kemudian Tuan itu telah menjawab setengah daripada kata-kata yang telah diucapkan di dalam surat itu. Katanya beliau sanggup akan membawa isi surat itu ke pengetahuan Tuan Sir Harold MacMichael. Katanya lagi: "Saya fikir tuan-tuan semua belum faham apa itu 'Malayan Union'." Sambungannya lagi: "Kalau orang-orang Melayu kerja bersungguh-sungguh dan

23 Akhbar "Majlis" keluaran 27 Disember 1945, hlm. 2.

bersatu di masa itulah orang-orang Melayu akan maju dengan jalan semua bangsa bekerjasama dan sama-sama cari keamanan.”

Setelah itu maka perhimpunan itupun bersurai.

Pada 30 Jan 1946<sup>24</sup> pegawai-pegawai dan pembesar-pembesar Melayu seluruh negeri Kelantan telah mengadakan satu perjumpaan kilat pada malam itu untuk membantah cadangan memberikan hak kerakyatan bangsa Melayu kepada bangsa-bangsa asing. Mereka mengeluarkan kenyataan bahawa mereka tidak rela hak milik orang-orang Melayu diberikan kepada bangsa-bangsa asing dan sekiranya tuntutan atau bantahan mereka tidak dikabulkan oleh Kerajaan British, mereka sekalian akan melucutkan jawatan mereka masing-masing dengan serta-merta.

Pada 1 Februari 1946<sup>25</sup> pula dengan anjuran Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan, Persatuan Melayu Kelantan dan Suara Muda Kelantan, orang-orang Melayu Kelantan telah mengadakan satu perhimpunan dan perarakan yang besar di bandar Kota Bharu kerana membantah Malayan Union dan juga cadangan Kerajaan British untuk memberi persamaan hak kepada bangsa-bangsa asing. Sejumlah sepanduk yang memaparkan cogankata-cogankata dalam bahasa Melayu dan Inggeris telah disediakan, di antaranya ialah: “Kerajaan British pecah harapan”, “Bolehkah Lagi Kita Percaya Kepada British”, “Berilah Melayu Hidup Di Dunia”, “Berilah Hak Kami, Kita Mahu Keadilan, Kita Tidak Mahu Lain Daripada Hak Kita”, “Kita Mahu Keamanan Tetapi Tidak Dengan Mengorbankan Hak Kita”, “Kita Menuntut Hak Kita Sendiri”, dan “Kita Tidak Takut Mati Kerana Benar”.

Orang-orang Melayu dari segenap pelusuk negeri Kelantan, termasuk kaum ibu, telah mengambil bahagian. Jumlah atau bilangan mereka ditaksirkan kira-kira 36,000 orang. Motor-motor bot yang mengambil atau membawa penumpang dari Pasir Mas ke Kota Bharu pun tidak mengambil bayaran bagi menunjukkan kerjasama serta sayangkan bangsa dan nusa mereka.

Sebelum perarakan, diadakan terlebih dahulu upacara syarahan di Padang Bank di hadapan Pejabat Besar Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan. Upacara itu telah dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Quran oleh Tuan Haji Abdullah Zawawi dan Tuan Guru Al-Kenali. Mereka membaca ayat-ayat yang memberi semangat. Ucapan yang pertama telah diberikan oleh Tuan Haji Wan Muhammad bin Haji Wan Ahmad, Yang Dipertua Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan, yang diikuti pula oleh Encik Muhamad Daud bin Haji Salleh, Setiausaha Persekutuan. Mereka menerangkan kepada hadirin akan tujuan diadakan perhimpunan dan perarakan pada hari itu. Kemudian Encik Khaidir bin Khatib, Setiausaha Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan Cawangan Kuala Krai pula tampil memberi ucapannya yang bertemakan “Hidup ialah Perjuangan”. Antara lain beliau mengatakan “... Kehidupan manusia di atas mukabumi ini ada tiga perjuangan. Yang Pertama perjuangan manusia dengan binatang yang buas yang wajib kita mengadakan persediaan untuk menahankan diri

24 Akhbar “Majlis” keluaran 4 Februari 1946, hlm. 1.

25 Akhbar “Majlis” keluaran 9 Februari 1946, hlm. 2.

kita daripadanya. Yang kedua perjuangan antara manusia dengan manusia yakni perjuangan menumpah darah yang wajib kita bersedia terlebih dahulu persediaan alat senjata. Yang ketiga perjuangan hak dengan batil. Inilah perjuangan yang kita tuntut sekarang iaitu perjuangan yang kita sedang hadapi untuk menahankan hak-hak kita yang sedang dicabuli oleh bangsa asing". Katanya lagi "Kalau dua buah 'atomic bomb' yang digugurkan oleh Amerika di negeri Jepun yang menghancurkan dua bandarnya yang besar itu yang mana dengan kehancurannya itulah menyebabkan hancurnya semangat Jepun. Maka sekarang telah digugurkan oleh British 'atomic bomb' nya di Malaya iaitulah 'Malayan Union' yang memberi persamaan hak kepada bangsa-bangsa penumpang itu". Setelah berucap dengan panjang lebar beliau menambah kata lagi "... ingatlah pesaka yang ditinggalkan oleh Dato' kita Pahlawan Hang Tuah itu" yang disambut oleh hadirin dengan tepuk dan sorak yang bergemuruh.

Kemudian Tuan Guru Haji Noh, seorang ahli jawatankuasa Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan, memberi ucapannya. Antara lain beliau mengatakan "... adakah kita gentar dan takut kepada 'atomic bomb' palsu itu? Tentu tidak! ..."

Setelah itu Encik Muhamad Asri bin Haji Muda, Penolong Setiausaha Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan memberi ucapannya yang berapi-api dan penuh semangat bertemakan "Kawallah Negara Kami".

Kemudian diikuti pula oleh Mejar Tengku Mahmud Mahiyuddin bin Tengku Abdul Kadir Kamaruddin yang antara lain mengatakan "... sukacita saya melihat kaum sebangsa saya yang sebegini sekali tinggi yang menunjukkan kasih sayangnya terhadap agama, bangsa dan tanahairnya. Ayuhai kaum-kaum ku sekalian sayapun tak kuranglah jua pada perasaannya sebagai perasaan saudara-saudara sekalian. Tetapi apa yang boleh saya buat saya beruniform. Tanggungan saya menjalankan keamanan dan memberi keadilan kepada semua bangsa dan taraf penduduk negeri". Beliau berkata lagi "Seperkara lagi saya memberi ingat, ingatlah pesanan orang tua-tua kita. Apabila berkata mesti buat". Katanya lagi "hendaklah saudara-saudara sekalian jaga keamanan". Ucapan beliau telah disambut oleh hadirin dengan tepuk sorak yang bergemuruh.

Selepas itu tampil pula Nik Ahmad Kamil bin Haji Nik Mahmud (Dato' Seri Setia Diraja), Menteri Besar Kelantan memberi ucapannya. Beliau antara lain memberi nasihat kepada orang ramai "supaya menjaga keamanan dan menggunakan lemah lembut". Beliau juga mengatakan "bagi pihak saya, telah sebulat fikiran akan melucutkan jawatan saya sekiranya Kerajaan British tidak menurut tuntutan kaum Melayu ini". Ucapannya telah diulas pula oleh Penolong Setiausaha Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan dengan menerangkan "bagaimana jujurnya hati Dato' Menteri Besar Kelantan itu terhadap nusa dan bangsanya. Al-hamdulillah, bertuahlah umat Melayu Kelantan khasnya dan seluruh alam Melayu amnya mempunyai pembesar yang amat tumpat dengan semangat kebangsaan".

Upacara memberi ucapan itu telah diakhiri oleh Nik Mahmud bin Nik Abdul Majid, ahli jawatankuasa Persekutuan yang memberi ucapan yang memberangsangkan umat Melayu.



Setelah selesai ucapan-ucapan itu maka perarakan raksaksa pun bermula. Di hadapan sekali bendera negeri Kelantan, kemudian sebuah pal perak berisi surat dengan dipandu oleh seorang pemuda dan dilingkungi oleh wakil-wakil orang-orang Melayu. Cogankata-cogankata yang ditulis di atas kain panjang seperti yang telah disebutkan itu diatur dengan diikuti oleh orangramai dari belakang dengan bersorak "Hidup Melayu" sambil berjalan perlahan-lahan.

Perarakan itu menuju ke rumah kediaman Residen British. Pada ketika itu seorang pegawai tinggi tentera British bernama Mejar Jeneral Horn berada di situ yang tiba dari Kuala Lumpur sehari sebelumnya. Apabila perarakan itu sampai di tempat itu kain-kain cogankata itu dihadapkan ke hadapan rumah kediaman Residen British itu. Kemudian wakil-wakil daripada orangramai itu masuk berjumpa dengan Tuan itu membawa surat yang berbunyi seperti berikut:<sup>26</sup>

Kota Bharu,  
1 Februari 1946

Kehadapan Tuan Yang Terutama  
Tuan Ketua Pegawai Perkara Periman,  
Pentadbiran Tentera British Malaya.

Tuan Yang Terutama,

Kita kaum-kaum Melayu di dalam Kelantan berhimpun beramai-ramai datang mengadap dan berdiri di hadapan Tuan Yang Terutama pada hari ini kerana menghadirkan perasaan dan semangat kami di atas cadangan Kesatuan Malaya yang dinamakan Malayan Union yang telah dinyatakan di dalam "Kertas Putih" itu.

Kami sekalian telah bersatu azam pada mengangkatkan bangkangan kami di atas cadangan yang menyentuh kehormatan kami, maruah kami dan kewajipan agama kami, menghilangkan hak bangsa dan tanahair kami.

Kami sekalian dengan wasitah Tuan Yang Terutama memohonkan pada menyampaikan bangkangan dan kerisauan kami kepada Jemaah Menteri British dan Baginda King, dan bagaimanapun perubahan bagi memajukan negeri ini yang hendak diadakan itu janganlah menyentuh agama kami, dan hak kami di tanahair kami. Kami tidak redha memberi persamaan hak kerakyatan kepada bangsa-bangsa asing kerana mereka itu asalnyanya datang ke negeri ini ialah semata-mata sebagai penumpang di dalam hal kehidupannya dan mereka ada negeri mereka itu sendiri yang boleh mereka mempunyai hak-hak mereka itu di sana.

(tanda tangan)  
Wakil-Wakil Melayu  
Mimbaranya Wakil-Wakil Penduduk Negeri

Setelah dibacakan surat itu oleh pengelola perarakan itu iaitu Encik Ishak bin Abdul Hamid (Setiausaha Suara Muda Kelantan), maka Mej-Jen Horn,

26 Akhbar "Majlis" keluaran 11 Februari 1946, him. 1.

**Pegawai Tinggi British** itu memberi jawapan dalam bahasa Inggeris diterjemahkan ke bahasa Melayu oleh Tuan Soumerville, Residen British di Kelantan. Antara lain beliau mengatakan lebih kurang demikian:

"Saya banyak terima kasih kerana dapat berjumpa dengan tuan-tuan semua dan sukacita benar saya yang anak-anak Melayu mengambil berat di atas nasib sendiri. Saya akan menyampaikan rayuan tuan itu kepada Colonial Office dengan seberapa segera apabila saya sampai di Kuala Lumpur tiga empat hari lagi dan saya akan iringi dengan surat saya sendiri menyokong surat rayuan tuan-tuan itu. Bagi pihak saya tidak boleh beri apa-apa keputusan kerana pekerjaan saya dan pegawai-pegawai saya semata-mata di dalam BMA (British Military Administration) ialah sebagai membersihkan pekerjaan yang akan menyediakan Malaya ini kepada 'Civilian Government'.

... Berkenaan dengan 'Malayan Union' ini Baginda King telah mengutuskan wakil tubuhnya Sir Harold MacMichael datang ke Tanah Melayu berjumpa dengan Sultan-Sultan yang mana telah menyain surat persetujuan itu dengan bersendiri. Saya sukacita memberitahu bahawa sudah teradat bagi Kerajaan British apa-apa permintaan dengan jalan aman akan memperolehi timbangan yang saksama, dan Kerajaan British tidak memberi apa-apa timbangan kepada mana-mana permintaan yang memecahkan keamanan. Ketua dan Wakil-Wakil Melayu ini mesti tanggungjawab atas keamanan dalam perarakan ini dan lain-lain perarakan kelak. Apa yang saya cakap ini persampaikanlah kepada orang ramai, apabila saya balik ke Kuala Lumpur saya akan hantar surat ini dengan segera kepada pihak yang berkuasa".

Setelah sudah Mejar-Jen Horn bercakap, maka yang Dipertua Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan, Tuan Haji Wan Muhammad bin Haji Wan Ahmad pun tampil lalu bercakap:

"Saya sekali lagi banyak-banyak minta kepada Tuan menyokongkan surat saya dengan pertolongan Tuan antara kedua dengan seberapa segera dan Tuan tolong menyaksikan kedatangan rakyat jelata yang sebegitu banyak pada hari ini dengan tangisan supaya ditunaikan kehendak mereka iaitu Malaya Union yang memberi persamaan hak kepada bangsa asing itu tidak dijadikan".

Setelah selesai, maka perarakan itupun berarak kembali berpusing dalam bandar Kota Bharu. Kemudian berhimpun semula di tempat mula-mula tadi iaitu di Padang Bank. Pengelola perarakan (Encik Ishak bin Abdul Hamid) sekali lagi berucap mengulas ucapan Mejar-Jeneral Horn tadi dengan berbagai-bagai ulasan yang bernas dan benar. Orangramai bertempok sorak dengan gemuruh sekali. Setelah itu apabila sampai waktu maghrib orangramaipun bersurai.

Pada pagi 3 Februari 1946<sup>27</sup> seramai kira-kira 2,000 orang rakyat jelata termasuk pegawai-pegawai tinggi Kerajaan Negeri Kelantan telah mengadakan rapat umum bertempat di halaman bangunan Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan, Kota Bharu, kerana mengambil sempena penghantaran kawat kepada Jemaah Menteri British di London membantah Malayan Union. Isi yang penting di dalam kawat itu berbunyi:

"Pertama sekali kita membangkang Kesatuan Malaya yang dicadangkan di atas Kertas Putih itu. Yang kedua memberi syor supaya dijadikan 'United Malay States' dengan

27 Akhbr "Majlis" keluaran 9 Februari 1946, hlm. 2.

tidak menyentuh kehormatan tanahair kita, agama kita, bangsa kita dan adat istiadat kita. Dengan ini sahaja maka barulah Malaya boleh jadi sebuah negeri yang keamanan. Kalau dijadikan juga 'Malayan Union' adalah bermakna akibat yang tak baik akan berlaku kelak."

### **Sultan Kelantan Membantah Kertas Putih Malayan Union**

Pada 10 Februari 1946, Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan telah bertitah melalui pembesar suara di halaman Istana Seri Cemerlang kepada rakyat jelata yang telah berarak dan berhimpun di situ kerana membantah Malayan Union. Titah Baginda itu diperturunkan selengkapnya di bawah ini:<sup>28</sup>

"Rakyat-Rakyat Kami Yang Dikasihi,

Semenjak dizahirkan Kertas Putih berkenaan dengan cadangan-cadangan Malayan Union sudahlah bangkit kekurangan faham, kebimbangan dan bangkangan yang amat sangat dari pihak bilangan yang amat ramai dari rakyat-rakyat Melayu kami yang nampaknya telah menerima sebagai terjadi bahawa kami sebagai Pemerintah telah mempersetujukan kepada butir-butir yang disebut di dalam Kertas Putih itu dalam Perjanjian yang kami telah sain pada waktu lawatan Sir Harold MacMichael dalam bulan Disember yang lalu. Sebelum kekurangan faham itu berpanjangan, kami suka menerangkan:—

pertamanya — adapun kandungan Kertas Putih itu bukanlah kandungan Perjanjian yang kami telah sain.

yang kedua — Perjanjian yang kami sain itu ialah satu Perjanjian menambahkan kepada Treaty Tahun 1910 memberi sahaja kuasa-kuasa kepada Kerajaan Baginda King boleh buat undang-undang supaya boleh berjalan kuasa di negeri ini.

Tentulah kamu sekalian suka mendengar fasal apakah Perjanjian itu mustahak dan betapakah kami telah sain.

Sudahlah dibentangkan kepada kami bahawa Kerajaan Baginda King telah memikir-mikir dan berunding lama fasal keadaan Negeri Melayu pada masa akan datang dan bagaimanakah sebaik-baiknya Semenanjung Tanah Melayu ini boleh dipimpin sehingga dapat ia bergantung kepada diri sendiri dan memerintah diri sendiri kelak.

Kerajaan Baginda King telah menyatakan bahawa sebagai Penaung Negeri-Negeri Melayu tentulah mereka itu tidak akan menyempurnakan perjanjiannya dan akan mungkir kewajibannya kepada orang-orang Melayu, kepada pemerintah-pemerintah Melayu sebagai ketua mereka itu dan kepada sekalian penduduk Tanah Melayu daripada apa bangsa dan agama pun. Sekiranya mereka itu tidak memimpin Tanah Melayu kepada jalan kemajuan maka telah ditimbangkan oleh Kerajaan Baginda King bahawa supaya boleh hasil tujuan ini Tanah Melayu hendaklah disatukan. Adapun butir-butir bagaimanakah cadangan hendak dijadikan persatuan itu telah dibentangkan ke hadapan kami.

28 Akhbar "Majlis" keluaran 21 Februari 1946, hlm. 2.

Kami telah memberi timbangan yang sesungguhnya dan cermat kepada cadangan-cadangan ini yang difahamkan ialah sahaja butir-butir yang mustahak sebagai rangka-rangka kerana mendirikan persatuan.

Kemudian daripada kami telah mendengar fikiran orang-orang besar kami dengan siapa kami telah berkira kami tidak dapat tiada telah berputus fikiran bahawa niat Kerajaan Baginda King itu ialah bagi faedah-faedah yang amat baik kepada orang-orang Melayu dan Tanah Melayu.

Kami telah berasa jika kita orang-orang Melayu dan pemerintah-pemerintah Melayu hendak berdiri dengan kuatnya dalam mana-mana medan siasat, iktisad dan pergaulan maka hendaklah kita bersatu maka supaya membolehkan Kerajaan Baginda King membuat persediaan kerana menjalankan tujuan itu patutlah kami memberi kuasa-kuasa kepadanya.

Kami telah memberi kuasa-kuasa itu sebab memang tersemat di hati kami ingatan-ingatan bagi kemakmuran dan kepentingan kehidupan orang-orang Melayu bagi masa hadapan dan kami telah merasa ialah tanggungan kami sebagai pemerintah mempersetujukan kepada sesuatu cadangan yang akan menguatkan kita dengan jalan bersatu dengan negeri-negeri Melayu lain.

Tetapi kami hendak memberi yakin kepada sekalian bahawa tatkala kami menimbang cadangan-cadangan ini kami tidak sekali-kali lupa tanggungan kami menjaga supaya faedah-faedah rakyat kami dan orang-orang Melayu seumumnya dipelihara dengan secukupnya.

Dengan ingatan atas hal ini kami telah membuat beberapa syor kepada Kerajaan Baginda King bagi timbangannya yang sungguh sebelum diambil langkah memutuskan dengan akhirnya.

Iniilah syor-syor dan permintaan yang kami telah buat itu:—

1. Anak-anak Pulau Singapura tidak patut diberi hak menjadi anak Malayan Union sebab Pulau itu tidak termasuk ke dalam Union.
2. Minta supaya Union itu supaya dijalankan dengan bertanggung-tanggung sekurang-kurangnya dalam masa sepuluh tahun permulaan. Biarlah segala undang-undang besar disahkan oleh mesyuarat undangan-undangan ibu. Tetapi bagi tiap-tiap negeri minta supaya undang-undang itu dijalankan oleh mesyuarat negeri dengan nasihat Pegawai Negeri British seperti dahulu daripada perang. Pemerintah tidak dikehendaki mengetuai mesyuarat.
3. Tiap-tiap negeri hendaklah berada wakilnya di mesyuarat perundingan di ibu Union.
4. Ahli-ahli mesyuarat negeri pemerintah pusat diberi hak membuat kira bicara fasal angkatan ahli kepada mesyuarat negeri.
5. Mesyuarat penasihat Melayu — memadai dengan pemerintah memilih dan melantik ahli-ahli lepas perundingan dengan Pegawai British yang tertua sahaja.
6. Pada tiap-tiap majlis mesyuarat dimintalah lebih bilangan ahli-ahli Melayu yang bukan resmi.
7. Minta ditimbang bahawa syarat-syarat yang memberi hak itu hendaklah bukan sahaja kerana duduk lama tetapi kerana sebab diperanakan di dalam mana-mana negeri Union — hendaklah

- mempunyai hartabenda, pandai bahasa Melayu sekurang-kurangnya darjah 5, bersumpah mengaku setia dan taat kepada Union, dan melepas serta melucutkan segala hak-hak dan tuntutan persetiannya kepada negeri asal.
8. Hendaklah bahasa Melayu itu diikrar sebagai bahasa rasmi bagi Union
  9. Pelajaran bahasa Melayu, tulis menulis bahasa Arab hendaklah dikekalkan dalam semua sekolah Melayu.
  10. Meminta supaya Kerajaan memberi peluang dan pertolongan yang cukup kepada anak-anak Melayu memperolehi pelajaran tinggi dalam tiap-tiap negeri dan hendaklah dikhasnya satu bilangan yang tentu bagi anak-anak Melayu yang akan dihantar belajar sendiri.
  11. Minta dikukuhkan dengan seberapa kukuhnya undang-undang simpanan tanah dan supaya kuasa memberi tanah kepada orang-orang daripada bangsa bukan Melayu sebagai kuasa mesyuarat tiap-tiap negeri dan tidak akan diluluskan oleh mesyuarat ibu.
  12. Minta diadakan jagaan yang secukup dan kuat di atas masalah permasuk orang-orang luar ke dalam jajahan-jajahan Union hanya boleh dibenarkan mereka yang mustahak bagi faedah Union sahaja masuk ke dalam Union.
  13. Minta ditimbangkan tetap satu polisi yang teguh dan kukuh fasal mengawali pembawa keluar daripada mana jajahan Union segala harta-harta dan kekayaan yang daripada bumi perusahaan dan perniagaan dalam jajahan-jajahan Union.

Tidakpun kami ataupun penasihat-penasihat kami diberi peluang langsung memperhatikan Kertas Putih itu sebelum dizahirkan.

Yang demikian kami telah mengangkat lagi permintaan-permintaan kepada Kerajaan Baginda King fasal cadangan itu bagaimana salinan taligram seperti di bawah ini:—

Daripada Sultan Ibrahim Kelantan  
Kepada Tuan C.C.A.O. Kuala Lumpur

Saya terima surat Tuan T.S. 3 bertarikh 22 Januari. Menerima kasihlah saya sekiranya Tuan tolong hantarkan dengan segera dengan taligram kepada Tuan Setiausaha Agung Jajahan Takluk demikian:—

Kertas Putih telah terima dengan bangkangan dan tidak kepuasan hati yang sangat oleh rakyat Melayu saya. Saya minta Tuan timbangkan dengan sesungguhnya bahawa jika sekiranya hendak ditentukan bagi masa ke hadapan, keamanan Kerajaan, hak-hak dan faedah orang-orang Melayu yang sentiasa diamanahkan dengan taatnya dan dengan yakinnya kepada Kerajaan Baginda King maka dengan sesungguhnya dan kuatnya saya menimbangkan bahawa Kertas Putih itu hendaklah dibaiki. Dalam keadaan bagaimana yang ada sekarang melucut hak-hak daulat-daulat Pemerintah Melayu dan mencampuri dengan tidak patut atas perkara-perkara agama ialah melanggar syarat-syarat treaty sebelum perang cadangan bagi anak negeri dihendaki pindaan yang besar sebagaimana yang telah dilafazkan dahulu.

Rakyat-rakyat kami yang dikasihi, kenangan kehidupan kaum, keriaan kaum, dan segala hak-hak dan faedah kamu sentiasalah akan menjadi pembicaraan bagi kebimbangan kami."

Sultan Kelantan adalah Sultan yang ketiga yang membantah Malayan Union. Seminggu sebelumnya Setiausaha Jajahan Takluk British telah menerima bantahan-bantahan daripada Sultan Kedah dan Sultan Perak.

Daripada huraian yang telah diberikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan pada 10 Februari 1946 itu jelaslah betapa Baginda dan juga Sultan-Sultan yang lain telah dipedaya atau terkena mainkan oleh Sir Harold MacMichael. Jika dihalusi kandungan titah Baginda itu nyatalah bahawa Baginda menyesal menurunkan tandatangannya kepada Perjanjian yang baru itu kerana Baginda sendiri telah sedar bahawa Baginda telah kena mainkan. Antara sebab ini jelas berlaku ialah mungkin kerana sifat semula jadi bangsa Melayu yang sentiasa terlalu lurus dan terlalu percaya kepada barang siapa juga yang telah diletakkannya kepercayaan dan juga tabiat bangsa Melayu yang mudah sangat bertolak ansur.

Keterangan yang telah diberikan sendiri oleh Baginda itu telah sedikit sebanyak membersihkan kekeliruan faham pihak rakyat Melayu terhadap Sultan mereka yang disyaki bersengaja hendak menganiaya bangsa dan tanahair untuk menjaga muslihat dan kedudukan diri sendiri. Keterangan Sultan itu juga telah memperkuatkan lagi azam rakyat Melayu Kelantan dan menyatupadukan mereka dalam penentangan mereka terhadap Malayan Union yang terkutuk itu.

### **Kongres Agung Melayu Se-Tanah Melayu Di Kuala Lumpur**

Pada 1 Mac hingga 4 Mac 1946 satu persidangan atau Kongres Agung Melayu Se-Tanah Melayu telah diadakan di Kelab Sultan Sulaiman di Kuala Lumpur atas anjuran Persatuan Melayu Selangor. Kongres itu telah dihadiri oleh 300 orang Wakil dari kira-kira 40 pertubuhan orang-orang Melayu dari seluruh Tanah Melayu.<sup>29</sup> Dua pertubuhan dari negeri Kelantan iaitu Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan dan Persatuan Melayu Kelantan turut hadir dalam Kongres di Kuala Lumpur itu. Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan diwakili oleh Haji Fadzlullah Suhaimi (Ketua), Mohamed bin Busu dan Haji Ishak Lotfi bin Omar (Setiausaha Agung Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan), manakala Persatuan Melayu Kelantan pula diwakili oleh Nik Ahmad Kamil bin Nik Mahmud (Dato' Seri Setia Diraja Kelantan), Menteri Besar Kelantan; Haji Ahmad Mahir bin Ismail (Mufti Kelantan); dan Encik Ismail bin Ibrahim.

Persatuan Melayu Selangor pada ketika itu diketuai oleh Encik Zainal Abidin bin Ahmad (Zaaba) dan Setiausahanya ialah Encik Muhammad Yunus bin Hamidi.

Persatuan-persatuan yang telah ikut serta ialah:<sup>30</sup>

29 "Sejarah Pergerakan Politik Melayu Semenanjung" oleh Mohammad Yunus Hamidi, Kuala Lumpur, 1961, him. 13-14.

30 Mohammad Yunus Hamidi, him. 17-24.

1. *Johor* : Pergerakan Melayu Semenanjung Johor.  
Persatuan Melayu Segamat.  
Persatuan Melayu Keluang.  
Persatuan Melayu Muar.
2. *Kedah* : Seberkas.  
Persatuan Melayu Kedah.
3. *Kelantan* : Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan.  
Persatuan Melayu Kelantan.
4. *Melaka* : Kesatuan Melayu Melaka.
5. *Negeri Sembilan* : Persekutuan Melayu Negeri Sembilan.
6. *Pahang* : Persatuan Melayu Pahang.  
Wataniah.  
Persatuan Guru-guru Melayu Pahang.
7. *Perak* : Perikatan Melayu Perak.  
Persatuan Melayu Perak.  
Persetiaan Muslim Teluk Anson.  
Persatuan Melayu Chenderiang.  
Persekutuan Muhibbah Malim Nawar.
8. *Perlis* : Persatuan Melayu Perlis.
9. *Pulau Pinang* : Persatuan Melayu Pulau Pinang.  
Persatuan Melayu Penang.  
Persatuan Melayu Seberang Prai.
10. *Selangor* : Persatuan Melayu Selangor.  
Pergerakan Kebangsaan Melayu Selangor.  
Ikatan Setia Kampung Bharu.  
Pinang Peranakan Club.  
Persekutuan Guru-guru Melayu Selangor.  
Dewan Perniagaan Melayu Malaya Selangor.  
Persatuan Penghulu-penghulu Selangor.  
Kaum Darat (Sakai).  
Darul Ihsan Club.  
Persatuan Jawatan Rendah Selangor.  
Persatuan Kaum Ibu Selangor.  
Persekutuan Boyan Selangor.  
Persekutuan Melayu Hulu Selangor.  
Persekutuan Melayu Sabak Bernam.
11. *Singapura* : Kesatuan Melayu Singapura.
12. *Terengganu* : Persatuan Melayu Terengganu.
13. *Se-Malaya* : Parti Kebangsaan Melayu Se-Malaya (PKMM).

Tujuan Kongres di Kuala Lumpur itu ialah untuk membentuk sebuah badan pusat bagi menggembeling kekuatan dan usaha-usaha berbagai-bagai pertubuhan Melayu di seluruh Tanah Melayu dan berusaha bagi menubuhkan satu pertubuhan (organisasi) agung bagi orang-orang Melayu yang dinamakan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR) atau "United Malays National Organization" (UMNO). Kongres itu juga membantah gagasan Malayan Union, dan menganggap perjanjian-perjanjian yang telah

ditandatangani oleh Raja-raja Melayu dan Sir Harold MacMichael sebagai tidak sah dan tidak terikat kepada rakyat. Ia juga mengutuk cara tandatangan Raja-raja Melayu itu diperolehi oleh Sir Harold MacMichael. Kongres percaya dengan tegasnya bahawa Perlembagaan Adat Istiadat dan hak orang-orang Melayu dan Raja-raja Melayu telah diketepikan oleh Sir Harold MacMichael ketika beliau mengambil tandatangan dari tiap-tiap Raja Melayu. Kongres bersetuju bahawa perjanjian 'Malayan Union' itu telah dimeterikan tanpa pengetahuan dan berlawanan dengan kehendak-kehendak rakyat dan Raja-raja Melayu, dan dengan demikian Kongres berpendapat bahawa tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan British itu adalah berlawanan dengan prinsip-prinsip demokrasi dan oleh itu tidak dapat diterima oleh orang-orang Melayu. 'Malayan Union' yang mengeneppikan kedaulatan dan kekuasaan Raja-raja Melayu atas negeri masing-masing, dianggapkan oleh Kongres sebagai langkah Kerajaan British menjajah Tanah Melayu secara langsung yang berlawanan dengan semangat 'Atlantic Charter'. Kongres menganggap bahawa gagasan 'Malayan Union' yang hendak dibentuk oleh Kerajaan British itu akan mengakibatkan:<sup>31</sup>

- (i) penghapusan wujudnya sembilan buah negeri Melayu/Islam;
- (ii) penghapusan wujudnya bangsa Melayu, Raja-raja Melayu dan tanahair mereka; dan
- (iii) penghapusan wujudnya perjanjian-perjanjian yang ada di antara Kerajaan British dan Raja-raja Melayu.

Selanjutnya Kongres itu menjemput Kerajaan British supaya membuat penyiasatan halus akan keadaan-keadaan di Tanah Melayu, membatalkan cadangannya hendak menubuhkan 'Malayan Union' dan mengembalikan Tanah Melayu kepada kedudukannya yang asal.

Persidangan atau Kongres selama empat hari itu telah membuat tiga keputusan besar dan penting seperti berikut:<sup>32</sup>

1. Menubuhkan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu.
2. Menolak atau membangkang 'Malayan Union' seperti yang dicadangkan dalam Kertas Putih Kerajaan British itu.
3. Mengadakan Derma Pelajaran.

Ketika membahas dan menyokong usul untuk menubuhkan PEKEMBAR/UMNO, Wakil Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan menyampaikan salam daripada 300,000 orang umat Melayu Kelantan dengan harapan Kongres itu akan berjaya. Beliau menegaskan bahawa pihaknya menyokong dengan sebulat suara serta sanggup bekerjasama. Selanjutnya beliau mengatakan antara lain seperti berikut:<sup>33</sup>

31 "Dato' Onn And Malay Nationalism: 1946-1951" oleh Ishak bin Tadin dalam *Journal Southeast Asian History*, Jld. 1, Bil. 1, Mar. 1960, hlm. 69.

32 Mohammad Yunus Hamidi, hlm. 115.

33 Mohammad Yunus Hamidi, hlm. 42.



“Di atas masalah bagaimana hendak mengatur pergerakan itu seperti yang telah diputuskan pagi tadi hendaklah berbetulan dengan kehendak peraturan yang lazim dibuat di sini. Saya terangkan apakah dasar-dasar yang hendak diperbuat, iaitu tiap-tiap persekutuan yang telah bersetuju mengadakan Pertubuhan ini hendaklah menurunkan tandatangan ataupun hendaklah membuat ketetapan seperti berikut:

1. Bersetuju bersatu.
2. Bersetuju menyerahkan kepada Pertubuhan itu sekalian kuasanya.
3. Menerangkan dasar mana yang hendak kita jalankan berhubung dengan pekerjaan Pertubuhan Agung itu.
4. Bagaimana syarat-syarat melantik ahli-ahli.
5. Tanggungan yang diletakkan ke atas Pertubuhan Agung itu.”

Wakil dari Persatuan Melayu Kelantan pula menyatakan pihaknya dengan sebulat suara bersetuju dengan cadangan untuk menubuhkan Pertubuhan Agung itu jika tiada bersalahan dengan Pertubuhan di negeri Kelantan. Maksud kenyataan Wakil Persatuan Melayu Kelantan itu ialah:<sup>34</sup>

1. Menggerakkan siasat apa-apa jalan pun yang diluluskan oleh undang-undang.
2. Mengasaskan kesatuan umat Melayu dengan bersungguh-sungguh mengamalkan rukun-rukun Islam.
3. Memelihara adat resam Melayu.
4. Taat setia kepada Kerajaan Negeri yang didirikan oleh undang-undang.

Di dalam perbincangan mengenai ‘Malayan Union’ wakil Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan mengatakan<sup>35</sup> pada hari Sir Harold Mac-Michael menjejak di atas bumi Kelantan pada ketika itu juga umat Melayu Kelantan telah berkumpul dan mengadap Duli Yang Mulia Sultan Kelantan meminta supaya jangan membuat apa-apa dan dalam hal ini Duli Yang Maha Mulia Sultan menjawab kehendak rakyat akan ditimbang. Walau bagaimanapun Sultan Kelantan telah tandatangani juga dan nampaklah sembah rakyat itu disia-siakan sahaja. Wakil Persatuan Melayu Kelantan pula antara lain-lain berkata<sup>36</sup> bahawa daripada perhatiannya di dalam Kongres ini sebulat sekalian mengatakan Perjanjian dan perbuatan British dengan Raja-raja Melayu itu tidak sah. Di dalam hal ini beliau mengatakan tidak dapat menyertai kerana adakah keputusan-keputusan itu keputusan akhir dan boleh dihadapkan ke hadapan keadilan! Berkenaan dengan ‘Malayan Union’ beliau berkata tidak bersetuju dan tidak terima dan di dalam perkara ini beliau mengesyorkan supaya bantahan dihantar dengan seberapa segera, satu daripada jalannya ialah mengirim taligeram hantar kepada pihak yang berkuasa dan kemudian daripada itu barulah diadakan jawatankuasa rendah memeriksa memorandum itu.

<sup>34</sup> Mohammad Yunus Hamidi, hlm. 42.

<sup>35</sup> Mohammad Yunus Hamidi, hlm. 75.

<sup>36</sup> Mohammad Yunus Hamidi, hlm. 76.

### **Penubuhan 'Malayan Union'**

Walaupun dibantah dan ditentang hebat oleh orang-orang Melayu, Kerajaan British berdegit juga dan terus membuat persiapan bagi penubuhan 'Malayan Union'.

Pemimpin-pemimpin Melayu di dalam Kongres menganggap kedegilan pihak British hendak membentuk juga 'Malayan Union' itu sebagai satu cabaran terhadap bantahan-bantahan dan kemarahan orang-orang Melayu. Dato' Onn selaku Yang Dipertua Kongres mengadakan Perjumpaan Darurat pada 29 dan 30 Mac 1946 untuk mencari jalan dan ikhtiar bagi menentang-balas dan menghadapi perkembangan-perkembangan baru di dalam perselisihan di antara orang-orang Melayu dengan pihak British mengenai 'Malayan Union'.<sup>37</sup> Perjumpaan itu mengambil keputusan bagi melancarkan gerakan tidak bekerjasama (non-cooperation movement) untuk mengeciwakan rancangan British itu. Orang-orang Melayu di seluruh negara telah diseru supaya berkabung selama tujuh hari mulai dari 1 April 1946, dengan memakai kain putih di songkok-songkok mereka dalam tempoh tersebut. Diputuskan juga semua orang Melayu yang telah dipelawa menjadi anggota Majlis Penasihat (Advisory Council) 'Malayan Union' supaya menarik diri dari Majlis tersebut. Persatuan-Persatuan Melayu di seluruh negara di arah supaya jangan mengiktiraf serta memulau bakal Gabenor-Jeneral Malayan Union atau wakil-wakil beliau seperti mengadakan majlis jamuan dan memberi perutusan. Dato' Onn, selaku pemimpin agung orang-orang Melayu pada masa itu, telah mengadap Raja-raja Melayu bagi mengemukakan permohonan rakyat supaya baginda-baginda sekalian tidak ikut serta dalam majlis-majlis keraian dan lain-lain yang ada hubungan dengan upacara menyambut kelahiran 'Malayan Union'. Bahkan diambil juga keputusan iaitu andaikata Raja-raja Melayu tidak mengindahkan hasrat rakyat itu, mereka tidak akan diakui sebagai Raja mereka lagi.

Pada 1 April 1946, 'Malayan Union' ditubuhkan juga oleh Kerajaan British.<sup>38</sup> Orang-orang Melayu dan semua Raja Melayu memulaukan semua majlis dan upacara bagi menyambut 'Malayan Union' itu, dan orang-orang Melayu yang menjadi anggota Majlis Penasihat ikut memulaukan sidang majlis itu. Upacara perlantikan Gabenor-Jeneral pertama 'Malayan Union', iaitu Sir Edward Gent juga telah dipulaukan oleh Raja-raja Melayu, dan rakyat amnya. Di samping itu UMNO dan akhbar-akhbar Melayu memperhebatkan lagi kegiatan mereka menyalakan semangat orang-orang Melayu menentang 'Malayan Union'. Perarakan-perarakan dan tunjuk-tunjuk perasaan telah berlaku apabila dua orang ahli Parlimen British melwat Tanah Melayu dalam bulan Mei dan Jun 1946. Daya usaha UMNO itu berjaya besar sehingga Kerajaan British terpaksa mengirim satu rombongan Ahli Parlimen British ke Tanah Melayu dalam bulan Mei 1946.

### **Penubuhan UMNO**

Di samping menjalankan kegiatan-kegiatan luar menentang gagasan 'Malayan Union', Kongres Melayu yang bersidang di Kuala Lumpur pada

37 Iahak bin Tadin, him. 71-72.

38 'Malayan Union' berakhir pada 31 Januari 1948.

1 Mac hingga 4 Mac 1946 juga mengambil langkah memperkuatkan dirinya. Ia menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi mengubah deraf suatu perlembagaan untuk pertubuhan pusat (centralized organization). Dalam persidangan yang diadakan pada 11 Mei dan 12 Mei 1946 di Johor Bharu, UMNO atau PEKEMBAR ditubuhkan dengan resminya. Dato' Onn bin Jaafar, Menteri Besar Johor telah dilantik sebagai Yang Dipertuanya yang pertama.

Di negeri Kelantan, di peringkat awalnya, iaitu dari tahun 1945 hingga akhir tahun 1949, belum ada UMNO. Kegiatan politik di negeri Kelantan pada masa itu dimainkan oleh Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan dan Persatuan Melayu Kelantan. Seperti yang telah disebut kedua pertubuhan politik Kelantan itu telah menghanar wakil-wakilnya menghadiri Kongres Agung Melayu di Kuala Lumpur pada 1-4 Mac 1946, Persidangan-persidangan Mesyuarat Agung UMNO di Alor Setar, Kedah pada 10-12 Januari 1947; di Seremban, Negeri Sembilan pada 1-2 Mac 1947; di Kota Bharu, Kelantan pada 11-13 Mei 1947; di Johor Bharu, Johor pada 2-4 September 1947 dan pada 24-25 Januari 1948; di Pulau Pinang pada 23-24 April 1948; dan di Arau, Perlis pada 28-29 Mei 1949.

UMNO cawangan negeri Kelantan telah ditubuhkan pada akhir tahun 1949 kerana di Persidangan Majlis Mesyuarat Agung UMNO di Seberang Prai pada 27-28 Ogos 1949, buat pertama kali wakil-wakil dari Kelantan iaitu YM Tengku Mahmud Mahiyuddin bin Tengku Abdul Kadir Kamaruddin dan Encik Othman bin Udin telah menghadirinya sebagai wakil-wakil UMNO Kelantan.<sup>39</sup>

Setelah persidangan di Johor Bharu pada 11-12 Mei 1946 itu, UMNO mengadakan rapat-rapat umum dan tunjuk-tunjuk perasaan menentang 'Malayan Union'. Pemimpin-pemimpinnya mengembara ke seluruh pelusuk Tanah Melayu untuk menerangkan kepada orang ramai akibat-akibat buruk Malayan Union dan sebab-sebab orang-orang Melayu mesti menentanginya.

### **Titah Sultan Kelantan Kepada Rakyat Kelantan**

Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan apabila sampai balik di Kota Bharu pada 4 April 1946 setelah beberapa hari berada di Kuala Lumpur telah bertitah kepada rakyat negeri Kelantan. Ringkasan dari titah Baginda adalah seperti berikut:<sup>40</sup>

"Di hadapan kita ada masalah-masalah yang penting yang mesti diselesaikan dan kami tidak sekali-kali percaya bahawasanya tidak ada jalan-jalan atau ikhtiar-ikhtiar yang menyelesaikan masalah itu. Selama ini kita telah bergantung harap dan berserah kepada Kerajaan Baginda King. Oleh itu kita akan bergantung juga lagi serta pula dengan yakinnya kerana Baginda King yang berdiri tetap di atas keadilan dan kebenaran akan memberi kepada kita hak-hak kita yang patut. Maka adalah harapan dan kehendak kita kepada sekalian rakyat yang dikasihi janganlah membuat apa-apa kelakuan yang boleh merosakkan tuntutan kita itu. Jalankanlah pekerjaan kamu sekalian itu dengan sabar dan aman bagi kemakmuran dan keselamatan bangsa dan tanahair.

39 "Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu: Penyata bagi tahun 1950-51" yang dibentangkan di Persidangan Tahun Ke-6 Majlis Mesyuarat Agung UMNO diadakan di Hotel Majestic, Kuala Lumpur, pada 25-26 Ogos 1951, hlm. 78-96.

40 Akhbar 'Majlis' keluaran 9 April 1946, hlm. 1.

Di atas bahu kamulah terletaknya tanggungan melihatkan keselamatan dan kesentosaan serta kemewahan rakyat kami. Bekerjalah dengan sehabis-habis tenaga kamu serta mengingati yang kamu berkhidmat kepada bangsa dan tanahair dan kepada kami."

### **Tunjuk Perasaan Lagi Di Kelantan**

Berbalik kepada keadaan di negeri Kelantan pula, penentangan terhadap 'Malayan Union' terus bergelora seperti juga di negeri-negeri Melayu yang lain di Tanah Melayu. Pada 13 April 1946, kira-kira dua minggu sesudah Kerajaan British mengisytiharkan penubuhan 'Malayan Union' Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan sekali lagi mempersembahkan surat-surat rayuan kepada Sultan-Sultan Se-Tanah Melayu termasuk Sultan Kelantan.<sup>41</sup> Antara kandungannya ialah:

- (i) Menggesa Sultan jangan mengiktirafkan 'Malayan Union'.
- (ii) Menggesa Sultan membuat perhitungan yang masak dan teliti sebelum sesuatu keputusan diambil.
- (iii) Mensifatkan 'Malayan Union' sebagai "badan yang haram disentuh" dan sebagai "satu najis yang wajib dijauhi".
- (iv) Mencadangkan agar Sultan-sultan menjemput sama jawatankuasa Kongres menyertai Majlis Mesyuarat supaya bantahan Sultan-Sultan itu bersamaan dengan kehendak-kehendak dan maksud rakyat Melayu.
- (v) Mencadangkan kepada semua Sultan supaya mengadakan suatu Pertubuhan Sultan-Sultan dengan nama Perikatan Setia Sultan-Sultan Melayu.
- (vi) Pertubuhan Setia Sultan-Sultan Melayu hendaklah menghantar laporan ke negara-negara Islam yang merdeka dan lain-lain yang difikirkan patut mengenai apa yang berlaku di Tanah Melayu supaya ada dalam pengetahuan mereka masing-masing.
- (vii) Mencadangkan supaya Sultan-sultan berangkat ke England berunding dengan Raja Inggeris bersama-sama dengan jawatankuasa Kongres UMNO menuntut kembali segala kuasa yang dirampas oleh Sir Harold MacMichael itu.

Di bawah ini diperturunkan selengkapnya isi kandungan surat tersebut:—

"Ampun Tuanku Duli Yang Maha Mulia,

Adalah patik bagi Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan, dengan beberapa hormat takzim dan khusyuk tawadduk mengangkat sembah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, iaitu manakala Persetiaan Melayu Kelantan telah mendapat khabar bahawa Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah menyambut dan mempersilakan Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan berangkat ke Kuala Kangsar, harus kerana hendak berunding dan berkira berkenaan pertubuhan "Malayan Union", maka patik bagi pihak Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan dengan amat sukacitanya mempersembahkan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku syor atau permohonan

41 "Detik-detik Sejarah Kelantan" hlm. 179—183 dan Alias Mohamed, hlm. 79—80.

Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan di dalam masalah "Malayan Union", dan patik pohon dengan limpah kemurahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sebagai Perantaraan mempunyai syor atau permohonan patik kepada ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan yang hadir di dalam perjumpaan itu. Patik pohon bahawa permohonan patik ini, Tuanku dan Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan sebagai suatu permohonan yang terbit daripada ingatan hati rakyat jelata Melayu Tuanku yang ikhlas kerana hendak mengekalkan hak-hak Melayu dan kebesaran Tuanku. Maka syor atau permohonan patik ini sebagaimana di bawah ini:

1. Pohon Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan jangan mengubah apa-apa langkah perkiraan dan perundingan hingga menguat dan menambahkan lagi bantahan dan bangkangan pertubuhan "Malayan Union" itu sebab:
  - a. Sekiranya Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan ada cenderung atau suka berunding dengan Kerajaan British yang bermakna hendak mengiktirafkan Malayan Union itu, maka tentu akan menimbulkan suatu tuduhan yang tidak patut dituduh pada kali yang kedua oleh rakyat jelata terhadap Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan Melayu.
  - b. Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan baharu sahaja dapat bersambung rapat dan bersatu padu dengan rakyat jelata Melayu walhal di dalam beberapa bulan yang lalu telah memandang lemah pada Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan kerana menyain menyerahkan kuasa kepada Kerajaan Baginda King, oleh itu Persetiaan Melayu memohon Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan membuat langkah perkiraan itu dengan sehabis-habis cermat dan halus supaya sambutan rakyat Melayu Raya terhadap Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan itu mengandungi "taat setia" dan "kasih mesra" sebagaimana hari ini.
  - c. Dipercayai Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan sifatkan pertubuhan Malayan Union yang ada di Tanah Melayu hari ini ialah suatu tubuh atau badan yang haram disentuh dan bagi pihak bangsa Melayu tidak syak lagi bahawa Malayan Union itu sebagai satu najis yang wajib dijauhi apatah lagi hendak dibawa ke dalam mahligai dan istana Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan Melayu.
  - d. Menambah dan menguatkan lagi surat-surat bantahan dan sebagainya daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan itu bukan bermakna lemah dan tidak bercekal bahkan lebih-lebih lagi menunjukkan cekal dan kuatnya hati dan kemahuan Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan kepada pandangan dan merebutkan hak-haknya serta hak-hak rakyat Melayu Raya dan negeri-negeri Melayu yang halal. Di sini dapatlah difaham dengan erti yang amat dalam oleh pemerhati-pemerhati bangsa yang hendak mencuba menduga kekuatan dan keteguhan Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan Melayu.

- e. Terpelihara dari sebutan rakyat jelata Melayu yang mensifatkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan itu ialah semata-mata untuk memelihara dan mementingkan faedah dari seorang sahaja. Maka dengan langkah membantah dan menurut kehendak rakyat Melayu Raya itu ialah suatu pukulan dan peringatan kepada mereka yang menyangka Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan itu senang dipermain-main dan diperbelit-belit dengan suatu hadiah kebesaran yang tidak menyamai dengan harga seekor semut.
- f. Sekiranya Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan tetap berpegang teguh dengan membantah dan menurut kehendak-kehendak Melayu Raya. Maka Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan tidaklah lagi terkena soal di hadapan Rabbul Jalil dan akan dilukiskan dalam tawarikh bangsa Melayu dengan sebutan yang harum dan wangi.
- g. Malayan Union telah memberi erti kepada bangsa-bangsa di dunia bahawa orang-orang Melayu hanya bangsa penumpang sahaja sebagaimana Cina dan India, yang tidak lagi orang-orang Melayu berhak di dalam tanahairnya sendiri dan manakala dunia akan mengerti dan faham demikian maka jadilah seluas-luas Tanah Semenanjung Tanah Melayu sebagai sebuah Pulau Singapura yang Kerajaannya tidak beberapa tahun telah hilang baka dan turun temurun tidak dipandang langsung oleh bangsa-bangsa penumpang sehingga bangsa Melayu telah hilang di dalam bangsa yang baharu datang dan masuk. Maka akibat Malayan Union tak kuranglah rupanya akan terjadi dan terupa pada hari yang akan datang sepertilah keadaan Pulau Singapura sekarang. Bahkan lebih-lebih dahsyat lagi.
2. Segala bangkangan dan bantahan yang Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan yang akan buat itu pohon Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan menjemput jawatan konggres hadir bersama-sama di dalam majlis mesyuarat supaya bantahan Sultan-Sultan itu bersamaan dengan kehendak-kehendak dan maksud rakyat Melayu Raya.
  3. Pohon Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan mengadakan suatu pertubuhan Sultan-Sultan dengan nama Perikatan Setia Sultan-Sultan Melayu.
  4. Pohon Perikatan Setia Sultan-Sultan Melayu menghantar kata kepada negeri-negeri Islam yang merdeka dan mana-mana difikirkan patut supaya kejadian yang masih berlaku di dalam Tanah Melayu ini di dalam pengetahuan kerajaan masing-masing.
  5. Dipohonkan supaya Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan berangkat ke England berunding dengan Duli Yang Maha Mulia Lagi Maha Besar Baginda King bersama-sama dengan jawatankuasa kongres U.M.N.O. menuntut kembali segala kuasa yang dirampas oleh Sir Harold MacMichael itu.

Had inilah persembahan patik bagi tatapan Duli Yang Maha Mulia dan patik pohon mudah-mudahan persembahan patik ini sebagai penambahan sokongan untuk memperkuat lagi semangat perjuangan Tuanku Duli Yang Maha Mulia kerana menuntut keadilan dan kebenaran. Patik bagi pihak Persetiaan Melayu pohon limpah ampuni Tuanku Duli Yang Maha Mulia sekiranya persembahan patik ada terkasar bahasa. Ampun Tuanku beribu-ribu ampun.

Patik Yang Di Bawah Perintah,

(Haji Wan Muhammad b. Hj. W. Ahmad)  
Yang Dipertua Agong  
Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan

13 April 1946

Pada pertengahan bulan Mei 1946 satu perarakan besar kerana membantah 'Malayan Union' telah diadakan di Kota Bharu pada masa ketibaan rombongan Letenan Kolonel D.R. Rees Williams dan Kapten L.D. Gamons serta dua orang ahli Parlimen British yang dihantar oleh Parlimen British untuk meninjau fikiran rakyat di Tanah Melayu mengenai penubuhan 'Malayan Union'.<sup>42</sup>

Perarakan atau tunjuk perasaan itu membawa cogan-cogan kata yang panas membantah penubuhan 'Malayan Union' dan mengutuk Kerajaan British.

### **Tentangan Orang-orang Bukan Melayu Terhadap Malayan Union**

Tentangan orang-orang bukan Melayu terhadap 'Malayan Union' adalah berpusat dalam Majlis Tindakan Bersama Se-Malaya (the All-Malayan Council of Joint Action atau AMCJA). Majlis itu telah ditubuhkan dengan resminya pada 22 Disember 1946 di bawah pimpinan Tan Cheng Lock.<sup>43</sup> Pertubuhan-pertubuhan utama yang bergabung di dalam AMCJA ialah beberapa pertubuhan bukan Melayu iaitu Malayan Democratic Union atau MDU (Kesatuan Demokratik Malaya) yang dipimpin oleh Gerald De Cruz, Malayan Indian Congress (Kongres India Malaya) yang dipimpin oleh Budh Singh, Malayan New Democratic Youth League (Lega Pemuda Demokratik Baru Malaya), Malayan People's Anti-Japanese Ex-Service Comrade's Association (Persekutuan Bekas Anggota Pejuang Anti-Jepun Rakyat Malaya) dan Pan-Malayan Federation of Trade Unions (Persekutuan Kesatuan-kesatuan Sekerja Se-Malaya). Perjuangan AMCJA berdasarkan kepada enam prinsip yang berikut:<sup>44</sup>

42 "Detik-detik Sejarah Kelantan" oleh Saad Shukri bin Haji Muda, hlm. 183, dan Alias Mohamad, hlm. 79—80.

43 Zainal Abidin bin Abdul Wahid, hlm. 127.

44 Zainal Abidin bin Abdul Wahid, hlm. 127. Lihat juga Ahmad Boestamam, "Merintis Jalan Ke Puncak": penerbitan Pustaka Kejora, Kuala Lumpur, 1972, hlm. 122.

- (i) Sebuah negara Kesatuan Malaya, termasuk Singapura.
- (ii) Sebuah dewan perundangan pusat bagi seluruh Malaya dengan keseluruhan ahlinya dipilih oleh orang ramai.
- (iii) Hak-hak politik yang sama bagi semua orang yang menganggap Malaya sebagai tanahairnya dan sebagai tumpuan taat setianya.
- (iv) Sultan-Sultan Melayu hendaklah berkedudukan sebagai Raja-raja berperlembagaan yang berdaulat penuh dan menerima nasihat-nasihat rakyat melalui badan-badan demokratik, dan bukan "Penasihat-penasihat" British.
- (v) Perkara-perkara yang berhubung dengan agama Islam dan adat istiadat Melayu hendaklah diletakkan di bawah kekuasaan penuh orang-orang Melayu semata-mata; dan
- (vi) Perhatian khas hendaklah diberikan kepada kemajuan orang-orang Melayu.

Di kalangan orang-orang Melayu sendiri pada masa itu tidak semuanya bersatu di bawah UMNO. Ramai juga orang-orang Melayu lainnya yang menyokong dan menjadi ahli Parti Kebangsaan Melayu (PKM) atau lebih dikenali sebagai Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), sebuah pertubuhan politik orang-orang Melayu yang telah ditubuhkan dalam bulan Oktober 1945. PKMM mempunyai ahli-ahli di seluruh pelusuk Tanah Melayu termasuk Singapura. Pada masa itu kebanyakan dari pucuk pimpinan PKMM terdiri dari pejuang-pejuang kebangsaan Melayu zaman sebelum Perang Dunia Kedua seperti Encik Ishak bin Haji Mohamad, Dr. Burhanuddin Al-Halimi (Burhanuddin bin Haji Mohd Noor) dan Encik Ahmad Boestamam. Mereka-mereka ini menentang Kerajaan British bukan semata-mata kerana 'Malayan Union' tetapi kerana mereka anti-penjajahan dan ingin melihat prinsip-prinsip demokrasi yang lebih luas diamalkan di Tanah Melayu. Mereka menganggap 'Malayan Union' sebagai suatu gagasan yang melanjutkan penjajahan British kerana Gabenor 'Malayan Union' telah diberi kuasa yang sangat banyak dan juga kerana kemungkinan yang sangat tipis untuk diadakan sebuah kerajaan yang dipilih oleh rakyat.

PKMM juga tidak puas hati dengan cadangan-cadangan yang dibuat oleh Jawatankuasa Kerja untuk menggubal perlembagaan baru serta menganggapnya sebagai terlalu bertolak ansur atau mengalah kepada kepentingan-kepentingan British dan juga cadangan-cadangan itu tidak sebegitu liberal bagi membolehkan ia memainkan peranannya di dalam mentadbirkan Tanah Melayu.

Atas sebab-sebab yang kedua itulah maka PKMM telah bersedia bekerjasama dengan AMCJA.

Pada 22 Februari 1947 PKMM bersama-sama dengan beberapa pertubuhan Melayu lainnya yang juga menentang 'Malayan Union' dan cadangan-cadangan Jawatankuasa Kerja mengambil keputusan menubuhkan satu badan yang dinamakan Pusat Tenaga Rakyat atau PUTERA (People's United Front). Ahli-ahli PUTERA ialah PKMM, Angkatan Pemuda Insaf (API) yang dipimpin oleh Encik Ahmad Boestamam, Angkatan Wanita Sedar (AWAS) yang dipimpin oleh Cik Khadijah Ali, Barisan Tani Se-Malaya



(BATAS) di bawah pimpinan Encik Musa Ahmad, Hizbul Muslimin (badan Islam) dipimpin oleh Ustaz Abu Bakar Al-Bakir, dan Gerakan Angkatan Muda (GERAM) dipimpin oleh Encik Aziz Ishak dan Encik Samad Ismail.

PUTERA kemudiannya dengan daya utama MDU menubuhkan suatu ikatan dengan AMCJA, dan menerima keenam-enam prinsip AMCJA, tetapi menambah empat lagi prinsipnya sendiri iaitu:<sup>45</sup>

- (i) Bahasa Melayu hendaklah menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal bagi Malaya.
- (ii) Pertahanan-pertahanan hal ehwal luar negeri Tanah Melayu hendaklah menjadi tanggungjawab bersama Kerajaan Malaya dan Kerajaan British.
- (iii) Kerakyatan Malaya hendaklah dinamakan "Melayu" dengan pengertiannya yang luas dan progresif.
- (iv) Merah dan putih hendaklah dimasukkan sebagai latarbelakang Bendera Kebangsaan Malaya.

Gabungan AMCJA-PUTERA mendakwa bahawa mereka mewakili pendapat-pendapat rakyat dan oleh sebab itu mereka hendaklah diajak berunding oleh Kerajaan British dalam sebarang usaha bagi menukar Perlembagaan Tanah Melayu. Atas dasar inilah mereka menuduh Jawatankuasa Kerja itu tidak mewakili rakyat seluruhnya dan kerana itulah mereka telah memulaukannya. Mereka juga mengecam cara-cara kerja Jawatankuasa Perunding itu yang dianggap telah gagal bagi mengadakan perundingan yang penuh serta bebas.

Dapat dikatakan bahawa kesepuluh prinsip AMCJA-PUTERA itu adalah nyata lebih progresif dari segi perjuangan anti-penjajahan, umpamanya tuntutan bagi diadakan sebuah Majlis Undangan yang dipilih sepenuhnya oleh rakyat untuk Tanah Melayu dalam tahun 1947. Satu lagi perkara yang menarik ialah PUTERA telah menuntut dalam tahun 1947 lagi supaya Bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi Tanah Melayu dan juga supaya "Melayu" dijadikan nama bagi rakyat Tanah Melayu. Apa yang lebih-lebih lagi menarik perhatian ialah bahawa AMCJA telah juga ikut menyokong prinsip-prinsip PUTERA yang tersebut.

Untuk menunjukkan kekuatannya serta memperkenalkan perjuangannya, maka PKMM dan PUTERA pun mulalah mengadakan rapat-rapat umum di segenap pelusuk tanahair, terutama di kawasan-kawasan yang ramai orang-orang Melayu, untuk menjelaskan kepada orang ramai sebab-sebabnya langkah bersama Inggeris-UMNO itu tidak dapat diterima oleh golongan kiri rakyat Melayu, apa dia tujuan-tujuan melahirkan gabungan PUTERA-AMCJA itu dan lain-lain lagi. Rapat-rapat umum itu telah mendapat sambutan rakyat yang hangat sekali.

### **Persidangan Agung UMNO di Kelantan**

Bulan Mei 1947 merupakan satu bulan bertuah bagi negeri Kelantan kerana UMNO mengadakan persidangan Majlis Agungnya kali yang ketiga

45 Zainal Abidin bin Abdul Wahid, hlm. 128.

yang berkebetulan pula hari ulangtahun UMNO yang pertama. Persidangan itu diadakan di Istana Balai Besar Kota Bharu pada 11 hingga 13 Mei 1947 dengan Persatuan Melayu Kelantan sebagai tuan rumah.<sup>46</sup>

Wakil-wakil UMNO itu datang ke Kelantan dengan keretapi melalui Selatan Thailand. Setibanya di Rantau Panjang pada 9 Mei 1947 mereka disambut oleh ahli-ahli Jawatankuasa Sambutan PMK dan murid-murid sekolah. Apabila sampai di stesyen keretapi Pasir Mas mereka disambut oleh pekikan "Hidup Melayu" dari orang ramai yang menunggu di situ. Begitu juga sambutannya setibanya mereka di Kota Bharu.

Pada 10 Mei 1947 diadakan istiadat menaikkan bendera UMNO di Padang Bank yang diikuti pula oleh satu perbarisan raksaksa yang diselenggarakan oleh Pasukan Barisan Suara Muda, Pasukan Barisan Persekutuan Pemuda Melayu Kelantan dan Pasukan Barisan Ikatan Pemuda Pasir Putih. Upacara yang disaksikan oleh kira-kira 5,000 orang itu telah dihadiri oleh Sultan Kelantan.

Persidangan yang bermula pada pagi 11 Mei 1947 di Istana Balai Besar itu telah juga dibuka dengan resminya oleh Sultan Kelantan. Persidangan itu telah dihadiri oleh 50 perwakilan UMNO dan badan-badan yang bergabung dengannya serta kira-kira 200 orang pemerhati termasuk wartawan-wartawan dan kaum wanita dari seluruh Tanah Melayu. Tengku Mohamed bin Tengku Besar Burhanuddin dari Negeri Sembilan telah mempengerusikan persidangan selama 3 hari itu.

Di dalam ucapannya, Yang Dipertua UMNO, Dato' Onn bin Jaafar, bercakap dengan panjang lebar tentang asal-usul UMNO yang telah diasaskan bagi menentang 'Malayan Union'. Beliau menegaskan bahawa UMNO sahajalah pertubuhan yang berjuang sepenuhnya untuk mengembalikan kepada bangsa Melayu hak-hak mereka dan UMNO sahajalah pertubuhan yang telah ditubuhkan, dibiayai dan disokong oleh orang-orang Melayu. Kata beliau lagi, dalam masa yang tiada lama lagi UMNO akan mengembalikan kepada Sultan-Sultan hak-hak mereka dan oleh itu orang-orang Melayu tidak perlu bimbang. Dato' Onn mengakhiri ucapannya dengan menyeru orang-orang Melayu supaya menyokong UMNO sepenuhnya.

### **Pemansuhan 'Malayan Union'**

Oleh kerana tentangan yang hebat dan kuat dari orang-orang Melayu, dan sokongan secara diam kepada Malayan Union oleh orang-orang bukan Melayu serta tekanan-tekanan dari bekas pegawai-pegawai British yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu maka Kerajaan British akhirnya mengambil keputusan untuk berunding dengan Raja-raja Melayu dan UMNO. Di kala itu baharulah Kerajaan British mulai sedar serta yakin bahawa ia tidak harus mengeneipkan perasaan orang-orang Melayu. Kerajaan British harus bertindak cepat serta menurut kemahuan orang-orang Melayu, kerana jika tidak, mereka beranggapan akan berlaku huru-hara besar dan ini mungkin akan menguntungkan Parti Komunis Malaya dan juga parti

46 Risalah program istiadat menaikkan bendera dan menyambur wakil-wakil majlis agung Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu di Kota Bharu, Kelantan pada 9 hingga 13 Mei 1947. (Persatuan Melayu Kelantan, Al-Hikmah Press, Kelantan, 1947, hlm. 3).

politik kiri yang lain-lain di Tanah Melayu. Kerajaan British takut dan bimbang kalau-kalau bantahan-bantahan yang berlanjutan itu akan menggalakkan pula aktiviti-aktiviti Komunis dan terutama sekali puak kiri Melayu yang mahukan penyatuan politik dengan Indonesia.

Pada 29 Jun 1946 UMNO memberi mandat kepada Dato' Onn untuk membincangkan rancangan Persekutuan dengan Sultan-Sultan dan Kerajaan British. UMNO menuntut supaya pihak British berunding secara khusus dengan wakil-wakil Sultan dan UMNO saja. Mereka mendakwa bahawa negeri-negeri adalah kepunyaan Raja-raja dan orang-orang Melayu mempunyai hak-hak istimewa yang mesti dipelihara. Kerajaan British bersetuju dengan syarat-syarat ini. Mereka menubuhkan satu Jawatankuasa Kerja yang mengandungi wakil-wakil Kerajaan, Sultan-Sultan dan UMNO bagi rundingan tersebut.

Dalam bulan Julai 1946, Jawatankuasa Kerja itu yang mengandungi empat orang wakil Raja-raja Melayu, dua orang dari UMNO dan enam pegawai kanan British, dengan dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Malayan Union (seorang pegawai British) telah dibentuk. Tugas jawatankuasa tersebut ialah menyediakan satu laporan lengkap mengenai satu perlembagaan baru yang dapat diterima oleh orang-orang Melayu dan yang dapat mewujudkan satu bentuk pentadbiran yang lebih sempurna sebagai asas bagi perkembangan politik dan perlembagaan Tanah Melayu bagi masa akan datang. Berikutan dengan penubuhan Jawatankuasa Kerja tersebut Raja-raja Melayu telah mengadakan beberapa persidangan di antara mereka dengan wakil-wakil UMNO dan juga dengan Gabenor-Jeneral British bagi mengkaji laporan yang sedang disediakan oleh jawatankuasa itu.

Dalam bulan Julai 1946 itu juga Sultan Kelantan telah berangkat ke Kuala Lumpur bagi menghadiri rundingan di antara Raja-raja Melayu dengan Gabenor-Jeneral British. Baginda berangkat pulang ke Kota Bharu pada 24 Julai.<sup>47</sup> Pada 13 November Sultan Kelantan dengan diiringi oleh Menteri Besar (Dato' Seri Setia Diraja) sekali lagi berangkat ke Kuala Lumpur dengan kapalterbang untuk menghadiri Majlis Persidangan Raja-raja Melayu dengan Gabenor-Jeneral dan pegawai-pegawai British yang berlangsung pada 20 dan 21 November.<sup>48</sup> Kemudian pada 14 Disember 1946 sekali lagi Sultan Kelantan dan pengiring-pengiring Baginda berangkat ke Kuala Lumpur untuk menghadiri Mesyuarat Raja-raja Melayu. Baginda pulang ke Kota Bharu pada 24 Disember. Dalam mesyuarat ini khabarnya perjanjian yang telah dibuat oleh Sir Harold MacMichael dipersetujui akan dibubarkan dan 'Malayan Union' akan dimansuhkan.<sup>49</sup> Laporan jawatankuasa itu telah disiapkan pada akhir tahun 1946 dan disiarkan dalam bulan Disember tahun itu juga.

Kerajaan British pada prinsipnya bersetuju dengan laporan itu. Tetapi oleh kerana ada tentangan-tentangan dari golongan orang-orang Bukan Melayu dengan kerana mereka telah tidak diwakili dalam Jawatankuasa Kerja yang menyediakan laporan itu, dan juga oleh kerana mereka berpendapat

47 "Detik-detik Sejarah Kelantan", hlm. 184.

48 "Detik-detik Sejarah Kelantan", hlm. 184.

49 "Detik-detik Sejarah Kelantan", hlm. 184.

Malayan Union lebih menguntungkan mereka. Dengan sebab itu maka Kerajaan British mengambil keputusan menanggukkan memberi persetujuan sepenuhnya kepada laporan itu, sehingga kaum-kaum berkenaan di Tanah Melayu diberi peluang yang bebas dan penuh untuk menyatakan pandangan mereka.

Dengan tujuan untuk memberi peluang kepada orang-orang bukan Melayu itulah maka Kerajaan British telah menubuhkan satu Jawatankuasa Perunding yang dianggotai oleh kaum-kaum bukan Melayu. Walaupun Jawatankuasa Perunding itu telah dapat mengemukakan laporannya dalam bulan Mac 1947 kepada Jawatankuasa Kerja, namun ramai orang-orang bukan Melayu masih lagi tidak berpuas hati dengan kerja-kerja Jawatankuasa Perunding tersebut.

Dalam bulan Disember 1947, laporan Jawatankuasa Kerja pun siap. Laporan ini telah dibaiki lagi oleh Jawatankuasa Perunding. Salah satu perubahan yang telah dibuat ialah mengenai bilangan ahli-ahli Majlis Undangan Persekutuan. Bilangannya ditambah daripada 48 kepada 75. Bilangan ahli-ahli tidak rasmi juga dibesarkan, iaitu daripada 20 kepada 47. Kaum Cina diberi perwakilan yang lebih besar iaitu daripada 6 kepada 14 wakil. Perwakilan kaum-kaum lain juga diimbangkan dengan bilangan perwakilan kaum Cina. Syarat yang berkaitan dengan kerakyatan iaitu tempoh kediaman di Tanah Melayu dilonggarkan dengan dikurangkan selama 5 tahun.

### **Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu**

Perjanjian baru ini telah ditandatangani pada 21 Januari 1948, di antara Raja-raja Melayu dengan Kerajaan British. Akhirnya Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan pada 1 Februari 1948. Bagi negeri Kelantan, Sultan Kelantan dengan diiringi oleh Tengku Yahya Petra (Tengku Bendahara) dan Menteri Besar (Nik Ahmad Kamil, Dato' Seri Setia Diraja) telah berangkat dengan pesawat terbang ke Kuala Lumpur pada 15 Januari 1948 kerana menghadiri dan mengambil bahagian dalam upacara menandatangani Surat Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu itu.

Perlembagaan baru ini, pada keseluruhannya, bersetuju dengan hasrat pihak-pihak utama yang terlibat dalam perselisihan mengenai 'Malayan Union'. Kedaulatan Raja-raja Melayu dipulihkan; mereka kembali menjadi Raja yang berdaulat di dalam negeri-negeri mereka sendiri, tetapi terletak di bawah naungan British. Kerajaan British mempunyai kuasa dalam bidang hal ehwal pertahanan dan luar negeri bagi Persekutuan Tanah Melayu serta berikrar untuk memelihara negeri-negeri Melayu daripada ancaman dari luar. Kedudukan istimewa orang-orang Melayu sebagai bumiputra negara Tanah Melayu telah dipulihkan. Di bidang kerakyatan pula prinsip 'jus soli' telah diketepikan setakat yang berkaitan dengan orang-orang bukan bumiputra di Tanah Melayu. Syarat-syarat kerakyatan di bawah Perlembagaan baru ini telah diperketatkan sedikit dari yang terkandung di dalam Perlembagaan Malayan Union dahulu. Namun begitu dengan melalui proses masa, semua orang bukan Melayu atau bangsa asing yang belum ada kelayakan pada masa itu (yakni pada tarikh 1 Februari 1948), akan diserap sebagai warganegara

baru. Ini merupakan suatu hadiah istimewa yang dianugerahkan oleh Penjajah British kepada kaum pendatang atau orang-orang bukan Melayu yang berada di negeri ini dan ramai pemimpin-pemimpin Melayu pada ketika itu menaruh bimbang bahkan merasa yakin bahawa mereka itu lambat laun akan menggugat dan menjejaskan kedudukan politik dan ketuanan bangsa Melayu di negerinya sendiri di masa-masa akan datang. Mengikut Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu itu semua orang yang lahir di Persekutuan Tanah Melayu diberi taraf kerakyatan negeri ini. Syarat-syarat bagi orang-orang lain ialah: mereka sudah menetap di negeri ini selama lima belas tahun daripada masa dua puluh tahun, mempunyai pengetahuan bahasa Inggeris atau bahasa Melayu dan hendaklah mereka mengangkat sumpah kerakyatan.

Menurut Perlembagaan Persekutuan 1948 kesembilan buah negeri Melayu iaitu Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis dan Johor hendaklah mempunyai seorang ketua pentadbir yang bergelar Menteri Besar. Menteri Besar ini akan dibantu oleh seorang pegawai kanan yang bergelar Setiausaha Kerajaan Negeri. Jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri ini dikhaskan juga bagi orang-orang Melayu sahaja. Di samping itu seorang Penasihat British juga hendaklah dilantik di tiap-tiap buah negeri Melayu itu. Tetapi kuasa Penasihat British ini tidaklah seluas kuasa Residen British di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dahulu.

Perlembagaan Persekutuan 1948 ini juga mengadakan sebuah badan penggubal undang-undang pusat yang dinamakan Majlis Mesyuarat Undangan dengan diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi British. Badan ini mengandungi ahli seramai 75 orang.

Boleh dikatakan bahawa penubuhan Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948 ini ialah satu langkah bertolak ansur dalam pertikaian politik di Tanah Melayu. Kuasa-kuasa Sultan dan Kerajaan Negeri yang telah lenyap ditelan oleh Malayan Union sebelumnya itu kini telah dikembalikan semula.

Dengan tertubuhnya Persekutuan Tanah Melayu, Kerajaan British, walau bagaimanapun dapat juga mencapai tujuannya. Sungguhpun ia tidak berjaya menjadikan Tanah Melayu sebagai jajahan takluknya, namun ia berhasil menyatukan sembilan buah negeri Melayu serta dua buah negeri Selat di bawah satu pemerintahan, yang menghapuskan tiga jenis negara di Tanah Melayu iaitu negeri-negeri Melayu Bersekutu (Federated Malay States), Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (Unfederated Malay States) dan Negeri-negeri Selat (Straits Settlements). Di bawah 'Malayan Union', Kerajaan British bercadang hendak mengamalkan prinsip 'jus soli' dalam masalah pemberian taraf kerakyatan. Persekutuan Tanah Melayu pula buat pertama kalinya dapat mengadakan satu undang-undang kerakyatan yang meliputi seluruh Tanah Melayu, serta membolehkan orang-orang bukan Melayu atau orang-orang asing di Tanah Melayu menjadi rakyat. Walaupun peraturannya ketat sedikit dari Malayan Union, namun prinsip kelayakan mereka menjadi rakyat Tanah Melayu disediakan juga bagi orang-orang bukan Melayu.

Walau bagaimanapun, perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu tidak memuaskan semua golongan di Tanah Melayu. Setengah pihak di kalangan

orang-orang Cina telah mentafsirkan Persekutuan Tanah Melayu 1948 ini sebagai menyekat hak-hak dan peluang-peluang mereka untuk turut melibatkan diri mereka dalam soal-soal politik dan pentadbiran di negeri ini. Mereka, terutama sekali golongan yang berpengetahuan, telah merasa tidak puas hati. Umpamanya ia telah ditentang oleh Majlis Tindakan Bersama Se-Malaya (All-Malaya Council of Joint Action or AMCJA) dan Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) yang bercita-cita untuk mengurangkan lagi kekuasaan Kerajaan British di Tanah Melayu. Dua buah badan politik ini menentang Perlembagaan Persekutuan, serta bagi menggantinya telah menyediakan "Cadangan-cadangan Perlembagaan Rakyat bagi Tanah Melayu" (The People's Constitutional Proposals for Malaya). Cadangan-cadangan perlembagaan itu telah digubal dan disediakan oleh wakil dari PUTERA dan AMCJA, serta diluluskan oleh dua Persidangan Perwakilan mereka yang diadakan dalam bulan Julai dan Ogos 1947.

Salah satu daripada cadangan mereka ialah penyertaan Singapura di dalam Persekutuan Tanah Melayu. Mereka menentang hak Kerajaan British yang menentukan bahawa Raja-raja Melayu dimestikan meminta nasihat dan juga dipaksa menerima nasihat daripada Kerajaan British itu. Mereka memberi hujah iaitu perkataan "nasihat" memberi makna sukarela dalam meminta nasihat dan dalam menerima nasihat itu. Mereka juga menentang kuasa-kuasa luas yang diberi kepada Pesuruhjaya Tinggi British sebagai kepala 'executive' Persekutuan itu dan mengesyurkan supaya keanggotaan Majlis Undangan Persekutuan hendaklah dilantik sepenuhnya. Tetapi cadangan-cadangan PUTERA-AMCJA itu tidak dipedulikan dan Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan juga mengikut seperti yang telah dirancangan.

Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu boleh disifatkan sebagai kekalahan bagi golongan-golongan kiri dan kemenangan bagi golongan-golongan kanan yang dipelopori oleh UMNO.

Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu itu telah dirayakan dengan rasminya di semua negeri Tanah Melayu, termasuk negeri Kelantan, pada 1 Februari 1948.

Sempena hari sambutan kelahiran Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948 itu dan sesuai dengan kehendak Perjanjian itu maka Sultan Kelantan dengan nasihat Majlis Mesyuarat Negeri telah mengurniakan Perlembagaan Negeri Kelantan bahagian yang pertama kepada rakyat negeri Kelantan di dalam satu upacara di Istana Balai Besar.<sup>50</sup>

Bagi memenuhi kehendak Perlembagaan yang baru itu, Sultan Kelantan telah menubuhkan sebuah Majlis Mesyuarat Undangan Negeri dan sebuah Majlis Mesyuarat Kerja yang mengandungi ahli-ahli yang dilantik oleh Baginda iaitu tiga puluh di Dewan Undangan dan lapan orang di Majlis Mesyuarat Kerja. Kedua-dua Dewan itu adalah dipengerusikan oleh Baginda sendiri. Dengan susunan yang sedemikian rupa, pemerintahan negeri Kelantan telah berjalan dengan maju selaras dengan negeri-negeri Melayu yang lain.

50 DSK, hlm. 186 dan KDZKD hlm. 148

## KELANTAN

**AGREEMENT BETWEEN HIS MAJESTY'S GOVERNMENT WITHIN  
THE UNITED KINGDOM OF GREAT BRITAIN AND  
NORTHERN IRELAND AND THE STATE OF KELANTAN**

WHEREAS on the 22nd day of October, 1910, an agreement (hereinafter called the 1910 Agreement) was concluded between His Excellency The High Commissioner for the Protected Malay States representing the Government of Great Britain and His Highness the Raja of Kelantan:

AND WHEREAS it is expedient to provide for the constitutional development of the Malay States under the protection of His Majesty and for the future government of the State of Kelantan:

IT IS HEREBY AGREED between Sir Harold MacMichael, G.C.M.G., D.S.O., the Special Representative of His Majesty's Government within the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland on behalf of His Majesty and His Highness Tengku Ibrahim Ibni Al-Marhum Sultan Mohamed IV, C.M.G., the Sultan of the State of Kelantan for himself, his heirs and successors:

1. High Highness the Sultan agrees that His Majesty shall have full power and jurisdiction within the State of Kelantan.
2. Save in so far as the 1910 Agreement is inconsistent with this Agreement or with such future constitutional arrangements for Malaya as may be approved by His Majesty, the 1910 Agreement shall be of full force and effect.

Signed this 17th day of December, 1945.  
H.A. MACMICHAEL,  
Special Representative of His Majesty's  
Government within the United Kingdom of  
Great Britain and Northern Ireland.

Witnessed by:  
H.T. BOURDILLON

IBRAHIM  
His Highness the Sultan of the State of  
Kelantan

Witnessed by:  
T.I. PETRA  
N.A. KAMIL

## KELANTAN

**PERJANJIAN DIANTARA KERAJAAN DULI YANG MAHA MULIA  
DALAM UNITED KINGDOM OF GREAT BRITAIN DAN  
NORTHERN IRELAND DENGAN NEGERI KELANTAN**

BAHAWASANYA adalah kepada 22 Oktober tahun 1910, satu perjanjian (kemudiannya dipanggil Perjanjian Tahun 1910) telah dibuat di antara Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi bagi Negeri-negeri Melayu Naungan mewakili Kerajaan Great Britain dan Duli Yang Maha Mulia Raja Negeri Kelantan.

DAN BAHAWASANYA adalah dirasakan mustahak bagi mengadakan kemajuan perlembagaan Negeri-negeri Melayu yang terletak di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia dan bagi Kerajaan Negeri Kelantan di masa akan datang.

ADALAH DIPERSETUJUI di antara Sir Harold MacMichael, G.C.M.G., D.S.O., Wakil Khas Kerajaan Duli Yang Maha Mulia dalam United Kingdom of Great Britain dan Northern Ireland bagi pihak Duli Yang Maha Mulia dengan Duli Yang Maha Mulia Tengku Ibrahim Ibni Al-Marhum Sultan Mohamed IV, C.M.G., Sultan Negeri Kelantan bagi tubuhnya, waris-warisnya dan pengganti-penggantinya:

1. Duli Yang Maha Mulia Sultan bersetuju bahawa Duli Yang Maha Mulia hendaklah mempunyai bidang kuasa sepenuhnya di dalam negeri Kelantan.
2. Kecuali apabila Perjanjian Tahun 1910 bercanggah dengan Perjanjian ini atau dengan peraturan-peraturan perlembagaan bagi Tanah Melayu yang akan diluluskan oleh Duli Yang Maha Mulia, Perjanjian Tahun 1910 hendaklah berkuasa sepenuhnya.

Ditandatangani hari ini  
17 Disember tahun 1945.

H.A. MACMICHAEL,  
Wakil Khas Kerajaan Duli Yang Maha Mulia  
dalam United Kingdom of Great Britain  
dan Northern Ireland.

Disaksikan oleh:  
H.T. BOURDILLON

IBRAHIM  
Duli Yang Maha Mulia Sultan  
Negeri Kelantan

Disaksikan oleh:  
T.I. PETRA  
N.A. KAMIL




## Bibliografi

1. Sir Harold MacMichael, "*Report On A Mission To Malaya*", Malayan Union Government Press, Kuala Lumpur, 1946.
2. Risalah Program Istiadat Menaikkan Bendera dan Menyambut Wakil-wakil Majlis Agung Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu di Kota Bharu, Kelantan, pada 9-13 Mei 1947, diterbitkan oleh Persatuan Melayu Kelantan, Al-Hikmah Press, Kota Bharu, Kelantan, 1947.
3. "*Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu: Penyata bagi Tahun 1950-51*" yang dibentangkan di Persidangan Tahun Ke-6 Majlis Mesyuarat Agung UMNO yang diadakan di Hotel Majestic, Kuala Lumpur, pada 25-26 Ogos 1951.
4. Dr. Burhanuddin Al-Halimi, "*Sejarah Perjuangan Kita*". The United Press, Pulau Pinang, 1955.
5. Ibrahim Yaakub (IBHY), "*Sekitar Malaya Merdeka*", Penerbitan Kesatuan Malaya Merdeka, Bahagian Penerangan, Jakarta, 1957.
6. Ishak bin Tadin, "*Dato' Onn and Malay Nationalism*" dalam *Journal Southeast Asian History*, Jilid I, No. 1, Mac, 1960.
7. Mohamed Yunus Hamidi, "*Sejarah Pergerakan Politik Melayu Semenanjung*", Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1961.
8. Saad Shukri bin Haji Muda, "*Detik-detik Sejarah Kelantan*" Pustaka Aman Press, Kota Bharu, Kelantan, 1971.
9. Joginder Singh Jessy, "*History of Malaysia, Singapore and Brunei*", Darulaman Publications, Pulau Pinang, 1971.
10. Ahmad Boestamam, "*Merintis Jalan Ke Puncak*" penerbitan Pustaka Kejora, Kuala Lumpur, 1972.
11. Zainal Abidin bin Abdul Wahid, "*Malayan Union: Penubuhannya*" dan "*Malayan Union: Penghapusannya*" dalam "*Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*" oleh Zainal Abidin bin Abdul Wahid, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1972
12. Tan Ding Eing, "*Sejarah Malaysia dan Singapura*", Siri Sejarah Fajar Bakti, Kuala Lumpur, cetakan ke-2, 1976.
13. Ibrahim Mahmood, "*Sejarah Perjuangan bangsa Melayu*" Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1981.
14. "*Negara Kita — Sejarah Pentadbiran dan Dasar-dasar Pembangunan*" penerbitan Institut Tadbiran Awam Negara, Kuala Lumpur, 1982.
15. Maswari Rosdi dan Sukara bt. Salim, "*Sejarah Malaysia Moden STP*", siri Ringkasan Teks Adabi, Kuala Lumpur, cetakan ke-2, 1984.
16. Alias Mohamed, "*Gerakan Sosial Dan Politik Kelantan*", Insular Publishing House Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 1984.
17. Akhbar "MAJLIS" (Kuala Lumpur), keluaran:—
  - 20 Disember 1945
  - 21 Disember 1945
  - 27 Disember 1945
  - 4 Februari 1946
  - 9 Februari 1946
  - 11 Februari 1946
  - 21 Februari 1946
  - 9 April 1946

**Gambar-gambar  
Warisan Lama**





Duduk (dari kiri ke kanan):- Tuan Yusof bin Tuan Sulong @ Tuan Soh bin Sultan Ahmad (Tengku Besar Indera Raja), Tuan Mahmud bin Tuan Sulong @ Tuan Mahmud bin Sultan Ahmad (Tengku Seri Maharaja), Tuan Senik bin Tuan Kundo @ Tuan Senik bin Sultan Muhammad III (Raja Kelantan), Tuan Zainal Abidin bin Tuan Kundo @ Tuan Zainal Abidin bin Sultan Muhammad III (Raja Muda 1900 — 1910: Raja Dewa 1911 — 1945), Tuan Salleh bin Tuan Sulong @ Tuan Salleh bin Sultan Ahmad (Tengku Temenggong), Tuan Ahmad @ Tuan Besar Tuan Ahmad bin Tuan Kundo @ Tuan Ahmad bin Sultan Muhammad III (Tengku Besar Badar).

(Gambar diambil dalam bulan Julai 1909 semasa lawatan Sir John Anderson, Gabenor Negeri-negeri Selat, ke Kota Bharu, Kelantan).



*Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Kelantan Pada Tahun 1933*

*Dari kanan ke kiri:- Tengku Ahmad bin Tengku Abdul Ghafar (Tengku Panglima Raja), Tengku Ahmad Zainal Abidin bin Tengku Abdul Kadir Kamaruddin (Tengku Sri Akar Raja), Tengku Muhammad Hamsah bin Tengku Zainal Abidin (Tengku Sri Maharaja), Tengku Zainal Abidin bin Tengku Chik (Tengku Sri Wangsa Raja), Nik Ahmad Kamil bin Nik Mahmud (Dato' Sri Setia Raja).  
 Berdiri dari kanan ke kiri:- Encik Hassan bin Sulaiman (Dato' Bijasura), Tengku Mahmud Mahiyuddin bin Tengku Abdul Kadir Kamaruddin, Encik Abduallah bin Haji Salleh Bakki, Tengku Abdul Rahman bin Tengku Losin (Tengku Sriwa Raja), Nik Hassan bin Nik Isa, Nik Mustapha Fadhil bin Nik Mahmud (Dato' Sri Amar Raja).  
 (Gambar ini diambil dalam tahun 1933).*



*Tengku Ismail ibni Sultan Muhamad IV semasa bergelar Raja Kelantan (bakal pertama) pada tahun 1911 M.*



*Tengku Ismail ibni Sultan Muhamad IV sebagai Sultan dan Yang di-Pertuan Negeri Kelantan pada tahun 1921 M. Baginda memerintah negeri Kelantan dari tahun 1921 hingga tahun 1944 M.*




*DYMM Sultan Ismail ibni Sultan Muhammad IV pada tahun 1934 M.*







*DYMM Sultan Ismail ibni Sultan Muhammad IV pada kira-kira tahun 1939 M.*




Masjid kayu lama Kampong Laut dan yang tertua di Negeri Kelantan berusia kira-kira 300 tahun. Bangunan masjid ini telah dipindahkan ke tapaknya yang baru di Nilam Puri, Kota Bharu pada awal tahun 1970-an. (Gambar ini diambil dalam tahun 1905).



*Pintu Gerbang dan pagar hadapan Istana Balai Besar, Kota Bharu dan Pos Polis Kelantan. Polis Kelantan pada masa itu dianggotai oleh orang-orang bangsa Kabui yang diambil dari Singapura. (Gambar diambil sekitar tahun 1905).*



*Bahagian Hadapan Istana Raja Muda Kelantan (Tuan Zainal Abidin bin Sultan Muhamad III). Pemandangan dari tepi Sungai Kelantan. (Gambar diambil sekitar tahun 1905).*



*Kampung Cina (dekat bandar Kota Bharu), diantara Kampung Sungai Keladi dengan Kampung Penambang.  
(Gambar diambil sekitar tahun 1905).*

## ***Biodata Penulis***



### *Abdul Aziz bin Deraman*

Lebih dikenali sebagai A. Aziz Deraman atau Aziz Deraman. Dilahirkan di Pasir Puteh, Kelantan pada tahun 1948. Mendapat pendidikan rendah di Sekolah Kebangsaan Pasir Puteh, menengah di Sekolah Menengah Kamil Pasir Puteh dan Sekolah Menengah Alam Shah, Kuala Lumpur. Kemudian melanjutkan pelajarannya ke Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan pada tahun 1971 memperolehi ijazah B.A. (Hons.).

Pada awal tahun 1971 memasuki Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (P.T.D.) dan ditempatkan di Kementerian Luar Negeri buat seketika. Kemudian ditukarkan ke Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sebagai Pegawai Penyelidik (kebudayaan) dan pada bulan September 1975 dilantik sebagai Penolong Pengarah (Penyelidikan) di Kementerian yang sama. Dari tahun 1979 hingga tahun 1981 beliau ditempatkan di Perbendaharaan, Kementerian Kewangan sebagai Ketua Penolong Setiausaha (Pentadbiran). Pada bulan Oktober 1981 beliau bertukar kembali ke Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sebagai Ketua Pengarah Kebudayaan dan bertugas di situ hingga sekarang.

Beliau menjadi ahli beberapa Jemaah Majlis dan Lembaga seperti Ahli Jemaah Universiti Kebangsaan Malaysia (sejak tahun 1982), Ahli Lembaga Balai Seni Lukis Negara (sejak tahun 1982), Ahli Majlis Penasihat Kebudayaan Sekolah-sekolah Malaysia, Ahli Lembaga Penasihat Pusat Seni USM (1982-1987), Pengerusi Projek Pustaka P. Ramlee, Ahli Majlis Persatuan Sejarah Malaysia, Ahli Majlis Kesenian Rakyat Sektor Asia, Timbalan Presiden Persekutuan Silat Antarabangsa (PERSILAT), dan ahli beberapa jawatankuasa penyelarasa atau majlis bersama kerajaan.

Beliau telah dianugerahkan UNESCO Fellowship on Cultural Planning and Programming 1983 dan US International Exchange Program Award 1984.

Selain dari bergiat di bidang penulisan dan kreatif, beliau sekarang masih menjadi Penasihat kepada PUSPA, Pasir Puteh Kelantan sejak penubuhannya pada tahun 1971. Banyak terlibat dalam seminar dan simposium di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa dan telah menyampaikan kira-kira 50 kertas kerja di bidang pembangunan sosio-budaya dan kesenian. Sehingga kini telah menghasilkan 11 buah buku dan monograf mengenai persoalan kebudayaan. Beliau terlibat secara langsung dalam menyelenggarakan Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971 dan bertanggungjawab melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam gerakan pengisian Konsep dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan Malaysia.

### *Drs. Abdul Rahman Al-Ahmadi (Abdul Rahman bin Haji Mohamed)*

Dilahirkan di Pasir Mas, Kelantan pada tahun 1931. Belajar di Sekolah Melayu, Pasir Mas, Madrasah Jame' Merbau, Kota Bharu (1942-46); Sekolah



Menengah Pertama, Bukit Tinggi, Sumatera Barat, Indonesia (1947); Sekolah Menengah Atas, Jakarta, Jawa, Indonesia (1950); Universitas Gajah Mada, Yogyakarta, Jawa Tengah, Indonesia dan mendapat ijazah Doktorandus (Sarjana) dalam jurusan Hubungan Antarabangsa (1961); Universiti Malaya, Lembah Pantai, Kuala Lumpur, untuk ijazah Sarjana dalam jurusan Sejarah (1978); dan mengikuti kuliah Ph. D. di l'Ecole des Hautes Etudes en Sciences Socials, Paris, Peranchis (1980-81).

Dari tahun 1964-69 menjadi Pengarang majalah "Dian", Pustaka Dian Press, Kota Bharu, mengajar di Institut Pendidikan, Kota Bharu memberi kuliah di Yayasan Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri, Kota Bharu, menjadi Pengetua Maktab Adabi, Kota Bharu (1970-72), kemudian menjadi Pengetua Maktab Adabi Pasir Mas (1973-75); dan pensyarah sambilan di Institut Bahasa Kesusasteraan Kebudayaan Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia, Lembah Pantai, Kuala Lumpur (1976-78). Sejak dari Jun 1975 berkhidmat sebagai Ketua Unit, Bahagian Penyelidikan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Telah menerbitkan tiga buah buku berjudul "Pengantar Sastera", "Pengantar Ilmu Politik" (1966) dan "Detik-detik Sejarah Kelantan" Pustaka Aman Press, Kota Bharu, 1971.

Di samping itu telah menulis banyak rencana berkaitan dengan aspek-aspek sejarah, sastera, agama, falsafah, kebudayaan dan politik yang disiarkan dalam beberapa majalah tempatan seperti "Dian", akhbar "Mingguan Kota Bharu" dan lain-lain serta juga berbentuk Kertas-kertas Seminar termasuk penerbitan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

#### *Abdullah bin Muhamed (Nakula)*

Dilahirkan di Kampung Kubang Pasu, Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1931. Belajar di Madrasah Muhammadiyah anjuran Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan; Sekolah Menengah Arab Madrasah Jame' Merbau, Kota Bharu; Sekolah Menengah Arab Madrasatul-Islah, Kota Bharu; dan Sekolah Menengah Muahad Al-Muhammadi, Kota Bharu, Kota Bharu. Pada awal tahun 1956 berkhidmat sebagai guru agama di Maktab Sultan Ismail, Kota Bharu dan dari tahun 1962 hingga sekarang sebagai guru agama di sekolah rendah di Kelantan.

Sejak dari kecil lagi sangat gemar membaca dan kemudian menyelidik, mengkaji dan menulis. Beliau meminati pelbagai bidang ilmu seperti agama Islam, sejarah, politik, astronomi, falsafah, ilmu jiwa dan budaya. Di samping menulis beliau juga giat dalam bidang penterjemahan dengan menterjemah ke bahasa Melayu sejumlah buku Arab yang berkaitan dengan ilmu-ilmu politik, falsafah, sejarah, jiwa, dan astronomi.

Telah banyak menulis rencana-rencana dan esei-esei mengenai aspek-aspek agama Islam, politik, falsafah, sejarah, astronomi dan kebudayaan yang disiarkan di dalam majalah-majalah tempatan seperti "Pengasuh", "Majalah Kelantan", dan "Mastika"; akhbar-akhbar seperti "Warta Negara", "Utusan Melayu" dan "Utusan Zaman"; dan jurnal-jurnal seperti "Jurnal Persatuan Sejarah Kelantan" dan lain-lain lagi. Dari tahun 1956 hingga sekarang telah menerbitkan sebanyak 7 buah buku bacaan umum

mengenai aspek-aspek ekonomi, astronomi, agama dan falsafah, dan kira-kira 14 buah buku teks sekolah mengenai pengajian agama Islam dan sejarah Islam. Di samping itu beliau telah menyediakan atau menulis sebanyak 30 buah lagi buku mengenai sejarah, agama Islam dan falsafah yang belum dicetak. Masih giat dengan pengkajian dan penulisan mengenai sejarah dan budaya Kelantan.

#### *Ismail bin Awang*

Dilahirkan di kampung Kok Pasir, Selihung, Jajahan Tumpat, Kelantan pada tahun 1940. Mendapat pendidikan di Sekolah Kebangsaan Pasir Pekan, Sekolah Kebangsaan Wakaf Bharu, Sekolah Arab Falahiah Pasir Pekan dan Sekolah Arab Maahad Muhammadi, Kota Bharu.

Berkhidmat sebagai guru agama, kemudian sebagai Penggawa selama kira-kira 10 tahun. Selepas itu menjadi Pegawai Agama Majlis Agama Islam Kelantan. Disamping itu beliau belajar di Yayasan Pengajian Islam Nilam Puri, Kota Bharu.

Setelah menunaikan fardhu Haji beliau melanjutkan pelajarannya ke Universiti Azhar, Kaherah, Mesir dengan mendapat Sarjana Muda. Kemudian menyambung lagi pelajarannya ke Universiti Kebangsaan Malaysia dan mendapat Sarjana dari Jabatan Quran dan Sunnah.

Pernah menulis sebagai Pengarang buku-buku sekolah di Syarikat Dian, Kota Bharu. Di antara buku-bukunya yang telah diusahakan oleh beliau ialah: "Adat Orang-orang Melayu Yang Bertentangan Dengan Akidah Islam"; "Mengenal Iman"; "Murtad"; "Zalim dan Fasiq"; dan Fiqah Lima Mazhab".

Untuk beberapa ketika menjadi Pemberita sambilan. Kemudian menjadi anggota Sidang Pengarang majalah "Pengasuh". Sejak kebelakangan ini menjadi Pensyarah di Pusat Pendidikan Islam Institut Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor.

#### *Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh*

Dilahirkan di Jalan Tok Semian, Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1935. Belajar di Sekolah Melayu Padang Garong; Sekolah Arab Islah; Maktab Sultan Ismail, Kota Bharu; Maktab Melayu, Kuala Kangsar dan Universiti di Singapura dengan mendapat Ijazah Sarjana Muda dalam jurusan sejarah (B.A. Hons. in History) pada awal tahun 1960. Kemudian mendapat Diploma dalam Hubungan Antarabangsa daripada Institute of Social Studies di The Hague, negeri Belanda pada tahun 1970.

Pada tahun 1960 memasuki Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Malaysia dan pernah berkhidmat di Perak, Kelantan dan Kuala Lumpur. Dari awal tahun 1966 hingga tahun 1974 berkhidmat di Kementerian Luar Negeri dan dari tahun 1974 hingga tahun 1981 di Jabatan Perdana Menteri. Sejak dari Mac 1981 memegang jawatan Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri. Salah seorang pengasas Persatuan Sejarah Kelantan (PSK) dalam tahun 1964, menjadi Setiausaha Kehormat PSK dari tahun 1964 hingga 1965. Sejak dari tahun 1981 menjadi ahli Jawatankuasa Kerja

Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur dan sejak dari tahun 1979 menjadi ahli Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan pada tahun 1983 dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penerbitan dan Publisiti Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Telah menulis beberapa rencana mengenai sejarah Kelantan dalam beberapa majalah, jurnal dan juga akhbar tempatan. Di antara rencanarencananya yang terpenting ialah: "Catatan Ringkas Tentang Sumber-sumber Tempatan Mengenai Sejarah Kelantan" dalam jurnal Persatuan Sejarah Kelantan, bil. 1 Tahun 1964/65; "Sengketa Atas Takhta Kelantan Dalam Abad Ke-19 Masihi" dalam jurnal Sejarah Universiti Malaya, Tahun 1971/72; "Kelantan in Transition: 1900-1910" dalam buku berjudul "Kelantan: Religion, Society, and Politics in a Malay State" editan William R. Roff, Oxford University Press, 1974; "Mengkaji Salsilah Long Yunus Kelantan" dalam jurnal Persatuan Sejarah Kelantan, Tahun 1974/75"; "Salsilah Raja-raja Kelantan" (Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Seminar Sejarah dan Budaya Wilayah Kelantan di Kota Bharu pada 12—15 April, 1980); "Maktab Sultan Ismail dalam Kenangan" (dalam majalah khas Jubli Emas Maktab Sultan Ismail, 1936-1986, Mac 1986); dan "Sistem Politik dan Kesultanan Kelantan" (Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Seminar Arkeologi Malaysia dengan Tumpuan Khusus kepada negeri Kelantan, di Kota Bharu, pada 22—24 Ogos 1986).

